

*Kami Memacu  
Kemajuan*

What does it mean to you to be a youth in RHB?

PENCAPAIAN  
CEMERLANG

Untuk Semua

KAMI DI SINI  
UNTUK SEMUA

SERLAHKAN  
POTENSI ANDA

**Mereka yang menerima khidmat kami**, serta yang bekerjasama dengan kami, merupakan nadi kepada apa yang kami lakukan dalam Kumpulan Perbankan RHB. Kerana sumbangan merekalah yang membawa kami ke peringkat ini pada hari ini dan kepada mereka, kami berusaha untuk menjadi penyedia perkhidmatan kewangan yang lestari dan bertanggungjawab. Kami diperkasakan melalui kaedah bekerja secara Agile serta didorong oleh komitmen kami untuk memastikan kemajuan bersama pihak berkepentingan kami. Dengan itu, *Memacu Kemajuan Untuk Semua* menyatukan semua warga RHB dengan kerjasama dengan para pelanggan kami akan membantu mereka untuk berjaya, memajukan komuniti, dan membangunkan ekosistem perbankan yang lestari untuk manfaat generasi akan datang.

MEMPERKAYA  
KOMUNITI

MEMPERKASA PARA BELIA

# KANDUNGAN LAPORAN INI



## TENTANG LAPORAN INI

### 05

#### KAMI RHB BANK

- 05 Siapa Kami
- 06 Struktur Korporat Kumpulan
- 08 Amalan Penciptaan Nilai Kami
- 10 Apa Yang Kami Lakukan
- 12 Di Mana Kami Beroperasi
- 14 Perihal Pelaburan Kami

### 16

#### KENYATAAN PEMIMPIN

- 16 Perutusan Pengerusi Kami
- 20 Perutusan Pegawai Prinsipal
- 26 Ulasan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan



### 37

#### ULASAN STRATEGIK KAMI

- 37 Landskap Pasaran Serantau
- 42 Keterlibatan Dengan Pihak Berkepentingan
- 48 Perkara-Perkara Material Kami
- 50 Model Perniagaan Penciptaan Nilai Kami
- 52 Hala Tuju Strategik Kami
- 54 Risiko dan Peluang

### 65

#### ULASAN PRESTASI KAMI

- 65 Ulasan Operasi
  - Analisis Segmen
  - Perbankan Komuniti Kumpulan
  - Perbankan Borong Kumpulan
  - Perniagaan Syariah Kumpulan
  - Insurans Kumpulan
  - Perniagaan Antarabangsa Kumpulan
- 94 Ulasan Kelestarian

### 104

#### TADBIR URUS KAMI

- 104 Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat Kumpulan Kami
- 106 Profil Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat Kumpulan Kami
- 111 Profil Pengerusi Syarikat-Syarikat Operasi Utama
- 112 Profil Jawatankuasa Syariah
- 114 Pengurusan Kanan Kumpulan
- 116 Profil Pengurusan Kanan Kumpulan
- 124 Tadbir Urus bagi Perniagaan Lestari
  - Rangka Kerja Tadbir Urus
  - Sorotan Tadbir Urus Korporat 2021
  - Akauntabiliti
  - Pematuhan Kumpulan
  - Integriti Korporat dan Tatalaku Beretika Perniagaan
  - Komunikasi Pihak Berkepentingan
- 146 Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah
- 151 Laporan Jawatankuasa Syariah
- 152 Pendedahan Maklumat Pematuhan Tambahan
- 154 Penyata Mengenai Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman

### 164

#### MAKLUMAT PIHAK BERKEPENTINGAN

- 164 Analisis Pemegang Saham
- 165 Pengelasan Pemegang Saham
- 166 Perubahan Modal Saham
- 167 Senarai Tiga Puluh (30) Pemegang Saham Utama
- 169 Senarai Sepuluh (10) Hartanah Utama
- 170 Notis Mesyuarat Agung Tahunan ke-56
- 176 Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan ke-56 Syarikat

## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-56



Rabu, 27 April 2022



10.00 pagi

## LAPORAN-LAPORAN KAMI

### Laporan Bersepadu

Laporan utama kami yang memaklumkan strategi penciptaan nilai, prestasi dan prospek kami kepada pihak berkepentingan.

### Laporan Kewangan

Memperincikan penyata kewangan dan analisis keputusan kewangan Kumpulan, yang disokong oleh laporan juruaudit bebas.

### Laporan Kelestarian

Memaklumkan pendekatan Kumpulan terhadap kelestarian dan inisiatif untuk mencipta nilai lestari.

### Laporan CG

Penzahiran piawaian, amalan dan aktiviti Tadbir Urus Korporat RHB Bank Berhad yang dijalankan pada tahun kewangan, sejajar dengan MCCG.

## IKON NAVIGASI

Pautan kepada tonggak strategi serta modal kami.

Modal Kami:



Strategi Kami:



Laporan Kami:



## TENTANG LAPORAN INI

## SIAPA KAMI

### RANGKA KERJA PELAPORAN

Ini merupakan Laporan Tahunan Bersepadu ("IR") ketiga Kumpulan Perbankan RHB, yang merangkumi tempoh antara 1 Januari 2021 dan 31 Disember 2021 ("TK2021"). Dibimbing oleh rangka kerja, garis panduan dan amalan terbaik di peringkat tempatan dan antarabangsa, IR ini bermatlamat untuk membentangkan maklumat yang seimbang dan menyeluruh mengenai prestasi kewangan dan kemajuan inisiatif kami. Kami turut menghuraikan prestasi bukan kewangan kami dalam konteks Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG"), yang diterapkan di seluruh Laporan ini. Prestasi ESG kami yang terperinci dihuraikan di dalam Laporan Kelestarian kami. IR juga menyediakan prospek dan perbincangan mengenai perancangan masa depan jangka pendek, sederhana dan panjang bagi membolehkan pihak berkepentingan kami membuat keputusan pelaburan bermaklumat.

### SKOP DAN RANGKUMAN

RHB Bank Berhad merupakan sebuah syarikat awam tersenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Laporan ini merangkumi RHB Bank Berhad dan syarikat-syarikat subsidiarinya merentasi Persatuan Negara-negara Asia Tenggara ("ASEAN"). Rujukan kepada 'Kumpulan Perbankan RHB', 'Organisasi', 'Kumpulan', 'RHB' dan 'kami' merujuk kepada RHB Bank Berhad dan/atau syarikat-syarikat subsidiarinya.

Skop Laporan ini hanya meliputi strategi, aktiviti perniagaan dan prestasi, serta inisiatif yang memberi impak kepada kakitangan kami dan komuniti di mana kami berada. Kami sentiasa berusaha untuk menambah baik pengumpulan data untuk memastikan liputan dan penzahiran yang lebih baik pada masa hadapan. Oleh itu, data yang spesifik kepada lokasi dinyatakan sekiranya berkenaan, sementara sesetengah maklumat hanya terhad kepada sektor geografi.

### PENYATA PERANCANGAN HADAPAN

Laporan ini mengandungi penyata perancangan hadapan tertentu yang berkaitan dengan prestasi perniagaan, operasi, kewangan dan bukan kewangan Kumpulan berdasarkan kepercayaan Kumpulan serta andaian dibuat oleh Pengurusan dan maklumat yang tersedia pada tempoh tersebut. Penyata-penyata

ini juga boleh digunakan untuk menerangkan objektif, strategi, pelan dan inisiatif masa depan Kumpulan dalam konteks perniagaan dan usaha kelestarian kami.

Penyata-penyata perancangan masa hadapan lazimnya dikenal pasti dengan perkataan-perkataan atau frasa-frasa seperti 'mengharap', 'menyasarkan', 'berhasrat', 'menjangka', 'percaya', 'menganggarkan', 'mungkin', 'merancang', 'mengunjurkan', 'harus', 'bakal' dan 'akan'. Penyata-penyata tersebut tidak seharusnya dianggap sebagai jaminan pengoperasian atau keputusan kewangan masa depan, dengan mengambil kira potensi risiko dan ketidakpastian yang mungkin timbul di luar kawalan Kumpulan susulan peristiwa yang tidak diduga. Pembaca dinasihatkan agar tidak terlalu bergantung kepada penyata-penyata perancangan masa hadapan.

Faktor-faktor yang boleh menyebabkan keputusan sebenar berbeza dari segi material daripada keputusan dalam penyata-penyata perancangan masa hadapan termasuk keadaan ekonomi global, negara dan serantau; kadar faedah; kadar pertukaran; dan kredit atau hal-hal yang tidak dikaji semula atau dilaporkan oleh juruaudit Kumpulan. Keputusan masa hadapan juga mungkin berbeza daripada apa yang telah dirancang disebabkan perubahan hala tuju oleh pihak Pengurusan atau pihak Lembaga Pengarah.

### GARIS PANDUAN DAN PIWAIAAN

Penyediaan Laporan ini adalah berpandukan oleh amalan terbaik seperti mana telah ditetapkan oleh rangka kerja laporan bersepadu antarabangsa. Di peringkat tempatan, kami telah mematuhi:

- Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia ("MCCG")
- Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama ("MMLR") Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Malaysia")
- Panduan Pelaporan Kelestarian Bursa Malaysia (Edisi ke-4)
- Panduan Tadbir Urus Korporat Bursa Malaysia (Edisi ke-4)
- Akta Syarikat 2016
- Polisi Dokumen dan Garis Panduan Bank Negara Malaysia ("BNM")
- Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia
- Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan kawal selia lain yang diguna pakai

Dalam bidang kelestarian, kami telah menyediakan Laporan Kelestarian yang sejajar dengan garis panduan dan piawaian kelestarian seperti:

- Piawaian Inisiatif Pelaporan Global ("GRI"): Pilihan Teras
- Panduan Pelaporan Kelestarian Bursa Malaysia (Edisi ke-2)
- Matlamat Pembangunan Lestari Bangsa-Bangsa Bersatu
- Saranan-saranan Pasukan Petugas mengenai Penzahiran Kewangan Berkaitan Iklim ("TCFD")
- Protokol Gas Rumah Hijau ("GHG"): Piawaian Perakaunan dan Pelaporan Korporat

Semua maklumat yang dibentangkan adalah setakat 31 Disember 2021, kecuali dinyatakan sebaliknya.



### JUMLAH ASET

**RM289,541** juta

### JUMLAH PENDAPATAN

**RM7,789** juta

### KAKITANGAN DI SELURUH SEMBILAN BUAH NEGARA

**MELEBIHI 14,000**

**KUMPULAN PERBANKAN RHB**, merupakan penyedia perkhidmatan kewangan serantau multinasional yang beriltizam untuk menawarkan penyelesaian serba lengkap kepada para pelanggannya. Dengan pelbagai perkhidmatan komprehensif yang memenuhi keperluan pelanggannya yang semakin berkembang, RHB menawarkan pengalaman pelanggan yang pantas dan mudah, disokong oleh pasukan kakitangan yang berdedikasi.

Sebagai salah sebuah bank yang terkemuka di Malaysia, RHB telah mengukuhkan kehadiran dan jenamanya melalui pelbagai produk dan cadangan nilai yang unik. Dengan kekuatan tenaga kerja seramai yang melebihi 14,000 kakitangan di seluruh Kumpulan, operasi Kumpulan RHB meliputi lapan lagi negara di rantau ASEAN.

### MAKLUMAT KORPORAT

#### SETIAUSAHA SYARIKAT

Azman Shah Md Yaman  
(LS 0006901)

Hasnita Sulaiman  
(MAICSA No. 7060582)

#### PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 10, Tower One  
RHB Centre, Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur  
Tel : +603 9287 8888  
Faks : +603 9281 9314  
Laman web : www.rhbgroup.com

#### NO. PENDAFTARAN SYARIKAT

196501000373 (6171-M)

#### PENDAFTAR SAHAM

Boardroom Share Registrars Sdn Bhd  
Tingkat 11, Menara Symphony  
No. 5, Jalan Professor Khoo Kay Kim  
Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya, Selangor

Untuk pertanyaan pemegang saham  
No. Meja Bantuan : +603 7890 4700  
Faks : +603 7890 4670  
E-mel : BSR.Helpdesk@boardroomlimited.com

#### JURUAUDIT

PricewaterhouseCoopers PLT  
Akauntan Berkanun  
Tingkat 10, 1 Sentral  
Jalan Rakyat, Kuala Lumpur Sentral  
P.O.Box 10192  
50706 Kuala Lumpur  
Tel : +603 2173 1188  
Faks : +603 2173 1288



**PUSAT KHIDMAT PELANGGAN**

#### Malaysia

Tel : +603 9206 8118

Email : customer.service@rhbgroup.com

# STRUKTUR KORPORAT KUMPULAN

setakat 15 Februari 2022

# STRUKTUR KORPORAT KUMPULAN

setakat 15 Februari 2022

## RHB Bank Berhad



**Nota-nota:**

\* Syarikat dormant

- Syarikat menjadi subsidiari milik penuh langsung RHB Bank (L) Ltd pada 1 Mac 2021.
- Syarikat memulakan pembubaran sukarela oleh ahli pada 16 Februari 2011.
- Syarikat mengubah namanya pada 31 Januari 2020.
- Syarikat mengubah namanya pada 21 Januari 2021.
- Syarikat memulakan pembubaran sukarela oleh ahli pada 13 Oktober 2021.
- Entiti dikawal bersama.
- Syarikat mengubah namanya pada 28 Februari 2020.
- Syarikat menjadi subsidiari milik penuh RHB Investment Bank Berhad pada 19 Februari 2019.
- Syarikat memulakan pembubaran sukarela oleh ahli pada 30 Jun 2017.
- Syarikat memulakan pembubaran sukarela oleh ahli pada 27 Disember 2021.
- Pegangan saham langsung sebanyak 20.00% setiap satu oleh:
  - RHB Investment Bank Berhad;
  - RHB Nominees (Tempatan) Sdn Bhd;
  - RHB Nominees (Asing) Sdn Bhd;
  - RHB Futures and Options Sdn Bhd; dan
  - RHB Bank Berhad.
- Syarikat memulakan pembubaran sukarela oleh ahli pada 30 September 2020.
- Syarikat memulakan pembubaran sukarela oleh ahli pada 28 Mac 2012.
- Syarikat memulakan pembubaran sukarela oleh ahli pada 3 Ogos 2020.
- Syarikat memulakan permohonan pengulungan dan pembubaran sukarela 25 Jun 2020.

## AMALAN PENCIPTAAN NILAI KAMI

AMALAN PENCIPTAAN NILAI KAMI

PRESTASI  
KEWANGAN

## Jumlah pendapatan

**RM7,789**  
juta

(2020: RM7,186 juta)

## Keuntungan bersih

**RM2,618**  
juta

(2020: 2,033 juta)

## Nisbah kos kepada pendapatan

**45.2%**

(2020: 47.1%)

## Pembayaran dividen

**RM1.6**  
bilion

(2020: RM0.7 bilion)

## Nisbah pembayaran dividen

**62.9%**

(2020: 34.8%)

## Hasil dividen

**7.4%**

(2020: 3.2%)

UNTUK  
PELANGGAN  
KAMI

## Bantuan pembayaran semula

**312,992**  
pelanggan runcit  
pada 2021**RM34.5**  
bilion**7,133**pelanggan PKS  
pada 2021

kira-kira

**RM12.9**  
bilion

## Pelaburan dalam digital

Memperuntukkan

**RM200**

juta

untuk melaksanakan dan  
meningkatkan keupayaan digital  
untuk memberi khidmat yang  
lebih kepada pelanggan

## Latihan Khidmat Berkaitan Ketidakupayaan ("DRST")

**283**Petugas barisan hadapan dari 189 cawangan  
di Malaysia menamatkan Latihan Perkhidmatan  
Berkaitan Ketidakupayaan ("DRST") untuk  
menyediakan khidmat cemerlang dan memenuhi  
keperluan pelanggan berlainan upaya

## Skor Promoter Bersih (NPS)

RHB MY  
mencapai**+15**pada 2021  
(+2  
berbanding  
2020)RHB SG  
mencapai**+9**pada 2021  
(+22  
berbanding  
2020)UNTUK  
MASYARAKAT  
KAMI

Melabur sebanyak

**RM9.1**

juta

dalam usaha bantuan COVID-19, projek pengkayaan dan pemeraksanaan komuniti,  
program kecemerlangan akademik, dan bantuan kemanusiaan yang memberi manfaat  
kepada lebih 20,000 individu dan badan-badan kebajikan kebanyakannya di Malaysia,  
serta Singapura, Kemboja, Laos dan Brunei

Memberikan manfaat seramai lebih

**4,000**pelajar kurang bernasib baik dari  
golongan B40 dan 40 sekolah sejak  
pelancaran RHB X-Cel Academic  
Excellence pada 2018 di bawah inisiatif  
pendidikan kamiMeningkatkan kecekapan  
keuangan lebih**25,000**pelajar sekolah menengah  
sejak pelancaran Program  
Money Ma\$ter pada 2018

Menyumbang komputer riba bernilai

**RM5**

juta

dan 111 unit kad SIM untuk lebih daripada  
**3,600 pelajar dari 33 sekolah** seluruh negara di  
bawah inisiatif CERDIKUNTUK  
KAKITANGAN  
KAMISecara aktif mengadakan libat urus bersama  
kakitangan dan mencapai**90%**dalam Tinjauan Libat Urus Kakitangan,  
sejajar dengan skor sasaran Kumpulan  
bagi 2021

Melabur sebanyak

**RM24.6**

juta

dalam peningkatan kemahiran  
dan pembinaan keupayaan melalui  
kelas di pejabat/secara maya dan  
e-pembelajaran

Mencatatkan

**606,623**jumlah jam latihan  
dengan purata 48 jam  
latihan setahun bagi setiap  
kakitangan

Meningkatkan kemahiran lebih

**600**kakitangan  
dalam bidang Digital, IT dan Analitik untuk  
meningkatkan kecekapan dalam kemahiran  
yang mempunyai permintaan tinggi dan  
diperlukan pada masa hadapan

Menyumbang hampir

**RM1**

juta

melalui Tabung Kemanusiaan RHB dan  
Tabung Bencana RHB untuk membantu  
warga RHB yang terkesan dengan pandemik  
dan bencana alam seperti banjirUNTUK  
PLANET

Pembiayaan hijau disediakan tahun sehingga kini

**RM4.32**  
bilionsebagai sebahagian daripada komitmen RHB sebanyak RM5 bilion kepada  
Pembiayaan Hijau menjelang 2025Menggalakkan pembiayaan lestari melalui Program  
Pembiayaan Kelestarian RHB berjumlah**RM1**

bilion

bagi Tenaga Hijau, Bangunan Hijau, Proses Hijau dan  
Produk HijauMeningkatkan pengurangan dalam keamatan pelepasan Gas Rumah Hijau  
("GHG") oleh setiap kakitangan sebanyak**41%**

pada 2021 berbanding garis asas tahun 2016

## APA YANG KAMI LAKUKAN

## APA YANG KAMI LAKUKAN



### PERBANKAN KOMUNITI KUMPULAN

Perbankan Komuniti Kumpulan ("GCB") terdiri daripada segmen Perbankan Runcit dan Perbankan PKS dan diwujudkan berikutan penstrukturan semula Kumpulan Perniagaan Strategik Kumpulan pada 2021. Kami menyediakan perkhidmatan kepada 3.9 juta pelanggan individu dan lebih 200,000 perniagaan, dengan produk dan perkhidmatan konvensional dan patuh Syariah kepada pengguna dan PKS. Perbankan Runcit menyediakan penyelesaian perbankan pengguna yang merangkumi Pengurusan Kekayaan, Bancassurance, Gadai Janji, Pembiayaan Auto dan Pembiayaan ASB sehinggalah Pembiayaan Peribadi, Kad Kredit, Pembayaran dan Deposit, manakala Perbankan PKS menyediakan pembiayaan kepada PKS dan syarikat milik keluarga. Kami komited untuk memberi khidmat cemerlang kepada pelanggan kami dan menjadikan perbankan lebih mudah dan lancar dengan memanfaatkan pendigitalan dalam penyediaan produk yang inovatif, berkaitan pasaran.



### PERBANKAN BORONG KUMPULAN

Perbankan Borong Kumpulan ("GWB") terdiri daripada segmen perniagaan utama iaitu Perbankan Pelaburan Kumpulan, Perbankan Korporat Kumpulan, Perbankan Komersial, Perbendaharaan Kumpulan dan Pasaran Global, Pengurusan Aset, Perbankan Transaksi dan Ekonomi. GWB diwujudkan berikutan penstrukturan semula Kumpulan Perniagaan Strategik Kumpulan pada 2021. GWB menyediakan perkhidmatan komprehensif dan terselaras bagi pelbagai rangkaian produk dan penyelesaian bagi memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan kami di sini dan di rantau ini. Kami berupaya membantu pelanggan kami maju ke hadapan melalui khidmat kumpulan pakar dan sinergi yang berpotensi dalam segmen perniagaan kami, yang juga penting untuk membuka peluang baharu dan mengukuhkan perniagaan kami dalam pasaran di mana kami beroperasi.



### PERNIAGAAN ANTARABANGSA KUMPULAN

Perniagaan Antarabangsa Kumpulan ("GIB") merangkumi portfolio perbankan komersial di luar negara dan perbankan pelaburan. Kami mempunyai kehadiran kukuh dengan tertubuhnya rangkaian pejabat dan cawangan di Singapura, Indonesia, Thailand, Vietnam, Brunei, Laos, dan Kemboja. Kami menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan kepada pelanggan semua segmen, meliputi pinjaman, deposit, penyelesaian pengurusan kekayaan dan pembiayaan perdagangan sehinggalah pembrokeran saham, terbitan dan perkhidmatan berkaitan pasaran modal seperti tawaran awam awal, penjana modal hutang dan penggabungan & pemerolehan.



### PERNIAGAAN SYARIAH KUMPULAN

RHB Islamic Bank merupakan cabang Perbankan Islam Kumpulan, yang menyediakan perkhidmatan perbankan dan kewangan patuh Syariah melalui segmen Perbankan Komuniti Kumpulan dan Perbankan Borong Kumpulan. RHB Islamic turut menyediakan khidmat nasihat Syariah kepada Kumpulan Perbankan Pelaburan mengenai aktiviti perbankan dan pengurusan aset. Setakat Disember 2021, kami merupakan bank Islam ketiga terbesar di Malaysia dari segi aset pembiayaan.



### INSURANS KUMPULAN

RHB Insurance menyediakan perkhidmatan insurans am kepada pelanggan runcit dan korporat kami. Kami menawarkan rangkaian insurans am dan produk lain untuk perlindungan yang lebih baik dan fikiran yang tenang. Pelanggan mempunyai akses yang mudah kepada perkhidmatan dan sokongan melalui rangkaian 15 cawangan kami di seluruh negara, lebih 700 cawangan Pos Malaysia dan lebih 2,230 pejabat ejen yang dibenarkan.

#### PERNIAGAAN KAMI

**Kumpulan Perbankan RHB merupakan salah satu kumpulan perkhidmatan kewangan bersepadu sepenuhnya yang terbesar di Malaysia. Perniagaan teras Kumpulan distrukturkan kepada lima segmen perniagaan, iaitu Perbankan Komuniti Kumpulan, Perbankan Borong Kumpulan, Perniagaan Syariah Kumpulan, Insurans Kumpulan dan Perniagaan Antarabangsa Kumpulan.**

Sejarah silam kami yang kukuh menjadi asas komitmen kami untuk terus berkhidmat kepada masyarakat. Selama lebih 100 tahun, kami telah membantu orang ramai dan perniagaan berkembang dan berjaya, dan akan terus berbesar hati melakukannya. Kami telah bertapak kukuh di seluruh Malaysia, dengan kehadiran di lapan negara lain di seluruh rantau ASEAN.

Cita-cita dan aspirasi kami adalah sejajar dengan slogan, *Memacu Kemajuan Untuk Semua*. Sama ada anda pelanggan kami, rakan niaga atau ahli komuniti di tempat kami beroperasi, yakinlah bahawa hasrat Kumpulan adalah untuk menyediakan sokongan yang anda perlukan untuk maju dan berjaya. Pengalaman telah memberi kefahaman yang mendalam kepada kami tentang keperluan anda, memberi inspirasi kepada kami untuk terus berinovasi dan meningkatkan layanan kami kepada anda.

Dalam usaha kami ke arah kecemerlangan, kami mengalu-alukan setiap orang menyertai perjalanan kami untuk mencapai kemajuan, bersama-sama melangkah ke hadapan demi merealisasikan kejayaan masa depan. Janji jenama kami *Bersama Kita Maju* mengingatkan kami tentang sejarah kami, meraikan masa kini dan berusaha ke arah masa depan yang lebih lestari.

# KAMI MEMACU KEMAJUAN UNTUK SEMUA

## DI MANA KAMI BEROPERASI

DI MANA KAMI BEROPERASI

## Kami terdiri daripada lebih 14,000 warga kerja dengan 362 cawangan dan pejabat di rantau ini


Selain kehadiran kami yang kukuh di Malaysia, RHB telah bertapak di rantau ini merentasi lapan lagi negara ASEAN.

Pada 2021, kami telah menstruktur semula sebahagian perniagaan kami dengan menggabungkan unit-unit perniagaan kami di bawah dua segmen meluas tetap terfokus iaitu perbankan Komuniti dan perbankan Borong bagi meraih lebih banyak kelebihan sinergi. Yang pentingnya, kami komited untuk menyokong kemajuan pelanggan dan pihak berkepentingan kami melalui penyelesaian perbankan yang inovatif, lancar dan lestari.



Imbas kod QR untuk maklumat lanjut mengenai **RANGKAIAN CAWANGAN** kami

atau log masuk ke <https://www.rhbgroup.com>



## PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN

- Perbankan Komuniti Kumpulan, yang terdiri daripada Perbankan Runcit dan PKS
- Perbankan Borong Kumpulan
- Perniagaan Syariah Kumpulan
- Perniagaan Antarabangsa Kumpulan
- Perniagaan Insurans
- Pasaran Modal

- Perbankan Runcit, Perkhidmatan Pasaran Modal dan Sekuriti

- Perkhidmatan Pasaran Modal dan Sekuriti

- Perbankan Runcit, Perkhidmatan Pasaran Modal dan Sekuriti

- Perkhidmatan Sekuriti
- Pejabat Perwakilan

- Perkhidmatan Perbankan Runcit

- Perkhidmatan Perbankan Runcit

- Perbankan Runcit, Perkhidmatan Pasaran Modal dan Sekuriti

Pejabat Perwakilan

## KAKITANGAN 2021

<b>12,555</b>	<b>651</b>	<b>204</b>	<b>195</b>	<b>26</b>	<b>28</b>	<b>69</b>	<b>308</b>
2020: 12,530	2020: 660	2020: 333	2020: 201	2020: 24	2020: 29	2020: 69	2020: 275

## CAWANGAN/PEJABAT 2021

<b>309</b>	<b>9</b>	<b>15</b>	<b>10</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>3</b>	<b>14</b>
2020: 311	2020: 8	2020: 15	2020: 12	2020: 1	2020: 1	2020: 3	2020: 13


## JUMLAH PENDAPATAN 2021

<b>RM6,913.6</b> juta	<b>SGD174.6</b> juta	<b>IDR209.1</b> bilion	<b>THB902.7</b> juta	<b>VND8.2</b> bilion	<b>BND4.1</b> juta	<b>LAK36.8</b> bilion	<b>USD31.3</b> juta
2020: RM6,439.1 juta	2020: SGD139.2 juta	2020: IDR165.5 bilion	2020: THB860.3 juta	2020: VND12.1 bilion	2020: BND3.7 juta	2020: LAK35.2 bilion	2020: USD28.4 juta



# PERIHAL PELABURAN KAMI

PERIHAL PELABURAN KAMI



## PERUTUSAN Pengerusi KAMI



PERUTUSAN Pengerusi KAMI

BERSIAP SEDIA MENGHADAPI ERA BARU



**TAN SRI AHMAD BADRI  
MOHD ZAHIR**  
Pengerusi

**SOROTAN  
BAGI TAHUN  
INI**

Keuntungan  
Bersih  
**RM2.62**  
bilion  
(2020: RM2.03  
bilion)

Jumlah Dividen  
Dibayar  
**RM1.6**  
bilion  
(2020: RM0.7  
bilion)

Dividen  
Sesaham  
**40.00**  
sen  
(2020: 17.65  
sen)

Hasil Dividen  
**7.4%**  
(2020: 3.2%)

Perolehan  
Sesaham Asas  
**64.7**  
sen  
(2020: 50.7 sen)

## PARA PEMEGANG SAHAM YANG DIHORMATI,

BAGI PIHAK BARISAN AHLI LEMBAGA PENGARAH,  
DENGAN SUKACITANYA SAYA INGIN MEMBENTANGKAN  
LAPORAN TAHUNAN BERSEPADU 2021 KUMPULAN  
YANG MEMPERINCIKAN TENTANG PERJALANAN  
PENCIPTAAN NILAI KAMI SEPANJANG TAHUN LALU.

### RANGKUMAN 2021

**KUMPULAN TERUS  
MENCAPAI KEMAJUAN  
YANG SIGNIFIKAN PADA  
TAHUN 2021, APABILA  
SEKALI LAGI WARGA KERJA  
KAMI MEMPAMERKAN  
KETAHANAN LUAR BIASA  
KETIKA MENGHARUNGI  
TEMPOH YANG MENCABAR  
KESAN DARIPADA  
PANDEMIK COVID-19 YANG  
BERPANJANGAN.**

Menyedari peranan kami sebagai sebuah institusi yang bertanggungjawab, kami sentiasa nekad untuk membantu para pelanggan dan masyarakat yang terkesan dalam melalui tempoh yang sukar ini. Dengan meneladani apa yang telah dialami sejak permulaan pandemik COVID-19, kami lebih bersedia dan memahami keperluan setiap pelanggan kami yang terkesan. Ini telah membolehkan kami menyediakan program bantuan secara menyeluruh yang mampu memenuhi keperluan dan kehendak mereka yang berbeza-beza.

Kumpulan telah berjaya mengharungi cabaran pandemik bagi membolehkan kami mencapai prestasi kewangan yang membanggakan bagi TK2021, dengan mencatatkan Keuntungan Bersih sebanyak RM2.62 bilion, 28.8% lebih tinggi daripada tahun sebelumnya. Strategi FIT22 Kumpulan, yang mengutamakan pemusatan pelanggan, produktiviti dan inovasi, telah terbukti berjaya bagi memastikan ketahanan kami dan terus membuka laluan ke arah mencapai kemajuan yang lestari.

### TAHUN PEMULIHAN YANG MENCABAR

Pandemik COVID-19 terus berkembang menjadi krisis kesihatan yang lebih berpanjangan dengan penularan varian-varian baharu. Meskipun usaha vaksinasi di peringkat global giat dijalankan, penularan varian baharu ini terus menyelubungi sistem kesihatan, menyebabkan kebanyakan tempat di dunia melaksanakan semula langkah sekatan pergerakan dalam usaha untuk membendung penularan jangkitan.

Di Malaysia, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Penuh ("FMCO") antara bulan Jun dan Ogos 2021 telah menjejaskan pertumbuhan KDNK. Walaupun pertumbuhan sebanyak 3.1% pada 2021 merupakan satu pemulihan positif berbanding dengan penguncupan sebanyak 5.6% pada 2020, pada dasarnya ia bermaksud bahawa keluaran ekonomi negara masih belum pulih ke tahap pra-pandemik.

Walaupun bagaimanapun, menjelang suku keempat 2021, Malaysia melakar satu pencapaian penting dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

("PICK") di mana 90% daripada populasi dewasa telah divaksin sepenuhnya. Kejayaan ini telah sedikit sebanyak membantu meningkatkan momentum dalam pemulihan ekonomi, serta memperbaiki sentimen perniagaan dan pengguna apabila lebih banyak sektor ekonomi dibuka semula.

Perkembangan positif ini memberikan petanda baik berlakunya pemulihan kukuh pada tahun 2022, dengan ramalan pertumbuhan ekonomi Malaysia mencecah 5.5%. Bagaimanapun, masih terdapat risiko penurunan kecil berikutan penemuan varian baru sukar diramal COVID-19 yang mungkin menjejaskan kadar pemulihan ekonomi.

### MEMPERGIAT USAHA KETIKA KEADAAN MENDESAK

Dalam keadaan di mana perniagaan dan individu terus menghadapi kesukaran dalam aliran tunai disebabkan pandemik yang berpanjangan, industri perbankan bertindak dengan menyediakan bantuan

tambahan bagi meringankan beban kepada para pelanggan yang terjejas. Ini termasuk program Bantuan Pembayaran Semula yang menyediakan moratorium pilihan ke atas kemudahan pinjaman/pembiayaan, manakala program bantuan bayaran bersasar turut diteruskan sepanjang tahun berkenaan. Pada bulan November, Program Pengurusan dan Ketahanan Kewangan ("URUS"), dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit ("AKPK"), telah dilancarkan, yang secara khususnya menyasarkan segmen B50.

Tambahan pula, melalui RHB Insurans, kami telah memberi sokongan kepada para pelanggan yang terkesan melalui Skim Ansuran Premium Cov-Aid bagi membenarkan pelanggan individu dan PKS yang pendapatan atau perniagaannya terjejas oleh COVID-19 untuk membayar premium mereka melalui skim bayaran ansuran. Di samping itu, Skim Bantuan Premium Cov-Aid turut menyediakan bantuan pembayaran premium sehingga 50% bagi kedua-dua pemegang polisi PKS baharu dan sedia ada.

## PERUTUSAN Pengerusi KAMI

## PERUTUSAN Pengerusi KAMI



Kelestarian

## TERUS MEMACU KEMAJUAN AGENDA KELESTARIAN

Sepanjang beberapa tahun yang lalu, Kumpulan telah menggiatkan usaha untuk mengintegrasikan pertimbangan ke atas Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG") ke dalam strategi perniagaan dan proses membuat keputusan kami, disokong oleh tiga tonggak tematik kami iaitu Perkhidmatan Kewangan Lestari & Bertanggungjawab, Menerapkan Amalan Yang Baik dan Memperkaya dan Memperkasa Komuniti.

Iltizam kami terhadap pembiayaan hijau menyaksikan Kumpulan menggerakkan RM4.32 bilion pada Disember 2021 bagi keseluruhan aktiviti perniagaannya. Komitmen kami dalam bidang pembiayaan hijau ini telah membuahkan hasil apabila ianya ditunjukkan dalam penarafan ESG kami yang bertambah baik sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dan kami akan terus meneroka pelbagai kaedah untuk memperbaiki dan menerapkan lagi pertimbangan ESG secara meluas dalam perniagaan dan operasi kami.

### PENARAFAN ESG

- Masih kekal sebagai konstituen Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia pada Jun 2021
- Syarikat 25% Teratas mengikut Penarafan ESG dalam kalangan syarikat awam tersenarai Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS pada Jun 2021
- RHB Bank Berhad memperoleh skor 47/100 dalam Penilaian Kelestarian Korporat Global S&P 2021, menunjukkan penambahan 4 mata sepanjang setahun yang lalu
- Mengekalkan penarafan AA rating (Leader) dalam Penarafan MSCI ESG sejak September 2019

### Anugerah/Pencapaian

#### Pemenang

bagi 'Pulangan Tertinggi kepada Pemegang Saham Sepanjang Tiga Tahun' di bawah kategori Sektor Perkhidmatan Kewangan yang berprestij di The Edge Bilion Ringgit Club & Corporate Awards 2021

#### Pemenang Pingat Emas

bagi Anugerah Syarikat Tadbiran dan Ketelusan Terbaik daripada The Pinnacle Group International's Global Good Governance Awards

#### Pengiktirafan Kepujian Tinggi

di Sustainable Business Awards Malaysia 2020/2021

### DIVIDEN

Sebagai menghargai kepercayaan dan sokongan berterusan para pemegang saham kami, saya berbesar hati ingin memaklumkan bahawa Lembaga Pengarah telah mencadangkan dividen akhir sebanyak 25 sen sesaham, yang merangkumi pembayaran tunai sebanyak 15 sen sesaham dan bahagian pilihan di bawah Pelan Pelaburan Semula Dividen sebanyak 10 sen sesaham. Dengan dividen interim sebanyak 15 sen, jumlah dividen bagi TK2021 adalah berjumlah 40 sen sesaham atau nisbah pembayaran sebanyak 62.9% dan hasil dividen sebanyak 7.4%, merupakan dividen yang tertinggi bagi Kumpulan.

### MEMPERKUKUH AMALAN TADBIR URUS

Kumpulan terus mewujudkan kesedaran dalam kalangan tenaga kerja kami supaya berwaspada terhadap tingkah laku perniagaan yang buruk dan kawalan dalaman yang lemah melalui pelbagai program latihan. Kami juga telah memulakan pembangunan Pelan Anti-Rasuah Organisasi ("OACP") kami sendiri agar usaha anti-rasuah dan sogokan selaras dengan Pelan Anti-Rasuah Kebangsaan 2019-2023 ("NACP"). Kami berpandangan bahawa perbuatan rasuah sebagai satu tabiat buruk yang menjejaskan kredibiliti organisasi dan nilai etikanya, dan oleh itu, dokumen ini akan menjadi hasrat penyata daripada Kumpulan kami sebagai komitmen untuk menghalang dan menentang perbuatan rasuah dalam cara kami menjalankan perniagaan.

Sebagai penyimpan atau penjaga dana awam, kami komited untuk mengukuhkan rangka kerja tadbir urus kami, menerapkan budaya pematuhan dalam proses kerja harian kami dan memastikan penggunaan amalan terbaik industri. Dalam konteks ini, kami memperakui dan mengambil maklum tentang Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia yang dikemas kini pada April 2021, yang mana ianya disediakan berdasarkan semakan pada 2017 dan bertujuan untuk menambah baik amalan tadbir urus dan landskap pasaran modal. Kumpulan juga telah memutuskan untuk mempercepatkan usaha sedia ada kami dalam memerangi Jenayah Kewangan melalui program strategik iaitu Program Peningkatan Keupayaan AML RHB, juga dikenali sebagai Program RACE, yang bertujuan untuk mengukuhkan inisiatif dan keupayaan kami dalam Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan ("AML/CFT"). Selaras dengan visi AML/CFT RHB, kami kekal komited untuk melindungi para pelanggan dan komuniti kami daripada jenayah kewangan dan risiko pematuhan.

### FIT22 TERUS MEMACU KEMAJUAN KUKUH

Sepanjang tahun dalam tinjauan, Kumpulan terus memastikan kejayaan pelaksanaan strategi FIT22, yang kini berada dalam fasa terakhir pelaksanaannya. Strategi FIT22 telah mengubah Kumpulan menjadi kumpulan perbankan yang mengutamakan pemusatan pelanggan dan menyediakan perkhidmatan cemerlang kepada para pelanggannya dengan mengguna pakai strategi utamakan digital dalam ekosistem digital RHB. Hasil yang dicapai melalui pelaksanaan strategi FIT22 telah melebihi jangkaan kami dalam kebanyakan bidang, yang terus mengukuhkan asas-asas dan ketahanan kami dalam memacu pertumbuhan untuk masa depan.

### PENCAPAIAN UTAMA FIT22

#### Sejak pelancaran FIT22

PBT meningkat sebanyak	ROE meningkat sebanyak	CIR berkurangan sebanyak
<b>37.9%</b>	<b>0.9%</b>	<b>4.7%</b>
(2021: RM3,529 juta; 2017: RM2,558 juta)	(2021: 9.6%; 2017: 8.7%)	(2021: 45.2%; 2017: 49.9%)

#### Kini

- Lebih 13,000 pelanggan ePenyelesaian PKS (peningkatan 41.3% daripada Disember 2020)
- Lebih 1 juta pelanggan menyertai Aplikasi Perbankan Mudah Alih RHB kami yang baharu
- Transaksi digital meningkat kepada 93% (86% pada Disember 2020)
- Lebih 80% tenaga kerja bekerja secara Agile
- Lebih 190 Produk Berdaya Maju Minimum dilancarkan pada 2021 di bawah persekitaran kerja secara Agile

Untuk mengukuhkan lagi aspirasi FIT22 dan bagi memastikan kami berupaya bertindak balas dengan pantas kepada perubahan yang pesat dalam keperluan dan kehendak para pelanggan, Kumpulan telah mempercepatkan lagi program transformasi digitalnya, memudahkan saluran penyampaian kami dan terus mengembangkan rangkaian produk kami. Usaha-usaha ini dicerminkan dalam strategi lima tahun Kumpulan, yang turut merangkumi strategi kelestarian lima tahun bagi memacu inisiatif kelestarian dalam Kumpulan.

Mendasari fasa pertumbuhan baharu kami ini ialah Penyata Tujuan baharu kami iaitu *Memacu Kemajuan Untuk Semua*, yang bertujuan untuk menjadi panduan hala tuju semua warga RHB untuk mencapai aspirasi kolektif Kumpulan.

### MEMBANTU KOMUNITI

Dalam tahun yang mencabar bagi semua pihak berkepentingan kami dan masyarakat umum secara keseluruhannya berikutan kesan pandemik, kami terus memberikan sokongan kepada mereka yang terjejas disebabkan COVID-19 dan pelaksanaan PKP yang dilanjutkan. Pada TK2021, kami telah menyumbang hampir RM9.1 juta sebagai bantuan kepada para petugas barisan hadapan, pelajar dari golongan B40 dan segmen masyarakat yang paling terjejas akibat wabak tersebut. Kami juga terus memupuk generasi akan datang dengan cara menyumbang dalam pelbagai bentuk bantuan dan pelaburan untuk pendidikan mereka.

### NADI RHB

Semua yang telah kami capai setakat ini tidak akan menjadi kenyataan tanpa adanya komitmen, iltizam dan daya tahan tenaga kerja kami. Mereka telah gigih berusaha dalam pelbagai cara dan situasi demi memastikan semua kewajipan terhadap pihak berkepentingan kami dapat dilaksanakan dengan jayanya. Kesihatan dan keselamatan pekerja kami terus kekal menjadi keutamaan kami, dan ini penting demi menjamin kejayaan Kumpulan yang berterusan.

### UCAPAN TERIMA KASIH

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan penghargaan kepada Pengarah Urusan Kumpulan, Dato' Khairusaleh Ramli yang akan menamatkan perkhidmatan beliau. Kami ingin merakamkan jutaan terima kasih di atas sumbangan beliau sepanjang lapan tahun beliau berhidmat dalam menerajui Kumpulan sehingga ke peringkat yang membanggakan sekarang, dan ingin mengucapkan selamat maju jaya dalam apa jua yang beliau lakukan.

Bagi memastikan kesinambungan operasi secara interim, Kumpulan telah melantik Mohd Rashid Mohamad, yang juga merupakan Pengarah Urusan Perbankan Borong Kumpulan, selaku Pegawai Bertanggungjawab/ Pegawai Prinsipal Kumpulan, berkuat kuasa 24 Januari 2022. Di bawah kepimpinan beliau dan sokongan daripada Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan, kami yakin Kumpulan akan kekal berada pada landasan yang tepat ke arah mencapai matlamat dan pertumbuhan perniagaannya pada tempoh ini.

### PENGHARGAAN

Bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pemegang saham kami atas sokongan dan kepercayaan mereka yang berterusan terhadap Kumpulan. Kepada para pelanggan dan rakan niaga kami, terima kasih atas kesetiaan anda yang berterusan dan kami akan sentiasa berusaha untuk mewujudkan nilai yang lestari kepada semua pihak berkepentingan kami.

Pihak Ahli Lembaga Pengarah juga amat menghargai khidmat dan sumbangan pasukan Pengurusan Kanan Kumpulan kerana telah berjaya mengendalikankan operasi Kumpulan dalam persekitaran yang mencabar dan menghasilkan keputusan yang membanggakan bagi TK2021. Kepada semua warga RHB, saya juga amat menghargai dedikasi, iltizam dan usaha gigih anda semua yang telah ditunjukkan ke arah mencapai matlamat dan aspirasi Kumpulan.

Tidak lupa juga sekalung penghargaan kepada Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bursa Malaysia serta badan-badan kawal selia berkaitan yang lain di negara-negara di mana kami beroperasi atas segala sokongan dan bimbingan yang berterusan.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan Pengarah dan barisan Ahli Lembaga Pengarah entiti-entiti dalam Kumpulan atas bimbingan dan buah fikiran anda semua dalam membantu Kumpulan mencapai aspirasinya. Saya sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan barisan Ahli Lembaga Pengarah dan pasukan Pengurusan Kanan pada tahun akan datang untuk mencapai segala yang telah kita telah tetapkan.

TAN SRI AHMAD BADRI MOHD ZAHIR  
Pengerusi

## PERUTUSAN PEGAWAI PRINSIPAL



## PERUTUSAN PEGAWAI PRINSIPAL

BERSEDIA UNTUK PENCIPTAAN NILAI



**MOHD RASHID MOHAMAD**  
Pegawai Bertugas/Pegawai Prinsipal Kumpulan

## KAMI MEMACU KEMAJUAN UNTUK SEMUA

Saya amat berbesar hati kerana diberi peluang untuk menyampaikan perutusan ini kepada para pemegang saham yang dihormati, selaku Pegawai Bertanggungjawab/Pegawai Prinsipal Kumpulan Perbankan RHB, jawatan yang saya sandang sejak 24 Januari 2022 berikutan tamatnya perkhidmatan Pengarah Urusan Kumpulan, Dato' Khairussaleh Ramli. Saya menerima jawatan dan tanggungjawab ini dengan penuh rasa kesyukuran dan juga sedar akan kepentingan amanat yang harus dipikul, dan akan terus berkhidmat dalam kapasiti ini sementara menunggu pelantikan Pengarah Urusan Kumpulan yang baharu. Dengan sokongan padu daripada barisan Ahli Lembaga Pengarah dan rakan sekerja dalam Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan, saya berharap agar dapat terus menyumbang ke arah kecermerlangan Kumpulan.

Dengan ini, sukacitanya saya ingin membentangkan Laporan Bersepadu RHB bagi tahun 2021, yang menghuraikan bagaimana inisiatif Kumpulan terus mencatatkan kemajuan di dalam strateginya untuk mencipta nilai yang lestari kepada anda, para pemegang saham kami.

### GAMBARAN KESELURUHAN

Pandemik COVID-19 telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap kehidupan dan mata pencarian orang ramai di seluruh dunia. Namun, ianya bukanlah satu pengakhiran kepada segala-galanya. Pandemik yang berpanjangan ini, dengan caranya tersendiri, telah mendesak kita sebagai individu serta organisasi untuk bermuhasabah diri, menyemak semula keutamaan dan mempertimbangkan semula perkara yang paling berharga dalam kehidupan kita dan

pihak berkepentingan kita. Ketahanan dan keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan ketika kita bergelut dengan persekitaran yang tidak menentu dan belum pernah dialami sebelum ini, kini menjadi keutamaan. Bagi RHB, pandemik ini telah memberi pengajaran berharga dan, yang paling penting, kami telah mengambil iktibar daripadanya untuk menyesuaikan diri dengan keadaan – dengan mengukuhkan asas kami, meningkatkan keupayaan dan mempergiatkan usaha demi kepentingan para pelanggan kami.

Kesejahteraan para pelanggan, pekerja dan komuniti kami secara amnya kekal menjadi keutamaan kami sepanjang 2021 dan ini akan terus menjadi agenda utama ketika kami mengorak langkah ke hadapan. Dengan ketangkasan dan kesediaan kami untuk menyelaras dan menyusun semula keutamaan strategi, kami berjaya bangkit

## PARA PEMEGANG SAHAM YANG DIHORMATI,

2021 MASIH LAGI MENJADI TAHUN YANG  
MEMPENGARUHI KEHIDUPAN SEJAGAT AKIBAT  
PANDEMIK COVID-19 YANG BERTERUSAN.

Di dalam negara, rakyat Malaysia kekal tabah dan sepakat mempamerkan kekuatan dan daya ketahanan yang luar biasa dalam menghadapi pelbagai dugaan yang belum pernah dilalui sebelum ini, termasuk kesan buruk banjir yang berlaku di kebanyakan tempat di negara pada penghujung tahun. Disepanjang tempoh ini, Kumpulan Perbankan RHB ("RHB" atau "Kumpulan") tetap berdiri teguh bersama pelanggan, komuniti dan semua pihak berkepentingan kami yang lain bagi memastikan pemulihan yang berterusan, sejajar dengan aspirasi kami untuk bersama-sama mencapai kemajuan yang lestari. Kami berasa amat terharu dan berterima kasih di atas kepercayaan berterusan yang diberikan kepada kami selama ini.

dengan keadaan yang lebih kukuh untuk meraih manfaat daripada perubahan pesat dalam permintaan dan tingkah laku pelanggan, serta pemulihan ekonomi yang diunjurkan pada tahun hadapan.

Meskipun berdepan dengan cabaran, satu perkataan yang paling tepat untuk merangkumkan semua pencapaian kami pada tahun 2021 sudah semestinya – Kemajuan. Kami berjaya memenuhi janji jenama kami, *Bersama Kita Maju* dan penggerak utama di sebalik pencapaian kami hari ini didorong oleh semua warga RHB di seluruh Kumpulan.

Sama ada di peringkat strategik, korporat, bahagian perniagaan atau tahap fungsi, seluruh Kumpulan kami dengan sedaya upaya telah berusaha untuk mencapai kemajuan signifikan yang kami dapat saksikan pada hari ini. Malah, pencapaian kami telah mengatasi sasaran dalam pelbagai bidang dan ini akan terus mendorong kami untuk maju ke hadapan, meletakkan kami pada kedudukan yang kukuh untuk meraih peluang pada masa depan dan mencapai aspirasi kami untuk *Memacu Kemajuan untuk Semua*.

### FIT22 TERUS MEMACU TRANSFORMASI RHB

Kini, kami berada di tahun akhir strategi FIT22, dan telah menyaksikan kemajuan yang memberangsangkan sejak pelancarannya pada 2017. Dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa Kumpulan telah mencapai kemajuan yang signifikan dalam semua bidang tumpuan utama strategi FIT22, dengan memperoleh bahagian pasaran yang ketara dalam hampir semua produk dan segmen perniagaan kami. Kami turut mencatatkan peningkatan yang mantap dari segi digital dan produktiviti, melalui cara bekerja *Agile*, dan pencapaian ketara dalam perbankan Pelanggan Mewah, PKS serta syarikat Permodalan Besar dan Sederhana. Pencapaian kami pada tahun dalam tinjauan dibincangkan dengan lebih terperinci di dalam Laporan ini.

Dari segi sasaran kewangan utama, kami telah menambah baik Nisbah Kos kepada Pendapatan daripada 49.9% pada 2017 kepada 45.2% pada 2021, menghampiri sasaran 2022 sebanyak 45.0%. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh pandemik terutamanya, kami mencatatkan ROE



Kewangan

### PRESTASI TK2021

Jumlah pendapatan <sup>↑</sup>  
**RM7,789**  
juta

Meningkat 8.4%  
(2020: RM7,186 juta)

Keuntungan sebelum cukai <sup>↑</sup>  
**RM3,529**  
juta

Meningkat 33.4%  
(2020: 2,644 juta)

Permodalan pasaran <sup>↑</sup>  
**RM22,247**  
juta

Meningkat 1.8%  
(2020: RM21,855 juta)

sebanyak 9.6% berbanding sasaran 2022 kami sebanyak 11.5%. Namun begitu, kami yakin angka ini akan bertambah baik dari semasa ke semasa, sejajar dengan pemulihan ekonomi yang lebih lestari yang dijangkakan pada 2022.

Program Transformasi Digital kami merupakan salah satu komponen utama strategi FIT22. Kebanyakan daripada kemajuan yang memberangsangkan oleh Kumpulan secara keseluruhannya adalah susulan inisiatif di bawah Perjalanan Transformasi Digital kami. Kami kekal komited untuk menawarkan produk dan perkhidmatan yang lebih berinovatif, kecekapan operasi yang diperluas dan pengalaman pelanggan yang bertambah baik.

**FIT22** Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Hala Tuju Strategi Kami

## PERUTUSAN PEGAWAI PRINSIPAL

## PERUTUSAN PEGAWAI PRINSIPAL

## MEMACU KEMAJUAN MENYELURUH

Penyelesaian dalam talian yang pertama dalam pasaran:	Transaksi dijalankan melalui saluran digital	Pinjaman dan pembiayaan PKS (bersaiz kecil) yang dimulakan secara digital
<b>RHB MYHOME, PEMBIAYAAN PKS DAN E-PENYELESAIAN PKS</b>	<b>2021: 93%</b> <b>2017: 64%</b>	<b>2021: 25%</b> <b>2017: &lt; 1%</b>
Skor Promoter Bersih Kumpulan	Nisbah Kos kepada Pendapatan	Jumlah pelaburan diperuntukkan kepada inisiatif pendigitalan sehingga 2022
<b>2021: +15</b> <b>2017: -9</b>	<b>2021: 45.2%</b> <b>2017: 49.9%</b>	<b>RM200 JUTA</b> di mana 65% daripada pelaburan telah digunakan

Cara bekerja yang Agile

**LEBIH 80% DARIPADA 14,000 TENAGA KERJA RHB KINI BEKERJA SECARA AGILE, DENGAN SASARAN KESEMUA TENAGA KERJA RHB BERUBAH KEPADA AGILE MENJELANG AKHIR TAHUN 2023**

### INOVASI DIGITAL BERMULA SEJAK 2021



Para pelanggan PKS kini boleh melengkapkan permohonan pembiayaan dalam talian mereka secara jarak jauh melalui ciri Temu Bual Pintar PKS yang kami lancarkan pada suku tahun kedua 2021. Berlatarbelakangkan persekitaran pandemik, ini merupakan ciri penting yang memudahkan temu bual secara maya dan pemeriksaan tapak yang perlu dijalankan oleh Pengurus Perhubungan kami sebagai sebahagian daripada proses kelulusan pembiayaan.



Bagi Pelanggan Runcit, Kumpulan telah memperkenalkan kemudahan e-Tandatangan bagi pelanggan Mewah. Kami juga telah memperbaharui platform Perbankan Internet kami, serta memperkasa pelanggan kami melalui pendigitalan, yang mengurangkan keperluan bagi mereka untuk mengunjungi cawangan secara fizikal, serta memudahkan transaksi digital seperti penempatan deposit, dan akaun pelbagai mata wang. Platform ini akan terus ditambah baik apabila kami menasaskan untuk menyediakan pengalaman yang bersepatat dan memudahkan pelanggan kami.



Untuk menerapkan lagi budaya inovasi, kami telah memperkenalkan program inkubasi dalaman yang diilhamkan oleh siri televisyen "Dragon's Den" untuk menggalakkan dan mencabar tenaga kerja kami untuk memacu inovasi, serta membangunkan idea inovatif generasi muda. Tenaga kerja secara berkumpulan berpeluang membentangkan idea mereka untuk memperoleh 'pembayaran' projek, dan diberi ganjaran berbentuk bonus sekiranya idea inovatif mereka menjadi kenyataan dari segi peningkatan pendapatan, pengurangan kos atau pemerolehan lebih ramai pelanggan. Inisiatif ini telah menghasilkan tiga idea cemerlang. Di samping itu, Kumpulan telah bekerjasama dengan Amazon Web Services dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia ("MDEC") untuk menganjurkan hackathon yang bertujuan untuk memacu penyelesaian bertumpu kepada keperluan pelanggan dengan memanfaatkan analitik data, yang turut mengembangkan lagi keupayaan inovasi kami.

Inovasi yang kami perkenalkan telah membolehkan pelanggan kami menjalankan lebih banyak aktiviti perbankan mereka secara jarak jauh dan menjadikan pengalaman perbankan lebih lancar dan mudah. Kami juga telah mula memupuk ekosistem inovatif yang akan berkembang menjadi asas kukuh dan penting yang akan menjadi penentu kepada aspirasi kami untuk menjadi Peneraju Perbankan Digital di rantau ini. Inisiatif digital kami dipacu oleh empat bidang tumpuan – perjalanan digital pelanggan, penglibatan dan pemerolehan pelanggan, pembayaran digital dan pengembangan digital di pasaran luar negara di mana kami beroperasi.

Kami telah membina momentum yang kukuh dalam bidang digital dan bersedia untuk terus membangunkan lagi budaya inovasi kami dengan memanfaatkan pendigitalan dalam segala aspek bagi mewujudkan pengalaman pelanggan yang lebih baik dan dipermudahkan bagi semua produk dan ekosistem perkhidmatan kami. Komitmen kami untuk menyampaikan hasil yang diinginkan dalam bidang ini telah menjadikan kami bank pertama di Malaysia yang memasukkan inovasi Petunjuk Prestasi Utama sebagai sebahagian daripada Kad Skor Terimbang Jawatankuasa Pengurusan, yang bertindak sebagai penanda aras dan ukuran untuk kami memacu pencapaian yang lebih hebat.

## MEMBANTU PELANGGAN KAMI

Malaysia telah mencatatkan kemajuan yang menggalakkan dalam pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan ("PICK"). Namun begitu, kesan pandemik yang masih berpanjangan menjejaskan perniagaan dan mata pencarian para pelanggan kami. Dengan sekatan pergerakan yang dilaksanakan sekali lagi pada pertengahan 2021, ianya menjadi suatu kewajipan kepada kami selaku kumpulan perkhidmatan kewangan untuk bertindak dengan pantas bagi menumpukan perhatian terhadap keperluan pihak berkepentingan kami yang terjejas.

Pengalaman yang telah dilalui pada 2020 memberi kami peluang untuk lebih memahami kumpulan yang paling terjejas dalam rantaian nilai ekonomi, justeru membolehkan kami mengambil tindakan yang lebih menyeluruh

dan lebih tepat daripada sebelumnya. Sebagai contoh, segmen Runcit dan PKS telah merupakan sektor yang paling terjejas oleh pelaksanaan sekatan pergerakan yang telah menjejaskan keupayaan mereka untuk membuat jualan, dikala mereka masih terpaksa membayar gaji dan sewa. Oleh itu, pada Ogos 2021, kami mengambil langkah untuk menyediakan kemudahan pembiayaan sehingga RM200 juta dalam bentuk modal kerja yang diperlukan oleh peruncit di pusat-pusat membeli-belah di Malaysia. Inisiatif ini – Program Bantuan Pembiayaan PKS – memanfaatkan dana yang tersedia di bawah Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar Bank Negara Malaysia ("TRRF"), kemudahan yang secara khususnya bermatlamat untuk menyokong pemulihan PKS di Malaysia. Pada 2021, Kumpulan telah membantu dalam pembiayaan sebanyak RM1.15 bilion kepada para pelanggan PKS melalui program TRRF.

## BERSEDIAPADA KHIDMAT AMAT DIPERLUKAN

Sejak Mac 2020, Kumpulan telah menghulurkan bantuan menyeluruh kepada para pelanggan, termasuk:

- Bantuan Pembayaran Semula ("RA") ketika tempoh kritikal pada September 2020, di mana baki tertunggak moratorium awal berjumlah RM107.1 bilion atau 66% daripada jumlah peminjaman domestik, kepada lebih 753,000 pelanggan
- Skim Bantuan Premium Cov-Aid: RM1.57 juta; Skim Ansuran Premium Cov-Aid: RM8.8 juta dalam bentuk premium yang ditukarkan kepada ansuran
- Jumlah kes yang diluluskan bagi URUS: RM216.2 juta kepada 811 pelanggan

Untuk komuniti tempatan, Kumpulan telah menyalurkan sebanyak RM9.1 juta pada 2021 untuk pelbagai program, termasuk:

- Sumbangan peranti digital kepada sekolah-sekolah, yang dikendalikan melalui program CERDIK yang bermatlamat untuk merapatkan jurang digital di kalangan kanak-kanak sekolah
- Menyediakan ventilator kritikal ICU yang diperlukan oleh hospital, serta wang tunai dan sokongan berbentuk barangan kepada keluarga dan kediaman yang terjejas dengan pandemik dan banjir
- Terus mengutamakan usaha memupuk generasi akan datang melalui sumbangan dalam bidang pendidikan bagi menyediakan laluan kecemerlangan akademik kepada pelajar golongan B40 dan meningkatkan kadar celikan kewangan di kalangan belia

## Menyokong pelanggan PKS

- Pada 2021, Kumpulan memudahkan pembayaran sejumlah RM2.38 bilion, yang merupakan peratusan tertinggi pembiayaan SJPP bagi tahun berkenaan. RHB terus diiktiraf sebagai bank dengan prestasi terbaik sejak 2018, dengan bahagian pasaran terbanyak dari segi pemberian pembiayaan SJPP kepada PKS di Malaysia
- CGC: RM1.09 bilion, memberi manfaat kepada lebih 2,800 PKS pada 2020/2021

Bantuan COVID-19 yang kami sumbangkan melangkaui bantuan kewangan. Sebagai contoh, Kempen #JomSapot kami, yang diperkenalkan pada 2020, terus bertindak sebagai platform untuk membantu pelanggan PKS kami untuk mempromosi produk dan perkhidmatan mereka kepada pangkalan pelanggan yang meluas tanpa sebarang kos. Pada akhir Disember 2021, kami mempunyai lebih dari 200 pedagang mengendalikan hampir 6,000 gerai di seluruh negara yang telah meraih manfaat daripada inisiatif ini. Sebagai lanjutan kepada inisiatif #JomSapot, pada Februari 2022, kami bekerjasama dengan Kumpulan The Star Media, melalui inisiatif BeliLokal, untuk mempertingkatkan sokongan kami kepada perniagaan tempatan. Kolaborasi strategik inisiatif #JomSapot dan BeliLokal telah menyediakan saluran yang lebih meluas kepada perniagaan tempatan untuk meningkatkan tarikan dan kesedaran, di mana kami berupaya meningkatkan capaian dan impak yang signifikan bagi perniagaan mereka.

## MELINDUNGI DAN MENYOKONG TENAGA KERJA KAMI

Dengan kemunculan semula pandemik, Kumpulan tetap mengutamakan kebajikan serta kesihatan dan keselamatan tenaga kerja kami. Bagi menyokong Program PICK, kami melancarkan Program Vaksinasi RHB pada tahun berkenaan untuk mempercepatkan kadar pemberian vaksin kepada tenaga kerja kami. Setakat akhir Disember 2021, 98.5% tenaga kerja kami di Malaysia telah divaksin sepenuhnya.

Bekerja Dari Rumah ("WFH") terus dipraktikkan di seluruh Kumpulan di mana 80% daripada tenaga kerja kami bekerja dari rumah ketika kemuncak pandemik antara Mei dan September 2021. Menyedari bagaimana pandemik ini telah mengubah sepenuhnya persepsi mengenai kebolehlaksanaan bekerja jauh dari pejabat, Kumpulan merancang untuk menetapkan Aturan WFH sebagai satu ciri kekal manfaat kepada tenaga kerja Kumpulan yang akan terus dilaksanakan. Kami menasaskan sekurang-kurangnya 20% daripada tenaga kerja kami akan meraih manfaat daripadanya dalam perjalanan menuju ke fasa endemik Pelan Pemulihan Negara yang ditunggu-tunggu.

## PERUTUSAN PEGAWAI PRINSIPAL

Melalui Dana Kemanusiaan RHB, kami turut menyokong tenaga kerja dan keluarga mereka yang terjejas oleh COVID-19. Setakat 31 Disember 2021, Dana Bantuan Kewangan Pandemik kami telah mengumpulkan dana berjumlah RM379,921, hasil sumbangan daripada warga RHB, di mana lebih RM213,000 telah diagihkan kepada 178 tenaga kerja dan keluarga mereka yang memerlukan. Inisiatif ini mencerminkan budaya Satu RHB yang berjaya diterapkan dalam setiap warga RHB, yang bersatu padu untuk menyediakan bantuan kepada rakan sekerja yang amat memerlukan.

Kumpulan juga menyediakan Dana Bencana Alam untuk membantu warga RHB, termasuk tenaga kerja di luar negara, yang terkesan dengan pandemik dan bencana alam seperti banjir. Pada 2021, RHB memperuntukkan sebanyak RM800,000 kepada dana tersebut. Setakat 31 Disember 2021, sejumlah RM774,058 telah digunakan, di mana sebanyak RM604,000 diagihkan sebagai bantuan COVID-19 manakala RM170,058 lagi adalah untuk bantuan banjir.

## PERKHIDMATAN KEWANGAN LESTARI &amp; BERTANGGUNGJAWAB

Ini merupakan tahun yang amat produktif dalam usaha kami untuk mengintegrasikan pertimbangan ESG ke dalam perniagaan dan operasi kami dengan lebih menyeluruh.

SOROTAN 2021 DALAM  
**MEMACU PERJALANAN ESG KAMI**

Berkuat kuasa pada 2022 dan seterusnya, kami tidak akan lagi meneruskan peluang atau menyediakan pembiayaan kepada mana-mana projek pelombongan arang batu termal baharu dan projek loji jana kuasa pembakaran arang batu. Di samping itu, kami telah menerima pakai pendirian **Tiada Penebangan Hutan, Tiada Penanaman di Tanah Gambut dan Tiada Eksploitasi ("NDPE")**, di mana seterusnya, RHB akan hanya menyokong syarikat yang bertanggungjawab dalam sektor-sektor yang berkaitan (iaitu Minyak Sawit, Perhutanan dan Pertanian) serta menunjukkan kesejajaran mereka terhadap NDPE

Memulakan Program Tindakan Iklim Kumpulan, ke arah mengurus risiko perubahan iklim dalam perniagaan dan operasi Kumpulan

Pengembangan alat Penilaian Risiko ESG Kumpulan yang terdiri daripada lapan sektor sensitif ESG

Mempercepatkan penawaran produk dan penyelesaian Perkhidmatan Kewangan Lestari

Komitmen terhadap pembiayaan hijau kini **berjumlah RM4.32 bilion, yang mana 20.7%** adalah bagi projek tenaga yang boleh diperbaharui, setakat akhir Disember 2021

Melancarkan Program **Kewangan Kelestarian RHB**, yang menyediakan pelbagai penyelesaian pembiayaan hijau kepada pelanggan runcit dan PKS, dengan sasaran pemberian sebanyak RM1 bilion dalam bentuk pembiayaan baharu menjelang 2025. Setakat penghujung Disember 2021, sejumlah RM44.36 juta telah diberikan

Berjaya menstruktur dan melaksanakan transaksi **Swap Kadar Faedah Mata Wang Bersilang Hijau** pertama di Malaysia berpandukan KPI berkaitan ESG untuk melindungi nilai Pinjaman lestari sebanyak USD100 juta selama 2 tahun

Melancarkan **4 dana ESG** layak SRI dengan jumlah **AUM sebanyak RM836 juta** setakat akhir Disember 2021

Dari segi pelaburan, kami terus menyokong agenda ESG dengan mengintegrasikan skor ESG di dalam penaksiran nilai saham kami

RHB juga merupakan **penasihat utama tunggal, peneraju pengatur tunggal, pengurus peneraju bersama, ejen kemudahan, penasihat syariah dan peserta dagangan komoditi bagi Program Sukuk Wakalah berjumlah RM3 bilion SME Bank** dan penerbitan pertama Sukuk Kelestarian negara oleh sebuah **Institusi Kewangan Pembangunan ("DFI") yang bernilai RM500 juta**

Menerusi Pengantaraan Berasaskan Nilai ("VBI"), cabang Islamik kami telah bekerjasama dengan **Perbadanan Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia berkaitan inisiatif Rumah Ibadat Hijau** dan telah memulakan perbincangan bersama beberapa universiti tempatan terkemuka untuk mengadakan kolaborasi

## FIT22 - STRATEGI MASA HADAPAN

Tahun ini merupakan tahun yang luar biasa bagi Kumpulan dengan pencapaian sasaran kami untuk menghasilkan momentum yang kukuh untuk masa depan. Persekitaran perniagaan, di peringkat domestik dan serantau, dalam kebanyakan bidang telah melalui peralihan besar, khususnya dalam bidang teknologi dan pendigitalan serta tumpuan yang lebih terperinci terhadap usaha mengintegrasikan ESG atau kelestarian yang diterapkan secara menyeluruh di dalam cara kami menjalankan perniagaan dan operasi kami untuk melangkah hadapan.

Berikutan perubahan meluas yang dijangka berlaku pasca pandemik, Kumpulan telah mengambil langkah proaktif dengan mempertimbangkan semula strategi kami dan mengenal pasti bidang-bidang yang perlu diperkukuh dan dipertingkatkan bagi memenuhi perubahan pilihan pengguna dan keperluan perniagaan. Kumpulan telah merangka strategi yang mantap dengan memanfaatkan pelbagai peluang yang ada dalam bidang-bidang ini ke arah penciptaan nilai jangka panjang. Strategi ini akan diumumkan kepada pihak berkepentingan kami dalam masa terdekat.




Dalam usaha merangka semula orientasi berpandangan ke hadapan, kami telah merumus Penyata Tujuan yang baharu untuk menzahirkan aspirasi jangka panjang kami serta menyediakan fakta yang jelas kepada pihak berkepentingan RHB mengenai sebab utama kewujudan kami. Oleh itu, susulan persediaan yang dijalankan secara meluas, termasuk mengadakan


sesi kumpulan fokus bersama tenaga kerja dan para pelanggan, kami memutuskan untuk menerima pakai Penyata Tujuan, *Memacu Kemajuan untuk Semua*, yang sejajar dengan janji jenama kami, *Bersama-sama Menempa Kemajuan*.

Ini merupakan satu peningkatan kepada pendekatan kami terhadap penciptaan nilai, yang disokong oleh kualiti dan pertumbuhan lestari. Ia juga menunjukkan komitmen kami terhadap para pelanggan kami dalam apa jua keadaan, ketika kita mengharungi cabaran pandemik yang berterusan.

Bagi menempatkan kami di dalam kedudukan yang lebih baik untuk peringkat pertumbuhan yang seterusnya, kami telah mewujudkan dua Kumpulan Perniagaan Strategik baharu, iaitu Kumpulan Perbankan Komuniti ("GCB") dan Kumpulan Perbankan Borong ("GWB"). Pewujudan GCB, yang terdiri daripada Perbankan Runcit dan Perbankan PKS, berminat untuk mencapai sinergi yang lebih meluas antara segmen-segmen bertindan bagi memilih perniagaan kecil dan sektor perbankan Pelanggan Mewah. Sementara itu, GWB menggabungkan Perbankan Pelaburan, Perbankan Korporat, Perbendaharaan Kumpulan dan Pasaran Global, Pengurusan Aset Kumpulan, Perbankan Komersial, Perbankan Transaksi, dan kumpulan ahli Ekonomi dengan matlamat untuk mengembangkan hubungan jangka panjang dengan pelanggan sedia ada dan baharu serta menawarkan penyelesaian yang menyeluruh untuk semua produk, yang disesuaikan dengan keperluan pelbagai pelanggan kami.

Dalam keseluruhan strategi kami yang diperhalusi, kini wujud tumpuan yang utama dan khusus terhadap kelestarian melalui Strategi Kelestarian lima tahun kami yang baharu. Berkuat kuasa suku tahun pertama 2022, Strategi Kelestarian tersebut memberi penekanan terhadap fokus dan komitmen kami untuk muncul sebagai penyedia perkhidmatan kewangan lestari yang bertanggungjawab dan dirangkumkan dalam aspirasi utama berikut:

-  **Menyokong pembangunan lestari dengan menggerakkan sebanyak RM20 bilion dalam perkhidmatan kewangan lestari menjelang 2026**
-  **Memperkasa lebih dua juta orang di seluruh ASEAN menjelang 2026**
-  **Mencapai operasi neutral karbon menjelang 2030**

 Sila rujuk kepada Laporan Kelestarian 2021 kami untuk maklumat lanjut mengenai Rangka Kerja Kelestarian Kumpulan dan inisiatif dan tadbir urus kelestarian.

## PENGHARGAAN

Bagi pihak Pengurusan Kanan dan seluruh warga RHB, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pemegang saham, pelanggan dan rakan perniagaan kami atas kepercayaan, sokongan dan kesetiaan yang diberikan kepada kami selama ini. Meskipun dalam persekitaran yang mencabar, kami lebih komited untuk berkembang maju bersama anda dalam usaha kita untuk merealisasikan aspirasi masing-masing.

Sekalung penghargaan saya ucapkan kepada Pengarah Urusan Kumpulan yang akan tamat perkhidmatan, Dato' Khairussaleh Ramli, atas kepimpinan dan wawasan beliau dalam membimbing RHB dan Pengurusan Kanan untuk mencapai kedudukannya sekarang. Kami mengucapkan selamat maju jaya kepada Dato' Khairussaleh dalam apa jua yang beliau lakukan.

Ribuan terima kasih kepada rakan sekerja saya dalam Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan atas sokongan padu yang diberikan serta semangat dan komitmen yang dipamerkan dalam melaksanakan strategi Kumpulan dan untuk memastikan Kumpulan terus mendahului pesaing dalam semua petunjuk kewangan utama. Dan kepada seluruh warga RHB di Malaysia dan

di rantau ASEAN, terima kasih di atas dedikasi dan ketahanan kalian dalam mengharungi masa yang menduga ini. Kejayaan yang kita kecapai sekarang ini tidak akan dinikmati tanpa usaha gigih, pengorbanan dan dedikasi anda.

Kepada Pengerusi dan barisan Ahli Lembaga Pengarah, ribuan terima kasih di atas visi, bimbingan dan kebijaksanaan dalam menetapkan hala tuju strategik Kumpulan dan mendukung tadbir urus yang menjanjikan yang terbaik dalam perjalanan penciptaan nilai Kumpulan.

Akhir sekali, ucapan penghargaan khas saya tujukan kepada Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bursa Malaysia dan semua pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan di negara-negara di mana kami beroperasi atas bimbingan, pimpinan dan nasihat yang berguna kepada kami selama ini.



**MOHD RASHID MOHAMAD**  
Pegawai Bertugas/Pegawai Prinsipal Kumpulan

## ULASAN KETUA PEGAWAI KEWANGAN KUMPULAN

ULASAN KETUA PEGAWAI KEWANGAN KUMPULAN




**NIK RIZAL KAMIL**  
Ketua Pegawai Kewangan  
Kumpulan

**KUMPULAN** MEMPAMERKAN  
DAYA TAHAN YANG KUAT KETIKA  
MENGHARUNGI CABARAN  
BERTERUSAN DALAM OPERASI  
PERNIAGAAN YANG TIDAK MENENTU.

Bagi TK2021, Kumpulan mencatatkan prestasi yang kukuh dan menunjukkan keupayaannya untuk mengekalkan pertumbuhan dan pada masa yang sama mempertahankan kedudukan modal dan kecairan yang teguh.

## MENGOPTIMUMKAN KEDUDUKAN KEWANGAN KAMI



Kewangan

### MELAKSANAKAN STRATEGI KAMI

**RHB mencatatkan  
keuntungan bersih  
sebanyak RM2,618.4 juta  
bagi tahun kewangan  
berakhir 31 Disember 2021,  
meningkat sebanyak 28.8%  
daripada tahun lepas.**

Ini disokong oleh pendapatan berasaskan dana bersih yang lebih tinggi dan kerugian pengubahsuaian bersih yang lebih rendah dan peruntukan bagi jangkaan kerugian kredit yang dilaporkan pada tahun berkenaan. Sehubungan itu, keuntungan bagi kebanyakan segmen perniagaan bertambah baik pada tahun kewangan dalam tinjauan.

Kumpulan terus memberikan tumpuan kepada pengurusan kos yang berdisiplin dengan mengawal ketat perbelanjaannya. Mengambil kira persekitaran operasi semasa, Kumpulan kekal berhemat dan terus memantau rapi kualiti aset, di samping mengekalkan kedudukan kukuh modal dan kecairan. Perlindungan kerugian pinjaman, tidak termasuk rizab kawal selia, kekal melebihi 100% pada akhir Disember 2021. Asas-asas kukuh ini, serta ketahanan yang ditunjukkan oleh prestasi kewangan kami, meletakkan kami pada kedudukan yang kukuh bagi pertumbuhan jangka panjang yang lestari.

### ULASAN PRESTASI UNIT PERNIAGAAN UTAMA

#### Perbankan Komuniti Kumpulan

- Perbankan Komuniti Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1,630.4 juta, terutamanya disebabkan oleh pendapatan berasaskan dana bersih dan bukan dana bersih yang lebih tinggi dan elaun yang lebih rendah bagi kerugian kredit.
- Pinjaman dan pembiayaan kasar meningkat 6.1% tahun ke tahun kepada RM124.2 bilion, terutamanya didorong oleh pertumbuhan dalam gadaai janji (8.1%), pembiayaan auto (4.3%) dan PKS (11.2%).
- Deposit meningkat sebanyak 9.9% tahun ke tahun kepada RM100.9 bilion, disumbangkan terutamanya oleh pertumbuhan dalam CASA dan deposit tetap.

#### Perbankan Borong Kumpulan

- Perbankan Borong Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1,999.2 juta daripada pendapatan berasaskan dana bersih yang lebih tinggi dan pertumbuhan pendapatan yuran daripada pasaran modal dan pengurusan aset.
- Pinjaman dan pembiayaan kasar meningkat sedikit sebanyak 1.6% tahun ke tahun kepada RM50.3 bilion, didorong oleh pertumbuhan dalam Perbankan Komersial.
- Deposit meningkat 3.4% tahun ke tahun kepada RM93.0 bilion, terutamanya daripada MMTD yang lebih tinggi.

#### Perniagaan Syariah Kumpulan

- RHB Islamic Bank mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1,030.5 juta, disebabkan oleh pendapatan berasaskan dana bersih dan bukan dana bersih yang lebih tinggi serta kerugian pengubahsuaian yang lebih rendah dan elaun bagi kerugian kredit pada tahun tersebut.
- Pembiayaan kasar merekodkan pertumbuhan dua angka sebanyak 11.4% tahun ke tahun kepada RM74.9 bilion.
- Perniagaan Islam menyumbang 43.0% daripada jumlah pinjaman dan pembiayaan kasar domestik Kumpulan, peningkatan daripada 40.5% pada Disember 2020.

#### Perniagaan Antarabangsa Kumpulan

- Perniagaan Antarabangsa Kumpulan** mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM109.3 juta.
  - RHB Bank Singapura** melaporkan keuntungan sebelum cukai sebanyak SGD14.9 juta, disebabkan oleh pendapatan berasaskan dana bersih dan bukan dana bersih serta elaun yang lebih rendah bagi kerugian kredit. Pinjaman dan pendahuluan kasar meningkat sebanyak 23.0% tahun ke tahun kepada SGD6.3 bilion, manakala deposit meningkat sebanyak 15.0% kepada SGD6.7 bilion.
  - RHB Bank Kemboja** melaporkan keuntungan sebelum cukai sebanyak USD19.1 juta, terutamanya disebabkan oleh pendapatan berasaskan dana bersih yang lebih tinggi dan elaun masuk kira semula bagi kerugian kredit pada tahun tersebut. Pinjaman dan pendahuluan kasar meningkat sebanyak 16.1% tahun ke tahun kepada USD679.2 juta, manakala deposit menguncup sebanyak 3.9% kepada USD571.3 juta.

\* Tidak termasuk operasi IB luar negara yang dilaporkan di bawah Perbankan Borong Kumpulan

#### Insurans Kumpulan

- RHB Insurance mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM121.0 juta, disebabkan oleh pengurangan dalam pendapatan pelaburan bersih.

### MELANGKAH KE HADAPAN

Melangkah ke tahun 2022, Kumpulan akan mengambil langkah berwaspada dan akan terus memantau rapi perkembangan terkini pasaran. Bagi sektor perbankan, permintaan terhadap kredit diunjurkan bertambah baik seiring dengan prospek pertumbuhan ekonomi dan begitu juga dengan kadar faedah yang dijangka akan kembali normal secara beransur-ansur pada tahun ini. Industri ini dijangka kekal berdaya tahan, disokong oleh paras modal dan tahap kecairan yang kukuh serta peruntukan rosot nilai yang mencukupi yang dibuat sepanjang tempoh dua tahun yang lalu.

## ULASAN KETUA PEGAWAI KEWANGAN KUMPULAN


## ULASAN KETUA PEGAWAI KEWANGAN KUMPULAN

## SOROTAN KEWANGAN KUMPULAN

	2020	2021
<b>KEUNTUNGAN (RM'juta)</b>		
Jumlah pendapatan	7,186	<b>7,789</b>
Keuntungan operasi sebelum elaun	3,799	<b>4,266</b>
Keuntungan sebelum cukai	2,644	<b>3,529</b>
Keuntungan bersih boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti Bank	2,033	<b>2,618</b>
<b>KEDUDUKAN KEWANGAN (RM'juta)</b>		
Jumlah aset	271,150	<b>289,541</b>
Portfolio pelaburan kewangan	63,371	<b>61,881</b>
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar	186,114	<b>198,512</b>
Jumlah liabiliti	244,093	<b>261,511</b>
Deposit daripada para pelanggan	203,471	<b>218,733</b>
Ekuiti para pemegang saham	27,024	<b>27,998</b>
<b>NISBAH KEWANGAN (%)</b>		
Pulangan bersih ke atas purata ekuiti	7.7%	<b>9.6%</b>
Pulangan bersih ke atas purata aset	0.77%	<b>0.93%</b>
Nisbah pinjaman terjejas kasar	1.71%	<b>1.49%</b>
Nisbah pinjaman kasar kepada deposit	91.5%	<b>90.8%</b>
<b>NISBAH KECUKUPAN MODAL (%) <sup>N1</sup></b>		
Nisbah modal ekuiti biasa Tahap 1	16.2%	<b>17.2%</b>
Nisbah modal Tahap 1	16.2%	<b>17.2%</b>
Nisbah jumlah modal	18.4%	<b>19.8%</b>

<sup>N1</sup> Nisbah adalah selepas cadangan dividen akhir.

## RINGKASAN PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN KUMPULAN



## KEUNTUNGAN

## Analisis Penyata Kewangan

- Kumpulan mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM2,618.4 juta berbanding dengan RM2,032.5 juta yang dicatatkan pada tahun lalu.
- Jumlah pendapatan meningkat sebanyak 8.4%, terutamanya disebabkan oleh pendapatan berasaskan dana bersih yang lebih tinggi dan diimbangi sebahagiannya oleh pendapatan bukan berasaskan dana yang lebih rendah.
- Kerugian pengubahsuaian bersih yang lebih rendah dan pengurusan kos pendanaan berhemat memberi sokongan selanjutnya kepada keuntungan operasi sebelum elaun, yang meningkat sebanyak 12.3% kepada RM4,266.3 juta.

## Pendapatan Berasaskan Dana/Faedah Bersih

- Pendapatan berasaskan dana kasar merosot sebanyak 5.6% manakala perbelanjaan pembiayaan dan faedah menurun sebanyak 24.1% tahun ke tahun, disokong oleh asas deposit yang lebih tinggi. Hasilnya, pendapatan berasaskan dana bersih meningkat sebanyak 11.5% kepada RM5,874.7 juta berbanding setahun lalu, manakala NIM berada pada tahap 2.14% berbanding dengan 2.06% yang dicatatkan tahun lalu.

## Pendapatan Berasaskan Bukan Dana/Operasi Lain

- Pendapatan berasaskan bukan dana merosot 7.6% kepada RM2,158.8 juta, terutamanya daripada pendapatan pembrokeran dan pendapatan dagangan bersih dan pelaburan yang lebih rendah, dan diimbangi oleh lebihan penaja jaminan insurans yang lebih tinggi dan peningkatan pendapatan yuran daripada pasaran modal, pengurusan aset dan perbankan komersial.

## Perbelanjaan Operasi

- Perbelanjaan operasi meningkat sebanyak 4.0% tahun ke tahun kepada RM3,522.4 juta. Dengan JAWS yang positif, nisbah kos kepada pendapatan bertambah baik kepada 45.2% berbanding dengan 47.1% pada tahun lalu.

## Elaun Bagi Kerugian Kredit

- Elaun bagi kerugian kredit dikurangkan kepada RM737.2 juta, berikutan kemerosotan nilai pinjaman yang lebih rendah dan hutang lapuk pulih yang lebih tinggi pada tahun berkenaan.
- Nisbah caj kredit setahun penuh adalah pada tahap 0.29% berbanding dengan 0.58% pada tahun lalu.

## KEDUDUKAN KEWANGAN

## Jumlah Aset

- Jumlah aset bagi Kumpulan meningkat sebanyak 6.8% daripada Disember 2020 kepada RM289.5 bilion setakat 31 Disember 2021, terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan serta tunai dan dana jangka pendek.
- Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kekal sebagai komponen terbesar daripada jumlah aset pada 67.3% (2020: 67.3%).
- Kumpulan meneruskan fokusnya untuk berkembang secara bertanggungjawab, mengukuhkan pengurusan risiko dan menguruskan kedudukan pendanaan dan kecairan kami.

## Tunai &amp; Dana Jangka Pendek dan Deposit &amp; Penempatan dengan Bank dan Institusi Kewangan Lain

- Jumlah tunai & dana jangka pendek dan deposit & penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain Kumpulan meningkat sebanyak 55.7% kepada RM23.3 bilion setakat 31 Disember 2021.

## Portfolio Pelaburan Kewangan

- Portfolio pelaburan kewangan Kumpulan terdiri daripada aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL"), aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI") dan pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan.
- Portfolio pelaburan kewangan Kumpulan susut sebanyak 2.4% kepada RM61.9 bilion.

## Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan

- Pinjaman dan pembiayaan kasar Kumpulan meningkat sebanyak 6.7% tahun ke tahun kepada RM198.5 bilion, disokong terutamanya oleh pertumbuhan gadaai janji, kewangan auto/kenderaan, PKS, Komersial dan Singapura. Pinjaman dan pembiayaan domestik meningkat 4.8% tahun ke tahun. Bahagian pasaran pinjaman domestik Kumpulan berada pada 9.1% setakat akhir Disember 2021.
- Pinjaman kasar luar negara meningkat sebanyak 22.1%, terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan di Singapura dan Kemboja.

## KUALITI ASET

- Pinjaman terjejas kasar adalah RM3.0 bilion setakat 31 Disember 2021 masing-masing dengan nisbah pinjaman terjejas kasar sebanyak 1.49%, berbanding dengan RM3.2 bilion dan 1.71% setakat Disember 2020.
- Nisbah perlindungan kerugian pinjaman bagi Kumpulan, tidak termasuk rizab kawal selia, kekal melebihi 100% pada 122.4% setakat akhir Disember 2021.

## KECUKUPAN MODAL

Setakat 31 Disember 2021, nisbah ekuiti biasa Tahap 1 ("CET 1") dan nisbah jumlah modal Kumpulan kekal kukuh masing-masing pada 17.2% dan 19.8%, antara yang tertinggi dalam industri.




## ULASAN KETUA PEGAWAI KEWANGAN KUMPULAN

## ULASAN KETUA PEGAWAI KEWANGAN KUMPULAN

## RUMUSAN LIMA TAHUN KEWANGAN KUMPULAN

	2017	2018	2019	2020	2021
<b>KEPUTUSAN OPERASI (RM'Juta)</b>					
Keuntungan operasi sebelum elaun	3,200	3,448	3,670	3,799	<b>4,266</b>
Keuntungan sebelum cukai	2,558	3,119	3,394	2,644	<b>3,529</b>
Keuntungan bersih diagihkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank	1,950	2,305	2,482	2,033	<b>2,618</b>
<b>DATA LEMBARAN IMBANGAN (RM'Juta)</b>					
Jumlah aset	228,713	243,166	257,592	271,150	<b>289,541</b>
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar	160,026	168,879	176,175	186,114	<b>198,512</b>
Jumlah liabiliti	207,012	219,770	231,782	244,093	<b>261,511</b>
Deposit daripada para pelanggan	166,865	178,856	190,555	203,471	<b>218,733</b>
Ekuiti para pemegang saham	21,667	23,358	25,775	27,024	<b>27,998</b>
Komitmen dan kontigensi	172,226	172,941	150,428	157,480	<b>157,777</b>
<b>MAKLUMAT SAHAM</b>					
Dividen kasar sesaham (sen)	15.00	20.50	31.00	17.65	<b>40.00</b>
Aset bersih sesaham (RM)	5.4	5.8	6.4	6.7	<b>6.8</b>
Aset ketara bersih sesaham (RM)	4.6	5.0	5.6	5.9	<b>5.9</b>
Perolehan asas sesaham (sen)	48.6	57.5	61.9	50.7	<b>64.7</b>
Harga saham (RM)	5.00	5.29	5.78	5.45	<b>5.37</b>
Permodalan pasaran (RM'juta)	20,050	21,213	23,178	21,855	<b>22,247</b>
<b>NISBAH KEWANGAN (%)</b>					
<b>Nisbah Keuntungan</b>					
Pulangan bersih ke atas purata ekuiti	9.1	10.3	10.3	7.7	<b>9.6</b>
Pulangan bersih ke atas purata aset	0.8	1.0	1.0	0.8	<b>0.9</b>
Nisbah kos kepada pendapatan	49.9	49.3	48.0	47.1	<b>45.2</b>
<b>Kualiti Aset</b>					
Nisbah pinjaman kasar kepada deposit	96.0	94.4	92.5	91.5	<b>90.8</b>
Nisbah pinjaman terjejas kasar	2.23	2.06	1.97	1.71	<b>1.49</b>
<b>Saham biasa</b>					
Hasil dividen	3.0	3.9	5.4	3.2	<b>7.4</b>
Nisbah pembayaran dividen	30.8	35.7	50.1	34.8	<b>62.9</b>

## SOROTAN LIMA TAHUN KEWANGAN KUMPULAN



## PRESTASI SUKU TAHUNAN KUMPULAN

	2020					2021				
	Suku Pertama	Suku Kedua	Suku Ketiga	Suku Keempat	Jumlah	Suku Pertama	Suku Kedua	Suku Ketiga	Suku Keempat	Jumlah
<b>Prestasi Kewangan (RM'Juta)</b>										
Pendapatan berasaskan dana bersih	1,259	1,238	1,240	1,532	5,267	<b>1,417</b>	<b>1,432</b>	<b>1,492</b>	<b>1,534</b>	<b>5,875</b>
Pendapatan berasaskan bukan dana	471	713	591	562	2,336	<b>544</b>	<b>574</b>	<b>621</b>	<b>421</b>	<b>2,159</b>
Jumlah pendapatan	1,729	1,558	1,830	2,068	7,186	<b>1,923</b>	<b>2,006</b>	<b>1,941</b>	<b>1,919</b>	<b>7,789</b>
Keuntungan operasi sebelum elaun	912	732	976	1,179	3,799	<b>1,038</b>	<b>1,141</b>	<b>1,079</b>	<b>1,009</b>	<b>4,266</b>
Keuntungan sebelum cukai	761	519	790	574	2,644	<b>864</b>	<b>913</b>	<b>829</b>	<b>923</b>	<b>3,529</b>
Keuntungan bersih boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti Bank	571	401	622	439	2,033	<b>650</b>	<b>701</b>	<b>636</b>	<b>631</b>	<b>2,618</b>
Pendapatan sesaham (sen)	14.2	10.0	15.5	10.9	50.7	<b>16.2</b>	<b>17.5</b>	<b>15.6</b>	<b>15.3</b>	<b>64.7</b>
Dividen sesaham (sen)	-	-	10.00	7.65	17.65	-	<b>15.00</b>	-	<b>25.00</b>	<b>40.00</b>

## ULASAN KETUA PEGAWAI KEWANGAN KUMPULAN

## ULASAN KETUA PEGAWAI KEWANGAN KUMPULAN


## ASET DAN LIABILITI YANG MENGGALAS FAEDAH

	Amaun (RM'juta)	Kadar faedah efektif (%)	Pendapatan/ perbelanjaan faedah (RM'juta)
<b>2021</b>			
<b>Aset Pendapatan/ Perolehan Faedah</b>			
Tunai dan dana jangka pendek & deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain	23,318	1.10	204
Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian	2,778	3.03	52
Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	41,141	3.26	1,391
Pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan	17,962	3.61	624
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar	198,512	3.88	7,427
<b>Liabiliti Berfaedah</b>			
Deposit daripada para pelanggan & deposit dan penempatan bank dan institusi kewangan lain	242,140	1.39	3,299
Pinjaman/Obligasi subordinat/Sekuriti hutang kanan	6,996	3.28	247
<b>2020</b>			
<b>Aset Pendapatan/ Perolehan Faedah</b>			
Tunai dan dana jangka pendek & deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain	14,974	1.47	143
Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian	4,462	3.50	71
Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	42,903	3.63	1,463
Pelaburan kewangan pada kos yang dilunaskan	16,005	3.92	593
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar	186,114	4.41	7,945
<b>Liabiliti Berfaedah</b>			
Deposit daripada para pelanggan & deposit dan penempatan bank dan institusi kewangan lain	224,506	2.07	4,497
Pinjaman/Obligasi subordinat/Sekuriti hutang kanan	6,899	3.42	236

## PENYATA NILAI TAMBAH

	2020	2021
<b>Nilai tambah (RM'Juta)</b>		
Pendapatan faedah bersih	3,761	4,062
Pendapatan daripada Perniagaan Perbankan Islam	1,666	2,095
Pendapatan bukan faedah	2,177	1,876
Kerugian pengubahsuaian bersih	(418)	(245)
Tolak: Overhed tidak termasuk kos kakitangan, susut nilai, pelunasan & hapus kira	(1,048)	(1,059)
Tolak: Elaun bagi kerugian kredit & rosot nilai	(1,155)	(738)
Keuntungan daripada penamatan operasi	35	-
<b>Nilai tambah tersedia untuk pengagihan</b>	<b>5,018</b>	<b>5,991</b>

## PENGAGIHAN NILAI TAMBAH



## ULASAN KETUA PEGAWAI KEWANGAN KUMPULAN

## ULASAN KETUA PEGAWAI KEWANGAN KUMPULAN

## RANGKA KERJA PENGURUSAN MODAL KUMPULAN

Prinsip  
1

## TADBIR URUS PENGURUSAN MODAL

Proses tadbir urus untuk memantau aktiviti pengurusan modal telah dilaksanakan dan mentakrifkan dengan jelas peranan dan tanggungjawab dalam organisasi.

Prinsip  
2AKTIVITI PENGURUSAN MODAL –  
STRATEGI MODAL

Strategi modal diselaraskan dengan keseluruhan strategi perniagaan, profil risiko dan keperluan kawal selia.

Prinsip  
3AKTIVITI PENGURUSAN MODAL –  
PERANCANGAN MODAL

Kumpulan telah merangka pelan modal yang komprehensif dan berpandangan ke hadapan untuk menyokong pertumbuhan perniagaan dan memastikan kelestarian.

Prinsip  
4AKTIVITI PENGURUSAN MODAL – PERUNTUKAN  
MODAL/PENSTRUKTURAN/PENGOPTIMUMAN

Aktiviti pengurusan modal yang kukuh membolehkan Kumpulan menstruktur peruntukan modal dengan cekap di seluruh perniagaan dan entitinya untuk memastikan penggunaan modal dan pulangan yang optimum.

Prinsip  
5

## ANALITIK MODAL

Ini menyediakan pandangan untuk merangka strategi pengurusan modal Kumpulan dan membantu dalam menentukan keperluan bekalan dan permintaan modal.

Prinsip  
6

## PELAPORAN DAN PEMANTAUAN MODAL

Ini adalah penting untuk memastikan penerbitan maklumat modal yang lengkap, tepat pada masanya dan betul untuk keputusan pihak pengurusan.

## PENGURUSAN MODAL

## Rangkuman

Pendekatan pengurusan modal Kumpulan tertumpu kepada mengekalkan kedudukan modal yang kukuh bagi menyokong pertumbuhan perniagaannya di samping mengoptimumkan pulangan kepada para pemegang saham kami. Struktur dan rangka kerja modal yang dirangka bukan sahaja untuk memenuhi keperluan kawal selia, tetapi juga untuk memenuhi jangkaan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk para pemegang saham, pelabur dan agensi penarafan.

Untuk tujuan ini, Rangka Kerja Pengurusan Modal Kumpulan ("CMF") telah diwujudkan untuk menyediakan pengawasan bersepadu ke atas aktiviti pengurusan modal kami. Pengawasan ini merangkumi fungsi risiko, kewangan dan perbendaharaan, memberi nilai yang lebih besar kepada perniagaan.

## PEMANTAUAN DAN PERANCANGAN MODAL

Pengurusan modal yang berkesan adalah penting untuk mengekalkan kelestarian perniagaan. Kumpulan menguruskan kedudukan modalnya secara proaktif untuk memenuhi keperluan kawal selia dan jangkaan pelbagai pihak berkepentingan, serta menyokong objektif strategik perniagaan.

Kumpulan mencapai objektif ini melalui Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalam ("ICAAP") tahunan, di mana kami memantau dan mengurus kedudukan modal secara aktif dalam tempoh tiga tahun, yang melibatkan aktiviti kritikal berikut:

- (i) Menetapkan sasaran modal dalam kedua-dua keadaan pasaran biasa dan tertekan untuk semua syarikat subsidiari perbankan, di kedua-dua peringkat Kumpulan dan entiti, dengan mengambil kira perubahan kawal selia yang dijangkakan pada masa hadapan dan jangkaan pihak berkepentingan;
- (ii) Meramalkan permintaan modal untuk risiko material berdasarkan selera risiko Kumpulan; dan
- (iii) Menentukan keperluan modal dan profil kematangan sekuriti modal.

Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah ("BRC") dan Jawatankuasa Modal dan Risiko Kumpulan ("GCRC") bertanggungjawab untuk mengawasi proses perancangan dan penilaian modal dalam Kumpulan bagi memastikan Kumpulan dan syarikat subsidiarinya mengekalkan tahap dan kualiti modal yang sejajar dengan keseluruhan profil risiko dan strategi perniagaan Kumpulan.

## INISIATIF MODAL SEPANJANG TAHUN

Inisiatif modal utama yang dilaksanakan pada tahun 2021 adalah seperti berikut:

- (i) Obligasi Subordinat Tahap 2 patuh Basel III berjumlah RM500 juta telah diterbitkan oleh RHB Bank pada April 2021; dan
- (ii) Pada 25 Mei 2021, pewujudan pelan pelaburan semula dividen ("DRP") bagi RHB Bank telah diluluskan oleh para pemegang saham semasa Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM"). DRP memberi peluang kepada para pemegang saham RHB Bank untuk melabur semula dividen mereka dalam saham RHB Bank, sebagai ganti kepada penerimaan wang tunai. Para pemegang saham juga memberikan kuasa kepada para Pengarah untuk memperuntukkan dan menerbitkan sebilangan saham DRP dari semasa ke semasa yang diperlukan berhubung dividen yang akan diisytiharkan dan tertakluk kepada DRP sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga Pengarah. Kuasa Lembaga Pengarah untuk memperuntukkan dan menerbitkan saham DRP akan terus berkuat kuasa sehingga tamat AGM yang akan datang. Butiran saham RHB Bank yang diterbitkan di bawah DRP dinyatakan dalam Nota 34 Penyata Kewangan.

## NISBAH KECUKUPAN MODAL

## Keperluan modal minimum

Di bawah Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) dan Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Bank-Bank Islam (Komponen Modal) BNM, semua institusi kewangan dikehendaki untuk mengekalkan kawal selia minimum Modal Ekuiti Biasa Tahap 1 ("CET 1"), Modal Tahap 1 ("Tier 1") dan Nisbah Jumlah Modal masing-masing pada 4.5%, 6.0% dan 8.0%.

## Keperluan penampungan modal

Institusi kewangan dikehendaki untuk mengekalkan penampungan modal tambahan, iaitu Penampungan Pemuliharaan Modal ("CCB") dan Modal

Penampungan Kitaran Balas ("CCyB"), jauh melebihi nisbah modal minimum kawal selia. CCB ini bertujuan untuk membolehkan sistem perbankan untuk bertahan daripada tekanan pada masa hadapan dan telah diperkenalkan secara berperingkat sejak 2016 sehingga mencapai jumlah 2.5% pada 2019.

CCyB ialah purata wajaran kadar CCyB semasa yang digunakan dalam bidang kuasa di mana institusi kewangan mempunyai pendedahan kredit. Penampungan ini bertujuan untuk melindungi sektor perbankan secara keseluruhan daripada pertambahan risiko sistemik ketika peningkatan ekonomi apabila pertumbuhan kredit agregat cenderung ke arah berlebihan. Penggunaan CCyB melebihi nisbah modal minimum adalah dalam julat 0% hingga 2.5%. CCyB masih belum diumumkan, dan BNM akan memaklumkan sebarang keputusan mengenai kadar CCyB sehingga 12 bulan sebelum tarikh kadar tersebut digunakan.

Pada 5 Februari 2020, BNM telah mengeluarkan dokumen dasar mengenai Rangka Kerja Bank Domestik Penting Secara Sistemik ("D-SIB") yang menetapkan metodologi penilaian untuk mengenal pasti D-SIB di Malaysia dan keperluan pelaporan yang berkaitan. Institusi kewangan yang ditetapkan sebagai D-SIB dikehendaki mengekalkan peampungan modal yang lebih tinggi untuk memenuhi keperluan modal kawal selia yang merangkumi keperluan Penyerapan Kerugian Tinggi ("HLA").

Selaras dengan Rangka Kerja D-SIBs, keperluan HLA yang terpakai adalah antara 0.5% hingga 1.0% daripada aset berwajaran risiko, pada tahap yang disatukan. Keperluan HLA bagi D-SIB yang ditetapkan telah berkuat kuasa pada 31 Januari 2021. RHB Bank tidak dikenal pasti sebagai D-SIB menurut penyenaian D-SIB terkini yang diterbitkan dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM untuk Separuh Pertama Tahun 2021.

Jadual di bawah menunjukkan nisbah modal yang berkaitan bagi entiti perbankan utama Kumpulan yang dikawal selia, yang kesemuanya jauh melebihi keperluan minimum pengawalseliaan.

Setakat 31 Disember 2021	Kumpulan Perbankan RHB	RHB Bank	RHB Islamic Bank	RHB Investment Bank Berhad	RHB Investment Bank	Nisbah Minimum Pengawalseliaan
<b>Sebelum dividen:</b>						
Nisbah CET 1	17.831%	16.094%	17.635%	35.348%	29.319%	7.000%
Nisbah Tahap 1	17.831%	16.094%	17.635%	35.376%	29.319%	8.500%
Jumlah Nisbah Modal	20.455%	19.083%	20.780%	40.666%	40.027%	10.500%
<b>Selepas dividen:</b>						
Nisbah CET 1	17.200%	15.220%	16.849%	33.044%	24.231%	7.000%
NISBAH TAHAP 1	17.201%	15.220%	16.849%	33.071%	24.231%	8.500%
Jumlah Nisbah Modal	19.825%	18.210%	19.994%	38.361%	34.938%	10.500%

<sup>N1</sup> Termasuk Penampungan Pemuliharaan Modal sebanyak 2.50%.

## ULASAN KETUA PEGAWAI KEWANGAN KUMPULAN

## PENGURUSAN KUNCI KIRA-KIRA

## Rangkuman

Pengurusan kunci kira-kira bertujuan untuk mengoptimalkan pulangan dan meminimumkan kos melalui pengurusan aset dan liabiliti yang berkesan. Ia memerlukan semakan, pemantauan dan analisis mendalam secara tetap terhadap kedudukan kunci kira-kira untuk mencapai pertumbuhan perniagaan yang diinginkan dan memaksimumkan pulangan para pemegang saham, berlatarbelakangkan persekitaran kawal selia yang berubah-ubah serta landskap ekonomi dan perniagaan yang kompetitif.

Sinergi antara semua unit perniagaan dan fungsi seluruh Kumpulan adalah penting dalam memacu dan membentuk kedudukan kunci kira-kira yang optimum untuk Kumpulan melalui strategi yang dipersetujui. Strategi menyeluruh disemak dan dibincangkan oleh Jawatankuasa Aset dan Liabiliti Kumpulan ("GALCO"), di mana pertimbangan yang teliti telah dibuat berhubung selera risiko Kumpulan. Oleh itu, adalah penting untuk mempunyai strategi kukuh yang dipacu oleh unit perniagaan dan fungsi untuk mencapai pengurusan kunci kira-kira yang berkesan.


## STRUKTUR KUNCI KIRA-KIRA

Asas kunci kira-kira RHB terbina daripada ekuiti para pemegang saham, hutang jangka panjang dan deposit pelanggan teras. Strategi berhubung pembiayaan, pemerolehan dan gabungan produk disemak secara tetap untuk memastikan kelestarian serta kecekapan kos. Usaha dan kerjasama yang berterusan antara pelbagai perniagaan telah menghasilkan pertumbuhan Deposit Pelanggan Kumpulan sebanyak +7.5% tahun ke tahun (Disember 2020: 6.8%), manakala kos deposit berkurangan 15bps.

Kepelbagaian sumber deposit dan pembiayaan telah menjadi strategi jangka panjang kami yang berterusan. Pemerolehan deposit daripada perniagaan runcit dan borong diuruskan melalui hubungan kukuh kami dengan para pelanggan dan peningkatan tumpuan kami kepada saluran digital.

Asas deposit dan hutang jangka panjang kami yang stabil merupakan sumber dana utama untuk menyokong pertumbuhan aset. Melalui pengurusan kunci kira-kira yang strategik, jumlah bersih pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan Kumpulan meningkat sebanyak RM12.5 bilion kepada RM194.9 bilion pada akhir tahun 2021. Pertumbuhan pinjaman telah dicapai dan diuruskan melalui pertimbangan yang teliti memandangkan Kumpulan memberikan lebih penekanan terhadap kualiti kredit berdasarkan ekonomi yang memuaskan pada tahun 2021.

Jadual di bawah menunjukkan struktur pembiayaan aset setakat 31 Disember 2021.



Walaupun menghadapi cabaran baharu pada tahun 2021, Kumpulan mengekalkan daya ketahananannya dengan cara kerja yang *Agile*. Asas kukuh kami, analisis terperinci dan pemantauan berwaspada terhadap pengurusan kunci kira-kira, serta kesediaan dan ketangkasan kami untuk menerima perubahan, telah membolehkan kami mencapai matlamat yang ditetapkan dalam pelan strategik FIT22.

Di samping membina kejayaan yang dicapai melalui FIT22, bidang-bidang tumpuan telah dikenal pasti untuk meningkatkan lagi kekuatan dan kedudukan pasaran kami. Ini termasuk, antara lain, meningkatkan komposisi deposit runcit, mengembangkan bahagian pasaran perniagaan Permodalan Sederhana dan Permodalan Kecil, menekankan kecekapan kos serta menangani dan memperbaiki kelemahan dalam bidang yang berkaitan dengan risiko dan pematuhan dalam persekitaran perniagaan.

**NIK RIZAL KAMIL**

Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

## LANDSKAP PASARAN SERANTAU

**DR. SAILESH KUMAR JHA**  
Ketua Ahli  
Ekonomi  
Kumpulan



**ALEXANDER CHIA**  
Ketua,  
Penyelidikan  
Ekuiti Serantau,  
RHB Research



## MALAYSIA

## KAJIAN EKONOMI

Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK") Malaysia mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.1% tahun ke tahun pada 2021 daripada penguncupan sebanyak 5.6% pada 2020. Walaupun pertumbuhan ekonomi positif, sebahagian daripada peningkatan itu adalah berikutan kesan asas yang rendah, yang menyumbang kepada angka pertumbuhan yang tinggi, terutamanya pada suku kedua 2021. Sepanjang tahun, ekonomi negara mengalami beberapa siri penguncupan dan pengembangan sejajar dengan keputusan kerajaan untuk mengetatkan dan melonggarkan sekatan pergerakan dalam usaha untuk melindungi nyawa dan kelangsungan hidup yang disebabkan oleh pandemik COVID-19.

Penggunaan swasta adalah yang paling terjejas akibat pelaksanaan sekatan pergerakan yang berulang. Pada bulan Januari, ketika peningkatan kes di tahap yang tertingi, kerajaan telah mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan kedua ("PKP 2.0"). Langkah itu menyekat pergerakan dan operasi perniagaan, yang menyebabkan pengurangan perbelanjaan pengguna serta peningkatan pengangguran. Perbelanjaan pengguna kembali pulih pada bulan-bulan berikutnya apabila sekatan dilonggarkan secara beransur-ansur seiring dengan beberapa siri pakej rangsangan ekonomi. Walau bagaimanapun, kerajaan terpaksa mengenakan sekatan yang lebih ketat iaitu Perintah Kawalan Pergerakan Penuh ("FMCO"), pada akhir Mei akibat satu lagi gelombang jangkitan varian Delta yang amat mudah berjangkit. Pemulihan penggunaan yang lebih kukuh hanya berlaku menjelang penghujung suku ketiga 2021 apabila negara mencapai kadar vaksinasi yang tinggi, justeru

membolehkan kerajaan melaksanakan pelonggaran sekatan yang lebih konsisten dan boleh dijangka.

Prestasi pelaburan bercampur aduk berikutan sekatan pergerakan yang secara amnya memperlambatkan pelaksanaan projek atau pengembangan perniagaan. Walaupun penggunaan kapasiti pada mulanya tinggi dan mendorong perniagaan untuk melabur dalam pengembangan kapasiti, pergerakannya kekal perlahan disebabkan oleh pelbagai sekatan pergerakan, walau bagaimanapun kami mendapati terdapat peningkatan dalam bidang ini menjelang akhir tahun. Begitu juga, walaupun terdapat peruntukan perbelanjaan pembangunan yang tinggi, pelaburan awam terjejas kerana pelaksanaan projek awam yang agak perlahan kerana para pemaju perlu mematuhi SOP COVID-19, di mana had bilangan pekerja memberi kesan terhadap kadar produktiviti.

Walaupun ekonomi domestik terjejas, eksport tetap mencatatkan prestasi yang baik sepanjang tahun, disokong oleh gabungan permintaan global yang tinggi serta kenaikan harga komoditi. Manfaat yang diperolehi kebanyakannya adalah daripada sektor seperti elektrik & elektronik, kimia dan farmaseutikal, serta minyak sawit dan minyak & industri berkaitan gas. Sementara itu, permintaan pengguna yang lembap telah melemahkan import, menyebabkan negara mencatatkan lebih dagangan yang besar. Oleh yang demikian, sektor luaran memberikan sokongan kepada ekonomi meskipun negara bergelut dengan cabaran di peringkat domestik.

## TINJAUAN EKONOMI

Bagi 2022, kami menjangkakan ekonomi akan mencatatkan pertumbuhan KDNK sebanyak 5.5% tahun ke tahun. Penggunaan swasta diunjurkan menjadi pemacu utama disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, permintaan tertangguh berikutan pelonggaran sekatan pada penghujung tahun 2021 yang mungkin akan berlanjutan sehingga awal 2022. Ini akan didorong oleh lebih simpanan yang terkumpul sepanjang tempoh sekatan pergerakan. Dari segi fiskal, langkah-langkah termasuk pemberian tunai, pelepasan cukai kepada sektor automotif dan pelbagai bentuk sokongan yang diberikan kepada kumpulan yang rentan memberi impak positif terhadap penggunaan. Akhirnya, pengurangan kadar pengangguran pada separuh kedua tahun 2021, yang akan berterusan sehingga 2022, turut akan memacu pemulihan penggunaan yang lestari.

Di peringkat luaran, harga komoditi yang tinggi akan terus memberi manfaat kepada ekonomi melalui imbalan perdagangan yang positif. Di samping itu, pemulihan dalam pertumbuhan global yang dipacu oleh ekonomi AS dan pasaran pesat membangun utama dijangka akan berlaku

pada awal 2022. Secara keseluruhannya, permintaan global yang kukuh dijangka akan terus mendorong pertumbuhan eksport.

Berkenaan dasar monetari, kami menjangkakan Bank Negara Malaysia akan mengekalkan kadar faedah yang akomodatif hampir sepanjang tahun. Kadar pernormalan mungkin hanya akan berlaku apabila penggunaan stabil dan pertumbuhan ekonomi lebih kukuh dan meluas. Pada pandangan kami, ianya akan berlaku pada separuh kedua tahun 2022.

Risiko penurunan bagi prospek ekonomi pada masa hadapan termasuk kekangan penawaran berpanjangan yang mengehadkan pertumbuhan pengeluaran; isu-isu berkaitan China, termasuk penutupan kilang akibat pandemik dan permintaan yang semakin lemah; inflasi yang lebih tinggi disebabkan oleh kenaikan harga komoditi yang melebihi jangkaan; dan penarikan semula sokongan monetari dan fiskal yang awal.


## LANDSKAP PASARAN SERANTAU

## LANDSKAP PASARAN SERANTAU


## MALAYSIA

## TINJAUAN EKONOMI

## SUMBANGAN KEPADA PERTUMBUHAN KDNK (BAHAGIAN PERMINTAAN)



## SUMBANGAN KEPADA PERTUMBUHAN CPI SUKU KE SUKU



## KAJIAN &amp; TINJAUAN SEKTOR PERBANKAN

Sektor perbankan terus memainkan peranan yang penting dalam memudahkan sokongan kewangan kepada individu dan perniagaan berikutan PKPP yang dilaksanakan oleh kerajaan pada 1 Jun 2021. Kerajaan telah mengumumkan pelbagai bantuan kewangan termasuk moratorium pilihan selama enam bulan, dan pada penghujung tahun, Program Pengurusan & Ketahanan Kewangan ("URUS") bagi membantu para peminjam dari kalangan B50.

Pertumbuhan pinjaman sistem perbankan memperlambatkan dengan sertamerta antara Jun dan Ogos 2021, berikutan sekatan pergerakan di seluruh negara. Manakala pertumbuhan pinjaman menyederhana kepada 2.49% tahun ke tahun pada Ogos 2021 terutamanya disebabkan oleh permintaan yang amat lemah daripada perniagaan. Walau bagaimanapun, kelonggaran secara beransur-ansur ke atas sekatan pergerakan pada bulan September menyaksikan pemulihan yang kukuh terhadap pertumbuhan pinjaman sistem kepada 4.50% tahun ke tahun pada Disember 2021. Gadai janji kediaman kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan bagi segmen isi rumah dengan peningkatan sebanyak 6.76% tahun ke tahun pada Disember 2021, manakala pinjaman automotif meningkat dengan sederhana sebanyak 1.16% tahun ke tahun berikutan penjualan yang terjejas oleh langkah sekatan pergerakan dan kekurangan alat-alat ganti. Dalam segmen perniagaan, pinjaman modal kerja meningkat 7.13% tahun ke tahun, melebihi pertumbuhan dalam pinjaman sistem. Pertumbuhan dalam terbitan bon korporat bergerak dengan sederhana kepada 5.49% tahun ke tahun pada 2021 (2020: 6.52%).

Kadar pinjaman purata sistem perbankan ("ALR"), yang merosot berikutan pengurangan sebanyak 125bps dalam Kadar Dasar Semalaman ("OPR") pada 2020, secara relatifnya stabil antara April dan Disember 2021 dengan kadar dasar kekal pada 1.75% sejak Julai 2020. Seiring dengan ALR yang agak stabil, kadar deposit sistem perbankan

juga stabil sepanjang tempoh yang sama. Sementara itu, pertumbuhan kukuh dalam deposit CASA sebanyak 10.9% tahun ke tahun telah membantu mengurangkan kos pendanaan bank.

Kualiti aset sistem perbankan kekal berdaya tahan pada 2021, disokong dengan pelbagai bantuan. Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar sistem perbankan susut kepada 1.44% pada Disember 2021 (2020: 1.56%) daripada paras tahunan tertinggi pada 1.67% pada Julai dan Ogos, apabila sempadan negeri dibuka semula pada Oktober dan aktiviti ekonomi kembali memperoleh momentum. Namun, bank-bank terus membuat peruntukan tambahan untuk menghadapi potensi kerugian kredit. Peruntukan mencatatkan paras tertinggi buat beberapa tahun sebanyak 1.86% daripada jumlah pinjaman pada Disember 2021 berbanding 1.69% setahun yang lalu. Secara keseluruhannya, bank kekal dengan permodalan yang baik dengan nisbah CET 1 sistem perbankan pada 15.2% pada Disember 2021 (2020: 14.8%).

Isu pandemik COVID-19 akan kekal sebagai ketidakpastian jangka pendek bagi ekonomi Malaysia dijangka ditangani dengan lebih baik memandangkan kadar vaksinasi yang tinggi, di mana hampir 78% daripada keseluruhan populasi telah divaksin sepenuhnya pada penghujung 2021. Kami yakin pertumbuhan KDNK yang lebih kukuh pada 2022 akan merangsang permintaan menyeluruh terhadap pinjaman, dan seterusnya menghasilkan pertumbuhan pinjaman menyederhana yang lebih kukuh. Kami menjangkakan Margin Faedah Bersih ("NIM") akan menjadi stabil ke tahap yang lebih rendah sedikit pada sebahagian besar tahun 2022 sebelum kenaikan kadar dasar membantu meningkatkan prospek NIM menjelang penghujung 2022. Tinjauan ekonomi yang bertambah baik turut akan memberi impak positif ke atas kualiti aset, yang membawa kepada penurunan seterusnya dalam nisbah pinjaman tidak berbayar kasar.

## SINGAPURA

## KAJIAN EKONOMI

Ekonomi Singapura melonjak semula sebanyak 7.2% tahun ke tahun pada 2021 daripada penguncupan sebanyak 5.4% pada 2020 yang disebabkan oleh pandemik. Dengan pencapaian tahap vaksinasi penuh sebanyak 80% terhadap penduduknya menjelang Ogos 2021, negara tersebut merupakan antara yang terpentas dikalangan negara serantaunya yang melonggarkan sekatan secara beransur-ansur dan merangsang aktiviti ekonomi. Sejalan dengan pemulihan permintaan di peringkat global, sektor pembuatan meraih manfaat apabila aktiviti ekonomi disambung semula lebih awal, terutamanya dalam pengeluaran komponen berkaitan semikonduktor. Pemulihan dalam sektor perkhidmatan bercampur-campur apabila industri luaran dan moden mencatatkan prestasi yang lebih baik daripada sektor domestik. Tidak mengambil kira kesan asas yang rendah, pemulihan sektor pembinaan mengambil masa yang lebih lama disebabkan aktiviti yang dibebani oleh kekangan tenaga kerja dan bekalan.

Sementara itu, mobiliti aktiviti runcit dan rekreasi meningkat dengan stabil sepanjang tahun, yang membawa kepada peningkatan sederhana dalam prestasi jualan runcit bagi tahun berkenaan. Dari segi pasaran buruh, kadar pengangguran kekal melebihi purata pra-pandemik sekitar

2%, pada 2.4% pada penghujung 2021, apabila industri masih menuju ke arah pemulihan. Dari segi perdagangan, pemulihan permintaan global menyumbang kepada jumlah eksport, dengan pertumbuhan sebanyak 19.1% tahun ke tahun bagi 2021. Prestasi kukuh eksport berkaitan semikonduktor serta eksport berkaitan minyak, dalam keadaan harga minyak yang tinggi, telah meningkatkan prestasi eksport keseluruhan bagi tahun berkenaan.

Pihak Berkuasa Monetari Singapura ("MAS") mengetatkan dasar moneterinya pada Oktober 2021 dengan menaikkan sedikit julat dasar Kadar Tukaran Efektif Nominal Dolar Singapura ("S\$NEER") di samping mengekalkan lebar dan paras di mana julat dasar yang tidak berubah. Dalam langkah perubahan dasar mengejut antara mesyuarat pada 25 Januari 2022, MAS menaikkan sedikit kadar laluan apresiasi julat dasar S\$NEER. Langkah awal ini adalah untuk menangani kebimbangan inflasi yang meningkat. Inflasi Indeks Harga Pengguna Tahunan ("CPI") bagi 2021 meningkat sebanyak 2.3% tahun ke tahun secara purata, manakala dalam tempoh yang sama, inflasi teras meningkat sebanyak 0.9% tahun ke tahun. Ianya adalah peningkatan daripada inflasi CPI tahunan dan inflasi teras sebanyak -0.2% tahun ke tahun pada 2020.

## TINJAUAN EKONOMI

Bagi tahun 2022, kami menjangkakan unjuran KDNK sebanyak 4% tahun ke tahun. Peningkatan permintaan dijangkakan menyumbang kepada peningkatan dalam penggunaan dan pelaburan apabila ekonomi terus pulih setelah mengalami gangguan seketika pada suku keempat 2021. Tahap pertumbuhan yang lebih tinggi juga dijangka bakal didorong oleh pengukuhan pekerjaan apabila kelembapan dalam pasaran buruh diserap, sekali gus menyokong perbelanjaan domestik. Lebih-lebih lagi apabila negara ini melonggarkan sekatan sempadan terhadap lebih banyak negara, ketibaan pelawat dijangka akan terus meningkat, mendorong pertumbuhan yang amat dinantikan oleh industri berkaitan pelancongan dan hospitaliti.


Permintaan luar yang memperkukuh dijangka akan menyokong pertumbuhan eksport yang lestari bagi tahun berkenaan. Eksport dalam sektor elektronik dijangka kekal kukuh memandangkan kitaran elektronik global yang berdaya tahan dan permintaan berterusan daripada pasaran 5G. Momentum terhadap eksport berkaitan minyak berkemungkinan

akan berterusan sehingga separuh pertama 2022 kerana harga komoditi dijangka akan kekal tinggi.


Inflasi dijangka meningkat secara meluas disebabkan peningkatan kos import dan buruh. Kekangan bekalan yang berlanjutan dengan permintaan yang semakin pulih akan meningkatkan tekanan tolakan kos dalam beberapa suku tahun seterusnya. Selain itu, peningkatan dalam pertumbuhan gaji apabila pasaran buruh pulih mungkin akan meningkatkan kos perniagaan yang boleh menyebabkan harga pengguna yang lebih tinggi.

Kami menjangkakan MAS akan mengekalkan laluan apresiasi semasa dalam mesyuarat dasar moneteri pada April 2022. Walau bagaimanapun, ini sudah dijangkakan memandangkan inflasi teras kekal pada sasaran semasa, iaitu antara 1% dan 2% pada 2022. Pelarasan mungkin dibuat sejajar dengan pemulihan untuk mengetatkan lagi kadar dasar pada separuh kedua 2022.

## SUMBANGAN KEPADA PERTUMBUHAN KDNK (BAHAGIAN PERMINTAAN)



## SUMBANGAN KEPADA PERTUMBUHAN CPI SUKU KE SUKU



## LANDSKAP PASARAN SERANTAU

## LANDSKAP PASARAN SERANTAU

## SINGAPURA

## KAJIAN &amp; TINJAUAN SEKTOR PERBANKAN

Sektor perbankan Singapura terus menyokong dan memudahkan pelbagai skim bantuan kerajaan kepada perniagaan dan individu yang terjejas oleh wabak tersebut. Pelbagai bantuan telah disediakan sejak April 2020, dan dilanjutkan sehingga akhir September 2021. Sejak itu, terdapat tanda-tanda yang menunjukkan bahawa isi rumah dan perniagaan semakin pulih apabila kadar permohonan skim bantuan menurun menjelang akhir tahun 2021. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan peminjam yang memohon bantuan permulaan kini boleh meneruskan pembayaran balik pinjaman.

Pertumbuhan kredit secara keseluruhannya merosot pada suku pertama 2021 sebelum pulih dengan anggaran pencapaian sebanyak 9% tahun ke tahun pada Disember 2021. Peningkatan tersebut sebahagian besarnya didorong oleh pinjaman bukan bank apabila prospek ekonomi bertambah baik berikutan jangkitan COVID-19 yang menyederhana di Singapura dan negara serantau. Sektor perbankan Singapura juga terus mengekalkan penimbal modal dan kecairan yang kukuh sepanjang tempoh pandemik.

Nisbah keseluruhan Pinjaman Tidak Berbayar ("NPL") sistem perbankan kekal rendah pada 2.2% pada 3Q21 walaupun nisbah NPL bagi sektor pengangkutan & penyimpanan kekal tinggi, terutamanya disebabkan NPL daripada firma minyak dan gas yang meningkat berikutan kejatuhan minyak harga pada 2020. Jumlah perlindungan peruntukan dan perlindungan peruntukan khusus bagi sistem perbankan berada pada 99.7% pada suku ketiga 2021.

Varian Omicron yang muncul pada penghujung 2021 berkemungkinan melemahkan sektor tertentu buat sementara waktu tetapi dijangka tidak menjejaskan pemulihan ekonomi yang berterusan di Singapura dan di peringkat global. Kami percaya pertumbuhan pinjaman sistem Singapura akan terus meningkat pada kadar yang kukuh, walaupun menyederhana daripada peningkatan satu digit yang tinggi pada 2021 apabila kesan asas yang rendah semakin berkurangan. Prospek NIM bertambah baik apabila tekanan inflasi yang berterusan menunjukkan kitaran menaik kadar faedah oleh bank-bank pusat utama. Kualiti aset, yang berdaya tahan pada 2021, akan kekal kukuh pada 2022 meskipun dalam keadaan pemulihan ekonomi yang tidak sekata.

## THAILAND

## KAJIAN EKONOMI

Thailand mencatatkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 1% tahun ke tahun bagi 2021, peningkatan daripada -6.2% tahun ke tahun pada 2020. Kemunculan gelombang ketiga jangkitan pada April 2021 amat memberi kesan terhadap pemulihan yang dinanti-nantikan pada tahun tersebut dengan pelaksanaan sekatan yang ketat di seluruh negara. Mobiliti menurun dengan ketara, yang mengakibatkan kemerosotan dalam penggunaan dan aktiviti perniagaan pada hampir seluruh suku kedua dan ketiga 2021. Di samping itu, kelewatan perolehan vaksin untuk program vaksinasi negara telah memberi kesan terhadap pemulihan ekonomi, khususnya dalam sektor domestik dan pelancongan. Penambahbaikan dalam usaha membendung penularan virus dan pelonggaran sekatan secara beransur-ansur, serta pembukaan semula sempadan pada suku keempat 2021, telah sedikit sebanyak memberi harapan terhadap permintaan domestik dan industri pelancongan yang mengalami prestasi suram yang menyeluruh pada tahun berkenaan.

Namun begitu, prestasi eksport yang berdaya tahan menjadi sokongan utama kepada ekonomi, berikutan pemulihan permintaan global dan kejatuhan nilai Baht Thai. Eksport pembuatan seperti alat ganti automotif, elektronik dan jentera kekal teguh sepanjang tahun manakala harga komoditi yang tinggi telah memberi manfaat terhadap eksport produk berkaitan minyak dan pertanian.

Inflasi CPI mencatatkan 1.2% tahun ke tahun pada 2021 berbanding -0.8% tahun ke tahun pada 2020 disebabkan kelembapan ekonomi dan penyediaan langkah bantuan untuk mengurangkan kos sara hidup hampir sepanjang tahun. Kerajaan telah memperuntukkan sekitar THB1.5 trilion dalam bentuk pinjaman untuk membiayai bantuan fiskal. Selain itu, had hutang telah dinaikkan buat sementara waktu daripada 60% kepada 70% untuk memberikan negara tersebut lebih fiskal. Justeru itu, Bank of Thailand ("BoT") telah mengekalkan kadar dasarnya tidak berubah pada kadar 0.5%, paling rendah bagi 2021 untuk menyokong langkah fiskal kerajaan yang sedang dilaksanakan.

## TINJAUAN EKONOMI

Pada 2022, kami menjangkakan pertumbuhan KDNK sebanyak 4.1% tahun ke tahun berikutan permintaan yang meningkat dan pemulihan semula dalam sektor pelancongan. Permintaan dalam negara dijangka bertambah baik apabila kadar vaksinasi meningkat dan pelonggaran sekatan, mempromosikan peningkatan dalam mobiliti dalam aktiviti ekonomi dan perniagaan. Permintaan yang meningkat juga akan merangsang aktiviti penggunaan manakala sokongan fiskal daripada kerajaan dijangka akan berterusan, terutamanya bagi sektor yang terjejas. Industri pelancongan juga dijangka menyaksikan peningkatan dalam bilangan pelawat asing apabila negara itu membuka semula sempadannya. Namun begitu, pemulihan dalam jumlah ketibaan pelawat bagi tahun ini dijangka masih akan berkurangan berbanding purata pelawat pra-pandemik.

Dari segi perdagangan, kami menjangkakan momentum eksport akan kekal kukuh di tengah-tengah pemulihan dalam permintaan global, terutamanya dalam industri semikonduktor. Di samping itu, eksport perkhidmatan dijangka akan mencatatkan peningkatan pertumbuhan dengan pemulihan sektor pelancongan secara beransur-ansur.

Inflasi dijangka berkembang pada 1.5% tahun ke tahun dengan risiko cenderung ke arah peningkatan. Tekanan daripada permintaan terhadap kenaikan kos gaji mungkin timbul apabila pasaran buruh bertambah baik. Bagi tekanan peningkatan kos, kesan daripada gangguan rantaian bekalan global dijangka berpanjangan sehingga 2022, meningkatkan kos import bagi pengeluaran, yang mungkin diserapkan melalui harga pengguna pada 2022.

Kami menjangkakan BoT akan mengekalkan kadar dasar 0.5% pada tahun 2022 memandangkan pemulihan ekonomi kekal terdedah kepada risiko kemunculan semula pandemik di peringkat luaran dan domestik. Walau bagaimanapun, kadar vaksinasi yang lebih tinggi dijangka akan mengurangkan pengulangan kejadian jangkitan yang teruk seperti pada tahun lalu. Langkah-langkah fiskal oleh kerajaan dilihat sebagai kaedah utama untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi bagi tahun berkenaan.

## KEMBOJA

## KAJIAN EKONOMI

Pandemik COVID-19 terus menjejaskan ekonomi negara Kemboja pada 2021 apabila wabak tersebut menyebabkan negara itu menguatkuasakan sekatan terhadap pergerakan pada sebahagian besar suku kedua dan ketiga 2021, yang menjejaskan potensi pemulihan ekonomi.

Kerajaan Kemboja bertindak balas dengan pantas terhadap krisis kesihatan melalui langkah-langkah untuk membendung penularan virus dan menyokong mata pencarian serta perniagaan yang terjejas. Kerajaan segera memperuntukkan sumber kepada penjagaan kesihatan dan mengurangkan perbelanjaan untuk butiran belanjawan lain. Ia diikuti dengan pinjaman dan jaminan kepada perniagaan kecil yang terjejas termasuk pelepasan cukai, subsidi gaji dan sokongan untuk melatih semula pekerja, dan melaksanakan sistem pengagihan tunai kepada isi rumah yang terjejas.

Program vaksinasi negara juga berjalan dengan baik, di mana Kemboja merupakan salah satu negara dengan kadar vaksinasi tertinggi di

rantau ini. Sehingga 31 Disember 2021, seramai 13.66 juta atau 81.7% daripada jumlah penduduknya telah diberi vaksin sepenuhnya.

Pertumbuhan KDNK dianggarkan pulih daripada penguncupan 3.1% pada 2020 kepada pertumbuhan positif sebanyak 2.2% pada 2021 berikutan permintaan luar yang bertambah baik, terutamanya terhadap pakaian dan kasut. Eksport produk pertanian dan produk bukan pakaian lain, seperti basikal dan komponen elektronik, juga mencatatkan pertumbuhan kukuh pada 2021.

Walaupun kewangan awam mengalami tekanan susulan perbelanjaan berlebihan dalam sokongan sosial dan rangsangan ekonomi, risiko hutang awam Kemboja kekal rendah. Inflasi berjaya dikawal dengan baik di bawah 3% dan kadar pertukaran adalah agak stabil di mana Riel Khmer menyusut nilai dalam julat 2% berbanding USD sepanjang tempoh pandemik, berikutan langkah intervensi bank pusat.

## TINJAUAN EKONOMI

Kejayaan program vaksinasi Kemboja membolehkan kelonggaran sekatan COVID-19 secara beransur-ansur oleh pihak berkuasa di peringkat domestik dan membolehkan kebanyakan sektor ekonomi dibuka semula menjelang suku ketiga 2021. Menjelang November 2021, Kemboja telah membuka semula sempadan antarabangnya kepada pelawat yang telah menerima vaksin, menjadikannya salah satu daripada hanya dua negara di ASEAN - selain Thailand - yang berbuat demikian. Walaupun dengan kemunculan varian Omicron COVID-19 yang baharu, Kemboja kekal dibuka sejak itu tanpa peningkatan ketara dalam bilangan kes tempatan.

Pertumbuhan ekonomi diramalkan pada 5.1% pada 2022 dan mungkin meningkat secara beransur-ansur ke paras sebelum krisis sekitar 7% dalam jangka sederhana. Pertumbuhan akan dipacu oleh permintaan luar, didorong oleh pemulihan yang memberangsangkan di AS, China dan Eropah. Perjanjian Perdagangan Bebas Kemboja-China, yang

berkuat kuasa pada 1 Januari 2022, dijangka akan meningkatkan lagi pelaburan dan eksport asing ke China. Sektor pelancongan dijangka mengambil tempoh lebih lama untuk pulih ke tahap sebelum krisis dan oleh itu, pertumbuhan jangka pendek akan bergantung kepada pembuatan dan perkhidmatan lain. Pertumbuhan dalam pembinaan dan hartanah dijangka kekal lemah berikutan lebih bekalan jangka pendek yang ketara dalam hartanah komersial dan kediaman.

Pertumbuhan ekonomi masa depan banyak bergantung kepada perkembangan situasi pandemik. Usaha membendung virus yang lebih pantas di Kemboja dan negara lain akan memudahkan penyambungan semula sektor pelancongan manakala kemajuan yang lebih perlahan akan menjejaskan prospek pertumbuhan. Inflasi dijangka kekal terkawal. Dengan pertumbuhan tidak mencapai potensi, inflasi keseluruhan diunjur akan berterusan sekitar 3% sepanjang jangka sederhana.

## KAJIAN &amp; TINJAUAN SEKTOR PERBANKAN

Pada awal krisis COVID-19, Bank Negara Kemboja memperkenalkan langkah untuk meningkatkan kecairan dan memudahkan penstrukturan semula pinjaman. Beberapa langkah telah dilaksanakan untuk meningkatkan kecairan dalam sektor perbankan, seperti menurunkan nisbah rizab yang diperlukan dan pengurangan kadar faedah ke atas Operasi Bercagar Tersedia Kecairan ("LCPO") dan Sijil Deposit Boleh Runding, yang merupakan cagaran untuk LPCO.

Dasar penstrukturan semula pinjaman yang diperkenalkan pada Mei 2020 telah dilanjutkan sebanyak dua kali pada 2020 dan 2021 dan dijangka berakhir pada Jun 2022. Pelanjutan terkini yang diberikan pada Disember 2021 turut menetapkan kriteria untuk klasifikasi pinjaman yang telah distruktur semula. Pada 31 Disember 2021, pinjaman yang distruktur semula di bawah program bantuan Bank Negara Kemboja adalah sebanyak USD5.5 bilion (KHR22.4 trilion), mewakili hampir 12% daripada jumlah pinjaman dalam industri perbankan.

Pada tahun 2021, National Bank of Cambodia ("NBC") meminta bank menjalankan ujian tekanan ke atas portfolio yang distruktur semula untuk menilai sejauh mana kekurangan peruntukan berkenaan dengan persekitaran kawal selia sebelum COVID-19 dan menilai penimbal modal sedia ada. Penunjuk kewangan seluruh sistem pada dasarnya kekal teguh memandangkan nisbah kesolvenan bagi bank dan institusi kewangan mikro ("MFI") kekal jauh melebihi had kawal selia, masing-masing pada 23.4% dan 21.3%.

Pertumbuhan sektor perbankan terus berdaya tahan di tengah-tengah pandemik. Pada 2021, aset berkembang sebanyak 16% manakala pinjaman dan deposit masing-masing meningkat sebanyak 21.5% dan 15.4%. Pinjaman tidak berbayar berada pada 2.4% untuk kedua-dua bank dan MFI.

## KETERLIBATAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

## KETERLIBATAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

RHB mentakrifkan pihak berkepentingan\* sebagai kumpulan yang mempengaruhi dan/atau boleh terkesan oleh aktiviti, produk atau perkhidmatan Kumpulan dan prestasi yang berkaitan.

Kumpulan mengambil pendekatan yang inklusif dan sistematik untuk terlibat dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk lebih memahami dan bertindak balas untuk memenuhi keperluan dan kebimbangan mereka. Penglibatan dengan pihak berkepentingan juga mempengaruhi hal-hal materialiti serta proses membuat keputusan kami yang seterusnya akan membolehkan kami menangani sebarang kelemahan dan mengurus jangkaan pihak berkepentingan dengan lebih baik.

### KEKERAPAN KETERLIBATAN

- F1 Tahunan
- F3 Bulanan
- F5 Secara Berkala
- F7 Berterusan
- F2 Suku Tahun
- F4 Mingguan
- F6 Apabila diperlukan

\* Kumpulan merujuk kepada Panduan Pelaporan Kelestarian Bursa Malaysia (Edisi ke-2) dan Piawaian Keterlibatan Pihak Berkepentingan 2015 AA1000 untuk mengenal pasti pihak berkepentingan utama.

### PARA PEMEGANG SAHAM DAN PELABUR

Kami menyediakan maklumat yang berkaitan kepada para pemegang saham dan pelabur kami untuk mereka membuat keputusan pelaburan bermaklumat mengenai RHB serta berkongsi dengan mereka mengenai prestasi kewangan dan hala tuju strategik Kumpulan.

**Perkara Material:**  
Pembiayaan Lestari, Tadbir Urus Perniagaan yang Baik, Landskap Pengawal Selia yang Dinamik

#### Platform Keterlibatan

- F1 F6 • Mesyuarat Agung Tahunan dan Luar Biasa
- Mesyuarat dan taklimat bersama para penganalisis dan pengurus dana
- F1 • Laporan Tahunan/ Laporan Bersepadu
- F1 • Laporan Kelestarian
- F6 • Pengumuman Bursa Malaysia
- F2 • Pengumuman keputusan kewangan suku tahunan dan tahunan
- F6 • Komunikasi dalam talian (emel, laman sesawang korporat, media sosial)
- F6 • Mesyuarat/perbincangan berkala
- F6 • Jerayawara, persidangan dan perbincangan meja bulat

#### Kebimbangan/Jangkaan Pihak Berkepentingan

- Pertumbuhan hasil berdaya tahan dan pengurusan kos
- Kualiti aset dan pengurusan risiko kredit
- Pendekatan dan kemajuan dalam kelestarian atau ESG, yang termasuk penyepaduan risiko berkaitan iklim ke dalam proses pengurusan risiko
- Tingkah laku dan amalan perniagaan yang beretika dan bertanggungjawab
- Tadbir urus korporat
- Polisi dan pembayaran dividen
- Langkah-langkah untuk mengurangkan kesan pandemik
- Bantuan kewangan disediakan untuk para pelanggan, pendedahan kepada segmen yang terdedah dan impak terhadap keuntungan Kumpulan
- Kemajuan strategi FIT22 dan perjalanan transformasi digital Kumpulan
- Pembangunan komuniti

#### Maklum Balas RHB Terhadap Kebimbangan /Jangkaan

##### Memastikan Tadbir Urus Korporat yang Kukuh

- Menetapkan dasar tadbir urus yang mantap, memastikan pengawasan yang mencukupi ke atas pengurusan dan Lembaga Pengarah.
- Komited terhadap pendedahan dan pelaporan yang telus dan tepat.
- Pelantikan lima Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan seorang Pengarah Bebas Kanan Bukan Eksekutif kepada Lembaga Pengarah RHB Bank Berhad.

##### Pertumbuhan Perniagaan yang Lestari Di Pertengahan Cabaran Pandemik

- Memastikan kesediaan Kumpulan dalam bertindak terhadap kesan kemelosotan ekonomi akibat pandemik, melalui pendigitalan perjalanan pelanggan, mengubah pengurusan risiko kredit dan menyediakan tenaga kerja untuk masa depan.
- Kekal berhemat dan terus membuat peruntukan awal untuk menampung potensi kesan buruk ke atas kualiti aset.
- Menyediakan kemas kini berterusan mengenai pendedahan Kumpulan bagi segmen yang rentan bagi segmen runcit dan bukan runcit.
- Memastikan kesinambungan perniagaan, kesihatan dan keselamatan kakitangan kami dan sokongan berterusan kepada para pelanggan kami semasa pandemik.

- Memberi sokongan kepada para pelanggan melalui moratorium dan program bantuan pembayaran.

##### Mempertingkatkan Pendekatan Kelestarian

- Menyemak semula dan mengemas kini Rangka Kerja Kelestarian sedia ada Kumpulan untuk memastikan keberkaitan yang berterusan dan mewujudkan Strategi dan Pelan Hala Tuju Kelestarian 5 tahun (2022-2026) yang baharu.
- Memulakan Program Tindakan Iklim Kumpulan ke arah mempertingkatkan amalan pengurusan risiko iklim Kumpulan dan mengenal pasti peluang komersial.
- Menggalakkan keterangkuman dan akses kewangan melalui pelbagai produk dan perkhidmatan.

##### Memastikan Pihak Berkepentingan Dimaklumkan

- Keterlibatan setiap suku tahun bersama Penganalisis mengenai prestasi kewangan Kumpulan, kemajuan strategi FIT22, pencapaian utama kelestarian dan bantuan kewangan kepada para pelanggan semasa pandemik.
- Berkongsi kemajuan perjalanan Transformasi Digital Kumpulan melalui Hari Digital RHB.

### PARA PELANGGAN

Formula kemenangan utama yang membezakan kami dengan para pesaing ialah keupayaan kami dalam membina kepercayaan, menyampaikan kemudahan dan mencipta nilai kepada para pelanggan untuk lebih memahami keperluan mereka agar kami dapat memberi cadangan kepada penyelesaian kewangan yang tepat kepada mereka.

**Perkara Material:**  
Keterangkuman Kewangan dan Pendidikan, Pengurusan Perhubungan Pelanggan, Layanan Adil kepada Konsumer Kewangan, Perlindungan Data dan Keselamatan Siber, Digitalisasi dan Pelaburan dalam Teknologi

- F6 • Komunikasi dalam talian dan digital (e-mel, laman sesawang korporat, media sosial)
- F6 • Acara rangkaian pelanggan
- F5 • Kaji selidik (pasca perkhidmatan, pasca transaksi, resolusi pasca aduan, kaji selidik menyeluruh pengalaman pelanggan, kaji selidik titik sentuh, kaji selidik produk, dsb.)
- F5 • Kumpulan fokus dan penglibatan reka bentuk perkhidmatan
- F7 • Seminar dan forum
- F7 • Program interaksi
- F7 • Perbincangan penyelesaian aduan dan Advokasi Pelanggan
- F7 • Penglibatan Pengurus Perhubungan
- F7 • Komunikasi fizikal (surat, notis, dsb.)
- F7 • Saluran maklum balas (efeedback\*\*, customer.service@rhbgroup.com, customer.advocacy@rhbgroup.com)
- F6 • Klinik Perkhidmatan
- Cawangan, Pusat Jualan & Perkhidmatan, Pusat Panggilan
- F7 • Lawatan Jualan dan Perkhidmatan

- Layanan yang adil dan perlakuan yang saksama urusan perniagaan
- Nasihat kewangan peribadi dan penyelesaian dengan pilihan perbankan yang cepat dan mudah
- Keselamatan siber dan persekitaran yang selamat untuk menjalankan aktiviti perbankan
- Kebolehcapaian kepada perkhidmatan perbankan sepanjang pandemik
- Ketersediaan program bantuan pembayaran untuk membantu para pelanggan yang terjejas oleh COVID-19
- Keselamatan di cawangan dan pusat jualan

##### Menyampaikan Penyelesaian Pelanggan yang Lestari Melalui Layanan Adil dan Kecemerlangan Perkhidmatan

- Memastikan produk dan perkhidmatan disampaikan selaras dengan Dasar Layanan Adil Pengguna Kewangan ("FTFC") BNM.
- Memperkukuh saluran digital dalam menyediakan pengalaman pelanggan yang dipertingkatkan dan akses kepada kewangan.
- Memacu kecemerlangan perkhidmatan melalui Budaya Perkhidmatan RHB Way yang tertumpu kepada penambahbaikan pengalaman pelanggan keseluruhan melalui insan, proses, teknologi dan produk, seperti yang dilihat dalam Skor Promoter Bersih Kumpulan RHB MY yang lebih tinggi (pencapaian +15 pada 2021, +2 mata lebih tinggi dari tahun 2020).
- Memudahkan komunikasi pelanggan dari segi bahan dan kandungan dengan menggunakan bahasa yang mudah dan meminimumkan istilah perundangan yang rumit dan teknikal.
- Memudahkan pelanggan menghubungi RHB dengan meningkatkan akses kepada saluran sedia ada dan membangunkan lebih banyak platform sebagai pilihan untuk mengakses RHB bagi mendapatkan bantuan dan sokongan.

##### Melindungi Privasi Pelanggan dan Perlindungan Data

- Melanggan Perkhidmatan Penilaian Risiko Keselamatan IT Pihak Ketiga sebagai sebahagian daripada proses meningkatkan ketelitian wajar pihak ketiga.
- Menganjurkan latihan kesedaran keselamatan IT mandatori untuk kakitangan dan mengembangkan program latihan dengan memasukkan ahli Lembaga Pengarah dan pihak ketiga bagi memastikan semua kakitangan memahami peranan mereka dalam melindungi maklumat dan urusan niaga pelanggan.
- Mencapai pensijilan semula Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO/IEC 27001 bagi sistem e-Perbankan dan transaksi teras kami.
- Melaksanakan alat Pengesanan dan Tindak Balas Titik Akhir ("EDR") untuk mengesan dan menghentikan aktiviti berniat jahat melalui komputer meja dan komputer riba.

- Menyediakan kemas kini berterusan Petunjuk Kompromi ("IoC") dalam penyelesaian keselamatan (cth. Sistem Pencegahan Pencerobohan, Gerbang E-mel Selamat) untuk mengesan dan menyekat aktiviti di luar kebiasaan.
- Mempertingkatkan rangka kerja dan dasar berkaitan teknologi dan pengurusan risiko siber serta pengukuhan berterusan kawalan keselamatan IT, dengan mengambil kira norma baharu dan landskap teknologi yang sentiasa berkembang.

##### Menyediakan Bantuan Pembiayaan Semasa Kemuncak Pandemik

- Bantuan Pembayaran Balik berada pada kemuncaknya pada September 2020, dengan baki tertunggak moratorium awal berjumlah RM107.1 bilion atau 66% daripada jumlah pinjaman domestik, untuk lebih daripada 753,000 pelanggan.
- Menyediakan lebih RM20.3 bilion bantuan kewangan kepada PKS melalui pinjaman dan kemudahan pembiayaan dalam Bantuan Pembayaran Balik, termasuk penyampaian Kemudahan Bantuan Khas kerajaan ("SRF") dan Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar, serta program Pembiayaan Bantuan BizPower RHB ("BRF") dan program Pembiayaan Bantuan PKS Peruncit.
- Menyediakan URUS, program sokongan pembangunan.

##### Menjaga Keselamatan Para Pelanggan Kami

- Melaksanakan SOP yang ketat untuk memastikan keselamatan para pelanggan di cawangan termasuk menghadkan bilangan para pelanggan yang dibenarkan masuk ke dalam premis pada satu-satu masa sepanjang situasi pandemik.
- Menyediakan sistem giliran secara digital dan masa nyata di cawangan melalui aplikasi mudah alih untuk pelanggan membuat temu janji mereka lebih awal.
- Menggalakkan transaksi perbankan dalam talian melalui RHB Now dan RHB Mobile App.

\*\* an online survey for customers to rate the service of a branch.

## KETERLIBATAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

## KETERLIBATAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

## PARA RAKAN NIAGA

Dalam memacu prestasi perniagaan dan menyampaikan produk dan perkhidmatan yang unggul kepada para pelanggan, kami melibatkan bersama para rakan niaga kami dalam perikatan strategik untuk saling memanfaatkan peluang-peluang perniagaan dalam pasaran.

### Perkara Material:

Perolehan Lestari, Tadbir Urus Perniagaan yang Baik, Perlindungan Data dan Keselamatan Siber

### Platform Keterlibatan

- FB • Lawatan syarikat
- F7 • Keterlibatan formal & tidak formal
- F7 • Komunikasi dalam talian (e-mel, laman sesawang korporat dan media sosial)
- F7 • Proses tender dan mekanisme maklum balas pembekal
- FB • Bengkel Penyelesaian Reka Bentuk Bersama
- FB • Program pensijilan dan penyerapan dengan pemimpin dan pakar industri

### Kebimbangan/Jangkaan Pihak Berkepentingan

- Sistem e-Perolehan mesra pengguna
- Penilaian yang adil terhadap cadangan pembekal
- Dasar dan garis panduan baharu yang mungkin menjejaskan prestasi pembekal
- Privasi dan kerahsiaan
- Kesegerakan pembayaran

### Maklum Balas RHB Terhadap Kebimbangan /Jangkaan

#### Memberi Bimbingan dan Sokongan untuk Para Penjual dan Pembekal

- Menjalankan sesi keterlibatan merangkumi topik mengenai garis panduan dan prosedur, cukai jualan dan perkhidmatan, prestasi pembekal, perkara berkaitan pembayaran dan pembaharuan kontrak. Sesi keterlibatan ini meneguhkan komitmen kami ke arah mendapatkan sumber secara telus dan mengekalkan amalan yang adil.
- Menjalankan latihan untuk penjual dan pembekal setiap tahun sebagai sebahagian daripada infrastruktur sokongan yang disediakan untuk rangkaian pembekal RHB.
- Mewujudkan dasar Perolehan Lestari yang disokong oleh proses perolehan yang mantap untuk menggalakkan amalan perolehan yang bertanggungjawab dan lestari.

#### Memastikan Sistem Perolehan yang Adil

- Menjalankan lawatan ke premis pejabat atau pejabat Rakan Niaga kami untuk lebih memahami tentang persekitaran dan budaya kerja Rakan Niaga kami, pengurusan kesinambungan perniagaan dan infrastruktur sistem.
- Cadangan daripada vendor dikemukakan secara digital untuk memastikan kerahsiaan dan ketelusan tanpa penglibatan pemilik projek.
- Cadangan dinilai secara adil berdasarkan merit dan berpandukan satu set kriteria yang dikenal pasti dengan jelas.

#### Menghormati Amalan Perniagaan yang Baik

- Pembayaran akan dibuat mengikut Terma Perjanjian, pada atau sebelum tarikh tamat melalui pindahan digital.

## KAKITANGAN

Kami komited untuk menjadi majikan pilihan dengan tenaga kerja yang produktif, tangkas dan peka untuk memberikan perkhidmatan luar biasa kepada para pelanggan di samping memastikan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan kakitangan sentiasa terjamin. Keterlibatan kakitangan adalah pemacu kritikal kepada kejayaan perniagaan dalam pasaran yang berdaya saing pada hari ini.

### Perkara Material:

Pengurusan Bakat, Latihan dan Pendidikan Kakitangan, Kesihatan Kakitangan, Keselamatan dan Kesejahteraan, Kepelbagaian dan Peluang Sama Rata

- F7 • Intranet (My1Portal dan MyLink2HR) dan e-mel
- F7 • Saluran media sosial dalaman RHB, Workplace oleh Meta dan pengecaman melalui ThanksBot
- F7 • Aktiviti sosial, sukan dan rekreasi
- FB • Sesi keterlibatan semasa musim perayaan
- F1 • Tinjauan Keterlibatan Kakitangan ("EES") Tahunan dan Tinjauan Keberkesanan Pelanggan Dalaman ("ICES")
- F7 • Saluran aduan secara rasmi dan formal
- F7 • Mesyuarat rasmi - Sesi Bual Bicara bersama GMD dan Dialog Umum (Townhalls) yang dijalankan di seluruh rantau
- F2 FB • Forum Kepimpinan Kanan, Sesi Siaran Langsung GMD

- Matlamat dan objektif kakitangan
- Ganjaran dan pengiktirafan
- Keterlibatan yang lestari
- Organisasi kerja
- Perkembangan kerjaya
- Pembelajaran dan pembangunan
- Keselamatan dan kesihatan kakitangan
- Peralatan untuk kakitangan bekerja secara jarak jauh

### Menyokong Pertumbuhan Profesional Kakitangan Kami

- Mewujudkan program Cadangan Nilai Kakitangan yang mantap untuk menarik dan mengekalkan bakat.
- Melatih semula/meningkatkan kemahiran kakitangan melalui pelbagai intervensi pembangunan seperti Program Pengurus RHB dan Program Kemahiran Masa Depan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM24.6 juta.
- Menubuhkan Program Tenaga Kerja Masa Hadapan ("WOTF") untuk meningkatkan kemahiran dan melatih semula kakitangan ke arah peranan yang lebih bertumpu digital dan mengutamakan pelanggan dengan menguatkuasakan garis panduan perancangan tenaga kerja dan menubuhkan pasukan pengambilan khusus untuk meningkatkan jumlah tenaga kerja dalam bidang Digital, IT dan Analitik.

### Memastikan Keterlibatan yang Lestari

- Menjalankan Tinjauan Keterlibatan Kakitangan ("EES") setiap tahun untuk mengukur tahap kepuasan kakitangan dan mendapatkan maklum balas mengenai bidang untuk penambahbaikan. Pada 2021, skor EES adalah sebanyak 90, setanding dengan norma industri.
- Menjalankan jerayawara untuk berkongsi hala tuju strategik kami dengan kakitangan kami, di peringkat tempatan dan serantau, dan melalui kemas kini langsung di Workplace@Facebook melalui Meta untuk penglibatan berterusan dengan kakitangan.
- Menjalankan semakan penanda aras gaji sebagai perbandingan terhadap pasaran dan program pengkalan
- Menjalankan Forum Kepimpinan Kanan suku tahunan dan taklimat umum seluruh Kumpulan untuk berkongsi dengan pemimpin kanan mengenai prestasi kewangan dan pencapaian Kumpulan dan untuk memaklumkan kemas kini status inisiatif strategik utama secara langsung.
- Penglibatan berterusan dengan kakitangan mengenai perkembangan kerjaya mereka melalui perbincangan suku tahunan secara perseorangan mengenai prestasi dan perbincangan tahunan mengenai perkembangan dan pembangunan kerjaya.

### Menjaga Kesihatan, Keselamatan dan Kesejahteraan Semasa COVID-19

- Melancarkan Program Kesejahteraan Kakitangan yang dipertingkatkan dan diperhalusi.
- Pemberitahuan melalui saluran komunikasi tentang langkah keselamatan dan langkah berjaga-jaga yang perlu dipatuhi.
- Menyampaikan kemas kini secara kerap tentang perkara berkaitan pandemik COVID-19 untuk memastikan kakitangan mengikuti perkembangan terkini dalam memastikan keselamatan dan kesihatan melalui Sesi Siaran Langsung bersama GMD dan Workplace@Facebook oleh Meta.
- Memastikan pematuhan ketat terhadap Prosedur Operasi Standard ("SOP") di dalam premis pejabat dan cawangan; membenarkan pengaturan Kerja Dari Rumah ("WFH"); melaksanakan operasi kerja berasingan untuk fungsi utama; membenarkan penggiliran kakitangan di cawangan di samping waktu operasi yang lebih singkat; dan memacu kadar vaksinasi COVID-19 kepada ≈99% dalam Operasi di Malaysia menjelang akhir 2021 melalui kerjasama dengan PPV dan juga vaksinasi berbayar.

### Mendekati Kakitangan yang Memerlukan

- Mengaktifkan Dana Kemanusiaan RHB untuk memberikan bantuan kepada kakitangan yang terjejas oleh COVID-19 dan banjir.
- Menyediakan pelbagai bentuk bantuan kepada kakitangan yang terjejas akibat banjir pada Disember 2021 termasuk menyediakan penginapan sementara di asrama RHB Bangi dan bantuan kewangan, serta menganjurkan program sukarelawan bagi kakitangan untuk membantu rakan sekerja mereka seperti pengagihan barangan keperluan dan pembersihan rumah mereka.
- Memperuntukan sejumlah RM100,000 untuk membayar tuntutan insurans secara ex-gratia kepada kakitangan tidak mempunyai insurans terhadap banjir untuk kenderaan dan barangan di dalam rumah mereka.



## KETERLIBATAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

## KETERLIBATAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

PIHAK BERKUASA  
PENGAWAL SELIA &  
PEMBUAT DASAR

Kami terlibat secara kerap dengan pihak berkuasa pengawal selia mengenai perkara yang memberi kesan kepada perniagaan dan operasi kami.

**Perkara Material:**

Landskap Pengawal Selia yang Dinamik, Pengurusan Risiko, Perubahan Iklim, Tadbir Urus Perniagaan yang Baik, Layanan Adil terhadap Pengguna Kewangan, Pembiayaan Lestari

**Platform Keterlibatan**

- Pengemaskinian dan pelaporan yang kerap kepada pihak berkuasa pengawal selia
- Penyertaan dan penyumbangan secara aktif kepada industri dan kumpulan kerja pengawal selia, taklimat, forum, persidangan dan kertas perundingan
- Keterlibatan dengan pihak berkuasa pengawal selia untuk berunding, mengemas kini, berkongsi dan mendapatkan arahan mengenai pelaksanaan produk dan perkhidmatan baharu atau inisiatif, dasar, keputusan atau rangka kerja pengawal selia.

**Kebimbangan/Jangkaan Pihak Berkepentingan**

- Langkah kawalan dalaman yang berkesan
- Amalan pengurusan risiko yang mantap
- Pengurusan berkesan Kumpulan pematuhan undang-undang dan peraturan
- Mengimbangi antara pemeliharaan kestabilan sistem perbankan, kebimbangan pendeposit dan mengekalkan aktiviti ekonomi
- Amalan AML yang cekap
- Penyepaduan perkara ESG, terutamanya perubahan iklim, menjadi teras perniagaan dan operasi Kumpulan
- Kemajuan berpandukan Pengantaraan Berasaskan Nilai ("VBI")
- Tadbir urus korporat yang baik
- Amalan perniagaan yang beretika dan bertanggungjawab selaras dengan dasar FTFC
- Kualiti aset dan pengurusan risiko kredit
- Dasar dan prosedur
- Komunikasi kepada para pelanggan yang jelas, relevan dan tepat pada masanya

**Maklum Balas RHB Terhadap Kebimbangan /Jangkaan****Memastikan Asas-Asas yang Teguh**

- Mengukuhkan pengawasan oleh Lembaga Pengarah dan Pengurusan.
- Memastikan tahap mudah tunai dan modal yang kukuh untuk berdepan dengan potensi kejutan terhadap sistem perbankan, melindungi pendeposit dan membolehkan aktiviti ekonomi yang berterusan.

**Keutamaan ESG**

- Meneruskan penyepaduan ESG termasuk pertimbangan perubahan iklim ke dalam teras perniagaan dan operasi Kumpulan.
- Terus memacu komitmen kepada pembiayaan hijau.
- Penglibatan dalam jawatankuasa yang diterajui industri pengawal selia seperti Jawatankuasa Bersama Perubahan Iklim ("JC3").
- Mewujudkan Strategi Kelestarian 5 tahun (2022-2026) dan Pelan hala tuju yang menggariskan tumpuan dan komitmen Kumpulan terhadap agenda ESG.

**Mendukung Amalan Pematuhan yang Mantap**

- Memperkukuh keupayaan pematuhan di pertengahan cabaran berterusan berikutan pandemik COVID-19.

- Meningkatkan dan memperkukuh fungsi pematuhan secara berterusan termasuk melaksanakan langkah-langkah baharu dan menetapkan sistem dan kawalan baharu untuk meningkatkan pematuhan keseluruhan tadbir urus risiko Kumpulan.
- Memastikan kesedaran pematuhan berterusan dalam kalangan kakitangan melalui program latihan yang ditetapkan.

**Menghormati Para Pelanggan Kami**

- Menerapkan prinsip Layanan Adil terhadap Pengguna Kewangan dan Nada Suara RHB Way ke dalam komunikasi pelanggan.
- Memastikan bahasa yang dipermudahkan dalam dokumen kontrak dan perbankan.
- Latihan berterusan untuk kakitangan barisan hadapan mengenai perkhidmatan pelanggan.
- Menjalankan tinjauan perkhidmatan pelanggan untuk lebih memahami jangkaan pelanggan dan bidang untuk penambahbaikan. Ini ditunjukkan dalam Skor Promoter Bersih ("NPS") yang bertambah baik, yang menunjukkan prestasi mantap terhadap industri.

## KOMUNITI

Kami terlibat secara aktif dengan komuniti termasuk kanak-kanak dan remaja daripada segmen yang kurang bernasib baik dan kurang mendapat perkhidmatan.

*Nota: Kumpulan pihak berkepentingan ini termasuk NGO dan media.*

**Perkara Material:**

Keterangkuman Kewangan dan Pendidikan, Pengayaan Komuniti

- Kolaborasi dan perkongsian dengan organisasi bukan keuntungan, persatuan atau organisasi kerajaan melalui inisiatif penglibatan komuniti RHB
- Interaksi dan perbincangan dengan badan kerajaan yang berkaitan dan Organisasi Bukan Kerajaan ("NGO")
- Komunikasi dalam talian (e-mel, laman sesawang korporat dan media sosial)
- Aktiviti penglibatan komuniti di lapangan
- Platform digital yang inovatif dan perkhidmatan perbankan mudah alih untuk meningkatkan akses kewangan
- Sesi media maya dan siaran akhbar

- Promosi celik kewangan walaupun sekatan pergerakan
- Peluang untuk akses sama rata kepada pendidikan, terutamanya bagi golongan B40 masyarakat
- Akses kepada pembiayaan dan akses kepada asas perkhidmatan perbankan semasa pandemik
- Pemeraksanaan golongan yang kurang mendapat perkhidmatan dan kurang bernasib baik
- Penyepaduan perkara ESG ke dalam Perniagaan teras dan operasi Kumpulan
- Sumbangan untuk mengurangkan impak COVID-19 dan mengurangkan cabaran pasca bencana alam

**Mengutamakan Pendidikan**

- Pelaksanaan berterusan Program Money Ma\$ter, program celik kewangan berstruktur yang mendidik pelajar sekolah menengah dan pengajian tinggi dalam menguruskan kewangan mereka.
- Mengadakan kelas tuisyen dalam talian dan sesi pendidikan bagi menyasarkan pelajar B40 untuk memastikan mereka tidak ketinggalan semasa tempoh sekatan pergerakan penuh.
- Menyediakan lebih daripada 3,600 komputer riba dan 111 kad SIM kepada pelajar B40 dari 33 sekolah di seluruh negara di bawah program CERDIK.
- Memupuk dan memperkasakan kanak-kanak dan remaja daripada golongan yang kurang bernasib baik melalui RHB X- Cel Academic Excellence dan program Biasiswa RHB X- Cel Star.

**Menyokong Para Pelanggan Kami dan Mempromosikan Keterangkuman**

- Menyediakan Program Bantuan Pembayaran Bersasar 2021 dan Program Pengurusan & Ketahanan Kewangan ("URUS") bagi

individu yang terjejas oleh pandemik.

- Memudahcarakan penyaluran dana bantuan untuk PKS seperti Kemudahan Bantuan Khas yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM").
- Menggalakkan akses kepada pembiayaan melalui pendigitalan.

**Keutamaan ESG**

- Menegaskan semula pendekatan kami terhadap kelestarian dan penyepaduan Pertimbangan ESG ke dalam proses membuat keputusan dan amalan pengurusan risiko.
- Mengenal pasti peluang yang akan menyumbang kepada kelestarian pembangunan dan peralihan kepada ekonomi rendah karbon.

**Keterlibatan dengan Media**

- Menganjurkan sesi media secara maya dan menghantar e-mel kepada ahli media untuk membolehkan maklumat disebar dengan berkesan.

RAKAN INDUSTRI  
KEWANGAN

Bersama rakan industri kewangan, kami meneruskan penambahbaikan seluruh industri melalui perbincangan dan persetujuan mengenai hal-hal industri kewangan

**Perkara Material:**

Pengurusan Risiko, Tadbir Urus Perniagaan yang Baik, Pembiayaan Lestari, Landskap Kawal Selia Dinamik, Perubahan Iklim, Pengurusan Perhubungan Pelanggan

**Jawatankuasa industri:**

- Persatuan Bank di Malaysia
  - Jawatankuasa Pembangunan Modal dan Pasaran Wang
  - Jawatankuasa Perilaku Pengguna dan Pasaran
  - Jawatankuasa Risiko Penipuan - Jawatankuasa Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG")
- Persatuan Bank Islam di Malaysia
  - Kumpulan Kerja MyZakat
  - Pengamal Komuniti Pengantaraan Berasaskan Nilai
- Persatuan Perbankan Islam dan Institusi Kewangan Malaysia
- Persatuan Perbankan Pelaburan Malaysia
- Persatuan Insurans Am Malaysia
- Bank Negara Malaysia
  - Jawatankuasa Bersama Perubahan Iklim

- Impak inisiatif pelaporan mengenai perubahan kawal selia dan perubahan iklim oleh BNM
- Penyepaduan perkara ESG ke dalam teras perniagaan dan operasi Kumpulan
- Pengalaman pelanggan
- Risiko penipuan
- Perkara pematuhan
- Impak kewangan oleh pandemik
- Impak kewangan oleh pengurangan kadar faedah

**Penglibatan Industri**

- Penglibatan dalam jawatankuasa yang diterajui oleh industri seperti Jawatankuasa Bersama Perubahan Iklim ("JC3") dan kumpulan kerja seperti Kumpulan Kerja Panduan Sektor bagi Rangka Kerja Penilaian Pembiayaan Pengantaraan dan Pelaburan Berimpak Berasaskan Nilai dan Pelaburan ("VBIAF").
- Menyertai perbincangan meja bulat/forum mengenai perkara dan amalan ESG.
- Perbincangan berterusan dengan rakan perbankan mengenai impak dasar dan garis panduan baharu serta cara menangani risiko yang berkaitan dengan penipuan dan perubahan wang haram.

**Membantu Pelanggan**

- Terus menyokong individu dan pelanggan yang terjejas oleh pandemik melalui Bantuan Pembayaran Bersasar, yang berakhir pada Jun 2021 dan program URUS.
- Memudahcarakan pelbagai bentuk Bantuan Bayaran Balik/ Bayaran kepada pelanggan runcit dan PKS termasuk skim yang dijamin kerajaan seperti Kemudahan Permodalan Semula Perniagaan ("BRF"), Kemudahan Bantuan Bencana ("DRF") 2022, Kemudahan Teknologi Tinggi - Aspirasi Pelaburan Kebangsaan ("HTF-NIA") dan Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar ("TRRF") serta kemudahan Pembiayaan Bantuan RHB BizPower/-i.

# PERKARA-PERKARA MATERIAL KAMI




Perkara-perkara material merupakan isu yang paling penting kepada perniagaan dan pihak berkepentingan kami. Ia mempamerkan impak ESG kami dan membolehkan kami untuk mengukuhkan agenda kelestarian kami untuk maju ke hadapan. Menilai perkara yang material untuk kami adalah penting dalam perjalanan penciptaan nilai kami kerana ia membolehkan kami mengenal pasti peluang dan mengurangkan risiko selain memenuhi keperluan pihak berkepentingan.

Kami menjalankan penilaian materialiti yang mendalam, diketuai oleh perunding bebas untuk mengenal pasti dan memahami isu yang paling penting kepada Kumpulan Perbankan RHB dan pihak berkepentingannya. Penilaian itu melibatkan proses tiga langkah iaitu Pengenalpastian, Pemberian Keutamaan dan Pengesahan & Kelulusan yang membawa kepada 17 perkara material yang muktamad. Walaupun mula dinilai pada tahun 2018, perkara material ini masih relevan kepada kami dan pihak berkepentingan kami<sup>1</sup> dan menyokong pernyataan tujuan baharu kami untuk *Bersama-sama Menempa Kemajuan*.

Pengurusan Kelestarian selanjutnya menjalankan semakan semula tahunan dalaman terhadap perkara-perkara material kami dengan mengambil kira faktor akaun dalaman dan luaran. Ini termasuk isu-isu dan kebimbangan yang dibangkitkan melalui platform pihak berkepentingan, landskap perubahan global dan tempatan, perkembangan kawal selia yang terkini, penilaian rakan industri, penarafan dan garis panduan ESG serta aktiviti strategik, perniagaan dan kelestarian RHB.

Proses berterusan ini membolehkan kami menilai semula perkara material kami, seperti yang ditunjukkan dalam maklumat grafik. Pada 2021, kami menjalankan semakan dalaman dan menyelaraskan perkara-perkara material dengan rakan industri. Hasilnya, kami memutuskan untuk mengeluarkan Prestasi Kewangan sebagai item berasingan kerana perkara ini telah diterapkan ke dalam semua perkara material.

Kami menangani dan mengurus perkara material kami dengan memanfaatkan Rangka Kerja Kelestarian kami yang mantap. Jadual berikut menggariskan kepentingan perkara-perkara ini kepada kami di RHB dan di mana perkara-perkara tersebut ditangani di bawah Bidang Tumpuan Rangka Kerja kami.



Perkara-Perkara Material dan Bagaimana Kami Mentakrifnya	Bidang Fokus Kelestarian
<b>Perlindungan Data dan Keselamatan Siber</b> Menyediakan infrastruktur digital yang mantap, kawalan dan langkah tadbir urus yang ketat untuk melindungi privasi data para pelanggan di samping terus meningkatkan keupayaan keselamatan siber kami bagi memastikan persekitaran yang selamat dan terjamin.	• Etika & Tadbir Urus
<b>Tadbir Urus Perniagaan yang Baik</b> Mendukung budaya perniagaan yang baik yang merangkumi amalan perniagaan beretika, pematuhan kawal selia dan pengurusan pencegahan anti-sogokan dan rasuah secara aktif, risiko penipuan dan anti-persaingan melalui pengukuhan dasar dan tadbir urus yang akan memperoleh kepercayaan para pemegang saham dan pihak berkepentingan yang mendorong kepada penciptaan nilai jangka panjang dan pertumbuhan perniagaan yang lestari.	• Etika & Tadbir Urus
<b>Pengurusan Risiko</b> Pengurusan risiko berkesan merupakan asas dalam memacu pertumbuhan yang lestari dan penting dalam pengurusan risiko proaktif bagi persekitaran operasi kami termasuk pengurusan kesinambungan perniagaan. Rangka kerja Pengurusan Risiko Kumpulan menggariskan hala tuju strategik bagi pengurusan risiko dalam Kumpulan.	• Kewangan Lestari • Etika & Tadbir Urus
<b>Perubahan Iklim</b> Kumpulan mengakui kedudukan dan peranannya dalam menyokong peralihan ke arah ekonomi rendah karbon selaras dengan komitmen negara dan global. Kami melakukannya melalui pengurusan jejak operasi kami, menyokong para pelanggan dan klien dalam peralihan kepada ekonomi rendah karbon dan merebut peluang-peluang bagi penyesuaian dan pengurangan iklim.	• Kewangan Lestari • Pengawasan Alam Sekitar

<sup>1</sup> Untuk maklumat lanjut mengenai penilaian materialiti 2018, perkara-perkara material dan matriks kami, sila rujuk Laporan Kelestarian RHB 2018.

Perkara-Perkara Material dan Bagaimana Kami Mentakrifnya	Bidang Fokus Kelestarian
<b>Pembiayaan Lestari</b> Menyepadukan pertimbangan ESG ke dalam aktiviti perniagaan teras dan proses membuat keputusan Kumpulan termasuk mengenal pasti risiko dan peluang berkaitan yang akan menyumbang kepada pembangunan lestari dan peralihan kepada ekonomi rendah karbon.	• Kewangan Lestari
<b>Pendigitalan dan Pelaburan Teknologi</b> Menyampaikan dan mencipta nilai untuk para pelanggan kami. Kami mengenal pasti peluang dan mengurangkan risiko dengan melabur dalam penambahbaikan saluran dan teknologi serta menyediakan produk dan perkhidmatan yang inovatif di samping menggalakkan penggunaan digital di kalangan para pelanggan.	• Pendigitalan
<b>Landskap Pengawalseliaan Dinamik</b> Bertindak balas dengan pantas dan berkesan terhadap perkembangan baharu dalam pasaran dan perubahan landskap pengawalseliaan. Sebagai penyedia perkhidmatan kewangan, kami sentiasa mencari cara untuk mengukuhkan daya tahan dalam menghadapi peningkatan persaingan dan memerangi ancaman baharu.	• Pembiayaan Lestari • Perbankan Bertumpukan Pelanggan • Etika & Tadbir Urus
<b>Pengurusan Perhubungan Pelanggan</b> Menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang kepada para pelanggan selaras dengan Piagam Perkhidmatan Pelanggan dan berusaha untuk memperoleh keyakinan dan kepercayaan para pelanggan, bagi membantu mereka mencapai matlamat mereka.	• Perbankan Bertumpukan Pelanggan
<b>Keterangkuman dan Pendidikan Kewangan</b> Menyediakan capaian dan rangkuman kewangan melalui pelbagai produk dan perkhidmatan termasuk meningkatkan celik kewangan kepada para pelanggan dan komuniti terutamanya remaja dan golongan yang kurang mendapat perkhidmatan.	• Pembiayaan Lestari • Pendigitalan • Pendidikan Kewangan
<b>Layanan Adil terhadap Pengguna Kewangan</b> Melayan pelanggan dengan adil dalam urus niaga perniagaan kami serta menyediakan kepada mereka maklumat yang tepat, mencukupi dan mudah difahami mengenai produk dan perkhidmatan.	• Perbankan Bertumpukan Pelanggan
<b>Pengurusan Bakat</b> Terus memupuk pembangunan bakat di samping menerapkan amalan kelestarian dalam pengurusan modal insan. Bagi memastikan pertumbuhan jangka panjang perniagaan, kami menguruskan tenaga kerja yang pelbagai dengan mengutamakan pengurusan bakat dan penglibatan kakitangan.	• Sumber Manusia & Tempat Kerja
<b>Pengawasan Alam Sekitar</b> Menggalakkan penggunaan sumber semula jadi seperti tenaga, air dan kertas secara bertanggungjawab dan meminimumkan bahan sisa yang dihasilkan melalui amalan lestari. Ini termasuk menggalakkan amalan kecekapan ekosistem dalam perniagaan dan operasi kami untuk meminimumkan impak terhadap alam sekitar.	• Pengawasan Alam Sekitar
<b>Kesihatan, Keselamatan dan Kesejahteraan Kakitangan</b> Menjamin kesihatan dan kesejahteraan kakitangan kami adalah penting untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan serta menggalakkan ketangkasan.	• Sumber Manusia & Tempat Kerja
<b>Pengayaan Komuniti</b> Memperkaya dan memperkasa komuniti tempatan di tempat kami beroperasi terutamanya golongan kurang bernasib baik dan remaja. Ini dipacu oleh inisiatif keterlibatan komuniti kami melalui Yayasan RHB.	• Pengayaan Komuniti
<b>Kepelbagaian dan Peluang yang Sama</b> Membina persekitaran tempat kerja yang pelbagai dan inklusif dengan peluang yang sama serta keterangkuman merentasi jantina, umur, etnik, ketidakupayaan dan kewarganegaraan.	• Sumber Manusia & Tempat Kerja
<b>Latihan dan Pendidikan Kakitangan</b> Membangunkan tenaga kerja yang bersedia untuk menghadapi masa depan agar kekal relevan dan cekap di samping menyampaikan keutamaan strategik Kumpulan. Kami berbuat demikian dengan melengkapkan kakitangan dengan pembangunan kemahiran dan peralatan yang sewajarnya untuk perkembangan profesional dan memaksimumkan potensi mereka.	• Sumber Manusia & Tempat Kerja
<b>Pemerolehan Lestari</b> Memastikan bahawa amalan perolehan kami bertanggungjawab, beretika, adil dan telus yang mencerminkan komitmen Kumpulan untuk menggalakkan amalan lestari merentasi rantaian bekalan.	• Perolehan Lestari

# MODEL PERNIAGAAN PENCIPTAAN NILAI KAMI

## INPUT KAMI

Input kami diuruskan dengan tujuan memaksimumkan nilai yang boleh diperolehi untuk menyampaikan hasil yang terbaik dan paling lestari kepada Kumpulan dan pihak berkepentingannya.

**Modal Kewangan** ditakrifkan sebagai kumpulan dana yang ada kepada Kumpulan termasuk:

Ekuiti Pemegang Saham **RM28.0 bilion**      Deposit Para Pelanggan **RM218.7 bilion**

**Modal Intelektual** melibatkan aset berasaskan organisasi dan pengetahuan tidak ketara yang merangkumi harta intelek seperti perisian atau lesen atau pengetahuan proprietari, sistem atau prosedur. Bagi RHB, ini termasuk:

- Inisiatif Agile@Scale
- Peralatan, aplikasi dan perisian digital
- Perkongsian strategik

**Modal Insan** meliputi kemahiran dan pengalaman semua kakitangan RHB yang membolehkan Bank menghasilkan strategi, produk dan perkhidmatan inovatifnya untuk mencipta nilai bagi pihak berkepentingan. Bagi RHB, input utama bagi ini termasuk:

**14,042** kakitangan      **RM24.6 juta** yang dilaburkan untuk melatih semula dan meningkatkan kemahiran pada 2021

**Modal Buatan** termasuk infrastruktur RHB iaitu cawangan fizikal, pusat data dan peralatan serta teknologi digital yang memudahkan perkhidmatan bank kepada para pelanggan.

**362** cawangan dan pejabat merentasi **9** negara

**1,757** terminal khidmat layan diri di Malaysia termasuk Mesin ATM, Mesin Deposit Tunai, Mesin Deposit Cek, Mesin Pengitar Semula Tunai dan Mesin Deposit Syiling

Platform perbankan dalam talian dan mudah alih kami:


- RHB Now Internet Banking
- RHB MyHome App
- RHB Financing (SME) Mobile App
- RHB Reflex Online Banking
- RHB Tradesmart Online Trading
- RHB Online Insurance
- RHB Online Banking
- RHB Mobile Banking App
- RHB Partners App
- RHB SME Online Financing
- RHB Reflex Mobile App
- RHB TradeSmart Mobile App
- RHB Insurance Mobile App

**Modal Semula Jadi** termasuk sumber dan proses persekitaran yang boleh diperbaharui dan tidak boleh diperbaharui RHB yang menyediakan barangan dan perkhidmatan yang menyokong kemakmuran organisasi pada masa lalu, masa kini atau masa depan. Kumpulan memainkan peranan dalam mengurus penggunaan sumber semulajadi dan kesan penghasilannya ke atas persekitaran.

**Input Langsung**      **Input Tidak Langsung**  
 Utiliti & Penggunaan Tenaga (elektrik, solar dan gas), udara, air dan pengurusan sisa oleh Kumpulan      Aktiviti pembiayaan oleh Kumpulan

Bahan mentah yang digunakan Kumpulan dalam penciptaan produk/kerja harian

**Modal Sosial dan Perhubungan** menghuraikan hubungan yang dibina antara komuniti, pihak berkepentingan dan kumpulan lain yang berkaitan. Ini juga termasuk pengurusan jenama dan reputasi Bank.



**Mengusahakan Perjalanan**  
 Merangsang hasil daripada s keutamaan.

**Melabur Untuk Berjaya**  
 Melabur dalam inisiatif tekn yang akan membezakan kam rakan yang lain.

**Mentransformasi Organ**  
 Membangunkan model opera kemenangan yang mengutam perjalanan pelanggan, ketang analitik dan pembolehan digi



# SEK PERNIA TERAS

Perbankan Komuniti Kumpulan

Perbankan Borong Kumpulan

# MODEL PERNIAGAAN PENCIPTAAN NILAI KAMI

## INISIATIF UTAMA

- Meneruskan pelaksanaan strategi lima tahun FIT22 Kumpulan:
  - Mengembangkan asas pelanggan Mewah dengan terus menambah baik cadangan nilai kami dan mempertingkatkan rangkaian produk kami.
  - Mengembangkan segmen Runcit melalui deposit dan produk dan perkhidmatan inovatif dengan menambah baik pengenalan penggunaan digital dan memacu pertumbuhan dalam pinjaman gadaai janji melalui pembangunan berterusan ekosistem pemilik kediaman.
  - Meningkatkan pertumbuhan pinjaman PKS dengan memacu penyelesaian perbankan yang menyeluruh melalui saluran dalam talian dan digital untuk meningkatkan cadangan nilai pelanggan kami.
  - Meningkatkan penembusan kami ke dalam segmen lain seperti syarikat Permodalan Besar, Permodalan Sederhana dan komersial.
  - Memperbaiki kehadiran kami di luar negara melalui cadangan berbeza bagi segmen sasaran di setiap negara.
  - Peningkatan kecekapan operasi dan pengurusan kos.
  - Menyokong pembangunan lestari.

- Pendigitalan pengalaman pelanggan dalam segmen Runcit, PKS dan Insurans.
- Memperkenalkan inisiatif "Dragon's Den" untuk menggalakkan kakitangan kami membangunkan idea bernas generasi akan datang
- Meneruskan pelaburan dalam analitik untuk meningkatkan penumpuan terhadap pelanggan, meningkatkan kecekapan kos dan menyediakan pandangan yang lebih baik dalam membuat keputusan.
- RHB telah memperuntukkan sebanyak RM200 juta untuk melaksanakan dan meningkatkan keupayaan digitalnya dalam tempoh lima tahun dari tahun 2017-2022, di mana 65% telah digunakan pada penghujung 2021.
- Menjalinkan perkongsian perniagaan dengan Axiata dalam mengembangkan dan mengeratkan kerjasama antara kedua-dua pihak termasuk pembentukan konsortium untuk memohon lesen bank digital.
- Pelaksanaan inisiatif Agile@Scale Kumpulan, yang merupakan cara bekerja dengan "Design Thinking" untuk mengutamakan pengalaman pelanggan, menggalakkan kecekapan, memacu penggunaan analitik dan mempercepatkan pengupayaan digital.

- Melancarkan pelaksanaan peningkatan kemahiran untuk lebih 600 orang kakitangan Digital, IT dan Analitik untuk membina kemahiran dalam kemahiran permintaan tinggi dan masa depan.
- Memupuk budaya inovasi dan menerapkan keupayaan inovatif dalam diri kakitangan kami melalui program seperti Kemahiran Masa Depan, Makmal Reka Bentuk Penyelesaian dan pertandingan "Dragon's Den".
- Menjalankan latihan Siri Kewangan Lestari kepada lebih 900 kakitangan untuk meningkatkan kesedaran mereka tentang pelbagai topik kewangan lestari.
- Melancarkan Liga Wanita dalam Kepimpinan ("WILL") bersama dengan organisasi sosial, LeadWomen dan program Melbourne Business School dengan memperkasa dan memberi inspirasi kepada wanita untuk menjadi ejen perubahan dan menyertai kepimpinan.

- Penambahbaikan berterusan kepada ekosistem PKS dan ekosistem Pemilik kediaman:
  - Ciri Temuduga Pintar dalam aplikasi mudah alih Pembiayaan RHB (PKS).
  - Mewujudkan kerjasama melalui aplikasi MyHome Partner dan eSolutions PKS.
  - Meningkatkan pengalaman pelanggan melalui penggunaan API, mewujudkan pengalaman menyeluruh yang lancar.
- Memberi akses mudah kepada produk dan perkhidmatan melalui rakan niaga kami yang dipercayai.
- Melancarkan platform Perbankan Dalam Talian RHB yang baharu.
- Perintis fungsi eSignature untuk pelanggan Mewah kami.
- Pengalaman pelanggan yang dipertingkatkan bagi platform perbankan mudah alih.

- Terus menyepadukan pertimbangan ESG ke dalam proses membuat keputusan dan amalan pengurusan risiko.
- Memulakan Program Tindakan Iklim Kumpulan untuk menyepadukan lagi pertimbangan risiko iklim ke dalam proses Pengurusan Risiko kami.
- Melancarkan Program Pembiayaan Kelestarian yang terdiri daripada Tenaga Hijau, Bangunan Hijau, Proses Hijau dan Produk Hijau untuk pelanggan PKS dan runcit sebagai sebahagian daripada Komitmen Hijau RM5 bilion Kumpulan menjelang 2025.
- Memperluaskan liputan pelaporan pelepasan GHG untuk meliputi semua operasi kami di Malaysia.

### Sumbangan Komuniti

- Menyumbang kepada Komuniti melalui pelbagai inisiatif yang menyokong golongan yang kurang mendapat perkhidmatan dan anggota masyarakat yang kurang berkemampuan:
  - Kelas tuisyen dalam talian untuk pelajar Tingkatan 4 & 5 daripada golongan B40 di bawah Program Kecemerlangan RHB X-Cel Academic.
  - Biasiswa penuh bagi mereka yang terpilih berprestasi tinggi dalam Program Kecemerlangan Akademik RHB X-Cel daripada golongan B40, untuk kemasukan ke universiti awam tempatan.
  - Sumbangan barangan dan kewangan kepada keluarga B40 semasa musim perayaan dan pada tempoh kemuncak Perintah Kawalan Pergerakan serta kepada keluarga yang terjejas teruk akibat banjir.
  - Menyertai Program CERDIK dengan menderma lebih 3,600 komputer riba kepada pelajar untuk membantu belia B40 mendapat akses yang sama kepada pendidikan dalam talian.

### Membantu Para Pelanggan Kami

- Kami meningkatkan usaha untuk menyediakan pelbagai bentuk bantuan melalui:
  - Moratorium pilihan sehingga enam bulan kepada individu dan pelanggan PKS di bawah PEMULIH.
  - Bantuan Pembayaran Balik Bersasar.
  - Moratorium pinjaman bersasar di bawah PEMERKASA.
  - Program URUS yang menawarkan bantuan kewangan khususnya kepada golongan B50.
- Terus membolehkan lebih banyak PKS mempromosi produk mereka di Facebook dan laman mikro yang dibangunkan khas secara percuma melalui platform #JomSapot kami.
- Memudahkan pembiayaan kepada pelanggan PKS melalui pelbagai program, termasuk Skim SJPP Jaminan Kerajaan, Credit Guarantee Corporation dan Program Bantuan BizPower kami sendiri.
- RHB Way 2.0 - untuk mempergiat budaya berkhidmat dan meningkatkan pengalaman pelanggan bagi memenuhi janji jenama kami *Bersama Kita Maju* dan menambah baik Skor Promoter Bersih kami.
- Pusat Hubungan Pelanggan 24 jam dengan keupayaan digital dan analitik data untuk melayani lebih 300,000 para pelanggan setiap bulan di seluruh Malaysia, Singapura dan Brunei.

# MODEL PERNIAGAAN PENCIPTAAN NILAI KAMI

# MODEL PERNIAGAAN PENCIPTAAN NILAI KAMI

## INPUT KAMI

Input kami diuruskan dengan tujuan memaksimumkan nilai yang boleh diperolehi untuk menyampaikan hasil yang terbaik dan paling lestari kepada Kumpulan dan pihak berkepentingannya.

**Modal Kewangan** ditakrifkan sebagai kumpulan dana yang ada kepada Kumpulan termasuk:

Ekuiti Pemegang Saham **RM28.0 bilion** Deposit Para Pelanggan **RM218.7 bilion**

**Modal Intelektual** melibatkan aset berasaskan organisasi dan pengetahuan tidak ketara yang merangkumi harta intelek seperti perisian atau lesen atau pengetahuan proprietari, sistem atau prosedur. Bagi RHB, ini termasuk:

- Inisiatif Agile@Scale
- Peralatan, aplikasi dan perisian digital
- Perkongsian strategik

**Modal Insan** meliputi kemahiran dan pengalaman semua kakitangan RHB yang membolehkan Bank menghasilkan strategi, produk dan perkhidmatan inovatifnya untuk mencipta nilai bagi pihak berkepentingan. Bagi RHB, input utama bagi ini termasuk:

**14,042 kakitangan** **RM24.6 juta** yang dilaburkan untuk melatih semula dan meningkatkan kemahiran pada 2021

**Modal Buatan** termasuk infrastruktur RHB iaitu cawangan fizikal, pusat data dan peralatan serta teknologi digital yang memudahkan perkhidmatan bank kepada para pelanggan.

**362** cawangan dan pejabat merentasi **9** negara

**1,757** terminal khidmat layan diri di Malaysia termasuk Mesin ATM, Mesin Deposit Tunai, Mesin Deposit Cek, Mesin Pengitar Semula Tunai dan Mesin Deposit Syiling

Platform perbankan dalam talian dan mudah alih kami:

- RHB Now Internet Banking
- RHB MyHome App
- RHB Financing (SME) Mobile App
- RHB Reflex Online Banking
- RHB Tradesmart Online Trading
- RHB Online Insurance
- RHB Online Banking
- RHB Mobile Banking App
- RHB Partners App
- RHB SME Online Financing
- RHB Reflex Mobile App
- RHB TradeSmart Mobile App
- RHB Insurance Mobile App


**Modal Semula Jadi** termasuk sumber dan proses persekitaran yang boleh diperbaharui dan tidak boleh diperbaharui RHB yang menyediakan barangan dan perkhidmatan yang menyokong kemakmuran organisasi pada masa lalu, masa kini atau masa depan. Kumpulan memainkan peranan dalam mengurus penggunaan sumber semulajadi dan kesan penghasilannya ke atas persekitaran.

**Input Langsung** Utiliti & Penggunaan Tenaga (elektrik, solar dan gas), udara, air dan pengurusan sisa oleh Kumpulan

**Input Tidak Langsung** Aktiviti pembiayaan oleh Kumpulan


Bahan mentah yang digunakan Kumpulan dalam penciptaan produk/kerja harian

**Modal Sosial dan Perhubungan** menghuraikan hubungan yang dibina antara komuniti, pihak berkepentingan dan kumpulan lain yang berkaitan. Ini juga termasuk pengurusan jenama dan reputasi Bank.



## MENYAMPAIKAN HASIL KEWANGAN YANG LESTARI

Kami dipandu oleh nilai teras kami dan secara konsisten menyampaikan hasil kewangan yang lestari. Kami mengambil pandangan jangka panjang ke arah memastikan kemakmuran perniagaan dan kesejahteraan pihak berkepentingan kami, terutamanya kakitangan, para pelanggan, rakan niaga dan para pemegang saham kami.



## MENCIPTA NILAI BAGI PIHAK BERKEPENTINGAN KAMI

	Tukar ganti
<ul style="list-style-type: none"> <li>Keuntungan sebelum cukai: <b>RM2.6 bilion</b></li> <li>Jumlah pendapatan meningkat sebanyak <b>8.4%</b></li> <li>Nisbah kos kepada pendapatan: <b>45.2%</b></li> <li>Jumlah aset meningkat sebanyak <b>6.8%</b></li> <li>Nisbah pembayaran dividen sebanyak <b>62.9%</b> atau <b>40</b> sen sesaham</li> <li>Hasil Dividen: <b>7.4%</b></li> </ul>	<p>Kami telah melabur dan melabur semula sejumlah besar Modal Kewangan ke dalam perniagaan kerana kami menyedari bahawa ia merupakan sumber penting yang mengekalkan pertumbuhan. Walau bagaimanapun, ini perlu diseimbangkan dengan pulangan kepada para pemegang saham kami.</p>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Pada penghujung 2021, lebih daripada <b>80% atau 11,518</b> warga RHB telah berpindah kepada 'Agile Way of Working'.</li> <li>Peningkatan produktiviti meningkat sebanyak 36% dengan 186 MVP rutin dan enam MVP kejayaan dicapai, dan 228 pengamal pemikiran reka bentuk telah dilatih.</li> <li>Menyampaikan hasil tambahan terkumpul sebanyak <b>RM185 juta</b> melalui kes penggunaan analitik sejak 2018.</li> <li>Mencapai peningkatan keuntungan sebanyak <b>RM138 juta</b> daripada pendigitalan pengalaman pelanggan.</li> </ul>	<p>Meningkatkan Modal Intelektual adalah penting kepada kejayaan berterusan kami dan memerlukan pelaburan Kewangan dan Modal Insan untuk kejayaan jangka panjang Kumpulan.</p>
<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Kepelembagaan Tenaga Kerja</b> Lelaki: <b>5,640 (40.2%)</b> Perempuan: <b>8,402 (59.8%)</b></li> <li><b>Lembaga Pengarah</b> Lelaki: <b>6 (67%)</b> Perempuan: <b>3 (33%)</b></li> <li>Skor Penglibatan Kakitangan sebanyak <b>90%</b>.</li> <li><b>48 jam latihan</b> bagi setiap kakitangan pada tahun 2021.</li> <li>Pusing ganti kakitangan: <b>1,614 kakitangan</b>, yang akan membantu memacu pertumbuhan Kumpulan.</li> <li><i>Data pusing ganti melibatkan kakitangan tetap sahaja</i></li> </ul>	<p>Pelaburan Modal Kewangan dalam bentuk latihan dan program pembangunan adalah penting untuk meningkatkan Modal Insan kami, yang akan membantu memacu pertumbuhan Kumpulan.</p>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Transaksi digital menyumbang kepada <b>93%</b> daripada jumlah transaksi para pelanggan pada tahun 2021 yang meningkat daripada <b>86%</b> pada tahun 2020.</li> <li>Satu pertiga daripada para pelanggan kami dianggarkan kini boleh memohon dan mendapatkan kelulusan tanpa melangkah ke dalam cawangan secara fizikal.</li> <li>Gadai janji yang berasal daripada RHB MyHome App pada tahun 2021 adalah pada <b>55.8%</b> yang meningkat daripada <b>39.5%</b> pada tahun 2020.</li> <li>Menerima <b>lebih 1 juta pengguna</b> pada aplikasi perbankan mudah alih RHB sejak dilancarkan pada April 2019.</li> <li>Pada tahun 2021, kami menerima lebih <b>13,000 para pelanggan</b> pada platform penyelesaian PKS kami.</li> <li>Pinjaman Tidak Bercagar PKS yang diperolehi melalui Pembiayaan Dalam Talian PKS adalah pada <b>69.6%</b>.</li> </ul>	<p>Kami menggunakan Intelek, Kewangan dan Modal Insan untuk memastikan bahawa produk dan perkhidmatan yang berterusan untuk memenuhi keperluan para pelanggan kami. Kami amat percaya bahawa membina hubungan dan penglibatan dengan para pelanggan dalam persekitaran yang selamat dan selesa adalah penting untuk memacu pertumbuhan perniagaan.</p>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Data pelepasan GHG Skop 1, 2, 3 - 25,580 tCO<sub>2</sub>e</li> <li>Elektrik (Malaysia - Cawangan dan Ibu Pejabat) - 41,616.07 MWj/tahun</li> <li>Penggunaan kertas (Malaysia) - 147,960 rim</li> <li>Penggunaan air (Malaysia - HQ) - 79,013 m<sup>3</sup> Kurang penggunaan air - 41,339 m<sup>3</sup></li> </ul> <p><b>Urus Niaga Hijau dan Lestari</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Berjaya menstruktur dan melaksanakan transaksi Swap Kadar Faedah Hijau Mata Wang Bersilang pertama di Malaysia.</li> <li>Melancarkan empat dana ESG yang layak SRI dengan jumlah AUM sebanyak RM836 juta pada akhir Disember 2021.</li> <li>Mulai 2022, kami tidak lagi akan mengambil peluang atau menyediakan pembiayaan untuk sebarang projek lombong arang batu termal baharu dan projek loji janakuasa arang batu.</li> <li>Membelanjakan <b>RM4.32 bilion</b>, di mana <b>20.7%</b> adalah untuk projek tenaga boleh diperbaharui, daripada komitmen pembiayaan hijau sebanyak RM5 bilion kami menjelang 2025.</li> <li>Skor ESG bersepadu dimasukkan ke dalam penilaian saham kami.</li> </ul>	<p>Kami mengakui bahawa pelaburan Modal Kewangan kami adalah perlu untuk memastikan kami dapat terus memenuhi komitmen dalam perjalanan kelestarian kami.</p>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Nilai jenama kini berjumlah <b>USD824 juta</b> berbanding kepada <b>USD830 juta</b> pada tahun 2020.</li> <li>Anugerah Jenama Putra 2021 - Gangsa di bawah kategori Perbankan, Pelaburan &amp; Insurans.</li> <li>Memperuntukkan lebih daripada <b>RM1.5 juta</b> kepada program <b>Kecemerlangan Akademik RHB X-Cel</b> untuk menyokong pelajar daripada golongan B40 dari tahun 2018</li> <li>Memperuntukkan lebih daripada <b>RM300,000</b> untuk menyokong <b>30 pemegang biasiswa RHB X-Cel Star</b> dari tahun 2019 hingga tahun 2021.</li> <li>Menyumbang kira-kira RM5.7 juta untuk membantu mengurangkan impak negatif pandemik pada tahun 2021.</li> </ul>	<p>Penggunaan Kewangan dan Modal Insan untuk menyokong komuniti di sekeliling kami adalah tukar ganti yang kami lebih bersedia untuk berikan, terutamanya kerana ia menyokong mata pencarian dan memberi impak secara langsung kepada mereka yang berurusan dengan kami.</p>

# HALA TUJU STRATEGIK KAMI



## HALA TUJU STRATEGIK KAMI

### MEMANGKIN PERTUMBUHAN MELALUI FIT22

Strategi FIT22 telah membolehkan Kumpulan untuk menjana pertumbuhan yang lestari dan memberikan nilai kepada pihak berkepentingan kami, melebihi kebanyakan jangkaan semasa kami memanfaatkan peluang daripada segmen perniagaan yang berada di dalam fokus kami. Perjalanan Transformasi Digital kami dan penerimaan cara kerja Agile juga telah melancarkan lagi potensi strategi FIT22 kami dengan mengolah cara kami dalam perniagaan secara asasnya yang membolehkan kami menyampaikan produk dan perkhidmatan yang inovatif serta kelajuan yang lebih pantas untuk pasaran.

### Rangkuman Keseluruhan Pencapaian (2017-2021)

Kami melancarkan strategi FIT22 pada tahun 2017 yang memperincikan matlamat jangka panjang untuk dicapai oleh kami melalui tiga teras menyeluruh dan disokong oleh beberapa inisiatif. 22 inisiatif ini telah diatur di bawah teras strategik Mengusahakan Perjalanan Kami, Melabur untuk Kejayaan dan Mentransformasi Organisasi yang telah membawa kami jauh, dengan mencapai pertumbuhan dua angka berbanding kebanyakan sasaran kami dan melebihi apa yang kami bayangkan pada mulanya.

#### Matlamat FIT22 #1 – Segmen Sasaran Untuk Diunggui

<b>Pelanggan Mewah</b> Mengembangkan pangkalan pelanggan Mewah, memanfaatkan pangkalan pelanggan PKS	AUM bagi para pelanggan Premier meningkat sebanyak 78.8% (RM42.9 bilion) - berbanding garis dasar RM24.0 bilion  Para pelanggan Premier meningkat sebanyak 80.0% (75,600) - berbanding garis dasar 42,000
<b>Perbankan PKS</b> Terus mengungguli segmen PKS	Pinjaman PKS meningkat sebanyak 37.7% (RM24.5 bilion) - berbanding garis dasar RM17.8 bilion  Deposit PKS meningkat sebanyak 47.2% (RM28.7 bilion) - berbanding garis dasar RM19.5 bilion
<b>Permodalan Besar &amp; Permodalan Sederhana</b> Menambah bahagian dompet Permodalan Besar dan meningkatkan kadar penembusan ke dalam Permodalan Sederhana	Bahagian yuran dompet Permodalan Besar meningkat kepada 45.1% - bertambah 31.9% berbanding garis dasar 13.2%  Bahagian yuran dompet Permodalan Sederhana meningkat kepada 30.8% - bertambah 11.7% berbanding garis dasar 19.1%

#### Matlamat FIT22 #2 – Kedudukan Geografi untuk Dirangkumi

<b>Malaysia</b> Memperkuh Malaysia sebagai kedudukan teras kami untuk mencapai lebih 90% ekuiti dan keuntungan daripada Malaysia	
<b>Luar Negara</b> Pemain baharu	Singapura: Pinjaman PKS & Korporat masing-masing meningkat sebanyak 66.1% (SGD2,344 juta) dan 33.3% (SGD2,700 juta) - berbanding garis dasar <sup>3</sup> sebanyak SGD1,411 juta dan SGD2,025 juta  Kemboja: Jumlah pinjaman meningkat sebanyak 31.5% (USD679.2 bilion) - berbanding garis dasar <sup>3</sup> USD516.6 bil

#### Matlamat FIT22 #3 – Model Kendalian Berjaya

<b>Agile@Scale</b> Tenaga kerja yang cekap	<b>Cadangan Digital</b> Digitalisasi perjalanan pelanggan
Lebih 80% (lebih 11,000 <sup>1</sup> ) tenaga kerja RHB telah beralih kepada cara kerja Agile	Transaksi digital sebanyak 93%, meningkat sebanyak 25% - berbanding garis dasar <sup>2</sup> 68%
Peningkatan produktiviti <sup>2</sup> meningkat kepada 36% pada tahun 2021	Pemerolehan pelanggan digital sebanyak 29.3%, meningkat sebanyak 11.3% - berbanding garis dasar <sup>2</sup> 18%

### MENGUSAHAKAN PERJALANAN KAMI

#### MENYAMPAIKAN STRATEGI KAMI

Meningkatkan hasil daripada segmen pelanggan yang diutamakan serta melalui pengoptimuman penggunaan modal dengan fokus kepada tiga segmen utama:

- Segmen Pelanggan Mewah di mana pertumbuhan kumpulan hasil adalah yang paling pantas.
- Segmen PKS di mana kami berhasrat untuk bukan sahaja mengembangkan pinjaman tetapi juga menyediakan ekosistem perkhidmatan kewangan yang lengkap.
- Syarikat Permodalan Besar dan Permodalan Sederhana di mana kami menyasar untuk meningkatkan penembusan dan bahagian dompet.

### MELABUR UNTUK KEJAYAAN

Melabur dalam inisiatif teknologi dan digital yang akan membezakan kami daripada rakan industri.

### MENTRANSFORMASI ORGANISASI

Membangunkan model operasi kemenangan yang mengutamakan perjalanan pelanggan, ketangkasan, analitik dan pengupayaan digital serta membangunkan kumpulan bakat kami. Kami akan melaksanakan cara bekerja Agile ke seluruh organisasi untuk memacu produktiviti dan meningkatkan masa ke pasaran, yang akan mentransformasi RHB menjadi organisasi yang pantas, cekap dan mengutamakan pelanggan.

Secara keseluruhan, kami terus mencatat kemajuan, menunjukkan pertumbuhan dalam segmen utama meskipun dalam persekitaran mencabar berikutan pandemik yang berterusan. Pada tahun 2021, kami melihat hasil yang positif dalam bidang-bidang berikut:

#### Pelanggan Mewah

- Pangkalan pelanggan Mewah meningkat sebanyak 3.4% tahun ke tahun. Aset Di Bawah Pengurusan ("AUM") bagi pangkalan pelanggan Mewah meningkat sebanyak 9.0% tahun ke tahun.

#### Runcit

- Deposit runcit terus mengatasi segmen industri, berkembang sebanyak 8.1% tahun ke tahun berbanding dengan industri, 4.9%.
- Dalam segmen Runcit, kami meningkatkan bilangan gadai janji yang berasal daripada RHB MyHome App kepada 55.8% daripada 39.5% pada tahun 2020 dengan sumbangan petunjuk daripada RHB Partners App sebanyak 83.3% berbanding dengan 68.8% pada tahun sebelumnya.

#### PKS

- Pinjaman PKS meningkat 11.2% tahun ke tahun dan deposit meningkat sebanyak 14.6% pada tahun 2021.
- Dalam segmen PKS, kami terus mengembangkan perkhidmatan nilai tambah kepada para pelanggan kami dengan membangunkan ekosistem PKS kami. Pada tahun 2021, kami menerima masuk lebih 13,000 para pelanggan pada platform e-Penyelesaian PKS kami (9,768 pada tahun 2020).

Kami terus meraih manfaat daripada pelaburan berterusan kami dalam pendigitalan, automasi dan pengoptimuman proses, yang membantu kami memenuhi kehendak pelanggan yang berubah-ubah. Pada tahun 2021, kami berupaya meraih beberapa pencapaian penting yang akan terus memacu pertumbuhan:

#### PKS

Memperkenalkan ciri Temuduga Pintar dalam aplikasi mudah alih Pembiayaan RHB (PKS) yang membolehkan para pelanggan PKS kami untuk melengkapkan permohonan pembiayaan dalam talian, termasuk temu duga secara maya dan pemeriksaan tempat operasi.

#### Perbankan Dalam Talian

Melancarkan platform Perbankan Dalam Talian RHB baharu kami, yang menampilkan antara muka yang mudah dan lebih intuitif di samping memberikan akses segera kepada pembiayaan tunai.

#### Pelaburan

Merintis fungsi eSignature untuk para pelanggan Mewah kami untuk membolehkan kesinambungan jualan dan perniagaan dengan lancar tanpa memerlukan interaksi fizikal, yang merupakan pertama di Malaysia dan Asia Tenggara.

Perjalanan Agile kami bermula pada 2017 dengan matlamat untuk mencipta model operasi yang cemerlang dengan mencapai kelajuan yang lebih pantas ke pasaran, meningkatkan produktiviti, memacu budaya berprestasi tinggi dan menyampaikan perjalanan pelanggan yang unggul. Sejak itu, kami telah meningkatkan pelaksanaannya dan terus meraih manfaat pada tahun 2021, di mana kami terus mencipta nilai kepada para pelanggan dan kakitangan kami, seperti berikut:

- Lebih dua kali ganda bilangan kakitangan di bawah cara kerja Agile, seramai lebih 11,000, iaitu lebih daripada 80% kakitangan RHB (4,377 pada tahun 2020).
- Memupuk budaya inovasi dan menerapkan keupayaan inovatif dalam kakitangan kami melalui program seperti Makmal Rangka Kemahiran dan Penyelesaian Masa Depan.
- Memperkenalkan saluran bagi kakitangan untuk menunjukkan bakat inovatif mereka dan diberi insentif melalui penyertaan dalam pertandingan "Dragon's Den" RHB.
- Memperoleh pemahaman yang lebih baik tentang gabungan peranan yang diperlukan pada masa hadapan dan memulakan usaha untuk membentuk semula tenaga kerja kami sebagai sebahagian daripada Tenaga Kerja Masa Depan.
- Memulakan perjalanan keupayaan kemahiran untuk lebih 600 kakitangan Digital, IT dan Analitik untuk meningkatkan kecekapan dalam kemahiran dengan permintaan tinggi pada masa hadapan.
- Meningkatkan kedudukan keseluruhan kami ke tempat kedua daripada tempat kesepuluh dalam kalangan 100 Majikan Utama Pilihan Siswazah Malaysia 2021 dan mengekalkan kedudukan kedua majikan terbaik dalam kategori Perkhidmatan Perbankan dan Kewangan.
- Mengekalkan skor Tinjauan Kepuasan Kakitangan ("EES") yang kukuh sebanyak 90%.
- Meningkatkan skor Tinjauan Keberkesanan Pelanggan Dalam ("ICES") kami kepada 83% (77% pada tahun 2020).

<sup>1</sup> Jumlah terkumpul sejak pelancaran.  
<sup>2</sup> Penambahbaikan produktiviti purata (dengan peningkatan FTE) bagi peralihan Agile pada H2 2020 dan H1 2021.  
<sup>3</sup> Angka-angka adalah berbanding garis dasar 2019.

# RISIKO DAN PELUANG

## RISIKO DAN PELUANG

### Pengurusan risiko berkesan merupakan asas untuk memacu pertumbuhan lestari dan meningkatkan nilai pemegang saham di samping mengekalkan kelebihan kompetitif Kumpulan. Pengurusan risiko proaktif merupakan bahagian penting bagi persekitaran operasi Kumpulan.

Meskipun dalam persekitaran makroekonomi yang mencabar, terutamanya disebabkan oleh pandemik COVID-19, Kumpulan dapat mengekalkan prestasi yang kukuh dan asas risiko yang mantap. Risiko terhadap segmen terjejas mungkin telah meningkat tetapi langkah yang perlu telah diambil untuk mengekalkan operasi yang stabil. Kumpulan terus menyokong pelanggan runcit dan bukan runcit yang terjejas melalui pelbagai langkah bantuan kewangan, termasuk menawarkan bantuan pembayaran dan penstrukturan semula pinjaman. Selain itu, Kumpulan terus menilai situasi ini secara berterusan melalui semakan semula portfolio dan pelaksanaan ujian tekanan untuk menganalisis potensi impak dan mengenal pasti tindakan pengurusan risiko yang sesuai. Di samping itu, Kumpulan memberi tumpuan tambahan kepada kebajikan kakitangan memandangkan pandemik yang berterusan.

#### RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO KUMPULAN MENTADBIR PENGURUSAN RISIKO DALAM KUMPULAN:

● Ia memberi tinjauan holistik persekitaran risiko dan kawalan Kumpulan bertujuan untuk meminimumkan kerugian dan melindungi daripada kerugian yang mungkin berlaku melalui terutamanya kegagalan semakan dan kawalan berkesan dalam organisasi.

● Ia menetapkan kemajuan strategik pengurusan risiko ke arah menjadi perusahaan yang mencipta nilai. Ini direalisasikan dengan membangunkan keupayaan dan infrastruktur melalui pengurusan risiko yang canggih dan penambahbaikan pengkuantitan risiko untuk mengoptimalkan pulangan terlaras risiko.

#### RISIKO PENTING

Aktiviti risiko Kumpulan untuk setiap bidang risiko diperkuh oleh rangka kerja dan ditambah dengan dasar dan garis panduan. Risiko penting dan bagaimana Kumpulan mengurangkannya seperti dibincangkan di bawah.

1

### RISIKO KREDIT

**Perkara Material:** Pengurusan Risiko, Pembiayaan Lestari

#### DEFINISI RISIKO

- Risiko kerugian timbul daripada kegagalan para pelanggan atau pihak berlawanan untuk memenuhi obligasi kontraktual dan kewangan menurut terma perjanjian. Ia berpunca terutamanya daripada aktiviti pinjaman/pembiayaan, kewangan perdagangan dan penempatannya, penaja jamin, pelaburan, lindung nilai dan dagangan Kumpulan daripada urus niaga dalam atau luar kunci kira-kira.
- Risiko kredit tidak berlaku secara berasingan kerana ada risiko tertentu (seperti turun naik dalam kadar faedah dan pertukaran asing) boleh mencetuskan risiko pasaran dan kredit.
- Risiko kredit juga boleh terjejas secara negatif oleh kekurangan pertimbangan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG"). Syarikat yang meletakkan penekanan kepada isu ESG kurang berdepan dengan risiko kawal selia, contohnya kurang kebarangkalian disaman atas salah laku berkaitan dengan ESG. Oleh itu, syarikat terbabit lebih bersedia untuk menggunakan mana-mana perubahan kawal selia berhubung dengan isu ESG.

#### SOROTAN 2021

- Menjelang suku keempat tahun 2021, sekatan ke atas perjalanan antara negeri dan antarabangsa telah ditarik balik untuk mereka yang telah divaksin sepenuhnya. Aktiviti pergerakan (berdasarkan indeks mobiliti Google) menunjukkan peningkatan, dengan indeks mobiliti meningkat ke tahap sebelum COVID sebanyak 91.2% setakat 28 Februari 2022. Indeks mobiliti meliputi pergerakan untuk peruncitan dan rekreasi, pasar raya dan farmasi, taman, pengangkutan awam dan di tempat kerja.
- Ekonomi dijangka pulih, berdasarkan pembukaan semula lebih daripada 90% sektor ekonomi dan penyambungan semula kebanyakan aktiviti sosial.
- KDNK Malaysia pada tahun 2021 berada pada 3.1% dan diramalkan berkembang antara 5.5% dan 6.5% pada tahun 2022. Pertumbuhan akan disokong terutamanya oleh Belanjawan 2022 yang meluas, normalisasi dalam aktiviti ekonomi dan sosial, kadar vaksinasi yang tinggi, penyambungan semula projek dengan kesan pengganda yang tinggi dan permintaan luar yang kukuh (Sumber: Kementerian Kewangan, Pertumbuhan Ekonomi Tahun Penuh Malaysia Dijangka Kekal Positif, diterbitkan pada 12 November 2021; The Star/Bank Negara Malaysia ("BNM"), Mengenai laluan pemulihan, diterbitkan pada 12 Februari 2022).

### RISIKO KREDIT (SAMBUNGAN)

#### SOROTAN 2021

- Kebimbangan terhadap pandemik berkekalan, berpunca daripada peningkatan bilangan kes yang disebabkan oleh varian terkini yang lebih mudah menular. Namun begitu, setakat ini, peningkatan kes baharu tidak menjejaskan sistem kesihatan negara kerana varian terkini didapati menyebabkan simptom yang lebih ringan berbanding varian sebelumnya, dengan kadar kemasukan ke hospital dan kematian yang lebih rendah (pengumuman Kementerian Kesihatan, diterbitkan pada 7 Februari 2022).

#### Sorotan Kuantitatif Risiko Kredit 2021:

##### Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan Kasar (RM'juta)

2021 : 198,512  
2020 : 186,114

##### Nisbah Pinjaman/Pembiayaan Kasar Terjejas (%)

2021 : 1.49  
2020 : 1.71

##### Purata Wajaran Risiko Kredit (%)

2021 : 35.7  
2020 : 39.3

- Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kasar Kumpulan meningkat sebanyak 6.7% tahun ke tahun kepada RM198.5 bilion, terutamanya disumbangkan oleh pertumbuhan gadaai janji, kewangan permotoran, PKS, komersial dan Singapura. Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan domestik meningkat 4.8% tahun ke tahun.
- Nisbah pinjaman kasar terjejas setakat 31 Disember 2021 meningkat kepada 1.49% (RM3.0 bilion) berbanding 1.71% (RM3.2 bilion) setakat 31 Disember 2020.
- Purata wajaran risiko kredit bertambah baik kepada 35.7% setakat 31 Disember 2021 dengan jumlah aset wajaran risiko kredit sebanyak RM115.1 bilion, berbanding 39.3% dengan jumlah aset wajaran risiko kredit sebanyak RM117.4 bilion setakat 31 Disember 2020.

#### RESPONS PENGURUSAN

##### Mengurus impak COVID-19

- Bilik Gerakan Kredit diteruskan untuk mengawasi, menyelaras dan memastikan keberkesanan pelaksanaan strategi bantuan bayaran Kumpulan berkaitan dengan peminjam/pelanggan yang terjejas oleh pandemik COVID-19 melalui respons yang konsisten dan berstruktur di seluruh Kumpulan Perbankan RHB.
- Sebagai tambahan kepada perluasan bantuan bayaran yang dinyatakan di atas, Bank menjalankan ujian tekanan adhoc dan terus memantau prestasi dan risiko portfolio yang muncul untuk menilai secara aktif impak pandemik COVID-19 ke atas portfolio.
- Analtik lanjutan dan pembelajaran mesin turut diguna pakai untuk meningkatkan pengukuran risiko kredit dan kerugian kredit yang dijangkakan.

##### Tindakan-tindakan lain

- Kumpulan meneruskan perjalanan transformasi kredit melalui inisiatif yang dikenal pasti, sejajar dengan hala tuju strategik FIT22 agar pihak Bank mampu menyokong pertumbuhan perniagaan dengan penuh tanggungjawab dan melindungi kualiti aset ketika waktu mencabar ini.
- Pertimbangan ESG disepadukan dalam pembiayaan, khidmat nasihat dan proses membuat keputusan pelaburan untuk mengurus dan meminimumkan kesan negatif dan menggalakkan pembangunan lestari untuk mewujudkan impak positif melalui peluang-peluang yang dikenal pasti.
- Bank terus menerapkan pertimbangan risiko kelestarian dalam membuat keputusan kredit dengan alat penilaian risiko ESG industri khusus dan umum bagi Sektor Sensitif ESG.
- Inisiatif transformasi akan berterusan pada tahun 2022 dengan mempertingkatkan keupayaan sedia ada dan membina keupayaan baharu yang ditanda aras kepada amalan industri terbaik.

#### PANDANGAN MASA HADAPAN

- Berdasarkan laporan Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM bertarikh 29 September 2021, bahagian 'firma berisiko' merosot kepada 28.4% untuk suku pertama 2021 (suku kedua 2020: 32.7%). Namun begitu, ia kekal lebih tinggi daripada paras prapandemik dengan purata sebanyak 21.4% (purata lima tahun, 2015 hingga 2019) disebabkan oleh cabaran berterusan yang dihadapi oleh firma dalam sektor yang terjejas teruk oleh sekatan pergerakan.
- Sebagai sebahagian daripada tinjauan industri kami, Kumpulan akan terus memantau kesan jangka pendek dan jangka panjang ke atas pelbagai industri daripada impak 'normal baharu', termasuk peningkatan trend bekerja dari rumah. Lonjakan dalam aturan kerja secara jauh meningkatkan pendigitalan dan penyesuaian teknologi 5G akan memberi kesan kepada sesetengah industri, apabila permintaan untuk produk elektronik dan elektronik meningkat.
- Walaupun sekatan telah ditarik balik, faktor risiko yang berpotensi kekal, termasuk kemunculan semula COVID-19/varian COVID-19 yang bermutasi, yang boleh memberi kesan kepada pemulihan pasaran domestik serta serantau dan global.
- Kumpulan akan terus menggunakan pendekatan berhati-hati berdasarkan perkara di atas. Piawaian pengunderaitan kredit akan terus dipertingkatkan untuk menangani situasi pandemik yang berkembang, memastikan dasar risiko kredit Kumpulan kekal berkesan dan komprehensif untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal semua risiko.

## RISIKO DAN PELUANG

## RISIKO DAN PELUANG

2

## RISIKO PASARAN

Perkara Material: Pengurusan Risiko, Landskap Pengawalseliaan Dinamik

## DEFINISI RISIKO

- Kerugian risiko timbul daripada gerak berlawanan dalam pemacu pasaran seperti kadar faedah/keuntungan, penyebaran kredit, harga ekuiti, kadar mata wang dan harga komoditi. Di bawah definisi ini, risiko pasaran adalah terdiri daripada:
  - Risiko kadar faedah/keuntungan dan risiko berkaitan dengan instrumen kewangan dalam buku perdagangan.
  - Risiko pertukaran asing dan risiko komoditi dalam buku-buku perdagangan dan perbankan.

## SOROTAN 2021

- Ekonomi global dibuka semula secara beransur-ansur pada tahun 2021 apabila vaksin COVID-19 mula diberikan kepada orang awam. Walau bagaimanapun, memandangkan varian COVID-19 yang bermutasi terbukti lebih menular, gelombang jangkitan telah berulang di seluruh dunia. Oleh itu, pasaran kewangan menunjukkan volatiliti yang ketara, mengakibatkan pergerakan penanda ke pasaran dengan unjuran kenaikan inflasi dan kenaikan kadar faedah berganda di AS untuk menangani inflasi yang meningkat.

## Sorotan Kuantitatif Risiko Pasaran 2021:

## Aset Berwajaran Risiko Pasaran ("RWA") (RM'juta)

2021	3,201
2020	4,314

- Pengurangan pendedahan adalah disebabkan oleh pengurangan dalam kedudukan bon yang dipegang oleh Kumpulan.

## RESPONS PENGURUSAN

## Mengurus impak COVID-19 dan potensi kenaikan kadar faedah berganda di peringkat global

- Fungsi pengurusan risiko pasaran yang ditetapkan dan bertanggungjawab ke atas pengukuran, analisis dan pelaporan risiko pasaran adalah bebas daripada operasi perdagangan Kumpulan.
- Pengurusan risiko proaktif berterusan apabila unit-unit perniagaan bekerjasama dengan Pengurusan Risiko untuk menyemak semula, menilai, menyesuaikan dan mendapatkan kelulusan mengenai selera risiko terpilih dalam masa yang singkat disebabkan oleh prospek dan keadaan pasaran yang buruk. Ini juga adalah bagi memastikan hala tuju pengurangan risiko sepadan dengan strategi perniagaan baharu. Perubahan ini diperlukan sejajar dengan norma baharu yang ditimbulkan oleh pandemik COVID-19.
- Penglibatan berkala dan pengemaskinian jawatankuasa pengurusan risiko dijalankan di peringkat Pengurusan dan Lembaga Pengarah untuk mengetengahkan komposisi risiko yang berubah-ubah, yang terkesan dengan unjuran pasaran, objektif dan strategi yang disemak semula dan selera risiko yang dilaraskan, digabungkan dengan penambahan analisis senario tekanan.

## Tindakan-tindakan lain

- Proses dan struktur tadbir urus risiko pasaran adalah kukuh dan kekal berkesan.
- Rangka kerja yang ditetapkan mencakupi dasar risiko dan kaedah dan had pengukuran, berjaya mengawal aktiviti pasaran kewangan Kumpulan dan mengenal pasti potensi risiko disebabkan oleh volatiliti pasaran.
- Pendedahan perdagangan dipantau setiap hari untuk memastikan risiko berada dalam set ambang dalaman dan mana-mana peristiwa ekstrem yang berlaku akan terdeteksi melalui mekanisme ini.

## PANDANGAN MASA HADAPAN

- Memandangkan pasaran kewangan terus dipengaruhi oleh ketidakpastian prospek pasaran global, kecukupan vaksin COVID-19 terhadap virus mutasi COVID-19 serta perbincangan mengenai Lembaga Rizab Persekutuan mengenai pengurangan kelonggaran kuantitatif di AS di pertengahan prospek kadar faedah yang meningkat, had struktur dan kawalan dalaman akan terus disemak atau disusun semula secara proaktif untuk memastikan risiko yang timbul daripada volatiliti pasaran dapat dikurangkan.

3

## RISIKO KECAIRAN

Perkara Material: Pengurusan Risiko

## DEFINISI RISIKO

- Risiko sekiranya Kumpulan tidak mampu untuk mengekalkan kecairan yang mencukupi bagi memenuhi komitmen dan obligasi kewangannya apabila perlu dibayar serta untuk menjalankan urus niaga pada kos yang berpatutan. Risiko kecairan juga timbul daripada ketidakmampuan untuk menguruskan penurunan yang tidak dirancang atau perubahan dalam sumber pendanaan.

## SOROTAN 2021

- Semasa pandemik COVID-19, Kumpulan menyokong para pelanggan melalui pelbagai langkah bantuan kewangan termasuk menawarkan bantuan pembayaran dan penstrukturan semula pinjaman. Namun begitu, kedudukan kecairan dan pendanaan Kumpulan kekal kukuh. LCR akhir bulan Semua Mata Wang Kumpulan berpurata 149% pada tahun 2021 manakala NSFR diuruskan melebihi 100%.

## Sorotan Kuantitatif Risiko Kecairan 2021:

## Aset Kecairan Berkualiti Tinggi ("HQLA") (RM'bilion)

2021	53.65
2020	49.03

## Nisbah Pinjaman ke atas Deposit ("LDR") (%)

2021	90.8
2020	91.5

## Nisbah Perlindungan Kecairan ("LCR") (%)

2021	155.7
2020	146.9

- LCR bertambah baik disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam HQLA yang didorong oleh peningkatan dalam penempatan BNM.
- LDR bertambah baik kerana jumlah pertumbuhan deposit pelanggan sebanyak 7.5% adalah lebih tinggi daripada pertumbuhan pinjaman kasar sebanyak 6.7%.

## RESPONS PENGURUSAN

## Menguruskan impak COVID-19

- Pengurusan aktif LCR dan NSFR memastikan kecairan dan kedudukan pembiayaan diuruskan pada tahap yang cukup mantap.
- Penilaian risiko material telah dijalankan untuk memastikan risiko yang muncul diketengahkan untuk perbincangan oleh pihak Pengurusan. Selera risiko disemak setiap separuh tahun untuk memastikan bahawa perubahan dalam persekitaran perniagaan dan landskap kawal selia dipertimbangkan.
- Pada 24 Mac 2020, BNM mengeluarkan surat mengenai Langkah-Langkah Tambahan untuk Membantu para Peminjam/Pelanggan yang Terjejas oleh Pandemik COVID-19, yang termasuk kelonggaran ke atas pematuan LCR dan NSFR. Institusi perbankan dibenarkan beroperasi di bawah LCR minimum 100%. Keperluan minimum NSFR diturunkan kepada 80%. Institusi perbankan dikehendaki mematuhi keperluan minimum 100% sebelum 30 September 2021.

## PANDANGAN MASA HADAPAN

- Tanpa mengambil kira konsesi yang diberikan oleh BNM disebabkan oleh pandemik COVID-19, Kumpulan mengekalkan nisbah pematuan kecairan melebihi 100%.
- Kumpulan kekal komited untuk memastikan kecairan dan kedudukan pendanaan adalah kukuh pada setiap masa. Purata akhir bulan LCR Semua mata wang Kumpulan ialah 149%.
- Kumpulan akan terus berusaha untuk mengembangkan deposit runcit dan PKS untuk mempelbagaikan asas depositnya.

4

## RISIKO OPERASI

Perkara Material: Pengurusan Risiko, Tadbir Urus Perniagaan yang Baik

## DEFINISI RISIKO

- Risiko kerugian disebabkan oleh kekurangan atau kegagalan proses, individu atau sistem dalaman dan/atau peristiwa luaran. Ia juga termasuk risiko ketidakpatuhan IT, undang-undang dan Syariah tetapi tidak termasuk risiko strategik dan reputasi.

## SOROTAN 2021

- Penemuan varian baharu virus COVID-19 dan pelbagai gelombang jangkitan wabak, dengan jangkitan harian dan kadar kematian yang lebih tinggi membawa kepada pandemik COVID-19 yang berpanjangan. Situasi pandemik yang berpanjangan dan langkah kesihatan awam yang wajar, cth. pelbagai Perintah Kawalan Pergerakan ("MCOs") dan Pelan Pemulihan Negara ("NRP") yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa untuk menguruskan pandemik itu telah menyebabkan gangguan kepada perniagaan dan operasi Kumpulan. Walau bagaimanapun, Kumpulan sebagai penyedia perkhidmatan penting diteruskan perkhidmatan kepada komuniti.
- Dalam menguruskan pandemik COVID-19 yang berpanjangan, Kumpulan terus mengekalkan dan mempertingkatkan Strategi Pandemik Pelan Kesyukuran Perniagaan ("BCP") ke arah peralihan kepada normal baharu bagi semua unit perniagaan dan fungsian. Ini termasuk mempertingkatkan kerja dari jauh sebagai aturan kerja ganti yang berdaya maju, mewujudkan tapak operasi berasingan kekal yang baharu, meningkatkan pemantauan penyedia perkhidmatan pihak ketiga utama dan penambahbaikan proses. Ini membawa kepada peningkatan risiko operasi, terutamanya risiko manusia, risiko pengurusan perubahan dan kebimbangan keselamatan siber yang semakin meningkat.
- Berhubung dengan BCP, pandemik COVID-19 yang berpanjangan dan pelaksanaan yang berterusan terhadap langkah kesihatan awam yang wajar telah menimbulkan Kelesuan Pandemik, suatu keadaan yang membawa kepada kemerosotan tahap pematuan serta kebimbangan psikologi yang lain. Kumpulan mengambil maklum tentang risiko ini dan mempertingkatkan langkah penguatkuasaan yang berkaitan dengan pelbagai protokol keselamatan serta memulakan aktiviti seperti program kesedaran kesihatan mental dan menggalakkan penglibatan kakitangan secara maya untuk membantu kakitangan menghadapi dan menyesuaikan diri dengan persekitaran yang berubah-ubah.

## Sorotan Kuantitatif Risiko Operasi 2021:

## RWA Operasi (RM'juta)

2021	13,212
2020	12,678

- Kumpulan menggunakan pendekatan penunjuk asas dalam pengiraan RWA Operasi. Peningkatan dalam RWA Operasi sebanyak 4.2% pada tahun 2021 adalah disebabkan oleh peningkatan dalam pendapatan kasar.

## RISIKO OPERASI (SAMBUNGAN)

## RESPONS PENGURUSAN

## Menguruskan impak COVID-19

- Untuk memastikan daya tahan operasi dan penyediaan perkhidmatan penting yang berterusan, Kumpulan mempertingkatkan Strategi Pandemik BCP untuk beralih kepada persekitaran operasi yang baharu, di mana:
  - Kakitangan yang layak dilengkapi dengan sumber dan infrastruktur yang diperlukan untuk menambah baik Kerja dari Rumah ("WFH");
  - Garis Panduan untuk WFH telah dikaji semula dan tadbir urus dipertingkatkan ke arah memudahkan kerja dari jauh sebagai aturan kerja yang diterima;
  - Tapak kerja gantian baharu telah dikenal pasti dan dibina untuk memudahkan operasi secara berasingan yang kekal untuk beberapa fungsi kritikal;
  - Semua penyedia perkhidmatan pihak ketiga dan pengupaya fungsi penting telah dikenal pasti dan dipantau untuk memastikan penyediaan perkhidmatan yang berterusan; dan
  - Proses dan kawalan telah disemak semula dan dipertingkatkan untuk menampung perubahan persekitaran perniagaan dan operasi, dengan tumpuan yang dipertingkatkan kepada penglibatan digital dan maya.
- Untuk mengurangkan risiko manusia yang timbul daripada pandemik COVID-19, amalan normal baharu telah diguna pakai untuk meminimumkan risiko jangkitan dalam kalangan kakitangan dan para pelanggan, termasuk:
  - Pemeriksaan suhu, penjarakan fizikal dan kewajipan memakai pelitup muka di semua premis RHB.
  - Peringatan tentang amalan kebersihan yang baik, sanitasi yang kerap dan penilaian terhadap pengudaraan.
  - Mewujudkan protokol berhubung pengesanan kenalan dan keperluan kuarantin.
  - Usaha dan pengesanan yang diselaraskan berhubung status vaksinasi kakitangan.

- Untuk memastikan amalan 'perniagaan seperti biasa' dan untuk menguruskan risiko yang timbul daripada Keletihan Pandemik akibat pandemik COVID-19 yang berpanjangan dan MCOs, inisiatif berikut telah dilaksanakan:
  - Kerjasama dengan profesional untuk menyediakan kaunseling kepada kakitangan dan untuk meningkatkan kesedaran kesihatan mental.
  - Khidmat nasihat dan komunikasi kakitangan yang kerap serta penglibatan kakitangan dan aktiviti kesihatan dijalankan secara maya.
  - Langkah penguatkuasaan termasuk tindakan tatatertib bagi pelaksanaan prosedur operasi piawaian pihak berkuasa dan Kumpulan ("SOPs").
- Untuk menguruskan risiko pengurusan perubahan apabila Kumpulan menerima pakai proses digital dan bantuan teknologi baharu dalam persekitaran perniagaan dan operasi yang berubah-ubah, langkah-langkah berikut telah diambil:
  - Taklimat kesedaran dan nasihat tentang risiko yang timbul daripada penerimaan norma baharu dan penilaian ketahanan operasi.
  - Penilaian dan semakan proses operasi dan kawalan untuk memastikan ia disesuaikan dengan perubahan persekitaran kerja.
  - Tadbir urus yang mantap dan proses semakan dan cabaran yang bebas untuk mempertimbangkan risiko dan kawalan perubahan yang dicadangkan sebelum diterima pakai.
- Untuk mengurangkan kebimbangan keselamatan siber, langkah-langkah berikut telah dilaksanakan:
  - Memudahkan bekerja dari jauh dalam persekitaran yang selamat melalui hubungan akses dari jauh yang selamat melalui Rangkaian Peribadi Maya ("VPN") dan Infrastruktur Desktop Maya ("VDI").
  - Pemantauan ancaman siber yang dipertingkatkan.
  - Penilaian berterusan terhadap kedudukan keselamatan siber pihak ketiga dan langganan perkhidmatan risikan ancaman.
  - Memperkuh kawalan Pencegahan Kehilangan Data dengan menetapkan klasifikasi maklumat yang lebih ketat.

## PANDANGAN MASA HADAPAN

- Kadar vaksinasi yang lebih baik telah membawa kepada pembukaan semula lebih banyak sektor ekonomi dan sosial dan penarikan balik seketan ke atas perjalanan merentas sempadan ketika dunia beralih kepada persekitaran pasca COVID melalui penggunaan amalan baik yang dipelajari semasa pandemik.
- Penerimaan yang lebih baik terhadap transaksi dalam talian dan penglibatan maya telah mendorong agenda automasi dan pendigitalan untuk memenuhi permintaan pelanggan dan perniagaan. Persekitaran yang berubah-ubah ini mencabar norma dan budaya kerja semasa dan Kumpulan mesti bersedia dan tangkas untuk bertindak balas terhadap risiko pengurusan perubahan untuk kekal relevan dan berdaya tahan.
- Kumpulan akan menerima norma baharu dan sentiasa menyemak semula proses kerja dan mekanisme kawalan untuk menyokong operasi dan perniagaan secara berkesan dalam persekitaran perniagaan dan operasi yang berubah-ubah.
- Pandemik dan transformasi digital juga turut mencabar model tenaga kerja tradisional dan program pengkalan bakat, dan ditambah pula dengan persaingan daripada bank-bank digital baharu dan syarikat fintech yang telah mengakibatkan risiko modal insan yang tinggi. Kumpulan memperakui cabaran yang timbul daripada kekurangan bakat serta risiko dalam menguruskan tenaga kerja yang tersebar termasuk kakitangan bekerja dari jauh; oleh itu, kami telah menyediakan strategi bagi membangunkan semula kemahiran kakitangan untuk bersedia sebagai Tenaga Kerja Masa Hadapan dan kami sedang menyemak semula program pengurusan dan pengkalan bakat kami.
- Tumpuan terhadap ketahanan operasi juga telah menyetengahkan kepentingan pengurusan pihak ketiga dan risiko rantaian bekalan dalam operasi dan proses Kumpulan. Kumpulan perlu meningkatkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Pihak Ketiganya untuk memastikan pengawasan dan kawalan yang berkesan terhadap pihak ketiganya dalam landskap yang berubah-ubah dan untuk memenuhi jangkaan kawal selia yang semakin meningkat.



## RISIKO DAN PELUANG

## RISIKO DAN PELUANG

5

## RISIKO TEKNOLOGI &amp; SIBER

**Perkara Material:** Pengurusan Risiko, Tadbir Urus Perniagaan yang Baik, Perlindungan Data & Keselamatan Siber, Pendigitalan & Pelaburan dalam Teknologi

## DEFINISI RISIKO

- Risiko teknologi adalah risiko perniagaan yang berkaitan dengan penggunaan, pemilikan, pengendalian, penglibatan, pengaruh dan pelaksanaan teknologi maklumat ("IT") dalam suatu perusahaan.
- Risiko siber merujuk kepada ancaman atau kerentanan berpunca daripada kesalinghubungan infrastruktur dalaman kepada rangkaian luaran seperti internet.

## SOROTAN 2021

- Peningkatan pendigitalan membawa kepada kerentanan yang lebih tinggi terhadap risiko siber. Pendigitalan memperkenalkan mobiliti pengguna dengan penekanan kepada kemudahan akses – bila-bila masa, di mana sahaja dan caranya. Ini melibatkan penggunaan pengkomputeran awan, perkhidmatan awan, perkongsian Aplikasi Antara Muka Pemrograman yang membenarkan sesuatu aplikasi untuk berhubung dengan aplikasi lain dan pembukaan sistem bahagian belakang untuk diakses dari jauh. Menyedari bahawa akses sedemikian mudah diperolehi daripada kebanyakan institusi kewangan, penggodam dan penjenayah siber telah mula menyasarkan institusi kewangan untuk mengeksploitasi model perniagaan digital baharu.
- PKP yang dilaksanakan oleh kerajaan disebabkan oleh Pandemik COVID-19 menyebabkan kakitangan bekerja dari rumah atau operasi secara berasingan. Mesyuarat secara maya menggunakan kemudahan persidangan video diperkenalkan untuk mengelakkan mesyuarat secara bersemuka.
- Norma baharu telah memperkenalkan risiko baharu yang wujud dalam aturan WFH dan operasi kerja secara berasingan. Oleh itu, langkah tambahan telah dilaksanakan untuk meningkatkan kawalan keselamatan, termasuk memastikan sambungan akses jarak jauh melalui VPN dan Pengesahan Dua Faktor, menguatkuasakan dasar yang ketat untuk mesyuarat secara maya dan melindungi peranti yang digunakan oleh kakitangan dengan alat keselamatan yang canggih.
- Peningkatan dalam e-mel pancingan data telah dikesan dan kawalan telah dilaksanakan dengan segera untuk menangani ancaman dengan tiada kerugian dilaporkan.
- Terdapat peningkatan tumpuan kepada inisiatif transformasi digital dan jawatankuasa pengurusan yang khusus untuk memudahkan peningkatan kelajuan ke pasaran dan responsif kepada maklum balas/permintaan pelanggan.
- Kami meningkatkan penggunaan teknologi awan dengan penggunaan peralatan baharu dan bekerjasama dengan rakan kongsi yang turut memanfaatkan teknologi ini.
- Pada tahun 2021, kami menjalankan latihan Penilaian Pasukan Merah dan Kompromi selaras dengan keperluan dasar Pengurusan Risiko dalam Teknologi BNM untuk menilai keberkesanan dan kesempurnaan kawalan keselamatan siber Kumpulan Perbankan RHB dan dengan itu, mengenal pasti aspek untuk penambahbaikan.

## RESPONS PENGURUSAN

- Penggunaan pesat digitalisasi membawa kepada risiko sedia ada baharu yang tidak pernah wujud dalam sistem pengkomputeran di premis tradisional. Untuk menangani risiko yang muncul ini, terdapat keperluan untuk menyemak semula infrastruktur keselamatan yang tersedia – bermula daripada keselamatan berasaskan perimeter sehingga pengkomputeran awan dan keselamatan tertumpu kepada data.
- RHB menggunakan pendekatan pelbagai serampang:
  - Penggunaan secara beransur-ansur infrastruktur keselamatan berasaskan awan mesra digital dan pengambilan kakitangan sokongan yang mempunyai set kemahiran merangkumi keselamatan awan.
  - Mewujudkan tadbir urus yang wajar dalam pengurusan penggunaan awan/digital dan pengenalan dasar untuk mengukuhkan kawalan keselamatan yang meliputi keseluruhan inisiatif digitalisasi.
  - Penilaian berterusan terhadap kedudukan keselamatan siber pihak ketiga dan langganan perkhidmatan perisikan ancaman untuk keterlihatan yang lebih baik bagi landskap siber semasa.
- Sistem telah diwujudkan untuk memantau aktiviti rangkaian untuk anomali dan pelanggaran keselamatan dan peningkatan perhatian diberikan kepada kesediaan infrastruktur, keserasian, kapasiti, keselamatan dan ketahanan untuk menyokong projek digitalisasi.
- Sistem aplikasi yang berhadapan internet tertakluk kepada penilaian kerentanan/ujian penembusan biasa dan kelemahan yang dikesan diselesaikan dengan sewajarnya dengan pengesahan daripada perunding luar.
- Pemantauan berpusat status kesediaan sistem dan penggunaan kapasiti telah dijalankan untuk memudahkan pengesanan awal dan tindak balas yang lebih pantas terhadap isu IT yang berpotensi.
- Selain daripada BCP, maklum balas Kumpulan adalah untuk memupuk kesedaran berterusan melalui e-mel dan latihan dalam kalangan kakitangan tentang Perkara Yang Patut Dilakukan & Dilarang semasa bekerja dari rumah. Kakitangan yang bekerja dari rumah telah diberikan komputer riba dan kemudahan VPN untuk memastikan persekitaran kerja yang selamat. Mesyuarat secara maya telah dijalankan menggunakan saluran yang selamat seperti MS Teams dan Zoom. Kami percaya bahawa setiap orang mempunyai peranan untuk memastikan integriti sistem kami. Oleh itu, kami akan meneruskan modul e-pembelajaran mandatori Kesedaran Keselamatan IT, yang telah dilengkapkan oleh kakitangan kami di Malaysia dan di pejabat serantau. Selain itu, Lembaga Pengarah Kumpulan telah melengkapkan modul e-pembelajaran yang diatur khas mengenai Kesedaran Keselamatan IT. Untuk menambah lagi pengetahuan, kami telah menghantar peringatan dan pemberitahuan yang kerap tentang pelbagai aspek keselamatan siber kepada semua kakitangan.

## PANDANGAN MASA HADAPAN

- Ancaman insiden risiko siber akan sentiasa wujud, lebih-lebih lagi ketika meningkatnya kebergantungan terhadap penyelesaian IT untuk persidangan video dan pengaturan WFH, yang mendedahkan Kumpulan kepada kelemahan risiko siber tambahan. Oleh itu, kami telah melanggan sumber perisikan ancaman agar sentiasa dikemas kini mengenai serangan risiko siber yang dihadapi oleh industri dan sebarang risiko baharu yang muncul.

6

## RISIKO KETIDAKPATUHAN PENGAWALSELIAAN

**Perkara Material:** Pengurusan Risiko, Tadbir Urus Perniagaan yang Baik, Landskap Pengawalseliaan Dinamik

## DEFINISI RISIKO

- Kerugian yang timbul daripada sekatan pengawalseliaan, kerugian kewangan atau kerosakan reputasi yang mungkin dialami oleh institusi kewangan ekoran ketidakpatuhan undang-undang, peraturan, piawaian dan keperluan pengawalseliaan (termasuk undang-undang di bawah Majlis Penasihat Syariah) yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh institusi kewangan dalam semua bidang atau mana-mana cawangan atau syarikat subsidiari.

## SOROTAN 2021

- Pandemik COVID-19 dan pelaksanaan PKP terus memberikan cabaran dalam memastikan kesedaran pematuhan dan kepatuhan terhadap keperluan kawal selia di tengah-tengah normal baharu. Tambahan pula, apabila Kumpulan bergerak ke arah menerima digitalisasi dan automasi, ancaman terhadap keselamatan maklumat menjadi semakin nyata, lebih-lebih lagi disebabkan oleh pandemik COVID-19 dan susulan aturan WFH, yang memerlukan penggunaan saluran digital.

## RESPONS PENGURUSAN

- Mengoptimalkan penggunaan platform pembelajaran alternatif, seperti video penerangan ringkas, webinar dan MS Teams, untuk menjalankan latihan pematuhan bagi memastikan akses berterusan kepada pembelajaran tentang/kesedaran jangkaan pengawal selia, terutamanya untuk kakitangan di bawah pengaturan kerja dari jauh.
- Menjalankan semakan ke atas keseluruhan dasar, pekeliling dan garis panduan untuk memastikan bahawa proses operasi dan perniagaan Kumpulan dikemas kini di mana perlu, untuk memenuhi normal baharu di samping memastikan pematuhan kepada keperluan pengawal selia.
- Penggunaan teknologi dan peningkatan sistem untuk memenuhi keperluan pematuhan.
- Menjalankan penilaian risiko siber yang lebih dipertingkat ke atas sistem Kumpulan yang sedia ada, termasuk semakan kerap ke atas proses dan kawalan untuk menentukan keperluan bagi sebarang langkah keselamatan tambahan.
- Meningkatkan semakan pematuhan dan pengawalseliaan untuk mengesan jurang prosedur berbanding keperluan pengawalseliaan untuk memastikan pengenalpastian risiko pematuhan tepat pada masanya.

## PANDANGAN MASA HADAPAN

- Pematuhan Kumpulan akan meneruskan usahanya untuk membina budaya pematuhan yang positif di seluruh Kumpulan dalam menghadapi cabaran yang belum pernah berlaku sebelum ini, yang ditimbulkan oleh krisis COVID-19. Selain daripada memperkukuh tanggungjawab pengawasannya, fokus akan diberikan kepada usaha menggalakkan tingkah laku pematuhan melalui pelbagai program kesedaran pematuhan dan inisiatif pemantauan untuk memastikan Kumpulan kekal berdaya tahan dan mampu mengharungi norma baharu.



Untuk maklumat lanjut mengenai sorotan dan inisiatif pada tahun 2021 dan keutamaan utama kami untuk melangkah ke hadapan, sila rujuk ke seksyen Pematuhan Kumpulan pada muka surat 136 hingga 138 dalam Laporan Tahunan Bersepadu ini.

## RISIKO DAN PELUANG

## RISIKO DAN PELUANG

7

## RISIKO KETIDAKPATUHAN SYARIAH

**Perkara Material:** Pengurusan Risiko, Tadbir Urus Perniagaan yang Baik, Landskap Pengawalseliaan Dinamik

## DEFINISI RISIKO

- Risiko sekatan undang-undang atau kawal selia, implikasi kerugian kewangan atau bukan kewangan termasuk kerosakan reputasi yang RHB mungkin alami yang timbul daripada kegagalan untuk mematuhi keputusan Majlis Penasihat Syariah ("SAC") pengawal selia tempatan (seperti SAC BNM bagi operasi Malaysia), piawaian perkara-perkara Syariah dikeluarkan oleh pengawal selia tempatan atau keputusan atau nasihat jawatankuasa/penasihat Syariah dilantik oleh entiti RHB masing-masing.

## SOROTAN 2021

- Pada tahun 2021, terdapat 10 potensi peristiwa ketidakpatuhan Syariah dikesan melalui melalui proses semakan dan audit Syariah yang ketat, di mana hanya satu peristiwa yang diselesaikan sebagai peristiwa ketidakpatuhan Syariah sebenar oleh Jawatankuasa Syariah.
- Usaha gigih dari segi tadbir urus Syariah telah diambil untuk memastikan semua penemuan yang dibangkitkan ditangani secukupnya untuk mengurangkan kemungkinan berulang atau potensi penemuan ketidakpatuhan Syariah berulang.

## RESPONS PENGURUSAN

- Pengoperasian keperluan Syariah bagi platform perkhidmatan bersama dan operasi bersama dan perubahan terkini dalam keperluan dasar dan kawal selia oleh BNM terus menjadi bidang fokus di bawah proses pengurusan risiko Syariah. Di samping itu, ia diperakui bahawa latihan dan kesedaran kakitangan adalah penting dalam menguruskan risiko Syariah dalam kalangan unit perniagaan dan fungsian.
- Tambahan pula, aktiviti penilaian bebas yang kerap melalui semakan semula dan fungsi audit Syariah memberikan jaminan tahap kualiti dan keberkesanan kawalan dalaman dan sistem pengurusan risiko dan proses tadbir urus RHB.
- Proses Pengurusan Risiko Operasi Syariah ("Syariah ORM") telah diperkemas, berdasarkan alat dan metodologi pengurusan risiko operasi sedia ada Kumpulan untuk menguruskan risiko Syariah secara khusus selaras dengan dasar dan garis panduan Kumpulan RHB.
- Latihan Kesedaran Risiko Syariah dan sesi pemeriksaan mengenai proses pengurusan risiko Syariah yang dipertingkatkan telah dijalankan pada TK2021 untuk memupuk kesedaran tentang risiko Syariah dan membimbing unit perniagaan dan fungsian dalam mengenal pasti risiko Syariah dan langkah kawalannya serta mengurus risiko dalam operasi harian mereka.

## PANDANGAN MASA HADAPAN

- Bekerja rapat dengan pihak berkepentingan yang berkaitan dan memperkukuh usaha untuk memastikan penyepaduan menyeluruh dan berkesan pertimbangan risiko SNC dalam infrastruktur dan platform sedia ada.
- Program latihan Kesedaran Risiko Syariah akan diteruskan pada tahun 2022 dengan penambahbaikan akan dibuat untuk menggabungkan modul peningkatan kemahiran berkaitan dengan proses ORM Syariah.

8

## RISIKO KELESTARIAN

**Perkara Material:** Pembiayaan Lestari, Keterangkuman & Pendidikan Kewangan, Tadbir Urus Perniagaan yang Baik, Pengurusan Risiko, Landskap Pengawalseliaan Dinamik, Pengawasan Alam Sekitar, Perubahan Iklim

## DEFINISI RISIKO

- Risiko Kelestarian merangkumi risiko Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG") termasuk risiko berkaitan iklim yang timbul daripada operasi Kumpulan serta melalui operasi pelanggan, klien atau penerima pelaburan. Sekiranya dibiarkan tidak terurus, risiko-risiko terbabit boleh membawa kepada kehilangan hasil, kejatuhan reputasi institusi kewangan, proses litigasi dengan kos yang tinggi serta hilangnya keyakinan para pelabur dan pelanggan.

## SOROTAN 2021

- Meningkatkan kesedaran dalam kalangan orang awam, para pelanggan dan pelabur tentang kepentingan menyepadukan pertimbangan ESG ke dalam perniagaan dan operasi.
- Pelancaran Taksonomi Perubahan Iklim dan Berasaskan Prinsip Bank Negara Malaysia yang menghendaki Institusi Kewangan menilai dan mengkategorikan aktiviti ekonomi mengikut sejauh mana aktiviti tersebut memenuhi objektif iklim dan menggalakkan peralihan kepada ekonomi rendah karbon.
- Buruh paksa menjadi tumpuan di Malaysia pada separuh kedua tahun ini.
- Peristiwa cuaca ekstrem melanda kebanyakan negara.

## RESPONS PENGURUSAN

- Untuk tujuan ini, Kumpulan mengambil pendekatan berjaga-jaga dan berusaha untuk meneruskan penambahbaikan. Peningkatan kepada rangka kerja dan dasar sedia ada berkaitan kelestarian atau ESG terus dilaksanakan, dengan mengambil kira piawaian atau prinsip yang dipersetujui ramai di peringkat antarabangsa mahupun tempatan.
- Antara inisiatif dan kawalan yang dilaksanakan ialah:
  - Dasar Kredit Kumpulan RHB dan dasar kredit negara tempatan dipertingkatkan untuk memasukkan dasar dan garis panduan berkaitan risiko ESG.
  - Senarai Kredit Terlarang telah diperkenalkan dan dilaksanakan di Malaysia, Singapura, Thailand, Kemboja, Laos dan Brunei.
  - Alat Penilaian Risiko ESG ("ERA") bagi Sektor Sensitif ESG telah dilaksanakan di Malaysia, Singapura, Thailand, Kemboja, Laos dan Brunei.
  - Pendirian Kumpulan terhadap arang batu telah diperkenalkan pada suku ketiga tahun 2021.
  - Pendirian Tanpa Penebangan Hutan, Tanpa Penanamam di Tanah Gambut Baharu dan Tanpa Eksploitasi ("NDPE") Kumpulan diperkenalkan pada suku keempat tahun 2021.
- Program pembinaan keupayaan berterusan yang diadakan untuk Pemimpin Kanan Kumpulan dan pengurusan peringkat pertengahan.
- Strategi dan Hala Tuju Kelestarian 5 tahun (2022-2026) Kumpulan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada Oktober 2021.
- Memulakan Program Tindakan Iklim Kumpulan pada Januari 2022.

## PANDANGAN MASA HADAPAN

- Kumpulan akan terus meningkatkan kesedaran tentang kelestarian dan kesan perubahan iklim di seluruh operasi perniagaan dan portfolio Kumpulan. Ini juga akan mengambil kira perubahan landskap kawal selia yang timbul berkaitan dengan kelestarian dan perubahan iklim.
- Pemahaman yang lebih mendalam tentang risiko berkaitan dengan isu kelestarian, khususnya risiko dan kesan iklim, akan meningkatkan sumbangan Kumpulan kepada pembangunan lestari dengan meminimumkan pembiayaan aktiviti yang menjana impak negatif dan mengenal pasti peluang pembiayaan yang mewujudkan impak positif. Ini juga akan membolehkan Kumpulan membangunkan dan mempertingkatkan rangka kerja, dasar, garis panduan atau kawalan sedia ada yang berkaitan untuk menguruskan isu-isu berbeza yang dikenal pasti di bawah risiko kelestarian.
- Melangkah hadapan ke tahun 2022, Kumpulan telah menubuhkan Program Tindakan Iklim Kumpulan yang akan membantu meneruskan agenda kelestarian kami dan mempercepatkan peralihan kepada ekonomi rendah karbon. Komponen utama program ini ialah keupayaan untuk menilai portfolio pelanggan kami selaras dengan keperluan di bawah Taksonomi Berasaskan Perubahan Iklim dan Prinsip BNM, yang menggesa kami untuk melaksanakan perubahan secara proaktif ke arah membina ketahanan iklim.
- Penawaran pantas produk dan perkhidmatan kewangan lestari yang terhasil daripada penambahan permintaan daripada para pelanggan akan meningkatkan keperluan Kumpulan untuk terus menyepadukan pertimbangan kelestarian ke dalam perniagaan dan operasinya.
- Strategi dan Hala Tuju Kelestarian 5 tahun (2022-2026) Kumpulan akan membimbing dalam memenuhi aspirasi Kelestarian kami dalam memajukan kami ke hadapan.



Untuk maklumat lanjut mengenai dasar, garis panduan dan kawalan, sila rujuk bahagian Risiko Kredit dalam seksyen ini dan seksyen Pembiayaan Lestari dalam Laporan Kelestarian 2021.

## RISIKO DAN PELUANG

## RISIKO LAIN

**Risiko Kadar Faedah dalam Buku Perbankan/Risiko Kadar Pulangan dalam Buku Perbankan**

Risiko kadar faedah/risiko kadar pulangan dalam buku perbankan merujuk kepada risiko ke atas perolehan dan nilai ekonomi ekuiti Kumpulan disebabkan gerak berlawanan dalam kadar faedah/kadar penanda aras. Risiko mungkin timbul daripada ketidakpadanan dalam semasa penentuan semula harga aset dan liabiliti daripada kedudukan dalam dan luar kunci kira-kira dalam buku perbankan, perubahan cerun dan bentuk keluk hasil, risiko asas dan risiko opsyenal.

Perolehan Berisiko ("EaR") dan Nilai Ekonomi Ekuiti ("EVE") digunakan untuk menilai risiko kadar faedah/risiko kadar pulangan dalam buku perbankan. Ia dikira berdasarkan profil ruang penentuan semula harga jurang profil buku perbankan menggunakan templat piawaian BNM. Aset dan liabiliti dikumpulkan berdasarkan baki tempoh kematangan atau tarikh penentuan semula harga seterusnya. Pengukuran EaR dan EVE dijalankan setiap bulan. Jawatankuasa Aset dan Liabiliti Kumpulan ("ALCO") menyokong Jawatankuasa Lembaga Pengarah dalam mewujudkan dasar, strategi dan had bagi pengurusan pendedahan risiko kunci kira-kira. Pengurusan Aset dan Liabiliti Kumpulan ("ALM") di bawah Pengurusan Risiko Kumpulan menyokong ALCO Kumpulan dalam memantau dan melaporkan profil risiko kadar faedah/risiko kadar pulangan dalam buku perbankan bulanan.

Objektif utama pengurusan risiko kunci kira-kira adalah untuk mengurus faedah/keuntungan pendapatan bersih dan nilai ekonomi ekuiti serta untuk memastikan bahawa pendedahan risiko kadar faedah/risiko kadar pulangan dikekalkan dalam lingkungan definisi toleransi risiko. Bagi mencapai keseimbangan antara keuntungan daripada aktiviti perbankan dan meminimumkan risiko kepada pendapatan dan modal daripada perubahan kadar faedah/kadar penanda aras, selera risiko, Pencetus Tindakan Pengurusan dan prosedur peningkatan ditetapkan. Pengujian tekanan juga kerap dijalankan untuk menentukan kecukupan modal dalam memenuhi impak pergerakan kadar faedah ekstrem/penanda aras dalam kunci kira-kira. Ujian sedemikian juga dijalankan untuk memberi amaran awal tentang potensi kerugian ekstrem, memudahkan pengurusan proaktif risiko kadar faedah/risiko kadar pulangan dalam buku perbankan dalam persekitaran pasaran kewangan yang berubah pantas.

**Risiko Reputasi**

Risiko reputasi selalu dilihat sebagai ancaman besar kepada perniagaan kerana kerosakan reputasi yang selalunya tidak boleh diperbaiki. Ia ditakrifkan sebagai risiko publisiti negatif berhubung dengan tatalaku Kumpulan atau mana-mana entiti dalam Kumpulan atau amalan atau perkaitan perniagaannya sama ada benar atau tidak, akan memberi kesan buruk terhadap hasil, operasi atau pangkalan pelanggan atau memerlukan litigasi yang menelan belanja yang besar atau langkah pertahanan yang lain. Ia juga menjejaskan keyakinan orang awam terhadap Kumpulan, serta harga saham.

Risiko reputasi dalam Kumpulan adalah diurus dan dikawal melalui kod tatalaku, amalan tadbir urus dan amalan pengurusan risiko, dasar, prosedur dan latihan. Kumpulan telah membangunkan dan melaksanakan Dasar Pengurusan Risiko Reputasi. Elemen utama dalam pengurusan risiko reputasi termasuk:

- Mengamalkan tadbir urus korporat dan memupuk budaya integriti yang baik untuk menggalakkan pelaksanaan dan pencapaian strategi korporat dan objektif perniagaan.
- Mengurus risiko reputasi dalam lingkungan selera risiko yang sangat rendah dengan toleransi sifar bagi insiden yang menjejaskan reputasi Kumpulan.

- Mengguna pakai amalan pengurusan risiko yang mantap termasuk amalan membina "modal reputasi" dan memperoleh muhibah pihak berkepentingan utama.
- Mengekalkan mekanisme sewajarnya untuk memantau dan mengetengahkan penyelewengan/pelanggaran material dalaman dan dasar/ garis panduan kawal selia yang berkemungkinan memberi risiko kepada reputasi Kumpulan.
- Mengekalkan saluran komunikasi yang sewajarnya dalam berurusan dengan pihak berkepentingan dalaman dan luaran.

**Risiko Rasuah**

Risiko rasuah ialah risiko yang dihadapi oleh Kumpulan apabila pengarah, pegawai, kakitangan, ejen atau rakan niaga lain didakwa terbabit dalam tindakan sogokan atau rasuah, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan atau tanpa pengetahuan dan persetujuan/izin untuk menjamin, mengekalkan atau mempengaruhi keputusan atau manfaat perniagaan yang tidak wajar. Tindakan bertentangan ini dilarang oleh Kumpulan kerana ia adalah pelanggaran undang-undang dan kod etika.

Risiko rasuah RHB dikurangkan melalui dasar dan prosedur sedia ada Kumpulan, terutamanya Kod Etika & Tatalaku Kumpulan, Dasar Anti-Sogokan & Rasuah, Dasar Pemberi Maklumat Kumpulan dan Garis Panduan HADIAH dan Hospitaliti Kumpulan. Bagi melengkapkan usaha Kumpulan untuk memastikan tatalaku perniagaan yang baik oleh para pengarah, kakitangan, penjual/pembekal (perkhidmatan) dan rakan niaga yang lain, Kumpulan menetapkan beberapa mekanisme kawalan, termasuk tetapi tidak terhad kepada berikut:

- Nilai Teras Kongsi ("P.R.I.D.E.")
- Penyata Integriti Korporat
- Kod Etika dan Tatalaku Perniagaan
- Penilaian Risiko Rasuah
- Dasar Layak & Patut Kumpulan
- Dasar Tajaan & Derma Korporat Kumpulan
- Dasar Mengenai Urus Niaga Pihak Berkaitan
- Dasar Pengurusan Risiko Penipuan Kumpulan
- Dasar Pengurusan Risiko Penipuan Kumpulan
- Saluran dan ruang Pemberi Maklumat atau "Speak Up"
- Portal Sumber Etika & Integriti
- Sesi Perkongsian Kesedaran & Pengetahuan

Kumpulan juga telah mewujudkan saluran pemberi maklumat untuk memastikan kakitangan diberi peluang untuk melaporkan sebarang isu berkaitan salah laku kakitangan melalui saluran yang sewajarnya tanpa ancaman tindakbalas negatif. Saluran maklumat utama Kumpulan untuk kedua-dua pihak dalaman dan luaran adalah melalui Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif ("SINED") RHB Bank Berhad dan alamat e-mel yang ditetapkan, iaitu [speakup@rhbgroup.com](mailto:speakup@rhbgroup.com) Untuk saluran dan ruang pemberian maklumat yang lain, sila rujuk laman sesawang korporat Kumpulan di [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com)

Kawalan yang tersedia memastikan pengurangan risiko yang mencukupi, yang membolehkan Kumpulan mencipta nilai bagi pihak berkepentingan dengan:

- Menjamin reputasi Kumpulan Perbankan RHB sebagai organisasi bebas rasuah dengan asas kukuh dan amalan perniagaan beretika.
- Mengukuhkan janji jenama Kumpulan Perbankan RHB, iaitu "*Bersama-sama Menempa Kemajuan*"
- Melindungi aset Kumpulan Perbankan RHB daripada salah urus.
- Meningkatkan kecekapan kos operasi dengan meminimumkan pembaziran bagi Kumpulan.
- Melindungi Kumpulan daripada penalti undang-undang dan kawal selia seperti yang dikenakan oleh Peruntukan Liabiliti Korporat yang diperkenalkan dalam Seksyen 17A Akta SPRM 2009.

## ULASAN OPERASI


**Pada TK2021, bahagian hasil yang disumbangkan oleh segmen perniagaan Kumpulan adalah sebahagian besarnya tidak berubah jika dibandingkan dengan TK2020.**

Perbankan Komuniti Kumpulan adalah penyumbang utama, memperoleh 45% daripada jumlah pendapatan Kumpulan. Ini diikuti oleh Perbankan Borong Kumpulan dengan 43%. Perniagaan Antarabangsa Kumpulan dan Insurans Kumpulan masing-masing menyumbang 9% dan 3%.


Dari segi lokasi geografi, pendapatan daripada operasi Malaysia kami terus menjadi penyumbang utama kepada pendapatan. Pada TK2021, 89% daripada jumlah pendapatan Kumpulan diperoleh daripada operasi Malaysia kami.

## ANALISIS BERSEGMENT

## JUMLAH PENDAPATAN MENGIKUT SEGMENT PERNIAGAAN



## JUMLAH PENDAPATAN MENGIKUT LOKASI GEOGRAFI



**PERBANKAN KOMUNITI KUMPULAN**

Rujuk muka surat 66.



**PERBANKAN BORONG KUMPULAN**

Rujuk muka surat 72.



**PERNIAGAAN SYARIAH KUMPULAN**

Rujuk muka surat 82.



**INSURANS KUMPULAN**

Rujuk muka surat 85.



**PERNIAGAAN ANTARABANGSA KUMPULAN**

Rujuk muka surat 88.

# PERBANKAN KOMUNITI KUMPULAN




**JEFFREY NG**  
Pengarah Urusan,  
Perbankan Komuniti  
Kumpulan

Perbankan Komuniti Kumpulan terdiri daripada Perbankan Runcit Kumpulan dan segmen Perbankan PKS Kumpulan RHB. Kami berkhidmat untuk lebih 3.9 juta pelanggan individu dan lebih daripada 200,000 perniagaan dengan menyediakan penyelesaian konvensional dan patuh Syariah serta Penyelesaian Perbankan PKS. Perniagaan Perbankan Runcit dan Perbankan PKS telah disepadukan ke dalam Perbankan Komuniti Kumpulan pada tahun 2021 sebagai sebahagian daripada penstrukturan semula Kumpulan bagi Kumpulan Perniagaan Strategik.







Aspirasi kami adalah untuk menjadi rakan kongsi terpilih yang dipercayai untuk semua pengguna dan untuk penyelesaian perbankan PKS merentasi pinjaman, perbelanjaan, simpanan, pelaburan dan perlindungan bagi sesiapa yang menjadikan Malaysia sebagai rumah mereka. Perbankan Runcit menyediakan pelbagai penyelesaian perbankan pengguna daripada Pengurusan Kekayaan, Bancassurance, Gadai Janji, Pembiayaan Auto dan Pembiayaan ASB kepada Pembiayaan Peribadi, Kad Kredit, Pembayaran dan Deposit, manakala Perbankan PKS menyediakan penyelesaian pembiayaan kepada PKS dan perusahaan milik keluarga.

Memanfaatkan cara kerja Agile, Perbankan Komuniti Kumpulan terus dipertingkatkan perjalanan dan cadangan pelanggan yang didigitalkan pada platform digital dan melalui pelbagai penyelesaian untuk memenuhi keutamaan pelanggan yang berubah dengan pantas.

Kami bercita-cita untuk menjadi salah satu komuniti bank terbaik di Malaysia dengan memenuhi keperluan peribadi dan perniagaan komuniti melalui penyelesaian perbankan yang dipermudahkan, penyelesaian digital dan tersuai.



## BAGAIMANA KAMI MENCipta NILAI



## PERBANKAN RUNCIT KUMPULAN - INISIATIF PERNIAGAAN UTAMA

SEGMENT	INISIATIF PERNIAGAAN UTAMA	HASIL
<b>Gaya Hidup Pengguna</b>	<p><b>Kad</b> Melancarkan Kad/-i Kredit Visa Shell RHB bersama baharu yang menawarkan pulangan tunai kepada para pelanggan bagi bahan api dan keperluan harian, memenuhi keperluan pasaran baru muncul. Kami juga kekal sebagai penyokong teguh terhadap usaha pemuliharaan alam sekitar dengan terus mempromosikan Kad Debit-i RHB WWF mesra alam kami.</p> <p>Perkongsian dengan pasaran dalam talian terkemuka seperti Shopee, Lazada dan Taobao untuk memacu jualan dalam talian seiring dengan kehadiran kami yang semakin meningkat dalam pembayaran digital.</p> <p><b>Kewangan Peribadi</b> Sebagai tindak balas kepada perubahan dalam tingkah laku pengguna, yang dipercepatkan semasa pandemik, kami telah menambah baik proses penerimaan masuk pelanggan melalui aplikasi bukan bersemuka melalui e-mel.</p> <p>Melancarkan Program Penyatuan Hutang pada Februari 2021 untuk membantu para pelanggan menyatukan komitmen kewangan mereka daripada bank lain menjadi satu akaun Pembiayaan Peribadi dengan RHB.</p> <p>Meningkatkan daya saing kami melalui penentuan harga berasaskan risiko yang menyasarkan segmen pelanggan yang tepat dengan kawalan risiko yang dipacu oleh perniagaan.</p> <p><b>Program Superdeals Loyalty RHB</b> Dilancarkan pada 15 November 2021, para pelanggan boleh mengumpul mata ganjaran apabila mereka menyimpan, membelanja atau melabur dengan RHB dan menebus mata ganjaran tersebut untuk produk dan perkhidmatan gaya hidup.</p>	<p><b>Kad</b> Lebih daripada 28,000 Kad/-i Kredit Shell Visatelah dikeluarkan pada 2021.</p> <p>Lebih daripada 46,000 unit Kad-i Debit WWF telah dikeluarkan pada tahun berkenaan, menjadikan jumlah keseluruhan bilangan produk Kad Keahlian kepada 64,371. Kad-i Debit WWF merupakan kad pertama yang diperbuat daripada plastik kitar semula dan menyokong hidupan air melalui derma tanpa tunai.</p> <p>Mencapai pertumbuhan perbelanjaan 90% tahun ke tahun yang mengagumkan pada tahun 2021 untuk tambah nilai e-dompot, bersama dengan pertumbuhan perbelanjaan sebanyak 64% tahun ke tahun bagi tiga pasaran dalam talian, Shopee, Lazada dan Taobao.</p> <p><b>Kewangan Peribadi</b> 85% daripada permohonan yang kami terima adalah melalui penyerahan e-mel yang membantu untuk meningkatkan masa pusing balik.</p> <p>Program Penyatuan Hutang mencatatkan sejumlah RM320 juta iaitu 13% daripada jumlah jualan Kewangan Peribadi kami.</p>
<b>Gadai Janji</b>	<p>Meluaskan jangkauan geografi kami, terutamanya di luar pusat pasaran tradisional, dengan cawangan kini yang mampu menampung permohonan gadai janji, yang juga mempunyai masa pusing balik yang lebih baik.</p> <p>Lebih penekanan untuk meningkatkan kadar penembusan bagi pembiayaan akhir projek yang dibantu biaya oleh perniagaan PKS, Komersial dan Korporat kami.</p> <p>Melaksanakan inisiatif yang berbeza untuk memacu pemerolehan hartanah yang telah siap dalam sektor pasaran sekunder.</p>	<p>Sumbangan jualan keseluruhan daripada cawangan meningkat daripada RM37 juta pada tahun 2020 kepada RM937 juta pada tahun 2021.</p> <p>Portfolio Gadai Janji berkembang sebanyak 7.2% walaupun ketika pandemik dengan pemerolehan baharu terutamanya melalui aplikasi MyHome.</p> <p>Aplikasi MYHome menyumbang 56% daripada gadai janji baharu bernilai RM5.8 bilion berbanding 40% pada tahun 2020.</p> <p>Pemerolehan keseluruhan hartanah yang telah siap meningkat daripada 30% pada tahun 2020 kepada 34% pada tahun 2021.</p>
<b>Pelanggan Mewah</b>	<p>Pengembangan sebaran produk untuk para pelabur melalui tawaran baharu dan inovatif seperti mengupaya penyertaan mereka dalam terbitan Sukuk Kekal/Bon primer.</p> <p>Mempertingkatkan urusan secara digital dengan melancarkan inisiatif eSignature untuk pemprosesan secara langsung.</p>	<p>Pendapatan yuran kekayaan meningkat sebanyak 35.6% tahun ke tahun pada tahun 2021.</p> <p>AUM Kekayaan Keseluruhan meningkat 18.8% daripada RM3.5 bilion kepada RM4.1 bilion.</p>
<b>Perbankan Premier RHB</b>	<p>Terus mengembangkan para pelanggan Perbankan Premier dengan memanfaatkan para pengaruh PKS RHB Bank sedia ada dan Individu Bernilai Bersih Tinggi melalui cadangan yang dipertingkatkan.</p> <p>Melancarkan caj jualan keutamaan bagi para pelabur Unit Amanah kali pertama untuk memacu penembusan pelabur.</p>	<p>Setakat Disember 2021: 36% daripada asas Premier kami ialah Pemilik PKS (meningkat sebanyak 2% tahun ke tahun).</p> <p>AUM Pelaburan Keseluruhan bagi para pelanggan Premier meningkat sebanyak 21%.</p>

SEGMENT	INISIATIF PERNIAGAAN UTAMA	HASIL
<b>Pembiayaan Auto</b>	<p>Kerjasama White Label dengan Volvo untuk menyediakan pinjaman RHB kepada para pelanggan di bawah Pembiayaan Kereta Volvo.</p> <p>Menggalakkan Pembiayaan Hijau dengan menawarkan kadar keutamaan kepada kenderaan hibrid, hibrid plug-in dan EV sejajar dengan matlamat negara untuk berubah menjadi ekonomi rendah karbon dan berdaya tahan terhadap iklim.</p> <p>Meningkatkan tumpuan kami terhadap segmen kereta terpakai yang semakin berkembang melalui pengupayaan digital.</p>	<p>Portfolio pembiayaan automotif berkembang 4.1%, mengatasi pertumbuhan industri sebanyak 3.0% pada tahun 2021, manakala bahagian pasaran meningkat kepada 5.4%.</p>
<b>Bancassurance</b>	<p>Melancarkan lima produk baharu yang menyasarkan segmen pasaran yang berbeza:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Takaful MyGrowth untuk menyasarkan pasaran khidmat nasihat Islam yang semakin berkembang.</li> <li>RHB Treasure 100 untuk menyasarkan pengguna yang berminat dengan penabungan kekayaan untuk generasi akan datang.</li> <li>RHB Luxe dan Pay-as-you-Drive merupakan program insurans permotoran untuk menyasarkan segmen Kumpulan Perdana/Pelanggan Mewah.</li> </ul>	<p>Meningkatkan pendapatan yuran Bancassurance sebanyak 31.0% melalui pendekatan bersasar kami dan pelancaran produk inovatif untuk pasaran penasihat Islam.</p>
<b>Deposit</b>	<p>Memperkenalkan Portal Joy@Work, portal gaya hidup pertama untuk pelanggan berpendapatan dan juga memulakan jualan silang bagi cadangan Joy@Work melalui platform Reflex Premium/Plus.</p> <p>Menguatkan saluran pemerolehan jualan dengan pengenalan Saluran Pakar Penyelesaian Perniagaan fokus kepada pemerolehan Joy@Work.</p> <p>Memperkenalkan tujuh mata wang baharu kepada Akaun Kad Debit Pelbagai Mata Wang ("MCA"), menjadikan jumlah keseluruhannya 16 mata wang serta pakej produk baharu untuk para pelanggan Premier yang terbaharu.</p>	<p>Deposit Runcit mencatatkan pertumbuhan sebanyak 8.1%, mengatasi industri 4.9% dan meningkatkan bahagian pasaran kami kepada 8.6% berbanding 8.4% pada tahun 2020.</p> <p>Penambahbaikan dalam tindak balas pelanggan terhadap aktiviti libat urus dan iklan telah membantu CASA untuk berkembang sebanyak 13.5% tahun ke tahun.</p> <p>Nisbah CASA meningkat daripada 31.1% kepada 32.6% pada tahun 2021.</p>

## KEMAJUAN KE ATAS INISIATIF STRATEGIK FIT22

INISIATIF FIT22	HASIL
Membangunkan perniagaan Pelanggan Mewah dan Bancassurance dengan memanfaatkan pangkalan pelanggan PKS	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pendapatan yuran kekayaan dan bancassurance meningkat sebanyak 33.4% kepada RM214.2 juta tahun ke tahun.</li> <li>Pendekatan para pelanggan Premier berjumlah 75,600 dengan AUM/pelanggan meningkat sebanyak 13% kepada RM568,000.</li> </ul>
Melonjakkan deposit runcit untuk merapatkan jurang dengan aset runcit	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nisbah Pinjaman kepada Deposit bertambah baik daripada 142.4% kepada 138.2%.</li> <li>Jumlah transaksi gaji meningkat 31% dengan cadangan unik untuk akaun pengkreditan gaji Joy@Work.</li> <li>CASA meningkat sebanyak 13.5% daripada RM20.7 bilion pada tahun 2020 kepada RM23.5 bilion pada tahun 2021.</li> </ul>

## ULASAN OPERASI

## ULASAN OPERASI

## INISIATIF FIT22

## HASIL

Meningkatkan perkhidmatan dan jualan melalui strategi 'Perbankan Komuniti' dan 'Cawangan masa depan' untuk kecekapan, capaian dan prestasi yang lebih baik

Membina ekosistem melalui pemusatan pelanggan yang dipertingkatkan untuk mencipta perbezaan

- Terus mempertingkatkan dan mengukuhkan kecekapan Pengurus Cawangan semasa pandemik melalui modul pembelajaran berstruktur untuk muncul sebagai komuniti ahli perbankan yang terbaik dalam kelasnya.
- Mempertingkatkan perkhidmatan Cawangan dan jualan kami.
- Bagi para pelanggan Premier Bank Baharu, meningkatkan kecekapan dalam semua rangkaian jualan, termasuk inisiatif digital, untuk meningkatkan penembusan dengan mengoptimalkan petunjuk pengurusan dan memperkemas semua kempen petunjuk kepada segmen yang disasarkan.
- Ekosistem Pemilik Rumah kami terus meraih daya tarikan dengan pertumbuhan sebanyak 9.5% berbanding pertumbuhan industri pada 6.8% pada tahun 2021.
- 56% daripada penerimaan pinjaman adalah melalui Penerimaan RHB MyHome berbanding 40% pada tahun 2020.
- 85% petunjuk dirujuk secara digital melalui RHB Partners berbanding 65% pada tahun 2020.

## PKS KUMPULAN - INISIATIF PERNIAGAAN UTAMA

Pada tahun bawah tinjauan, Perbankan PKS membantu para pelanggan kami mengukuhkan ketahanan mereka dalam keadaan persekitaran ekonomi yang amat mencabar, melaksanakan pendekatan holistik untuk memenuhi pelbagai keperluan kewangan dan operasi PKS.

Kumpulan menyediakan lebih daripada RM1.8 bilion dalam bantuan kewangan pada tahun 2021 kepada para pelanggan PKS. Kami memainkan peranan aktif dalam memudahkan kelancaran penyampaian kemudahan pembiayaan bantuan yang dimulakan kerajaan seperti Kemudahan Bantuan Khas ("SRF") dan Bantuan Bersasar dan Kemudahan Pemulihan ("TRRF"). Di samping menyediakan kemudahan TRRF kepada para pelanggan bank kami yang sedia ada, kami bekerjasama dengan beberapa pusat beli-belah komersial untuk menyediakan pembiayaan kepada penyewa dalam membantu mereka menghadapi cabaran yang timbul daripada beberapa sekatan yang dilaksanakan pada tahun 2021 melalui program Pembiayaan Bantuan Peruncit PKS. RHB juga diiktiraf sebagai institusi kewangan terkemuka dengan bahagian pasaran tertinggi dari segi kelulusan dan pembayaran kepada Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan ("SJPP") iaitu sebuah Skim Jaminan Kerajaan pada 2021.

Di peringkat yang lebih luas, kami menyediakan akses PKS kepada modal kerja pada kadar yang berpatutan melalui program Pembiayaan Bantuan RHB BizPower, manakala ekosistem digital PKS pula menyokong peningkatan kecekapan operasi dalam kalangan pelanggan PKS kami. Kami juga membolehkan para pelanggan PKS kami untuk mengakses platform e-dagang seperti Beep.it, Hab Pasaran Makanan dan Lapasar pada kadar lebih kompetitif. Sementara itu, program RHB #JomSapot kami yang diwujudkan semasa tempoh kemuncak pandemik pada tahun 2020, terus membantu PKS mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka kepada pangkalan pelanggan kami yang lebih luas tanpa kos tambahan.

## INISIATIF PERNIAGAAN UTAMA

## HASIL

**Pemeriksaan digital untuk tenaga kerja jualan dan para pelanggan** - Terus memacu produktiviti Ringgit Malaysia melalui peningkatan berterusan kami peralatan digital iSMART yang meningkatkan pengurusan petunjuk jualan di samping menambah baik pengalaman pelanggan.

- Produktiviti jualan keseluruhan meningkat 20%, yang membawa kepada peningkatan jualan sebanyak RM1.6 bilion.

**Mempercepatkan penciptaan nilai daripada analitik** melalui penggunaan data analitik yang dipertingkatkan untuk menambah baik penglibatan pelanggan dan mengembangkan bahagian pasaran kami.

- Memperoleh lebih daripada RM700 juta penerimaan pinjaman baharu pada tahun 2021.

**Ekosistem dan deposit PKS** - Terus membina ekosistem PKS sebagai kunci pembezaan dengan menawarkan satu set PKS penyelesaian perniagaan berasaskan awan yang bertujuan untuk memperkasakan PKS dengan penyelesaian serba boleh.

Sepanjang tahun yang mencabar dengan pelbagai Perintah Kawalan Pergerakan, kami terus mendekati PKS di seluruh negara melalui acara maya bersama-sama dengan rakan kongsi penyelesaian perniagaan kami untuk membantu PKS mendigitalkan perniagaan mereka.

- RHB eSolutions menerima masuk 5,456 pelanggan pada tahun 2021, membawa kepada pertumbuhan akaun semasa sebanyak RM606 juta.
- Deposit meningkat 14.6% (daripada RM25.1 bilion kepada RM28.7 bilion) terutamanya daripada CASA.

## INISIATIF FIT22

## HASIL

Kekal mengungguli segmen PKS

- Pinjaman PKS tahun ke tahun meningkat sebanyak 11.2%.
- Bahagian pasaran PKS berdasarkan segmentasi perniagaan meningkat daripada 7.6% pada Disember 2020 kepada 8.1% pada Disember 2021.

## PENGUNAAN DIGITALISASI

Perbankan Runcit dan PKS tertumpu pada kemajuan agenda pendigitalan Bank pada tahun 2021 dengan matlamat utama untuk menyediakan para pelanggan dengan pengalaman perbankan yang mudah, cepat dan selesa. Bagi Perbankan PKS, kami terus meningkatkan keupayaan platform Pembiayaan Dalam Talian PKS dan eSolutions kami. Sebagai contoh, aplikasi mudah alih pembiayaan PKS kini boleh melaksanakan pengesahan MyKad dan memudahkan temu duga secara maya untuk memenuhi prosedur Elektronik Kenali Pelanggan Kami ("e-KYC"), yang menyediakan kemudahan tambahan kepada para pelanggan, terutamanya ketika pandemik. Hasilnya adalah ketara apabila portfolio Pembiayaan Dalam Talian PKS kami meningkat lebih dua kali ganda kepada RM840 juta pada tahun 2021 berbanding kepada RM339 juta pada tahun 2020. Pada masa yang sama, kami memperoleh lebih daripada 5,456 pelanggan eSolutions baharu, yang meningkatkan CASA di bawah pengurusan sebanyak

RM606 juta. Dengan memanfaatkan penyelesaian digital, kami juga dapat meningkatkan produktiviti pengurus perhubungan kami sebanyak 20%, di samping mengurangkan pemulihan tempoh pemberian perkhidmatan kepada pelanggan kami sebanyak 20%, yang menyumbang kepada RM7.9 bilion penerimaan pinjaman.

Bagi Perbankan Runcit, kami terlibat secara aktif dengan para pelanggan dan kakitangan kami untuk menggalakkan penghijrahan mereka kepada perbankan digital sahaja melalui platform Internet dan perbankan mudah alih RHB. Pertumbuhan ini adalah menggalakkan dengan peningkatan 56% tahun ke tahun dalam pendaftaran bagi platform perbankan mudah alih yang mencerminkan penggunaan platform digital kami dengan lebih daripada separuh pelanggan runcit kami. Hasilnya, kami melihat peningkatan yang ketara dalam permohonan asal pinjaman pengguna dan pengeluaran melalui saluran digital.

## TINJAUAN &amp; PROSPEK

Sektor perbankan secara amnya akan kekal mencabar memandangkan ketidakpastian menyelubungi COVID-19, dan juga akan bergantung kebanyakannya kepada bagaimana kesan varian baharu virus itu diuruskan. Situasi yang berubah-ubah ini sekali lagi akan menyaksikan tindakan mengimbangi antara melindungi kehidupan dan mata pencarian serta keperluan untuk mengekalkan keadaan normal tercapai sehingga kini. Di samping pemulihan dalam pertumbuhan dengan jangkaan pemulihan ekonomi pada tahun 2022, Perbankan Komuniti Kumpulan kekal komited untuk mencari cara yang inovatif untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada para pelanggan sedia ada melalui ekosistem digital yang komprehensif di samping menarik para pelanggan baharu.

Kebanyakan perkara yang akan kami lakukan pada masa hadapan melibatkan usaha memanfaatkan teknologi dan digitalisasi, sama ada untuk menambah baik proses dalaman kami sendiri atau untuk cari cara yang lebih berkesan untuk melayani para pelanggan kami. Sebagai contoh, seruan BNM untuk memperkenalkan e-KYC akhirnya akan membawa kepada digitalisasi sepenuhnya penerimaan pelanggan, yang telah kami laksanakan dalam beberapa produk kami dan akan membantu menarik kumpulan pelanggan yang lebih muda yang lebih terbiasa dengan pengalaman dalam talian.

Oleh itu, kami sedang bersiap-siaga untuk terus menghadapi cabaran industri yang kompetitif untuk mengembangkan bahagian pasaran kami dengan mempertingkatkan cadangan produk kami dan meningkatkan produktiviti dan ketersediaan perkhidmatan.


## PERBANKAN BORONG KUMPULAN

Perbankan Borong Kumpulan ("GWB") merangkumi segmen-segmen perniagaan utama dalam Perbankan Pelaburan Kumpulan, Perbankan Korporat Kumpulan, Perbankan Komersial, Perbendaharaan dan Pasaran Global Kumpulan, Pengurusan Aset Kumpulan, Perbankan Transaksi dan Ekonomi. GWB telah ditubuhkan berikutan penyusunan semula Kumpulan-kumpulan Perniagaan Strategik dalam Kumpulan pada tahun 2021.

GWB menyediakan perkhidmatan komprehensif dan diselaraskan meliputi spektrum produk yang luas dan penyelesaian produk bagi memenuhi keperluan dan kehendak para pelanggan kami di Malaysia dan di rantau ini. Kami dapat membantu para pelanggan kami mencapai kemajuan dengan memanfaatkan secara kolektif, kepakaran kumpulan dan potensi sinergi merentasi semua segmen perniagaan, yang amat penting bagi membuka peluang-peluang baru dan memperkukuhkan perniagaan kami dalam semua pasaran di mana kami berada.

Perbankan Pelaburan Kumpulan menawarkan barisan lengkap produk pasaran modal, penstrukturan, khidmat nasihat dan produk pelaburan kepada para pelanggan Modal Besar, Modal Sederhana, konglomerat, syarikat-syarikat berkaitan kerajaan dan agensi. Meningkatkan modal pasaran utama merangkumi ekuiti dan pelbagai instrumen hutang, manakala ekuiti pasaran kedua dalam perdagangan/pembrokeran meliputi kedua-dua pelanggan institusi dan runcit. Di samping itu, kami menyediakan idea-idea pelaburan berstruktur dan produk kepada para pelanggan.

Perbankan Korporat Kumpulan menyediakan penyelesaian pembiayaan Konvensional dan Patuh Syariah yang komprehensif kepada para pelanggan korporat, selain daripada membantu syarikat-syarikat korporat dalam menyusun struktur keperluan kewangan mereka, manakala Perbankan Komersial fokus kepada syarikat-syarikat saiz sederhana yang berada di antara kategori syarikat korporat besar dan PKS.





### PRESTASI TK2021

GWB mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1,999.2 juta, 2.1% lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Ini adalah berdasarkan pendapatan berasaskan dana bersih yang lebih tinggi sebanyak 30.0%, sebahagiannya disebabkan oleh pendapatan berasaskan bukan dana yang lebih rendah sebanyak 13.4% daripada dagangan bersih dan pendapatan pelaburan yang lebih rendah dan jangkaan kerugian kredit yang lebih tinggi sebanyak 108.5%.



Pinjaman dan pembiayaan kasar meningkat sebanyak 1.6% dari tahun ke tahun kepada RM50.3 bilion. Jumlah deposit meningkat sebanyak 3.4% kepada RM93.0 bilion terutamanya disebabkan oleh peningkatan deposit masa pasaran wang, yang sebahagiannya terkesan oleh penurunan dalam deposit akaun semasa.

### BAGAIMANA KAMI MENCIPTA NILAI

#### PINJAMAN KASAR (RM'bilion)



#### DEPOSIT (RM'bilion)



■ Perbankan Korporat Kumpulan ■ Perbankan Komersial ■ Perbankan Pelaburan Kumpulan ■ Perbendaharaan dan Pasaran Global Kumpulan



Perbendaharaan dan Pasaran Global Kumpulan menawarkan barisan produk dan penyelesaian Perbendaharaan yang komprehensif, termasuk FX, Produk Berstruktur serta Instrumen-instrumen Wang dan pasaran modal, bagi memenuhi keperluan para pelanggan kami yang pelbagai terhadap pembiayaan, lindung nilai dan pelaburan, selain menguruskan keperluan pelaburan dan kecairan Perbankan Kumpulan.

Perbankan Transaksi menawarkan perkhidmatan perbankan transaksi dan pengurusan kecairan kepada para pelanggan menerusi penyediaan perkhidmatan pengurusan tunai seperti pembayaran, titipan dan penyelesaian pembiayaan perdagangan untuk semua perusahaan perniagaan.

Pengurusan Aset Kumpulan, termasuk perniagaan pemegang amanah, yang menambah nilai menerusi penyediaan perkhidmatan pengurusan pelaburan kepada para pelanggan bagi membantu mereka meningkatkan prestasi kewangan ke atas pelaburan mereka. Ini dilakukan menerusi penawaran barisan dana pemegang amanah yang komprehensif dalam memenuhi pelbagai keperluan perniagaan dan individu, termasuk skim-skim pelaburan, nasihat pengurusan pelaburan, mandat persendirian dan pemegang amanah serta perkhidmatan penulisan wasiat.

GWB diperluaskan lagi oleh Jabatan Ekonomi, yang menyediakan perkhidmatan penyelidikan kepada pihak-pihak berkepentingan dalaman serta para pelanggan luaran bagi membolehkan mereka membuat keputusan pelaburan yang bermaklumat dan tepat.



## PERBANKAN PELABURAN KUMPULAN

PRESTASI  
KESELURUHAN:

Perbankan Pelaburan Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM257.8 juta pada tahun 2021, iaitu 91.0% lebih tinggi daripada keuntungan sebelum cukai sebanyak RM135.0 juta berbanding tahun 2020. Prestasi tersebut disebabkan oleh prestasi tahun ke tahun yang ditambah baik oleh perniagaan-perniagaan Pasaran Modal dan Ekuiti Derivatif serta kadar kemerosotan yang lebih rendah. Perniagaan Runcit Ekuiti dalam pasaran luar negara utama seperti di Indonesia dan Thailand juga mencatatkan TK2021 yang lebih menguntungkan. Jumlah pendapatan Perbankan Pelaburan Kumpulan juga meningkat sebanyak 9.4% daripada RM608.9 pada TK2020 kepada RM667.3 juta pada TK2021.

Kewangan

## ANUGERAH

The Edge Malaysia  
Urus Niaga Terbaik Tahun 2021

- **Urus Niaga Terbaik – Tawaran Awam Awal**  
CTOS Digital Berhad RM1.2 bilion IPO  
(Penasihat Utama Bersama, Penyelaras Global Bersama, Pengendali Buku Bersama, Penaja Jamin Pengurusan Bersama dan Penaja Jamin Bersama)
- **Urus Niaga Terbaik – Penggabungan & Pemilikan**  
Pemilikan oleh Kuala Lumpur Kepong Berhad sebanyak 56.2% ekuiti dalam IJM Plantation Berhad daripada IJM Corporation Berhad pada nilai RM1.53 bilion  
(Penasihat Prinsipal Tunggal kepada Kuala Lumpur Kepong Berhad)

Anugerah Tahunan Urus Niaga & Penyelesaian Terbaik  
Alpha SEA Ke-15 2021

- **SRI Sukuk Hijau Terbaik ASEAN**
- **SRI Sukuk Terbaik**  
RM3.0 bilion Program Kelestarian Islam MTN ASEAN Bank SME dengan terbitan pertama sebanyak RM500.0 juta  
(Penasihat Prinsipal Tunggal, Pengatur Utama Tunggal & Pengurus Utama Bersama)

Anugerah Kewangan Islam  
Asset Triple A

- **SRI Sukuk Kelestarian Terbaik ASEAN – Kuasi Berdaulat**  
Cagamas Berhad sebanyak RM100.0 juta Sukuk Kelestarian SRI Commodity Murabaha  
(Pengurus Utama Tunggal)

Anugerah Perbankan Asia & Pembiayaan Korporat &  
Pelaburan Perbankan 2021

- **Urus Niaga Ekuiti Islam - Syarikat Malaysia**  
Sunway Berhad sebanyak RM977.8 juta Saham Keutamaan Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus  
(Penasihat Prinsipal Tunggal)

Anugerah Urus Niaga IFN Tahun  
2021

- **Urus Niaga Kewangan Berstruktur Tahunan**  
Sukuk Cellco Modal Berhad sebanyak RM520.0 juta  
(Penasihat Prinsipal Tunggal, Pengatur Utama Tunggal & Pengurus Utama Tunggal)

## BAGAIMANA KAMI MENCIPTA NILAI

## JADUAL LIGA PENARAFAN UNTUK MALAYSIA

	Kedudukan (2021)	Saham Pasaran
<b>Bon</b>	3	14.8%
<b>Sukuk</b>	3	15.4%
<b>Ekuiti</b>	4	9.3%
<b>Khidmat Nasihat Penggabungan &amp; Pemilikan (berdasarkan nilai)</b>	4	35.2%
<b>Pembrokeran Ekuiti</b>	4	8.9%

(sumber : Bloomberg, Bursa Malaysia &amp; RHB)



## PERBANKAN PELABURAN KUMPULAN

PERNIAGAAN	INISIATIF UTAMA	PENCAPAIAN (SETAKAT 31 DISEMBER 2021)
<b>Malaysia – liputan pelanggan</b>	Jualan silang produk perbankan dan memacu permulaan modal urus niaga pasaran menerusi penjana idea bersama rakan kongsi produk.  Menambah yuran Perkongsian Dompert dan nisbah pemegang produk untuk para pelanggan sedia ada.	Sasaran jualan silang yang lebih tinggi dicapai merentasi produk Runcit, Komersial dan Perbendaharaan.  Pertambahan yuran dalam Perkongsian Dompert bagi pelanggan segmen Modal Besar dan Modal Sederhana.  Peningkatan nisbah pemegang produk daripada 3.98 kepada 4.40.
<b>Malaysia – pasaran modal &amp; khidmat nasihat</b>	Tumpuan terhadap kecemerlangan pelaksanaan perjanjian	Peningkatan pelaksanaan perjanjian sebanyak 7% dari tahun ke tahun. Melangkah ke tahun 2022 dengan bilangan mengalakkan melebihi 200 perjanjian yang berterusan dan mandat untuk dicapai, serta disokong oleh kedudukan liga yang kukuh.  Kedudukan kukuh di jadal liga: • No. 3 untuk Bon dan Sukuk • No. 4 untuk ECM, M&A dan Pembrokeran Ekuiti.
<b>Malaysia – pembrokeran ekuiti</b>	Pertumbuhan penguasaan pasaran dan pangkalan pelanggan menerusi pendigitalan dan peningkatan teknologi	Pelancaran e-KYC kepada remisier Perbankan Pelaburan RHB disasarkan berlaku dalam suku pertama 2022. Sejak pelancaran perintis pada suku kedua 2021, lebih daripada 200 akaun telah berjaya dibuka oleh peniaga menerusi e-KYC.
<b>Kemboja – pasaran modal &amp; khidmat nasihat</b>	Memacu Perbankan Pelaburan dan Perbankan Korporat/Komersial di bawah satu Model CIB	Menghasilkan daya tarikan menerusi tiga perjanjian hasil kolaborasi yang lebih meluas di bawah Model CIB pada tahun 2021.
<b>Thailand – pasaran modal &amp; khidmat nasihat</b>		Strategi pendekatan pelanggan sasaran selepas melalui proses perancangan akaun yang ketat.
<b>Thailand – pembrokeran</b>		Laman web dan perdagangan serta saluran komunikasi yang dipertingkatkan untuk para pelanggan dan para Perunding Pelaburan.
<b>Indonesia – pembrokeran</b>	Pendigitalan ekuiti runcit – pemasaran, perdagangan, pembukaan akaun	Pertumbuhan sebanyak 17% akaun baru dari tahun ke tahun.
<b>Vietnam – pembrokeran</b>		Melancarkan platform perdagangan baru pada Februari 2021 dan Aplikasi Mudah Alih pada Mei 2021. Peningkatan berterusan kedua-dua Perdagangan Web dan Aplikasi Mudah Alih dengan penambahan ciri-ciri baru pada tahun 2022.

FIT22	INISIATIF	PENCAPAIAN (SETAKAT 31 DISEMBER 2021)
<b>Membiayai Perjalanan Kami</b>	Pertambahan dalam Perkongsian Dompert ("SOW") untuk syarikat-syarikat Modal Besar  Peningkatan dalam Kadar Penembusan syarikat-syarikat Modal Sederhana  Meletakkan Perniagaan Luar Negara pada kedudukan sesuai untuk Fokus kepada Kekuatan Utama	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peneraju pasaran dari segi yuran SOW sejak FIT22 diperkenalkan dan kedudukannya yang unggul ini telah dikekalkan sejak itu.</li> <li>• Peningkatan hasil berkembang secara berterusan sejak 2018.</li> <li>• Penembusan kadar dikekalkan pada 85.7%.</li> <li>• Pertumbuhan pinjaman secara berterusan berdasarkan jumlah dan nilai.</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempertahankan 3 kedudukan Utama dari segi yuran SOW dengan mengekalkan kedudukan #1 semasa dalam ruang Modal Sederhana.</li> <li>• 83 pelanggan baru diperolehi dengan kadar penembusan produk baru sejak FIT22 dimulakan.</li> <li>• Pertumbuhan pinjaman secara berterusan berdasarkan jumlah dan nilai.</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perniagaan perbankan pelaburan luar negara di Indonesia dan Kemboja telah mencatat keuntungan. Thailand dan Vietnam merapatkan jurang kerugian dengan penumpuan terhadap kekuatan utama dan perniagaan khusus.</li> <li>• Menarik diri dari perniagaan pembrokeran di Singapura, melepaskan [menjual] perniagaan pengurusan aset di Indonesia dan menghentikan operasi di Hong Kong untuk menumpukan perhatian kepada pasaran-pasaran lain yang berkembang di ASEAN.</li> </ul>





## PERBANKAN KORPORAT KUMPULAN



Kewangan

### PRESTASI KESELURUHAN:

Perbankan Korporat Kumpulan mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM103.2 juta pada tahun 2021, merosot sebanyak 79.4% daripada 2020, terutamanya disebabkan oleh peruntukan lebih tinggi untuk kerugian kredit.

Pinjaman kasar dan aset berkembang sebanyak 2.1% daripada RM47.8 bilion pada tahun 2020 kepada RM48.8 bilion pada tahun 2021.

#### INISIATIF UTAMA PERNIAGAAN

Pembangunan strategi-strategi terpilih untuk pembangunan dan pemilikan perniagaan baru

#### PENCAPAIAN

Mencatatkan pertumbuhan pinjaman & aset sebanyak 2.1% dan penambahan pemilikan pelanggan baru dari tahun ke tahun sebanyak 34.8%.


Memperhebatkan kolaborasi bersama rakan-rakan kongsi produk dalam dan perniagaan bagi menyediakan penyelesaian kewangan yang holistik.

Memperbaiki pendapatan bayaran sampingan domestik sebanyak 5.5% dari tahun ke tahun.


Mengerah pasukan petugas korporat untuk menguruskan penjadualan dan penyusunan semula kemudahan perbankan untuk para pelanggan semasa berlakunya pandemik.

Jumlah bantuan pembayaran balik diberikan kepada para pelanggan yang memerlukan adalah kira-kira 9.0% daripada jumlah pinjaman domestik GCB dan aset pada tahun ini.

#### PINJAMAN & ASET (RM'bilion)



#### JUMLAH PENDAPATAN (RM'juta)



#### INISIATIF FIT22

Untuk menambah sumbangan pendapatan daripada syarikat-syarikat Modal Besar dan meningkatkan penembusan serta meluaskan penguasaan pasaran segmen Modal Sederhana. Ini telah dilaksanakan menerusi tindakan kolaboratif yang diperhebatkan di peringkat dalaman bersama rakan kongsi produk dan pelaksanaan pendekatan 'memasuki pasaran' bagi menyediakan gabungan komprehensif produk dan perkhidmatan, serta strategi pertumbuhan terpilih bagi para pelanggan baru dan sedia ada.

#### PENCAPAIAN

GCB mencatatkan pertumbuhan pinjaman dan aset tahun ke tahun sebanyak 4.2%, yang disumbangkan sebahagian besarnya oleh kedua-dua segmen Modal Besar dan Modal Sederhana.



## PERBANKAN KOMERSIAL



Kewangan

### PRESTASI KESELURUHAN:

Perbankan Komersial mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM100.2 juta pada tahun 2021, 4.0% lebih rendah berbanding tahun 2020.

Pinjaman kasar berkembang sebanyak 6.2% daripada RM6.7 bilion pada tahun 2020 kepada RM7.1 bilion pada tahun 2021.

#### INISIATIF UTAMA PERNIAGAAN

Peningkatan pengurusan kualiti aset

#### PENCAPAIAN

Penanguhan pinjaman diberikan kepada 43.45% para pelanggan Perbankan Komersial.

Nisbah rosot nilai kasar pinjaman bertambah baik kepada 0.14% berbanding 0.22% pada tahun 2020.

Kolaborasi dalam Kumpulan menerusi usaha-usaha jualan silang pelbagai produk dan perkhidmatan bagi menyediakan penyelesaian yang holistik

Direka untuk meningkatkan pengalaman dan kepuasan pelanggan. Ini membolehkan Perbankan Komersial untuk menguasai 70% akaun operasi pelanggan yang utama.

#### INISIATIF FIT22

Mengembangkan perniagaan pinjaman dan deposit

#### PENCAPAIAN

Terus fokus untuk meningkatkan pinjaman dan asas deposit menerusi peningkatan produktiviti dan kecekapan dengan budaya kepatuhan yang kukuh.

Meningkatkan pendekatan yang berorientasikan pelanggan.

Menyediakan penyelesaian holistik kepada pelanggan menerusi pelbagai perniagaan sampingan meliputi seluruh Kumpulan dan meningkatkan pusingan masa untuk meningkatkan perjalanan pelanggan serta memupuk hubungan jangka panjang dengan pelanggan.



## PERBENDAHARAAN DAN PASARAN GLOBAL KUMPULAN



Kewangan

### PRESTASI KESELURUHAN:

Perbendaharaan dan Pasaran Global Kumpulan ("GTGM") mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1,457.0 juta, yang mewakili pertumbuhan 26.0% daripada tahun sebelumnya. Ini disumbangkan sebahagian besarnya oleh pendapatan faedah bersih lebih tinggi sebanyak 77.0%, yang diseimbangkan sebahagiannya oleh pendapatan bukan faedah lebih rendah sebanyak 38.5% berikutan pendapatan perdagangan dan pelaburan yang lebih rendah serta perbelanjaan operasi lain yang lebih tinggi sebanyak 2.4%.

Jumlah  
Pendapatan:

**RM1,633.6  
JUTA**

Pertumbuhan  
Jumlah  
Pendapatan:

**23.3%**

Keuntungan  
Sebelum Cukai:

**RM1,457.0  
JUTA**

Pertumbuhan  
Keuntungan  
Sebelum Cukai:

**26.0%**

### INISIATIF UTAMA PERNIAGAAN

### PENCAPAIAN

#### Pendigitalan Saluran Pengedaran untuk Produk Pelaburan Berstruktur

Barisan produk kami yang berstruktur telah dipertingkatkan untuk mendapatkan Pelaburan Berhasil Tinggi Boleh Dipanggil dan Berkaitan Ekuiti. Terdapat sambutan yang amat baik daripada ramai pelanggan yang berkemampuan, yang membawa kepada pertumbuhan 231% dari tahun ke tahun bagi jualan produk pelaburan berstruktur.

Bagi memperkukuhkan pengedaran dan menyediakan capaian mudah kepada produk pelaburan berstruktur, kami menambah bilangan titik-titik sentuhan menerusi sistem pemrosesan tempahan dagangan atas talian. Platform digital ini menyediakan struktur harga produk pelaburan yang berdaya saing pada waktu sebenar, mempercepatkan pusingan masa tempahan dagangan dan mengurangkan risiko operasi.

#### Peralihan LIBOR kepada Kadar Bebas Risiko ("RFR")

Kewajipan Pembiayaan GTGM dan perniagaan terbitan beralih kepada RFR apabila rujukan kontrak LIBOR menghentikan operasinya pada 31 Disember 2021. Kami merancang peralihan IBOR awal dan meningkatkan sistem dalaman bagi memastikan kontrak legasi dan transaksi baru turut disertakan dengan bahasa sandaran di samping menyediakan peruntukan untuk kadar rujukan alternatif.

Bagi melindungi kepentingan pelanggan menerusi peralihan IBOR, kami meningkatkan kesedaran pelanggan menerusi sesi-sesi perkongsian, yang meliputi perbezaan-perbezaan utama antara RFR dan IBOR dan implikasi RFR ke atas instrumen-instrumen tunai, terbitan dan produk pinjaman, bagi membantu mereka menguruskan peralihan kepada RFR dengan lancar.



## PERBENDAHARAAN DAN PASARAN GLOBAL KUMPULAN

### INISIATIF UTAMA PERNIAGAAN

### PENCAPAIAN

#### Mengimbangkan Semula Portfolio Pelaburan

Selaras peningkatan jangkaan pasaran terhadap hasil pasaran bon yang lebih tinggi berikutan pemulihan keadaan ekonomi, kami memastikan pendapatan tetap kami mengekalkan pendedahan kepada pelaburan optimum yang seimbang antara trend hasil bon tinggi dan cadangan nilai meluaskan tebaran kredit, kepada memanfaatkan peluang meningkatkan Pulangan terhadap Pelaburan ("ROI").

#### Melaksanakan Modul Lindung Nilai Murex Automatik Sepenuhnya

Terus melaksanakan strategi pengurangan risiko yang teguh, kami mengautomatiskan aliran kerja dan proses. Sambil berwaspada terhadap perubahan-perubahan besar dalam hala tuju kadar faedah dan impaknya terhadap risiko perniagaan, kami memperbaiki lagi keberkesanan lindung nilai dengan pelaksanaan modul keberkesanan lindung nilai Murex bagi meliputi proses dari hujung ke hujung, termasuk laporan aliran dan pendedahan.

#### Pengurusan Kos Operasi Secara Aktif

Kami tetap berwaspada dalam pengurusan kos operasi. Belanjawan dan sumber diperuntukkan terhadap pembaikan sistem serta proses bagi meningkatkan produktiviti perniagaan dan kecekapan kos.



### ANUGERAH

#### Bank Forex Terbaik Malaysia 2021

Anugerah Perbankan Global dan Kewangan 2021,  
GBAF Publication Pte. Ltd.

#### Produk Perbankan Terbaik: RHB Live FX @ Reflex

Anugerah Perbankan Global dan Kewangan 2021,  
GBAF Publication Pte. Ltd.

#### Akaun Pelbagai Mata Wang Terbaik Malaysia 2021

Anugerah Perbankan Global dan Kewangan 2021,  
GBAF Publication Pte. Ltd.

#### Bank Domestik Malaysia Terbaik bagi Pertukaran Wang Asing- Anugerah Ke-9 berturut-turut

Anugerah Perbankan Asia dan Perbankan Kewangan Borong  
2021,  
Asian Banking & Finance

#### Individu Terbaik yang Amat Disyorkan bagi Jualan, Bon Ringgit Malaysia

Anugerah Penyelidikan Penanda Aras Aset 2021- Anugerah  
Bon Mata Wang Tempatan Asia,  
Asset Publishing and Research Ltd.

#### Pasukan Jualan Perbendaharaan Korporat dan Penstrukturan Terbaik Malaysia

Anugerah Tahunan Perbendaharaan & FX 2021 ke-11,  
Alpha Southeast Asia



## PENGURUSAN ASET KUMPULAN



Kewangan

### PRESTASI KESELURUHAN:

Pengurusan Aset Kumpulan ("GAM") mencapai keuntungan sebelum cukai sebanyak RM 77.1 juta, pertambahan tahun ke tahun sebanyak 9.3%, yang dipacu oleh peningkatan hasil walaupun berlaku kenaikan keseluruhan kos operasi.

### ANUGERAH

#### Aset Campuran MYR Fleksibel – Pertumbuhan Bertema RHB (3 Tahun)

Anugerah Dana Lipper 2021,  
Lipper Awards oleh Refinitiv

#### Rumah Pelaburan Paling Tinggi (Malaysia) – Kedudukan Pertama

Rumah-rumah Pelaburan Paling Tinggi dalam Bon  
Mata Wang Tempatan di Asia bagi Tahun 2021,  
*The Asset Benchmark Research*

#### Pelabur Paling Pintar (Malaysia) – Kedudukan Kedua

Pelabur Paling Pintar dalam Bon Mata  
Wang Tempatan di Asia bagi Tahun 2021,  
*The Asset Benchmark Research*

#### Pelabur Paling Pintar (Malaysia) – Kedudukan ke-9

Pelabur Paling Pintar dalam Bon Mata Wang  
Tempatan di Asia bagi Tahun 2021,  
*The Asset Benchmark Research*

Pada tahun 2021, kami melancarkan sejumlah 15 dana baru di seluruh Malaysia dan pejabat-pejabat serantau. Dana baru ini termasuk empat dana inovatif bertemakan ESG dan impak pelaburan, di samping dana pelbagai mata wang meliputi pelbagai kelas aset dalam kedua-dua ruang konvensional dan Syariah. Dana tersebut direka untuk memenuhi keperluan pelabur sedia ada dan bakal pelabur, dengan mengambil kira trend ekonomi dan industri, prospek pelaburan dan pembangunan dalam pasaran secara keseluruhannya. Kami komited untuk mewujudkan sebuah perniagaan pengurusan dana yang lestari, dengan adanya rangka kerja ESG yang dilengkapi proses integrasi dan pencegahan kelalaian tadbir urus, untuk bekerja seiringan dengan perniagaan-perniagaan lain dalam Kumpulan berkaitan pelbagai inisiatif kelestarian yang berterusan.

### MEMUPUK NILAI-NILAI KELESTARIAN

Perbankan Borong Kumpulan terus menyokong pihak Bank dalam mencapai cita-cita kelestarian yang semakin membesar menerusi pelaksanaan pelbagai inisiatif, termasuk mengenalkan polisi-polisi baharu kad kredit yang mencerminkan komitmen kami dalam memperluaskan lagi agenda ESG. Kami telah mengukir tanda ESG yang jelas pada beberapa produk baru dan dana, yang kami percaya bukan sahaja akan menarik minat pelabur, malah boleh memajukan lagi sumbangan industri perkhidmatan kewangan secara keseluruhannya dalam peralihan menuju ekonomi rendah karbon.

Inisiatif Utama ESG pada tahun 2021:

- Perbankan Pelaburan dilantik menjadi penasihat prinsipal tunggal, pengurus utama tunggal, pengurus utama bersama, ejen fasiliti, penasihat Syariah dan peserta perdagangan komoditi bagi Program Sukuk Wakalah Bank SME bernilai RM3 bilion dan terbitan ulung Sukuk Kelestarian pertama dalam negara oleh sebuah institusi kewangan pembangunan ("DFI"), yang bernilai RM500 juta.
- Komitmen Hijau sebanyak RM5 bilion untuk pinjaman bukan runcit dengan pencapaian RM4.32 bilion, dan daripada jumlah tersebut, 20.7% adalah untuk sumber tenaga yang boleh diperbaharui.
- Pasukan Penyelidikan Perbankan Pelaburan telah memperkenalkan sistem pemarkahan hak milik berlandaskan ESG bagi menanamkan pertimbangan ESG dalam membuat penilaian saham, supaya para pelabur mempunyai pemahaman komprehensif mengenai pelaburan mereka.
- Perbankan Korporat Kumpulan meluluskan pembiayaan hijau sebanyak RM801 juta pada penghujung Disember 2021 dan sejajar dengan pendirian Bank mengenai tidak meneruskan pembiayaan baharu arang batu bermula 2022, Perbankan Korporat Kumpulan akan mengkaji semula portfolionya untuk keluar secara berperingkat daripada pendedahan kepada pembiayaan kewangan arang batu secara langsung.
- Perbendaharaan dan Pasaran Global Kumpulan melaksanakan penstrukturan dan pertukaran Kadar Faedah Mata Wang Silang Berkaitan ESG-KPI Malaysia yang pertama dan Indeks Pelaburan Berstruktur Berkaitan Imbuhan Suis Auto yang merujuk kepada Indeks ESG.
- Pengurusan Aset Kumpulan melancarkan sejumlah empat dana baru bertemakan ESG dan impak dana pelaburan, terutama sekali Dana Pengganggu Kelestarian RHB i-Global, Dana Impak Global RHB, Dana Global RHB Bertemakan Kelestarian dan Dana Pemimpin Kelestarian RHB Asia sepanjang tahun. Gabungan AUM bagi semua dana ini berjumlah RM836 juta setakat akhir Disember 2021.

### GAMBARAN KESELURUHAN & PROSPEK

Sebagai entiti gabungan, Perbankan Borong Kumpulan tetap komited membina hubungan lebih kukuh dengan para pelanggan kami untuk melemparkan jaring yang lebih luas bagi mendapatkan peluang-peluang baru dalam melakukan jualan silang dan memperdalamkan lagi penguasaan dalam dompet kami.

- **Perbankan Pelaburan Kumpulan:** Kami akan terus meningkatkan model liputan pelanggan bagi membantu mengukuhkan lagi hubungan persendirian dan meluaskan pemilikan pelbagai hubungan baru, disokong oleh keupayaan digital dalam pemantauan hubungan-hubungan tersebut. Kami akan terus melaksanakan model *Hub & Spoke*, yang akan membantu kami memberikan perkhidmatan lebih baik kepada para pelanggan luar negara dan dalam Malaysia yang mempunyai keberadaan di luar negara, dalam menuju ke arah matlamat kami untuk memanfaatkan dinamik pasaran serta keupayaan-keupayaan Bank Pelaburan RHB bagi menjana lebih banyak tawaran khidmat nasihat merentasi sempadan serta pengumpulan dana.
- **Perbankan Korporat Kumpulan:** Pandemik COVID-19 membolehkan kami mendapatkan ilmu lebih meluas dalam mengemudi perniagaan dalam keadaan yang mencabar dalam tempoh dua tahun yang lalu. Memandang ke hadapan, kami akan terus fokus untuk memperkukuhkan hubungan kami dengan para pelanggan kami yang sedia ada, di samping meneruskan pembesaran syarikat-syarikat Modal Sederhana menerusi dalam model perniagaan sedia ada dan menyelarkannya dengan sektor-sektor pertumbuhan ekonomi yang tinggi selain mempromosikan dan menyokong kelestarian kewangan.


Sejajar dengan strategi pendigitalan seluruh Kumpulan, kami akan terus fokus untuk menyampaikan penyelesaian kewangan borong kepada para pelanggan, bermodalkan keupayaan digital kami untuk memberikan perkhidmatan lebih baik kepada pelanggan menerusi peningkatan digital produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Pada masa yang sama, kami akan terus berusaha untuk memperbaiki dan meningkatkan kecekapan dan keupayaan pejabat-pejabat peringkat pertengahan dan memastikan terdapatnya budaya mengawasi risiko dan kepatuhan yang kukuh.

- **Perbankan Komersial:** Dengan kewujudan cabaran-cabaran semasa kepada pemulihan perniagaan disebabkan pandemik, kami akan terus berinteraksi secara proaktif dan menghulurkan bantuan kepada para pelanggan. Bagi pelanggan yang memilih untuk menangguh pembayaran pinjaman, kami akan berinteraksi secara lebih rapat dengan mereka supaya menimbangkan penstrukturan semula apabila penangguhan pembayaran pinjaman berakhir agar mereka dapat terus berdaya maju dan pada masa yang sama, melindungi kualiti aset kami.
- **Perbendaharaan dan Pasaran Global Kumpulan ("GTGM"):** GTGM kekal optimistik mengenai gambaran keseluruhan pasaran kewangan tahun akan datang. Kadar vaksinasi yang tinggi dan tindak balas cekap pihak kawal selia serta bank pusat, dijangka memulihkan keyakinan pasaran, mengurangkan keadaan turun naik yang tidak menentu serta mengurangkan risiko kecairan premium. Bagaimanapun, angin kencang yang boleh menggugat kestabilan pasaran kewangan mungkin timbul daripada langkah-langkah mengetatkan polisi-polisi kewangan, kebimbangan mengenai pandemik dan risiko geopolitik yang kian meningkat. Sungguhpun demikian, pelaksanaan secara berhemah rangka dasar pengurusan risiko yang dipacu oleh perniagaan akan menjadi sokongan penting bagi aktiviti-aktiviti perdagangan serta pelaburan yang berstruktur dan berdisiplin. Secara keseluruhannya, kami tetap berusaha untuk mengukuhkan tumpuan kepada para pelanggan dengan produk dan penyelesaian perbendaharaan bernilai tinggi menerusi proses perniagaan yang lebih tangkas, sejajar dengan komitmen kami untuk Mendahulukan Pelanggan.
- **Pengurusan Aset Kumpulan:** Kami akan melancarkan portal atas talian untuk pelanggan dan bakal pelabur yang dihargai pada tahun 2022 sebagai sebahagian daripada inisiatif-inisiatif digital kami yang berterusan. Portal ini bertujuan meningkatkan pengalaman dan kepuasan pelanggan menerusi penggunaan teknologi dan akan terus menyumbang kepada kecekapan operasi dan produktiviti secara keseluruhan.





# PERNIAGAAN SYARIAH KUMPULAN

RHB Islamic Bank adalah cabang perbankan Islam Kumpulan, yang menyediakan produk kewangan dan perkhidmatan patuh Syariah menerusi teras-teras Perbankan Komuniti Kumpulan dan Perbankan Borong Kumpulan.

Produk dan perkhidmatan kami disediakan secara cepat, cekap dan lancar di seluruh negara untuk memenuhi keperluan para pelanggan, merentasi Perbankan Komersial (iaitu meliputi segmen-segmen perniagaan peruncitan, korporat dan komersial) dan aliran perniagaan Perbankan Pelaburan. Rangkaian titik sentuhan pelanggan kami adalah antara yang terbesar dalam negara di mana perkhidmatan terdapat di semua cawangan RHB Islamic Bank serta cawangan RHB Bank, di 208 lokasi di seluruh negara, dengan penambahan kemudahan ATM, serta kemudahan perbankan mudah alih dan internet.



## BAGAIMANA KAMI MENCIPTA NILAI



## INISIATIF UTAMA PERNIAGAAN

Memacu pertumbuhan merentasi semua francais Perbankan menerusi strategi produk 'Mendahulukan Islamik'

## PENCAPAIAN

### Prestasi Perniagaan


- Pertumbuhan keuntungan sebelum cukai dan zakat berdaftar melebihi 100%, melepasi paras RM1 bilion buat kali pertama
- Jumlah aset meningkat kepada RM99.0 bilion setakat akhir tahun 2021, peningkatan 13.9% berbanding RM68.9 bilion yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.
- Bank mengekalkan nisbah kasar kewangan terjejas sebanyak 0.52%, yang jauh lebih rendah berbanding purata industri iaitu 1.23%
- Aset kewangan kasar meningkat sebanyak 11.4% kepada RM74.9 bilion daripada RM67.2 bilion pada tahun 2020.
- Perbankan Komuniti Kumpulan menyumbangkan 65.9% daripada jumlah aset kewangan Bank, mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 14.9% dari tahun 2020. Perbankan Runcit menyumbangkan 88.4% daripada jumlah aset kewangan kasar Perbankan Komuniti Kumpulan dengan kadar pertumbuhan 12.1%, yang terutamanya disokong dengan pertumbuhan pembiayaan gadai janji (16.5%), diikuti oleh pembiayaan kenderaan (6.9%) dan pembiayaan peribadi (6.3%). Setakat akhir 2021, pembiayaan kasar aset untuk Perbankan Runcit berjumlah RM43.6 bilion berbanding RM38.9 bilion pada tahun 2020. Segmen PKS menyumbangkan 11.6% kepada pembiayaan kasar aset Perbankan Komuniti Kumpulan selepas mengalami pertumbuhan tahunan kukuh pada kadar 42.8%.
- Perbankan Borong Kumpulan merangkumi 34.1% daripada pembiayaan kasar aset Bank, naik sebanyak 5.2% daripada tahun 2020. Perbankan Korporat menyumbangkan 94.0% daripada jumlah pembiayaan kasar aset Perbankan Borong Kumpulan, manakala bakinya adalah dari segmen Perbankan Komersial.

### Pelancaran Produk

- Produk Penyelesaian Perdagangan – yang pertama dalam industri yang menggunakan Kontrak Bai Istijrar untuk tujuan Pembiayaan Perdagangan.
- Pembiayaan kenderaan untuk kereta hibrid, plug-in dan kereta elektrik yang dilancarkan pada Januari 2021. Setakat akhir 2021, kami telah menyediakan pembiayaan sebanyak RM34.8 juta.
- Akaun Wakalah Pelaburan Pasaran Wang ("WMMIA-I") dipertingkatkan untuk merangkumi PF-i sebagai aset pembiayaan asas, bagi menyediakan pakej lebih menarik untuk memenuhi pelbagai toleransi risiko pelanggan.
- Melancarkan Akaun Pelaburan Terhadap di bawah Perbankan Korporat, yang memanfaatkan aset pembiayaan asas bagi meningkatkan lagi kepelbagaian dalam penawaran produk untuk memenuhi permintaan pelanggan.

### Pertumbuhan CASA mulai 2019 sehingga 2021

Penambahbaikan juga dilihat dari perspektif CASA dengan pertumbuhan CASA sejak tiga tahun lalu dengan arah aliran meningkat:



## Meningkatkan penembusan ke dalam sektor kerajaan dan agensi kerajaan, serta ekosistem penjagaan kesihatan

Pada tahun 2021, kami mencatat kemajuan kukuh apabila menembusi sektor pendidikan tinggi. Pada masa yang sama, kami memperkukuhkan kehadiran dalam ekosistem penjagaan kesihatan kerajaan di mana kami menyediakan penyelesaian pembayaran dan kutipan kepada 13 hospital utama kerajaan dan lebih 300 klinik besar di seluruh negara. Dalam ruang penjagaan kesihatan swasta, kami menyokong lebih dari 20 hospital, menyediakan penyelesaian pembayaran gaji serta pelbagai jenis pembiayaan runcit, dan produk takaful.

**INISIATIF UTAMA PERNIAGAAN**

**PENCAPAIAN**

**Menyumbang kepada Pengantaraan Berasaskan Nilai ("VBI") dan kelestarian**

**Program Rumah Ibadah Hijau**

Kami berkolaborasi bersama Pusat Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia ("MGTC") bagi pemasangan panel solar untuk masjid-masjid dan bangunan-bangunan keagamaan di bawah program Rumah Ibadah Hijau. Pada tahun 2021, kami menyumbang kepada pemasangan panel solar photovoltaic ("PV") di dua buah masjid di Bangi, Selangor dan Kangar, Perlis.

Kedua-dua pemasangan menghasilkan penjimatan berjumlah RM33,600, manakala pemasangan di Kangar dapat mengimbangi 800 tan karbon dioksida.

**Ocean Harmoni**

Kami menghasilkan 69,779 unit Kad Debit plastik kitar semula RHB yang mesra alam dan telah mengutip sumbangan berjumlah RM34,511 untuk membiayai penyelidikan marin yang dijalankan oleh Universiti Malaysia Terengganu di bawah inisiatif Ocean Harmoni.

**INISIATIF FIT22**

**PENCAPAIAN**

**Menyasarkan 40% sumbangan pembiayaan aset kepada Kumpulan**

Melebihi sasaran dengan 43% sumbangan pembiayaan aset setakat Disember 2021.

**Sasaran mencapai kedudukan 3 Teratas dalam pembiayaan aset**

Mengekalkan kedudukan 3 Teratas dengan pembiayaan aset bernilai RM74.9 bilion setakat Disember 2021.

**Sasaran mencapai campuran perniagaan 60% Peruncitan, 30% Korporat dan 10% Perbankan Perniagaan**

Campuran perniagaan berada atas landasan yang tepat pada 58% untuk Peruncitan, 34% untuk Korporat dan 8% untuk Perbankan Perniagaan.

**GAMBARAN KESELURUHAN & PROSPEK**


Memandang ke hadapan, industri perbankan Islam akan membangunkan saluran-saluran digital untuk mendapatkan lebih ramai pelanggan, dan merebut peluang perniagaan baharu, terutama sekali dengan peralihan kepada penggunaan digital yang telah dipercepatkan oleh pandemik. Dari segi perspektif kelestarian, kebimbangan terhadap perubahan iklim yang meningkat juga akan meninggalkan kesan terhadap bank-bank Islam dengan peralihan semula jadi industri ke arah pembiayaan yang bertanggungjawab.

Walau apapun kecenderungan arah aliran utama yang berlaku, kami sedia maklum bahawa momentum positif pemulihan ekonomi yang bermula dalam suku keempat 2021 akan membawa kita ke arah 2022 yang lebih cerah. RHB Islamic Bank akan terus menumpukan usaha terhadap memperbaiki kedudukannya sebagai peneraju dalam pasaran-pasaran terpilih dan segmen produk, dan meningkatkan hubungan dengan pelanggan sedia ada, sambil menumpukan perhatian kepada usaha menerokai dan membangunkan hubungan-hubungan baru.

Pada tahun 2022, kami akan mengutamakan inisiatif ke arah memperkukuhkan teras perniagaan, terutama sekali dalam ekosistem kerajaan, kesihatan dan pendidikan tinggi. Di samping itu, terdapat penekanan yang diperbaharui untuk merebut peluang-peluang perniagaan baru dalam perniagaan PKS dan pengurusan kekayaan, memanfaatkan gabungan kekuatan keupayaan Kumpulan Perbankan RHB dari segi fizikal dan digital.


**INSURANS KUMPULAN**

**RHB Insurance menyediakan insurans am untuk pelanggan runcit dan korporat. Ia adalah penyedia perkhidmatan insurans ke-11 terbesar dalam Malaysia dan berkedudukan dalam kalangan 10 penyedia insurans teratas untuk Kebakaran, Kemalangan Diri & Permotoran.**



**BAGAIMANA KAMI MENCIPTA NILAI**

**PREMIUM KASAR MENGIKUT SALURAN PENGAGIHAN PERNIAGAAN**



- Agensi
- Banca Runcit
- Banca Korp dan Komersial
- Francais
- Pembrokeran
- Lain-lain
- POS

## ULASAN OPERASI

## ULASAN OPERASI

## INISIATIF UTAMA PERNIAGAAN

## PENCAPAIAN

**Pengagihan Kecemerlangan menerusi Kempen-kempen fokus pelanggan dan pengedaran pelabelan putih/produk digital API**

Kami telah mempertingkatkan keupayaan pengedaran API/pelabelan putih produk digital dengan pengambilan 100 ejen pada TK2021, dan ini akan terus dipertingkatkan dengan tambahan 250 ejen pada tahun 2022.

**Memperdalamkan Penembusan Banca – Meningkatkan perniagaan PKS, jualan silang serta inovasi produk dan perkhidmatan untuk disesuaikan dengan persona pelanggan**

Kami telah mencapai RM11 juta dalam Premium Bertulis Kasar bagi TK2021 daripada perniagaan baru PKS kami dan kini kami menyasarkan RM15 juta bagi TK2022. Pendapatan kami yang berasaskan yuran untuk Bank bagi TK2021 adalah RM2 juta dan kami sedang berusaha untuk mencapai RM3 juta bagi TK2022.

**Mengutamakan fokus terhadap pelanggan menerusi pemilik kereta, keluarga dan PKS, sambil melaksanakan pendekatan pemikiran reka bentuk dalam melaksanakan inovasi produk dan perkhidmatan**

Kami telah meningkatkan pengalaman pelanggan dari hujung ke hujung dengan memastikan mereka menerima perkhidmatan cemerlang bukan sahaja semasa penjualan berlangsung, tetapi lebih penting lagi, semasa proses membuat tuntutan, dan juga dari bengkel-bengkel panel. Setakat Disember 2021, 84% para pelanggan menilai perkhidmatan yang diberi sebagai memuaskan dan ke atas.

**Usaha Niaga Digital yang memberi tumpuan terhadap pemerolehan, peningkatan kelekatan dan produk dalam talian/digital**

Jumlah premium yang diperolehi menerusi Aplikasi Mudah Alih dan Insurans Atas Talian meningkat kepada RM1.23 juta pada TK2021 (TK2020: RM1.04 juta), yang sebahagian besarnya berpunca daripada:

- Produk dilancarkan dengan cepat menerusi Produk Berdaya Maju Minimum ("MVP") sebagai salah satu cara kerja yang tangkas – empat MVP dilancarkan menerusi Aplikasi Mudah Alih insurans dan 11 MVP menerusi insurans atas talian dan label putih/API.
- Pelancaran MediSure Supreme menerusi insurans atas talian.

**Kemahiran Teknikal – Sebagai persediaan untuk liberalisasi dan pemerkasaan pasukan jualan barisan hadapan bagi menyediakan perkhidmatan pusat sehenti**

Penaja jamin kami dan pekerja barisan hadapan telah diperkasakan untuk meningkatkan lagi produktiviti secara keseluruhan. Sebagai contoh, kami mempunyai 18 pekerja pemasaran yang telah dilatih sebagai penaja jamin. Peningkatan fungsi kerja ini membolehkan pusingan masa yang lebih cepat untuk permohonan aplikasi.

**Menggabungkan ESG ke dalam produk dan operasi kami**

Kami menyediakan diskaun maksimum untuk kereta persendirian bagi perlindungan insurans komprehensif kereta elektrik atau hibrid bermula Ogos 2021. Setakat 31 Disember 2021, kami telah mengeluarkan 665 polisi yang menjanakan Premium Bertulis Kasar sebanyak RM885,321.

Pada bulan Disember 2021, kami melancarkan 'Motor Saver', di mana premium yang dikenakan dikaitkan dengan perbatuan kenderaan. Inisiatif ini bertujuan untuk mempromosikan gaya hidup hijau dengan menggalakkan pengurangan penggunaan kereta, yang akan membantu merendahkan lagi pelepasan karbon. Setakat 31 Disember 2021, kami telah menyediakan perlindungan insurans kepada 65 pemegang polisi, yang menyumbangkan Premium Bertulis Kasar sebanyak RM44,550.

## INISIATIF FIT22

## PENCAPAIAN

**Mencapai kedudukan 4 Teratas dalam PBT dan 7 Teratas dalam Premium Bertulis Kasar menjelang 2026**

- 2021 merupakan tahun mencabar bagi bon berikutan kenaikan hasil faedah, malah dengan kerugian pelaburan yang bermula dari tanda ke pasaran, kami terus mencatatkan PBT RM121.0 juta, walaupun berkurangan 20% dari tahun 2020.

- Dengan mengutamakan segmen pelanggan dan inovasi produk berorientasikan pelanggan serta penyediaan perjalanan lancar pelanggan dari hujung ke hujung menerusi interaksi secara langsung dengan pelanggan, kami mencatatkan skor NPS secara konsisten yang tinggi iaitu 15 pada tahun 2021 dan 13 pada tahun 2020.

**Melaksanakan model perniagaan berorientasikan pelanggan yang disokong oleh teknologi digital**

- Pelaksanaan Proses Automasi Robotik dalam proses pendaftaran tuntutan insurans motor, perubatan dan kemalangan diri telah meningkatkan kecekapan dan produktiviti, kualiti data dan pusingan masa yang menghasilkan penjimatan 0.5 Setara Sepenuh Masa ("FTE").

RHB Insurance terus menyokong para pelanggan kami sepanjang 2021 menerusi Skim Ansuran Premium Cov-Aid dan Skim Bantuan Premium Cov-Aid. Skim Bantuan Premium Cov-Aid menyediakan bantuan kewangan sehingga 50% bagi kedua-dua pemegang polisi PKS yang baharu dan sedia ada manakala Skim Ansuran Premium Cov-Aid membolehkan individu dan pelanggan PKS yang terjejas pendapatan atau perniagaan disebabkan oleh COVID-19 untuk membayar premium mereka secara ansuran.

## Bantuan Kewangan yang disediakan setakat Disember 2021:



## GAMBARAN KESELURUHAN &amp; PROSPEK


Memandang ke tahun 2022, kami akan terus menghasilkan produk dan perkhidmatan berorientasikan pelanggan dalam usaha mendapatkan bahagian kami dalam pasaran. Kami bercadang untuk melancarkan polisi-polisi runcit yang mudah untuk memberikan perlindungan relevan kepada para pelanggan serta menyediakan penyelesaian sehenti untuk para pelanggan PKS, sambil mengambil kira potensi pasaran PKS yang belum diterokai. Selain dari itu, kami terus menerokai cara-cara untuk meningkatkan kecekapan sama ada menerusi pendigitalan dan automasi yang lebih besar. Malah, kami akan memasukkan kriteria ESG bagi meluaskan skop polisi-polisi pelaburan untuk menyokong agenda ESG Kumpulan.

## PERNIAGAAN ANTARABANGSA KUMPULAN

Perniagaan Antarabangsa Kumpulan ("GIB") merangkumi portfolio perbankan komersial dan perbankan pelaburan\* di luar negara. Kami mempunyai kehadiran yang kukuh menerusi rangkaian pejabat dan cawangan di seluruh Singapura\*, Indonesia, Thailand, Vietnam, Brunei, Laos dan Kemboja.

Kami menawarkan pelbagai jenis produk dan perkhidmatan kepada para pelanggan dalam semua segmen termasuk pinjaman, deposit, penyelesaian pengurusan kekayaan dan pembiayaan perdagangan sehingga kepada pembrokeran, perkhidmatan terbitan dan berkaitan pasaran modal seperti tawaran awam awal, peningkatan modal hutang, serta penggabungan & pemilikan.

\* Singapura dan operasi perbankan pelaburan di luar negara telah disertakan sebagai sebahagian Perniagaan Antarabangsa Kumpulan sejak Februari 2021.



### PRESTASI TK2021


GIB terus kukuh berkembang maju dan membina kekuatan walaupun berhadapan dengan cabaran yang berpunca daripada pandemik. Dengan pertambahan operasi Perbankan Singapura dan operasi Perbankan Pelaburan serantau kepada GIB sepanjang tahun kewangan, kami mengaktifkan banyak peluang pelaburan yang terbit kesan sinergi yang dicipta.

Sepanjang 2021, francais kami di seluruh rantau, fokus untuk memperbaiki lagi sumbangan mereka kepada pertumbuhan dalam pinjaman Kumpulan dan objektif-objektif mencatat keuntungan, melindungi kualiti aset dan menyertai secara aktif dalam agenda kelestarian Kumpulan yang semakin maju.


Semasa tempoh tahun dalam kajian, keuntungan sebelum cukai GIB meningkat daripada RM6.7 juta kepada RM149.6 juta, disokong oleh pinjaman kukuh dan pertumbuhan deposit sebanyak 22.1% dan 14.1% masing-masingnya. Kualiti aset juga bertambah baik dengan nisbah pinjaman kasar terjejas yang menurun daripada 4.68% to 2.42%.

### BAGAIMANA KAMI MENCIPTA NILAI


PINJAMAN KASAR SUMBANGAN OLEH PERNIAGAAN ANTARABANGSA KUMPULAN (RM'BIL)



DEPOSIT PELANGGAN SUMBANGAN OLEH PERNIAGAAN ANTARABANGSA KUMPULAN (RM'BIL)



JUMLAH PENDAPATAN SUMBANGAN OLEH PERNIAGAAN ANTARABANGSA KUMPULAN (RM'JUTA)



Note: Prestasi termasuk Singapura dan operasi IB di luar negara.

○ Kumpulan Perbankan RHB ○ Perniagaan Antarabangsa Kumpulan

### MENCIPTA NILAI, PERTUMBUHAN KELESTARIAN

#### PRESTASI PERNIAGAAN

##### SINGAPURA

Operasi kami di Singapura melaporkan keuntungan sebelum cukai sebanyak SGD36.5 juta, berikutan sumbangan kepada peningkatan berasaskan dana bersih dan pendapatan bukan berasaskan dana. Pinjaman kasar dan pendahuluan berkembang 23.0% kepada SGD6.3 bilion, manakala deposit meningkat 15.0% kepada SGD6.7 bilion.

Sepanjang tahun 2021, kami membantu beberapa REITS yang disenaraikan di Singapura untuk mengumpul dana merentasi spektrum hutang ke ekuiti menerusi pelbagai peranan dan keupayaan yang kami mainkan. Kami bertindak sebagai salah satu pengatur utama dalam tempoh SGD1.2 bilion bagi kemudahan jangka dan pusingan dalam menyokong penswastan sebuah entiti REIT yang disenaraikan di Singapura.

Kami juga menjadi peminjam tunggal bagi kemudahan pinjaman AUD68.5 juta untuk sebuah entiti REIT yang disenaraikan di Singapura, yang merupakan satu transaksi penting untuk membolehkan mereka membiayai pelaburan di Australia, di mana pemilikan pertama REIT tersebut di luar Singapura.

Di samping itu, kami diberi mandat menjadi penyelaras global bersama dan pengendali buku bagi pengumpulan dana ekuiti sebanyak SGD126.7 juta untuk entiti REIT yang disenaraikan di Singapura, di mana dana

yang dikumpul membiayai peralihan REIT daripada entiti yang berfungsi di pejabat menjadi entiti dengan kepelbagaian aktiviti.

Walaupun persekitaran mencabar disebabkan COVID-19, perbankan komersial terus menyaksikan jumlah pertumbuhan aset sihat dari tahun ke tahun. Pinjaman komersial meningkat 27.7% berikutan usaha bersepadu untuk membesarkan pinjaman bercagar berkualiti seperti pinjaman-pinjaman Perusahaan kerajaan Singapura dan pinjaman komersial hartanah untuk menyokong PKS.

Sebagai sebahagian daripada perjalanan transformasi kami, rangkaian cawangan disusun semula bagi memastikan perkhidmatan kami berada di lokasi strategik. Sejalan dengan matlamat ini, kami membuka Orchard Premier Centre pada September 2021, sebuah pusat perdana pengurusan kekayaan serantau bertemakan Peranakan yang diilhamkan oleh warisan bersama budaya Singapura dan Malaysia. RHB Premier menawarkan rangkaian pelaburan holistik, insurans dan penyelesaian pembiayaan, yang fokus kepada segmen pelanggan mewah di Singapura dan rantau ini.

Bayaran pengurusan kekayaan kami meningkat lebih daripada 166.9% pada tahun 2021 dan adalah yang tertinggi dalam jangka masa 10 tahun. Pinjaman runcit juga meningkat sebanyak 46.6% kepada SGD1.43 bilion.



## ULASAN OPERASI

## ULASAN OPERASI

## PRESTASI PERNIAGAAN

## KEMBOJA

Anak syarikat kami di Kemboja melaporkan keuntungan sebelum cukai sebanyak ASD19.1 juta, hampir enam kali ganda lebih tinggi daripada keuntungan tahun 2020 sebanyak ASD2.7 juta, bersandarkan kenaikan 10.4% dalam jumlah pendapatan. Pinjaman kasar dan pendahuluan meningkat 16.1% kepada ASD679.2 juta.

Menerusi disiplin kredit yang ketat dan pemulihan lebih tinggi, peruntukan untuk ECL termasuk menulis kembali ASD1.6 juta, bagi menghasilkan nisbah caj kredit positif untuk tahun berkenaan. Pemulihan akaun-akaun terjejas juga meningkat lebih 50% pada tahun 2021, dengan jumlah pemulihan bernilai ASD3.1 juta.

Pada bulan Jun tahun 2021, kami melancarkan 'goWave' oleh RHB, iaitu laman web celik kewangan yang dibangunkan oleh bank untuk menyokong usaha Bank Nasional Kemboja untuk meningkatkan celik kewangan dan keterangkuman. Kandungan platform ini bertujuan meningkatkan kadar celik kewangan golongan dewasa muda Kemboja menerusi artikel-artikel bersaiz kecil yang bermanfaat, kapsul video dan alatan-alatan kewangan yang disebarkan dalam ruang digital, termasuk laman web sendiri, serta platform media sosial (Facebook, Instagram and YouTube).

Sehingga kini, goWave telah menarik lebih daripada 200,000 golongan dewasa muda ke Facebook goWave untuk menerokai ilmu kewangan secara menyeronokkan menerusi platform yang menarik.

Salah satu penyelesaian digital utama kami, RHB Reflex, yang dilancarkan pada 15 Jun 2021, menyediakan penyelesaian perbankan bersepadu bersama pengurusan tunai, dagangan dan keupayaan pembayaran kepada pelanggan korporat kami.

Laman web RHB Kemboja telah disenaraikan dalam kategori empat teratas dalam industri kewangan Kemboja oleh Amazon Alexa pada tahun 2021, meningkat daripada kedudukan angka belasan pertengahan.

RHB Kemboja memenangi tiga anugerah dalam pelbagai kategori yang meningkatkan keterlihatan jenama, anugerah-anugerah perbankan utama yang dimenangi sejak ditubuhkan adalah:

- Platform Celik Kewangan Atas Talian Paling Inovatif daripada Kewangan Antarabangsa bagi platform goWave kami.
- Aplikasi Penyelesaian Pembayaran Perbankan Perniagaan Baru Paling Inovatif daripada Kewangan Antarabangsa untuk RHB Reflex.
- Syarikat-syarikat Terbaik untuk Bekerja di Asia daripada HR Asia

## THAILAND

Cawangan kami di Thailand mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak THB80.4 juta, mengekalkan CIR bawah 60% dan disokong oleh momentum pertumbuhan pinjaman dan deposit yang baik iaitu 10.7% dan 11.0%. Kami terus membesarkan penguasaan pasaran kami

dalam segmen komersial dan PKS dengan perlindungan keselamatan dan keuntungan yang tinggi, mengalihkan portfolio pinjaman kami dari segmen korporat wajar berat kepada campuran seimbang segmen komersial dan PKS.

## LAOS

Operasi kami di Laos mengalami kerugian akibat pandemik dan kualiti aset yang rendah, oleh yang demikian kami telah membuat peruntukan besar pada tahun 2021 bagi menampung kerugian ini. Walaubagaimanapun, kami terus membesarkan perniagaan dengan berwaspada atas kepercayaan bahawa keadaan terburuk ini telah berakhir.

Namun, deposit pelanggan yang bertambah 36.9%, membawa kepada kenaikan ketara dalam nisbah pinjaman deposit. Manakala pinjaman korporat dan PKS merangkumi 23.0% campuran pinjaman kami dan menuju arah aliran meningkat, selaras dengan strategi kami.

## BRUNEI

Cawangan Brunei kami mencatatkan kenaikan pendapatan berasaskan bukan dana yang lebih tinggi sebanyak 17.4% dan keuntungan sebelum cukai tertinggi sejak lima tahun lalu berjumlah BND1.5 juta walaupun

berhadapan dengan cabaran pandemik dan pertumbuhan pinjaman lebih rendah sebanyak 5.0%.

## PERBANKAN PELABURAN

Operasi IB kami di luar negara yang pulih sekitar tahun 2021, mencatat keuntungan RM25.1 juta. Singapura, Indonesia dan Kemboja

menyumbangkan keuntungan sebanyak RM16.9 juta, RM13.3 juta dan RM1.0 juta, manakala Thailand dan Vietnam terus mencatat kerugian kecil.

## STRATEGI PERTUMBUHAN

## SINGAPURA

Menerusi kitaran semula modal yang aktif, kami mencipta keupayaan mengusahakan peluang-peluang perniagaan yang menarik dan beroperasi mengikut had peraturan perundangan dan nisbah, yang membolehkan RHB Singapura mengekalkan kedudukannya sebagai pemain aktif dalam pasaran.

Kami memenuhi semua syarat Bursa Singapura ("SGX") yang mentauliahkan RHB Singapura sebagai Katalis Penaja Penuh dan Pengurus Tawaran Papan Utama, bagi membolehkan kami menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat komprehensif dan perkhidmatan pelaksanaan transaksi pinjaman PKS dan sasaran model operasi yang meluas pelbagai jenis produk kewangan korporat, termasuk tawaran

awam awal, pengumpulan dana sekunder, penyenaraian tajaan dan penyelesaian struktur modal.

Dengan kedudukan Singapura sebagai hab perkhidmatan kewangan terkemuka, segmen pengurusan kekayaan serantau akan menjadi enjin utama pertumbuhan. Usul RHB diperkukuhkan lagi oleh strategi seni bina terbuka, melibatkan perkongsian dengan beberapa syarikat insurans dan rumah pelaburan terkemuka, untuk memberikan pelanggan pilihan yang lebih meluas. Perkhidmatan Perdana Perbankan Serantau kami menawarkan kemudahan merentasi sempadan dan diperluaskan bagi meliputi rangkaian lengkap pengurusan kekayaan dan penyelesaian kewangan kepada para pelanggan serantau menerusi pengalaman pelanggan yang lancar.

## KEMBOJA

Kami sedang membesarkan francais runcit menerusi inisiatif-inisiatif digital, yang disokong oleh gadai janji dan produk perbankan perdana. Kami juga bercadang memperluaskan perniagaan PKS dengan pelaksanaan program pinjaman PKS dan sasaran model operasi yang baru pada tahun 2022. Di samping itu, francais perbankan korporat dan pelaburan akan memperhebatkan kolaborasi untuk memacu hasil bayaran dan membimbing PKS menuju potensi penyenaraian di

bursa saham. Kerja secara berpasukan seperti ini telah menunjukkan keputusan menggalakkan pada tahun 2021 dengan pinjaman yang berjaya diuruskan bersama mencecah jumlah ASD17 juta dan kenaikan hasil adalah 50% daripada senarai pelanggan yang dikenal pasti. Pasukan juga berjaya mendapatkan tawaran IPO yang baru pada tahun 2021 melalui inisiatif ini.

## THAILAND

Kami akan terus fokus membesarkan segmen-segmen komersial dan PKS, dengan menyasarkan industri-industri seperti tenaga yang diperbaharui, perubahan dan penjagaan kesihatan, perkhidmatan informasi dan teknologi komunikasi serta perniagaan pembekalan produk dan perkhidmatan kepada kerajaan. Kami akan memacu lagi

strategi 'satu negara' dengan memanfaatkan sinergi daripada kedua-dua kehadiran perbankan komersial dan perbankan pelaburan di Thailand, untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada para pelanggan kami.

## LAOS

Strategi keseluruhan kami termasuk pengukuhan asas-asas dan penumpuan perhatian untuk menjadi bank pilihan segmen tertentu pelanggan. Selaras dengan usaha pemulihan pinjaman, pertumbuhan penyediaan pinjaman akan dilaksanakan dengan pengambilan risiko

secara sederhana berikutan peralihan fokus terhadap pinjaman korporat dan PKS, di samping mengembangkan pangkalan pelanggan transaksi dan deposit.

## BRUNEI

Kami akan meluaskan portfolio secara berhati-hati dalam fasa pandemik ini di samping memperdalamkan lagi penguasaan bahagian kami dalam dompet menerusi para pelanggan utama yang berinteraksi dengan kami. Cawangan kami di Brunei akan dipindahkan ke lokasi yang lebih strategik dengan kepadatan pelanggan lebih tinggi serta berada lebih

hampir dengan pelanggan kami serta perniagaan mereka. Kami akan memperkenalkan perkhidmatan peti simpanan keselamatan selain memasang mesin-mesin deposit tunai dan cek bagi meningkatkan kecekapan.

## PERBANKAN PELABURAN

Ekuiti runcit menjadi pemacu utama perniagaan perbankan pelaburan serantau dan kami akan fokus terhadap strategi digital bagi mempercepatkan pemilikan akaun yang akan memperluaskan skala dalam ruang ini. Kami sedang menerokai perkongsian strategik sebagai sebahagian daripada model perniagaan baru untuk melonjakkan pertumbuhan perniagaan.

manakala model CIB yang sedia ada mencari kolaborasi dan rujukan, bagi menyediakan para pelanggan kami dengan penyelesaian lebih komprehensif dan khusus.

Model 'Hub & Spoke' yang baru ditubuhkan akan membantu semua negara dengan kepakaran produk, penstrukturan dan pengagihan

Kami juga telah membuat keputusan muktamad untuk keluar dari perniagaan-perniagaan yang sama ada bukan teras atau tidak berdaya saing seperti kes perniagaan pengurusan aset di Indonesia dan perniagaan sekuriti di Hong Kong.



## ULASAN OPERASI

## ULASAN OPERASI

## INISIATIF ESG

## SINGAPURA

Pada tahun 2021, operasi kami di Singapura menyediakan pinjaman hijau bernilai SGD115 juta untuk menyokong pemilikan para pelanggan dan/atau pembangunan hartanah hijau di Singapura dan Australia.

Sebagai salah satu pengamal awal matriks ESG dalam membuat penilaian pelaburan, pasukan penyelidikan, dengan kerjasama pasukan ekuiti institusi-institusi dan SGX, menganjurkan acara khusus untuk sebuah negara pada bulan November 2021. Selain itu, pasukan tersebut memasukkan penarafan ESG milik kami ke dalam kriteria penilaian saham untuk memberikan para pelabur kami perspektif lebih jelas mengenai pelaburan-pelaburan berpotensi.

Dalam RHB Singapura, kami melaksanakan satu siri bengkel untuk memberitahu pekerja mengenai inisiatif ESG dan memperkukuhkan budaya menyokong kelestarian pembangunan di Singapura. Tajuk-tajuk dalam bengkel ini termasuk 'Kelestarian Alam Sekitar, Perubahan Iklim dan Institusi Kewangan', 'Pengurusan Sisa', dan 'Label Eko dan Pensijilan'. Seramai 60 pekerja telah menyertai bengkel-bengkel tersebut.

Pasukan perbendaharaan juga mula memasukkan kelestarian dalam aktiviti-aktiviti pelaburan dan telah melabur SGD27 juta dalam 'kelestarian pembiayaan/aktiviti' bon.

## KEMBOJA

Pada tahun 2021, RHB Kemboja menyertai perjanjian fasiliti pembiayaan hijau untuk kewangan pembangunan stesen jana kuasa baru 20 MW solar milik sebuah syarikat teknologi elektrik Malaysia di Daerah Svay Teab, dalam Wilayah Svay Rieng Kemboja. Kemudahan yang disediakan oleh RHB Kemboja ini membawa kepada kejayaan penubuhan dan pentauliahian loji pada Januari 2022.

RHB Kemboja juga merupakan ahli Jawatankuasa Kelestarian Kewangan dan Jawatankuasa Keterangkuman Kewangan Persatuan Bank-bank di Kemboja ("ABC"), yang mempunyai objektif untuk memberikan impak lebih besar terhadap agenda ESG negara. Kami juga membantu dalam memacu celik kewangan di kalangan golongan dewasa muda di Kemboja melalui platform komuniti goWave kami.

## THAILAND

Di Thailand, kami telah membawa masuk para pelanggan baru pinjaman hijau dan kelestarian dalam sektor tenaga diperbaharui dan

menyediakan pembiayaan berjumlah melebihi THB1 bilion. Pasukan Perbendaharaan kami juga melabur hampir THB0.4 bilion dalam bon-bon hijau atau lestari.

## LAOS

Kami melipatgandakan usaha memperkayakan dan pemerksaan dengan mengadakan perkongsian maklumat ESG menerusi siri webinar 'Perjalanan Kemajuan' bagi meningkatkan kesedaran dan mendidik

komuniti Laos mengenai ESG serta menaikkan tahap celik kewangan am mereka.

## PENAMBAHBAIKAN DIGITAL/OPERASI

## SINGAPURA

Perbankan Runcit telah melengkapi perkhidmatan cawangan dan interaksi jualan dengan keupayaan digital. Borang-borang digital yang diisi dengan bantuan kakitangan, mempercepatkan pemrosesan dan automasi bahagian belakang yang dilaksanakan mengikut fasa. Pelaksanaan peringkat awal menyokong pembukaan akaun untuk para pelanggan dengan penambahan perkhidmatan dirancang pada tahun akan datang. Perbankan Runcit turut meningkatkan keupayaan

perbankan mudah alih dengan 80% pembukaan akaun individu dilakukan menerusi aplikasi RHB Mobile Sg.

Pasukan Perbendaharaan berjaya beralih kepada sistem bahagian hadapan untuk memenuhi keperluan penanda aras SGD SORA dan USD SOFR, supaya penyediaan produk terbitan adalah berdasarkan dua penanda aras tersebut.

## KEMBOJA

Pada tahun 2021, RHB Kemboja melaksanakan Inisiatif Transformasi Cawangan bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan membina asas kecemerlangan operasi dalam jangka masa panjang. Satu pencapaian jelas adalah penambahbaikan dari segi waktu menunggu purata, dengan 98% pelanggan dilayani dalam masa lima minit bagi transaksi kaunter di semua cawangan. Kami akan mempercepatkan pelaksanaan Bank Digital Runcit RHB Kemboja pada tahun 2022,

yang akan mentransformasikan platform internet dan mudah alih bagi menyediakan pengalaman lebih lancar dan cekap untuk para pelanggan kami. Di samping itu, kami akan melabur dalam pelbagai inisiatif untuk mencapai kecemerlangan operasi pada tahun 2022, seperti automasi laporan dan proses serta sistem baru kewangan dan perolehan serta sistem sumber manusia.

## THAILAND

Kami terus mencari penambahbaikan operasi dalam cawangan dengan tujuan untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan kakitangan

kami, yang antara lainnya termasuk pelaksanaan projek Transformasi Data Kawal Selia ("RDT").

## LAOS

Kami akan memperbaiki infrastruktur untuk menyokong automasi proses dalaman, fokus terhadap kepelbagaian produk dengan memperkenalkan produk baru seperti banca dan menegaskan semula hubungan kami

dengan kedua-dua pelanggan korporat dan runcit untuk mengembangkan kualiti aset secara berhemat.

## GAMBARAN KESELURUHAN &amp; PROSPEK

Melangkah ke tahun 2022, prospek keseluruhan kekal mencabar memandangkan pandemik masih berlarutan. Kami akan terus menerokai peluang-peluang pertumbuhan merentasi pasaran-pasaran utama rantau ini, dengan kesedaran mengenai keperluan mengawasi kualiti aset dengan rapi. Kami akan terus menyokong agenda kelestarian RHB yang lebih meluas, sejajar dengan peningkatan minat para pelabur, di samping berusaha mendapatkan lebih banyak peluang-peluang berkaitan pembiayaan hijau, menyokong pertumbuhan perniagaan-perniagaan berkaitan ESG dan melabur dalam instrumen-instrumen kewangan hijau dengan sumbangan ESG keseluruhannya oleh GIB sebanyak RM2.1 bilion menjelang 2026.

## Singapura

Walaupun kemunculan varian-varian baru COVID-19 boleh menyebabkan keadaan tidak menentu, kami percaya Singapura akan tetap melaksanakan pembukaan ekonominya secara beransur-ansur. Adalah dijangkakan bahawa Singapura akan mencatatkan pertumbuhan sederhana pada tahun 2022 berbanding kadar pertumbuhan tinggi 7.6% pada tahun 2021. Namun, Singapura akan mencatatkan 'kadar pertumbuhan mengatasi trend' pada 2022, dengan keseimbangan dalam sumbangan pelbagai sektor dan pemulihan yang lebih meluas.

Kami percaya sistem pinjaman bank Singapura akan berkembang dengan kadar yang sihat, walaupun sederhana berbanding kenaikan tinggi satu digit pada tahun 2021, dengan kesan asas yang rendah beransur hilang. Prospek margin kadar faedah bertambah baik apabila tekanan inflasi yang berterusan menunjukkan terdapat minat yang diperbaharui daripada bank-bank pusat utama. Kualiti aset, yang kukuh pada 2021, dijangka kekal padu pada 2022 walaupun berada dalam peringkat awal pemulihan ekonomi. Sehubungan dengan itu, kami akan mempelbagaikan lagi portfolio pinjaman kami yang berdaya tahan dan mengalami pertumbuhan, dengan fokus terhadap mendapatkan lebih banyak pinjaman bercagar dan akan berhati-hati dalam memilih perjanjian tanpa jaminan. Bagi pinjaman hartanah, kami akan fokus terhadap aset-aset berkualiti baik dengan asas penyewaan yang pelbagai. Kami juga memanfaatkan kekuatan dalam menyediakan pilihan pelbagai produk kepada para pelanggan dalam sektor-sektor kewangan korporat, pinjaman, perbendaharaan, ekuiti, dan Penggabungan dan Pemilikan ("M&A"), sambil melipatgandakan perjanjian merentasi sempadan untuk menyokong para pelanggan utama yang sedia ada.

## Kemboja

Di Kemboja, gambaran keseluruhan ekonomi untuk tahun 2022 adalah positif bersandarkan pemulihan ekonomi global, kebangkitan semula pelancongan dan peningkatan eksport. Perdagangan Kemboja akan diperkukuhkan lagi dengan ratifikasi Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau ("RCEP"), Kemboja-China FTA dan Kemboja-Korea FTA yang akan memberikan keutamaan mengakses pasaran dan pemindahan teknologi untuk ekonomi. Ini dijangka menarik pelaburan asing secara langsung untuk merangsang pertumbuhan sektor luaran dan pelaburan. Terdapat persetujuan bahawa ekonomi akan berkembang sekitar 5.5% pada tahun 2022, dengan pemulihan yang dijangka berlaku terhadap sektor pelancongan dan eksport produk bukan pakaian seperti alat ganti elektrik dan basikal.

## Thailand

Berikutan impak pandemik, ekonomi Thailand dijangka pulih kembali ke tahap sebelum COVID-19 selepas 2022 ini. Adalah dijangkakan bahawa BOT akan menanggah kenaikan kadar faedah dari paras terendah selama sekurang-kurangnya setahun untuk menyokong ekonomi yang kuat pergantungan kepada pelancongan, terjejas teruk akibat sekatan-sekatan perjalanan berkaitan COVID-19. Kami menjangkakan penyambungan semula sedikit industri-industri utama dalam portfolio kami bersandarkan pengukuhan beransur-ansur permintaan, program vaksinasi yang selesai serta pembukaan semula negara kepada ketibaan pelancong asing.

## Laos

Pertumbuhan KDNK 2022 Laos dijangka positif tetapi mencabar pada 4.2%. Pandemik COVID-19 mungkin terus menjadi halangan; namun begitu, projek-projek infrastruktur yang siap dilaksanakan dan jangkaan mengenai pembukaan sepenuhnya ekonomi, serta pelaksanaan rancangan pembangunan sosioekonomi lima tahun (2021-2026) kerajaan dijangka bakal menyederhanakan gambaran tersebut.

Kami optimistik namun kekal waspada mengenai perniagaan perbankan kami di luar negara, berikutan penarikan keluar kecairan daripada sistem oleh Rizab Persekutuan AS secara besar-besaran sebagai tindak balas terhadap kenaikan kadar faedah. Namun demikian, operasi perbankan pelaburan kami di luar negara kini berada dalam keadaan lebih baik untuk menghadapi keadaan tidak menentu yang disebabkan oleh penyelarasan global.

# ULASAN KELESTARIAN



## MENCIPTA DAN BERKONGSI NILAI

Kami terus mencapai kemajuan dalam perjalanan kelestarian kami walaupun terdapat pelbagai cabaran dan halangan yang melanda kesan daripada COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan ("PKP") yang berpanjangan. Sebagai penyedia perkhidmatan kewangan, kami berada pada kedudukan yang unik untuk mencipta nilai bagi pihak-pihak berkepentingan kami. Berpandukan visi kami untuk Membina Masa Hadapan Lestari, pendekatan kami terhadap kelestarian adalah berdasarkan kepada Rangka Kerja Kestarian Kumpulan.

Perjalanan kelestarian kami bermula pada tahun 2018 setelah Rangka Kerja Kestarian Kumpulan dibangunkan, berlandaskan 10 Prinsip Kestarian dan tiga teras yang bertemakan Perkhidmatan Kewangan Lestari & Bertanggungjawab, Menerapkan Amalan Yang Baik serta Memperkayakan dan Memperkasakan Komuniti.

Pada tahun 2021, kami telah memperbaharui strategi kelestarian dan meningkatkan tadbir urus kelestarian untuk mengintegrasikan dengan lebih baik pertimbangan mengenai Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG") ke dalam perniagaan dan operasi Kumpulan, sambil menumpukan perhatian terhadap usaha mempromosikan kelestarian dan keterangkuman pertumbuhan.

### TERAS

- Teras 1: **Perkhidmatan Kewangan Lestari & Bertanggungjawab**
- Teras 2: **Menerapkan Amalan Yang Baik**
- Teras 3: **Memperkayakan & Memperkasakan Komuniti**

### RUJUKAN

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut bagaimana kami berinteraksi dengan pihak-pihak berkepentingan, sila rujuk kepada Keterlibatan Bersama Pihak Berkepentingan bermula dari muka surat 42 hingga 47 dalam Laporan ini.

Untuk maklumat lanjut mengenai Perkara-Perkara berkaitan Material, sila rujuk muka surat 48 hingga 49 dalam Laporan ini.

Untuk maklumat lanjut bagaimana kami menjana impak positif bagi pihak-pihak berkepentingan kami pada tahun 2021, sila baca mengenai prestasi kelestarian kami dalam Laporan Kestarian 2021 kami yang diterbitkan secara berasingan.



### PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN ESG KAMI

#### Siri Indeks FTSE4Good

Kekal sebagai konstituen **Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia** setakat Disember 2021

#### 25% Teratas

oleh Penarafan ESG di kalangan syarikat-syarikat awam di Indeks EMAS FTSE Bursa Malaysia setakat Disember 2021

#### Skor S&P Global ESG

RHB Bank Berhad mencatat markah **47/100** dalam tahun 2021 **Penilaian Kestarian Korporat Global S&P** pada tahun 2021, yang merupakan penambahbaikan **4** mata sejak setahun yang lalu

#### Penilaian MSCI ESG

Mengekalkan penilaian AA (Peneraju) dalam **Penilaian MSCI ESG** sejak September 2019



Imbas kod QR untuk membaca dan memuat turun dokumen Pendekatan Kami terhadap Kestarian.




Imbas kod QR untuk membaca dengan lebih lanjut mengenai inisiatif dan kemajuan kelestarian kami.



### TADBIR URUS KELESTARIAN

Pada tahun 2021, tadbir urus kelestarian kami dipertingkatkan dengan penubuhan Jawatankuasa Kestarian Kumpulan ("GSC"), yang terdiri daripada Pengurusan Kanan Kumpulan dan dipengerusikan oleh Pengarah Urusan Kumpulan. GSC disokong oleh empat Majlis Mesyuarat iaitu Majlis Kestarian Perbankan, Pasaran Modal ESG dan Majlis Penasihat, Majlis Kestarian Insurans serta Majlis Amalan Bertanggungjawab dan Lestari.

Kami melaksanakan pendekatan secara atas ke bawah dalam tadbir urus korporat kami di mana Lembaga Pengarah Kumpulan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap strategi kelestarian Kumpulan, yang termasuk tadbir urus, keutamaan utama, sasaran dan mengintegrasikan pertimbangan ESG ke dalam perniagaan dan operasi Kumpulan. Dengan pengawasan yang jelas oleh pihak Lembaga Pengarah, kami dapat menyelaraskannya dengan lebih baik berpandukan kepada amalan tempatan dan antarabangsa yang terbaik, serta keperluan dalam membuat laporan dan pendedahan yang diperlukan.



Untuk maklumat lanjut mengenai Tadbir Urus Kestarian RHB, sila rujuk kepada Tadbir Urus Kestarian dalam Laporan Kestarian 2021.

### LEMBAGA PENGARAH RHB BANK BERHAD

Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap strategi dan hala tuju kelestarian Kumpulan, termasuk perkara-perkara berkenaan perubahan iklim dan mengawasi amalan-amalan kelestarian Kumpulan ke arah menerapkan pertimbangan-pertimbangan ESG dalam keseluruhan strategi, pengurusan risiko dan proses membuat keputusan dalam Kumpulan.

### JAWATANKUASA KELESTARIAN KUMPULAN

GSC memacu agenda kelestarian dan iklim Kumpulan secara strategik, selaras dengan hala tuju strategi dan komitmen Kumpulan, wawasan kelestarian, Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ("UN SDGs") yang diutamakan dan teras kelestarian, berpandukan kepada Rangka Kerja Kestarian Kumpulan.

### MAJLIS-MAJLIS KELESTARIAN

- Majlis Perbankan Lestari
  - Majlis Pasaran Modal dan Khidmat Nasihat ESG
  - Majlis Insurans Lestari
  - Majlis Amalan Bertanggungjawab dan Lestari
- Peraksanaan strategi kelestarian Kumpulan dan bidang-bidang tumpuan utama.
- Para pemimpin kanan utama dan Juara Kestarian mengadakan mesyuarat mereka pada setiap suku tahun.

### YAYASAN RHB

RHBF mengurus dan memacu Teras Ketiga Kestarian Kumpulan – Memperkayakan dan Memperkasakan Komuniti. Lembaga Pemegang Amanah RHB mengawasi program-program yang dilaksanakan oleh RHBF dan impak program-program yang dijalankan ini terhadap komuniti.

### SBGs DAN SFGs

SBGs dan SFGs, diwakili oleh Juara masing-masing, menjalankan dan melaksanakan inisiatif-inisiatif kelestarian dan pelbagai program serta mengawasi prestasi matriks dan sasaran.



Kelestarian

## PERUBAHAN IKLIM

Pasukan Petugas mengenai Indeks Kandungan Pendedahan Kewangan berkaitan Iklim Kami telah melipatgandakan usaha membuat pendedahan risiko dan peluang yang berkaitan iklim menerusi pendekatan pelaksanaan berfasa. Untuk tahun dalam kajian, kami beralih daripada pendekatan secara berlembut kepada pelaksanaan Cadangan-cadangan Pasukan Petugas mengenai Pendedahan Kewangan Berkaitan Iklim ("TFCD") seperti yang digambarkan dalam jadual ini, yang mengesyorkan pendedahan-pendedahan ("TFCD") dalam kesemua laporan kami dan juga maklumat yang tersedia kepada orang ramai.



Untuk maklumat lanjut mengenai penyelarasan RHB dengan TFCD, sila rujuk kepada Perubahan Iklim - TFCD dalam Laporan Kelestarian 2021.

### PENDEDAHAN YANG DISYORKAN

#### TADBIR URUS

- a) Menghuraikan pengawasan Lembaga Pengarah mengenai risiko dan peluang berkaitan iklim
- b) Menghuraikan peranan pengurusan dalam menilai dan menguruskan risiko dan peluang berkaitan iklim

- Tadbir Urus Kelestarian
- Luaran: Piagam Lembaga
- Pengawasan Alam Sekitar > Perubahan Iklim
- Tadbir Urus Kelestarian
- Pengawasan Alam Sekitar > Perubahan Iklim
- Insan & Tempat Kerja > Pengurusan & Pembangunan Bakat > Pembinaan dan Kesedaran Keupayaan Kelestarian

### BAHAGIAN ATAU RUJUKAN

#### STRATEGI

- a) Menghuraikan risiko dan peluang berkaitan iklim yang dikenal pasti oleh organisasi dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang
- b) Menghuraikan impak risiko dan peluang berkaitan iklim terhadap strategi dan perancangan perniagaan organisasi
- c) Menghuraikan ketahanan strategi organisasi dengan mengambil kira pertimbangan mengenai senario berkaitan iklim yang berbeza, termasuk 2°C atau senario di mana suhu lebih rendah lagi

- Pendekatan Kelestarian > Strategi Kelestarian 2022-2026
- Pembiayaan Lestari > Pengurusan Risiko ESG
- Pembiayaan Lestari > Pembiayaan Hijau
- Pengawasan Alam Sekitar > Perubahan Iklim
- Lampiran > Keahlian & Persatuan

#### PENGURUSAN RISIKO

- a) Menghuraikan proses organisasi untuk mengenal pasti dan menilai risiko berkaitan iklim
- b) Menghuraikan proses organisasi untuk menguruskan risiko berkaitan iklim
- c) Menghuraikan bagaimana proses untuk mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko berkaitan iklim diintegrasikan ke dalam keseluruhan pengurusan risiko organisasi

- Pembiayaan Lestari > Pengurusan Risiko ESG
- Pengawasan Alam Sekitar > Perubahan Iklim
- Risiko & Peluang
- Kenyataan mengenai Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

#### MATRIKS DAN SASARAN

- a) Mendedahkan matriks yang digunakan oleh organisasi untuk menilai risiko dan peluang berkaitan iklim selaras dengan strategi dan proses pengurusan risiko
- b) Mengdedahkan skop 1, skop 2 dan, jika bersesuaian, skop 3\* pelepasan Gas Rumah Hijau ("GHG") dan risiko-riisiko berkaitan
- c) Menghuraikan sasaran yang digunakan oleh organisasi untuk mengurus risiko dan peluang berkaitan iklim dan prestasi berbanding sasaran

- Pembiayaan Lestari > Pengurusan Risiko ESG
- Pembiayaan Lestari > Pembiayaan Hijau
- Pengawasan Alam Sekitar > Perubahan Iklim
- Pendekatan Kelestarian > Strategi Kelestarian 2022-2026
- Pengawasan Alam Sekitar > Perubahan Iklim
- Data Prestasi > Persekitaran
- Pembiayaan Lestari > Pembiayaan Hijau
- Pendekatan Kelestarian > Strategi Kelestarian 2022-2026
- Pengawasan Alam Sekitar > Perubahan Iklim
- Data Prestasi > Persekitaran

\*Nota:  
Skop 1: Pelepasan Secara Langsung daripada pembakaran pegun (set penjana) dan pembakaran mudah alih (kendaraan milik Syarikat)  
Skop 2: Pelepasan Secara Tidak Langsung daripada elektrik dan peralatan penyejuk yang dibeli.  
Skop 3: Pelepasan Secara Tidak Langsung daripada perjalanan perniagaan.

### PENDEKATAN KAMI TERHADAP KELESTARIAN

Rangka Kerja Kelestarian Kumpulan mengandungi tiga teras bertemakan dengan sembilan bidang fokus yang selari dengan Perkara Material kami. Bidang fokus ini adalah mengenai impak ESG kami dan integrasi pertimbangan kelestarian ke dalam perniagaan dan operasi kami untuk menyokong peralihan negara ke arah menjadi ekonomi rendah karbon. Ini membolehkan kami untuk mengenal pasti peluang dan mengurangkan risiko, selain daripada memenuhi keperluan pihak berkepentingan untuk terus mencipta nilai.

Kami terus memperkukuhkan strategi kelestarian kami dengan mengkaji semula Rangka Kerja Kelestarian dan komitmen utama kami dari semasa ke semasa untuk memastikan ianya relevan dan selaras dengan strategi korporat Kumpulan serta perubahan-perubahan yang pesat berlaku dalam persekitaran perniagaan. Ini bukan sahaja membantu pelaksanaan dasar dan inisiatif yang kukuh, malah ianya juga dapat memenuhi sasaran kami ke arah menjana impak positif dalam jangka masa panjang.

Dalam suku ketiga tahun 2021, kami telah melaksanakan langkah utama untuk mengkaji semula dan memperbaharui Rangka Kerja Kelestarian kami serta menubuhkan strategi kelestarian kami untuk tempoh lima tahun akan datang. Hasilnya, Hala Tuju dan Strategi Kelestarian 5 tahun (2022-2026) yang holistik telah dibangunkan sebagai sebahagian daripada strategi jangka panjang Kumpulan. Strategi baharu ini akan terus membimbing kami dalam menerapkan pertimbangan-pertimbangan ESG ke dalam perniagaan dan operasi Kumpulan, bagi membolehkan kami mencipta nilai menerusi penyediaan perkhidmatan kewangan yang lestari dan bertanggungjawab, menggalakkan pertumbuhan keterangkuman, memupuk para pelanggan kakitangan dan komuniti, serta menegakkan tadbir urus yang baik.

Untuk maklumat lanjut mengenai Perkara-perkara Material RHB, sila rujuk kepada Perkara-perkara Material Kami dalam Laporan Kelestarian 2021.

### Strategi dan Hala Tuju Kelestarian 5 Tahun (2022-2026)

**Matlamat Kelestarian:** Untuk menjadi penyedia perkhidmatan kewangan yang lestari dan bertanggungjawab dengan menggalakkan pertumbuhan lestari dan berketerangkuman, memupuk para pelanggan, kakitangan dan komuniti, sambil menegakkan tadbir urus yang baik untuk mencipta nilai.

Apirasi kami adalah untuk:

- Menyokong pembangunan lestari dengan menggerakkan perkhidmatan kewangan lestari sebanyak RM20 bilion menjelang tahun 2026
- Memperkasakan lebih dua juta orang di seluruh ASEAN menjelang tahun 2026
- Mencapai operasi neutral karbon menjelang tahun 2030

#### Perkhidmatan Kewangan Lestari & Bertanggungjawab

Mengintegrasikan pertimbangan ESG ke dalam strategi perniagaan dan proses membuat keputusan sambil membimbing para pelanggan dan komuniti ke arah pencapaian pertumbuhan lestari

##### Bidang Fokus

- **Perkhidmatan Kewangan Lestari** - Mencipta impak positif menerusi peminjaman, pasaran modal, pengurusan kekayaan, deposit, pelaburan, pengurusan aset dan perniagaan insurans kami
- **Keterangkuman & Pemerksaan Kewangan** - Menyediakan perkhidmatan kewangan kepada segmen-segmen sasaran dalam komuniti (pelajar, mereka yang baharu menyertai tenaga kerja, PKS, perusahaan mikro dan sebagainya) untuk menggalakkan keterangkuman



#### Menerapkan Amalan Yang Baik

Mendorong amalan bertanggungjawab dan memupuk budaya lestari dalam organisasi kami

##### Bidang Fokus

- **Etika & Tingkah Laku** - Menegakkan integriti, etika dan pematuhan menerusi polisi-polisi dan amalan yang kukuh
- **Pengawasan Alam Sekitar** - Menambahbaik jejak alam sekitar dalaman sambil menggalakkan pengurusan sumber dan amalan hijau
- **Orang Ramai & Tempat Kerja** - Memupuk tenaga kerja yang saksama, pelbagai, inklusif dan lestari
- **Perolehan Lestari** - Menggalakkan amalan bertanggungjawab dan lestari



#### Memperkasakan & Memperkasakan Komuniti

Mewujudkan impak positif terhadap komuniti dalam jangka masa panjang, dengan penumpuan terhadap membimbing kanak-kanak dan golongan dewasa muda

##### Bidang Fokus

- **Membimbing Generasi Akan Datang** - Menggalakkan daya tahan kanak-kanak dan orang muda dewasa menerusi program pembelajaran dan pembangunan yang holistik
- **Meningkatkan Komuniti** - Memperbaiki kehidupan mereka yang terkesan dan golongan komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan menerusi inisiatif-inisiatif yang membina keupayaan, membangunkan kemahiran dan menggalakkan kesukarelawanan



**Tadbir Urus**  
Tadbir urus lestari yang kukuh di seluruh Kumpulan untuk memacu tindakan membuat keputusan dan menyediakan pengawasan kelestarian yang sewajarnya

**Data & Teknologi**  
Memanfaatkan data dan teknologi bagi tujuan pemantauan dan pelaporan untuk memastikan kebolehpercayaan, kredibiliti dan amanah

**Modal Insan & Latihan**  
Menarik, mengekalkan dan membangunkan mereka yang mempunyai kemahiran dan keupayaan tepat untuk menyokong agenda kelestarian

**Perkongsian & Advokasi**  
Membina perkongsian yang boleh dipercayai dan menyokong secara berterusan dan membimbing orang lain ke arah amalan lestari

Untuk maklumat lanjut mengenai pendekatan kelestarian RHB, sila rujuk kepada Rangka Kerja Kelestarian Kumpulan dalam Laporan Kelestarian 2021.

TERAS 1 - PERKHIDMATAN KEWANGAN  
LESTARI & BERTANGGUNGJAWABTERAS 2 -  
MENERAPKAN AMALAN YANG BAIKTERAS 3 -  
MEMPERKAYAKAN & MEMPERKASAKAN KOMUNITIPENYELARASAN &  
SUMBANGAN

## Modal Utama &lt;IR&gt;

Nilai kepada Pihak  
Berkepentingan

- Para Pemegang Saham & Pelabur
- Para Pelanggan
- Rakan Niaga
- Pengawal Selia & Penggubal Dasar



Untuk maklumat lanjut mengenai prestasi dan inisiatif RHB dalam Perbankan Lestari & Bertanggungjawab, sila rujuk kepada Teras 1 dalam Laporan Kelestarian 2021.

Sebagai penyedia perkhidmatan kewangan, kami memainkan peranan penting dalam menyediakan penyelesaian inovatif untuk para pelanggan dan klien, membina komuniti yang lestari dan mempercepatkan peralihan kepada ekonomi karbon rendah. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kami telah mengintegrasikan pertimbangan ESG ke dalam pengurusan risiko kami dan proses membuat keputusan merentasi aktiviti-aktiviti utama di dalam perniagaan kami yang termasuk peminjaman, pasaran modal dan khidmat nasihat, pelaburan dan insurans. Kami mencipta nilai untuk pihak berkepentingan kami dan melindungi persekitaran dengan menggalakkan pembangunan yang lestari menerusi komitmen pembiayaan hijau kami dan dengan membimbing para pelanggan kami ke arah melaksanakan amalan perniagaan yang lestari.



## PEMBIAYAAN YANG LESTARI

## Bidang Fokus dan Perkara Material

- Pembiayaan Lestari
- Pengurusan Risiko
- Perubahan Iklim\*
- Keterangkuman Kewangan dan Pendidikan\*
- Prestasi Kewangan

- Memperluas alat Penilaian Risiko ESG daripada lima pada tahun 2020 kepada lapan bagi Sektor Sensitif ESG. Lapan sektor tersebut adalah seperti berikut:
  - Minyak Sawit
  - Besi, Besi Keluli dan Logam lain
  - Simen
  - Plastik
  - Minyak & Gas
  - Pengeluar Tenaga
  - Produk Kayu
  - Kimia
- Berkuatkuasa 2022 dan seterusnya:
  - **Pendirian mengenai aktiviti pengeluaran arang batu:** RHB tidak akan meneruskan usaha dan peluang atau menyediakan pembiayaan untuk sebarang projek pengeluaran arang batu baharu dan projek loji yang menggunakan arang batu sebagai sumber tenaga.
  - **Pendirian mengenai NDPE:** Untuk sektor pertanian, perhutanan dan kelapa sawit, RHB hanya akan menyokong syarikat-syarikat bertanggungjawab yang menunjukkan selaras dengan dasar Tiada Penebangan, Tiada Gambut Baharu dan Tiada Eksploitasi ("NDPE").
- Memulakan Program Tindakan Iklim Kumpulan, ke arah menguruskan risiko perubahan iklim dalam perniagaan dan operasi Kumpulan.
- **RM4.32 bilion** telah diagihkan di bawah Komitmen Pembiayaan Hijau yang berjumlah RM5 bilion, menjelang tahun 2025 untuk menyokong aktiviti-aktiviti hijau, yang mana **20.7%** atau **RM894.56 juta** telah diberikan untuk menyokong projek-projek sumber tenaga yang boleh diperbaharui.
- Melancarkan **Program Pembiayaan Kelestarian** RHB, program pembiayaan hijau gabungan produk untuk PKS dan pengguna runcit yang memfokuskan kepada Tenaga Hijau, Bangunan Hijau, Proses Hijau dan Produk Hijau. Setakat hujung Disember 2021, sejumlah RM44.36 juta telah dikeluarkan.
- **Program Pelaburan Lestari dan Bertanggungjawab ("SRI")/ESG** yang utama dan perjanjian yang memberi tumpuan terhadap sosial dan pembangunan lestari:
  - **Bon Kelestarian ASEAN Cagamas Berhad** – Pengurus utama untuk terbitan Cagamas iaitu RM300 juta bon dua tahun kelestarian ASEAN
  - **Program Sukuk Wakalah** – Pengurus utama tunggal, penasihat utama, pengurus utama bersama, ejen kemudahan, penasihat Syariah dan peserta perdagangan komoditi untuk Program Sukuk Wakalah Bank SME sebanyak RM300 bilion dan ia merupakan terbitan Sukuk Kelestarian pertama negara seumpamanya oleh sebuah institusi pembangunan kewangan ("DFI"), yang dinilai pada RM500 juta.

\* Perkara material terdapat di lebih daripada satu Bidang Fokus.

## SDG Utama

TERAS 1 - PERKHIDMATAN KEWANGAN  
LESTARI & BERTANGGUNGJAWABTERAS 2 -  
MENERAPKAN AMALAN YANG BAIKTERAS 3 -  
MEMPERKAYAKAN & MEMPERKASAKAN KOMUNITI

## PEMBIAYAAN LESTARI

- Menstruktur dan melaksanakan set **transaksi Pertukaran Kadar Mata Wang Silang Hijau pertama Malaysia** berbanding Petunjuk Prestasi Utama berkaitan ESG ("KPIs") untuk melindungi nilai pinjaman lestari sebanyak ASD100 juta (RM432 juta) selama dua tahun.
- Melancarkan **empat dana ESG dengan pentauliahan SRI** untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap pelaburan ESG, dengan gabungan **RM836 juta** AUM yang dicapai pada TK2021 meliputi empat dana. Dana-dana ini membolehkan para pelabur menyertai pelaburan jangka masa panjang yang lestari dengan memfokuskan kepada perubahan iklim, penjagaan kesihatan, pemerkasaan dan infrastruktur lestari.
- Menjadi hos sesi keterlibatan dan pembinaan keupayaan industri bagi memahami lagi tentang ilmu pelaburan ESG dan tindakan membuat keputusan seperti **Forum RHB ESG – "Membayangkan Masa Depan yang Lebih Baik"** dan **'Apabila Syariah Bertemu ESG'**.

## PERBANKAN BERPUSATKAN PELANGGAN

## Bidang Fokus dan Perkara Material

- Pengurusan Hubungan Pelanggan
- Layanan Saksama untuk para Pelanggan Kewangan ("FTFC")

- RHB mencatat Skor Promoter Bersih ("NPS") **+15**, mendahului pesaing di Malaysia sebanyak **+4 mata**, manakala operasi di Singapura juga mencatatkan NPS positif **+9** dan berada **+20** mata di hadapan para pesaing.
- **Lebih daripada 5,500** anggota barisan hadapan menerima Latihan Perkhidmatan Berkaitan Kurang Upaya ("DRST"), yang menyediakan mereka dengan kemahiran tepat untuk berurusan dengan para pelanggan cacat pendengaran, penglihatan dan kurang upaya.
- Menyelesaikan **99.6%** maklum balas para pelanggan atau rungutan mengikut tempoh dalam Perjanjian Tahap Perkhidmatan Kumpulan iaitu dua hari bekerja untuk para pelanggan Premier dan tiga hari bekerja untuk para pelanggan bukan Premier.
- Menyediakan Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih (Kenderaan Bergerak) untuk menuju ke lokasi komuniti-komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan/luar bandar di Asajaya and Sadong Jaya di Sarawak.
- RHB komited kepada FTFC dalam menguruskan perniagaan kami.
- Memasukkan prinsip-prinsip FTFC ke dalam Manual dan Dasar Pengurusan Aduan untuk bimbingan dan penghayatan.
- Proses Pengurusan Aduan telah ditadbir oleh Advokasi Pelanggan, yang memastikan setiap aduan diselesaikan secara adil, cepat dan berkesan.

## PENDIGITALAN

## Bidang Fokus dan Perkara Material

- Pendigitalan dan Pelaburan dalam Teknologi
- Keterangkuman Kewangan dan Pendidikan\*

- Transaksi digital meningkat daripada **64%** kepada **93%** pada tahun 2021, termasuk transaksi ATM (**86%** tanpa transaksi ATM).
- Permulaan Perniagaan Digital meningkat dari **<1% pada tahun 2017 kepada 25% pada tahun 2021**.
- Memperkenalkan "Dragon's Den", satu inisiatif untuk mendorong kakitangan melakukan inovasi idea-idea produk baharu atau proses yang akan menambah nilai kepada Kumpulan dan menyumbang kepada pertumbuhan lestari Kumpulan.
- Ekosistem Digital Komprehensif untuk para pelanggan Runcit dan PKS, yang termasuk Aplikasi MyHome, Aplikasi RHB Partners, Perbankan Atas Talian RHB PKS dan Aplikasi Mudah Alih Pembiayaan (PKS) RHB.
- Komitmen Pelaburan:
  - RM200 juta CAPEX untuk pelaburan-pelaburan digital antara tahun 2018 dan 2022.
  - RM300 juta untuk Program Modernisasi IT untuk memastikan teknologi-teknologi kami bersedia untuk masa hadapan dan melaksanakan seni bina moden seperti Awan dan DevOp antara tahun 2019 dan tahun 2022.
- Di bawah Program Transformasi Digital RHB, kami menyasarkan untuk mencapai seperti berikut menjelang tahun 2026:
  - 15% hasil daripada ekosistem perkongsian (yang terkandung kewangan)
  - Transaksi digital dijangka melebihi 95% daripada jumlah keseluruhan transaksi pelanggan
  - 50% pemilikan pelanggan dilaksanakan secara digital
  - 3 teratas bagi transaksi DuitNow adalah berdasarkan isipadu
  - Faedah-didorong analitik dijangka 10% daripada PBT
- Merancang untuk melaksanakan Akademi Digital pada tahun 2022 untuk mempercepatkan lagi transformasi Kumpulan menjadi organisasi yang mengutamakan digital menerusi membina keupayaan digital, memupuk daya pemikiran digital dan menggalakkan penggunaan teknologi canggih di seluruh Kumpulan dan menyasarkan inisiatif-inisiatif yang mampu dilaksanakan hasil kerjasama dengan rakan-rakan kongsi utama.

\* Perkara material terdapat di lebih daripada satu Bidang Fokus.

PENYELARASAN &  
SUMBANGAN

## Modal Utama &lt;IR&gt;

Nilai kepada Pihak  
Berkepentingan

- Kakitangan
- Rakan Perniagaan
- Pengawal Selia dan Penggubal Dasar



Untuk maklumat lanjut mengenai prestasi dan inisiatif RHB dalam Penerapan Amalan Baik, sila rujuk kepada Teras 2 dalam Laporan Kelestarian 2021.

Memupuk amalan yang baik menjadi asas kepada kelestarian Kumpulan dalam jangka masa panjang. Kami berusaha untuk memupuk dan mengintegrasikan amalan lestari dan tingkah laku bertanggungjawab dalam Kumpulan dengan menegakkan standard tadbir urus korporat dan tingkah laku perniagaan yang baik, dan kami menggalakkan budaya tempat kerja yang mesra, inklusif dan penuh kasih sayang. Pada masa yang sama, kami berusaha untuk melaksanakan amalan mesra alam di tempat kerja dan memperbaiki jejak operasi dalaman menerusi pelaksanaan dan penganjuran pelbagai inisiatif dan program.



## ETIKA DAN TADBIR URUS

## Bidang Fokus dan Perkara Material:

- Tadbir Urus Perniagaan yang baik
- Landskap Pengawal Selia yang Dinamik
- Perlindungan Data dan Keselamatan Siber

- Mengekalkan **30%** perwakilan wanita dalam Lembaga Pengarah RHB Bank Berhad.
- Menambahbaik **Dasar Anti-Sogokan dan Rasuah Kumpulan** serta **Dasar Pendedahan Maklumat Kumpulan**.

## Laporan Pendedahan Maklumat dan Bukan Pendedahan Maklumat

	Tahun 2020	Tahun 2021	% T-KE-T
Kes Pendedahan Maklumat	12	17	+42%
Kes Bukan Pendedahan Maklumat	1	11	+1000%
<b>Jumlah Kes Aduan</b>	<b>13</b>	<b>28</b>	<b>+115%</b>
Kes Berasas	9	11*	+22%

Nota: \* Tertakluk kepada hasil penyiasatan terhadap 5 kes yang sedang berlangsung.

- Mengendalikan 65 sesi latihan dan kesedaran mengenai Anti-Sogokan dan Rasuah untuk lebih daripada **4,777 kakitangan** di seluruh Kumpulan.
- Melaksanakan **Projek Peningkatan Keupayaan RHB AML ("RACE")** untuk mengukuhkan usaha-usaha dari segi **Anti Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Balas Keganasan ("AML/CFT")**.
- Terus meningkatkan rangka dasar dan polisi-polisi berkaitan teknologi dan pengurusan risiko siber serta mengambil langkah berterusan untuk memperkukuhkan kawalan keselamatan IT, dengan mengambil kira norma baharu dan landskap teknologi yang sentiasa berkembang.

## SDG Utama



## KAKITANGAN &amp; TEMPAT KERJA

## Bidang Fokus dan Perkara Material

- Pengurusan Bakat
  - Latihan dan Pendidikan Kakitangan
  - Kesihatan, Keselamatan dan Kesejahteraan Kakitangan
  - Kepelbagaian dan Kesamaan Peluang
- **53%** wanita dalam Pengurusan dan **28%** dalam Pengurusan Kanan.
  - **RM24.6 million** dilaburkan dalam peningkatan kemahiran dan melengkapkan semula kakitangan dengan kemahiran:
    - **606,623** jumlah jam latihan dengan purata **48** jam latihan untuk setiap kakitangan setiap tahun
    - Menganjurkan latihan kelestarian dan sesi kesedaran untuk **lebih daripada 1,000 kakitangan** dari pelbagai kumpulan perniagaan
    - Melancarkan **program Liga Kepimpinan Wanita** bersama Melbourne Business School dan LeadWomen untuk memperkasakan wanita yang berperanan sebagai pemimpin
  - Melaksanakan pembinaan keupayaan 600 kakitangan Digital, IT dan Analitik bagi meningkatkan keupayaan mereka menjalankan tugas yang mempunyai permintaan tinggi serta memerlukan kemahiran di masa hadapan.
  - Memupuk budaya inovasi dan membangunkan keupayaan inovatif di kalangan tenaga kerja kami menerusi program-program seperti Kemahiran Masa Hadapan, Makmal Rekabentuk Penyelesaian dan "Dragon's Den".
  - **7,648 kakitangan** menyertai 14 program latihan dalam bidang keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan.
  - Lebih daripada **RM370,000** dikumpulkan oleh kakitangan sebagai sumbangan kepada Tabung Kemanusiaan RHB untuk membantu **lebih daripada 175** warga RHB yang terkesan akibat COVID -19 dan banjir.
  - Mencapai **90%** dalam Skor Keterlibatan Pekerja, setanding dengan purata dalam industri perkhidmatan kewangan Malaysia dan menepati sasaran skor untuk tahun 2021.

## PENGAWASAN ALAM SEKITAR

## Bidang Fokus dan Perkara Material

- Pengawasan Alam Sekitar
  - Perubahan Iklim\*
- Kami berhasrat untuk mencapai operasi neutral karbon menjelang tahun 2030.
  - Pelepasan operasi GHG:
    - Meluaskan sempadan laporan untuk meliputi semua bangunan utama dan cawangan di Malaysia
    - Jumlah Pelepasan GHG: **25,580 tCO<sub>2</sub>eq**<sup>a</sup>
    - Kepadatan pelepasan GHG: **1.85 tCO<sub>2</sub>eq/setiap pekerja**
    - Penurunan pelepasan intensiti GHG yang bertambah baik bagi setiap kakitangan sebanyak 41% pada tahun 2021 berbanding garis dasar 2016 untuk Malaysia.
  - Melaksanakan **program Pengurusan Kitar Semula Sisa** untuk bangunan Ibu Pejabat dan mengumpulkan sejumlah **1,147 kg** barang kitar semula dan sisa dalam tempoh tiga bulan.
  - Menghantar **28.2 juta e-kenyataan** untuk mengurangkan penggunaan kertas.
  - Melancarkan **'Projek Beli Nothing'** untuk menggalakkan pengurangan bahan buangan di kalangan warga RHB untuk membolehkan mereka menderma dan bertukar-tukar barang yang mereka sayangi sebelum ini, dan seramai **1,400 kakitangan** turut menyertai inisiatif dalaman ini.
  - Sasaran untuk menggantikan semua lampu tradisional dengan **lampu LED** di semua bangunan utama RHB menjelang tahun 2023 dan **80%** inisiatif ini telah selesai dilaksanakan pada tahun 2021.

## PEROLEHAN LESTARI

## Bidang Fokus dan Perkara Material

- Perolehan Lestari
- Membelanjakan lebih **RM762 juta kepada 563 pembekal** untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan<sup>b</sup>
    - daripada jumlah itu, **RM689.8 juta (91%) dibayar kepada 523 pembekal tempatan (93%)**.
  - Melaksanakan pendekatan berpusat dan tidak berpusat untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti perolehan, sambil memastikan amalan perolehan adalah adil, beretika dan bertanggungjawab.
  - Berpandukan kepada Garis Panduan Perolehan Kumpulan bagi memastikan pematuhan kepada Kumpulan dan keperluan pengawal selia.
  - Pendigitalan sepenuhnya sistem e-perolehan sejak tahun 2014, yang merangkumi pendaftaran pembekal, penilaian oleh pengurusan pembekal (Unit Perolehan Kumpulan) dan kelulusan pembekal.
  - **82%** atau **RM623.48 juta** belanjawan perolehan Kumpulan dibelanjakan untuk barangan IT dan perkhidmatan profesional IT.

Nota:

<sup>a</sup> Skop 1 (154 tCO<sub>2</sub>eq), skop 2 (23,810 tCO<sub>2</sub>eq) dan skop 3 (1,615 tCO<sub>2</sub>eq) di Malaysia.

<sup>b</sup> Pasaran utama Malaysia.

\* Perkara material terdapat di lebih daripada satu Bidang Fokus.

**PENYELARASAN &  
SUMBANGAN****Modal Utama <IR>****Nilai kepada Pihak  
Berkepentingan**

- Komuniti
- Para pelanggan
- Kakitangan
- Pengawal Selia dan Penggubal Dasar



Untuk maklumat lanjut mengenai prestasi dan inisiatif dalam Memperkayakan dan Memperkasakan Komuniti, sila rujuk kepada Teras 3 dalam Laporan Kelestarian 2021.

Menepati Janji Jenama kami itu *Bersama Kami Maju*, kami menyasarkan untuk mencipta impak positif yang berpanjangan terhadap komuniti di mana kami beroperasi dengan cara memperkayakan dan memperkasakan mereka menerusi pelbagai program. Kami menghulurkan tangan kepada mereka yang memerlukan, terutamanya kepada golongan yang kurang bernasib baik dari komuniti B40. Memfokuskan kepada kanak-kanak dan golongan belia, program-program kami bertujuan untuk membimbing generasi akan datang dan membangunkan mereka menjadi individu yang lebih holistik. Sebagai penyedia perkhidmatan kewangan, kami mempromosikan celik kewangan di kalangan generasi muda dan para pelanggan kami bagi membantu mewujudkan masyarakat yang celik kewangan dan mendorong tingkah laku kewangan yang bertanggungjawab, yang akan menyumbang kepada kesihatan ekonomi negara.

**MEMPERKAYAKAN KOMUNITI****Bidang Fokus dan Perkara Material**

- Memperkayakan Komuniti

- Melaburkan sebanyak **RM9.1 juta** dalam program-program memperkayakan dan memperkasakan komuniti pada tahun 2021.
- Memupuk Generasi akan Datang menerusi Pendidikan:
  - Program Kecemerlangan Akademik RHB X-Cel telah memberi manfaat kepada **lebih 4,000 pelajar yang kurang bernasib baik** dari segmen B40 dan 40 sekolah sejak tahun 2018.
  - Mendaftarkan **lebih 1,500 pelajar** dalam program Kecemerlangan Akademik RHB X-Cel pada 2021, melepasi sasaran 1,000 hingga 1,400 pelajar.
  - Menganugerahkan **30 pelajar** dengan Biasiswa RHB X-Cel Star sejak tahun 2019 untuk memasuki universiti-universiti tempatan, dengan sasaran untuk menganugerahkan 60 biasiswa menjelang 2023.
  - Menganjurkan Bengkel Siap Sedia SPM untuk para pelajar X-Cel kami, termasuk mengadakan ceramah motivasi yang diberi nama 'Breakthrough Mindset' – Kejayaan A.B.C.D. dan kelas ulang kaji matapelajaran meliputi Bahasa Malaysia, Fizik, Matematik, Matematik Tambah dan Sejarah.
  - Melaksanakan program-program pembinaan keupayaan untuk para pemegang Biasiswa X-Cel, yang termasuk program Mentor-Mentee, Komunikasi Bahasa Inggeris dan Latihan Keyakinan, serta Bengkel Menguruskan Kesihatan Mental dan Tekanan.

**SDG Utama****MEMPERKAYAKAN KOMUNITI**

- Menyokong penyelidikan mengenai pembangunan modal insan dengan memupuk ilmu mengenai teknologi digital, terutamanya yang berkaitan dengan perbankan dan kewangan, menerusi perkongsian dengan universiti tempatan iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia, melalui **Tabung Wakaf RHB-UKM**, dengan dana berjumlah RM7.4 juta setakat Jun 2021.
- Sejak tahun 2020, Kumpulan telah menyumbang hampir **RM8.4 juta** dibawah teras Peningkatan Komuniti untuk menyampaikan bantuan COVID-19, yang termasuk peralatan perubatan kepada hospital-hospital terpilih dan menyumbangkan derma dari segi kewangan kepada keluarga-keluarga yang terkesan akibat daripada pandemik. Semasa musim perayaan, kami juga telah **menyumbangkan lebih dari RM800,000** kepada mereka yang kurang bernasib baik dalam komuniti.
- Menyumbangkan **kira-kira RM6.1 juta** sejak tahun 2020 di bawah teras **Memupuk Generasi Akan Datang** yang memberikan faedah kepada komuniti B40.. Inisiatif-inisiatif seperti ini memberikan impak kepada **lebih 6,000 penerima menerusi program Kecemerlangan Akademik RHB X-Cel** dan program **Biasiswa RHB X-Cel Star**. Ini termasuk RM5.0 juta untuk program CERDIK, di mana kami menyumbangkan peranti digital kepada pelajar-pelajar B40 untuk membantu mereka dalam pembelajaran atas talian dan juga e-pembelajaran semasa berlakunya pandemik.

**PENDIDIKAN KEWANGAN****Bidang Fokus dan Perkara Material**

- Keterangan Kewangan dan Pendidikan\*

- Memperjuangkan celik kewangan menerusi Program Money Ma\$ter ("MMP"):
  - Menghulurkan bantuan kepada **1,075 pelajar** pada tahun 2021, yang melibatkan interaksi dengan **lebih 25,000 pelajar** sejak pelaksanaannya pada tahun 2018
  - Melancarkan **siri pendidikan kewangan atas talian sebanyak enam episod**, yang mencatatkan jumlah interaksi **melebihi 112,000**.
- Melancarkan laman sesawang '**goWave by RHB**' untuk menggalakkan kesedaran kewangan di kalangan golongan belia di Kemboja menerusi perkongsian maklumat mengenai perkara-perkara berkaitan kewangan.
- Mempunyai jumlah terkumpul lawatan ke RHB MERGE sebanyak **11.8 juta**, ekosistem celik kewangan RHB untuk pelanggan sejak ia ditubuhkan pada tahun 2018.

\* Perkara material terdapat di lebih daripada satu Bidang Fokus.

# LEMBAGA PENGARAH DAN SETIAUSAHA SYARIKAT KUMPULAN KAMI

setakat 15 Februari 2022

# LEMBAGA PENGARAH DAN SETIAUSAHA SYARIKAT KUMPULAN KAMI

## MEMIMPIN DENGAN PENGALAMAN DAN INTEGRITI



**TAN SRI AHMAD BADRI MOHD ZAHIR**  
Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif



**TAN SRI ONG LEONG HUAT @ WONG JOO HWA**  
Pengaruh Bukan Bebas Bukan Eksekutif



**TAN SRI DR REBECCA FATIMA STA MARIA**  
Pengaruh Kanan Bebas Bukan Eksekutif



**DATO' MOHAMAD NASIR AB LATIF**  
Pengaruh Bukan Bebas Bukan Eksekutif



**ONG AI LIN**  
Pengaruh Bebas Bukan Eksekutif



**LIM CHENG TECK**  
Pengaruh Bebas Bukan Eksekutif



**SHARIFATU LAILA SYED ALI**  
Pengaruh Bebas Bukan Eksekutif



**DONALD JOSHUA JAGANATHAN**  
Pengaruh Bebas Bukan Eksekutif




**DATUK IAIN JOHN LO**  
Pengaruh Bebas Bukan Eksekutif




**AZMAN SHAH MD YAMAN**  
Setiausaha Syarikat Kumpulan

### KEMAHIRAN LEMBAGA PENGARAH DAN PENGALAMAN (%)



### KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH



## PROFIL LEMBAGA PENGARAH DAN SETIAUSAHA SYARIKAT KUMPULAN KAMI

## PROFIL LEMBAGA PENGARAH DAN SETIAUSAHA SYARIKAT KUMPULAN KAMI



**TAN SRI AHMAD  
BADRI MOHD ZAHIR**

Pengerusi Bukan Bebas  
Bukan Eksekutif

  61

**Tarikh Pelantikan** 16 November 2020\*

### Kelayakan

- Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan, Universiti of Hull, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda dalam Pengurusan Harta Tanah, Universiti Teknologi MARA

### Jawatan Pengarah Lain

#### Entiti Tersenarai:

- Sime Darby Berhad

#### Syarikat Awam:

- Tiada

### Kemahiran dan Pengalaman

Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir ("Tan Sri Ahmad Badri") memulakan kerjayanya sebagai Eksekutif Penilaian Kanan di C.H. Williams, Talhar & Wong Sdn Bhd sebelum pelantikan beliau sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Kewangan Kementerian Kewangan pada tahun 1989 di mana beliau berkhidmat dalam pelbagai kapasiti selama hampir 30 tahun dengan jawatan terakhir sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

Tan Sri Ahmad Badri telah dilantik sebagai Pengerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada 1 Mei 2020. Beliau menganggotai Panel Pelaburan KWSP sejak 2014 dan berpengalaman luas dalam bidang pelaburan strategik, pengurusan pinjaman, pasaran kewangan dan sains aktuari.

Tan Sri Ahmad Badri pernah berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Permodalan Nasional Berhad dan Tenaga Nasional Berhad, antara lainnya.

\* Kemudiannya dirasmikan sebagai Pengerusi RHB Bank Berhad pada 24 Mac 2021.

#### Kehadiran Di Mesyuarat Lembaga Pengarah:

17/17 100%



**TAN SRI ONG LEONG HUAT @  
WONG JOO HWA**

Pengarah Bukan Bebas  
Bukan Eksekutif

  77

**Tarikh Pelantikan** 20 November 2012

### Kelayakan

- Senior Cambridge, Sijil Persekutuan Malaysia yang dianugerahkan oleh Methodist English School
- Lesen Perwakilan Pasaran Modal dan Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 untuk urusniaga sekuriti.

### Jawatan Pengarah Lain

#### Entiti Tersenarai:

- OSK Holdings Berhad (Pengerusi Eksekutif)

#### Syarikat Awam:

- RHB Investment Bank Berhad (Pengerusi)
- PJ Development Holdings Berhad (Pengerusi)
- OSK Property Holdings Berhad (Pengerusi)
- KE-ZAN Holdings Berhad
- OSK Foundation (Pengerusi)

### Kemahiran dan Pengalaman

Selama 17 tahun sejak tahun 1969, Tan Sri Ong Leong Huat @ Wong Joo Hwa ("Tan Sri Ong") berkhidmat dengan sebuah institusi kewangan terkemuka di mana jawatan terakhir yang disandang oleh beliau adalah sebagai Pengerusi Besar Kanan. Beliau merupakan Pengarah Urusan/ Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO") OSK Investment Bank Berhad (kini dikenali sebagai OSKIB Sdn Bhd) dari Julai 1985 hingga Januari 2007 dan kemudian dilantik sebagai Pengarah Urusan Kumpulan/CEO. Beliau kemudiannya dilantik semula sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif dan seterusnya meletak jawatan pada 30 April 2013.

Tan Sri Ong juga merupakan Pengarah MESDAQ dari Julai 1999 hingga Mac 2002 dan ahli Majlis Penasihat Pasaran Modal yang dilantik oleh Suruhanjaya Sekuriti pada tahun 2004 untuk memberi nasihat mengenai isu berkaitan pelaksanaan Rancangan Induk Pasaran Modal. Beliau juga menggalas jawatan sebagai Pengarah Bursa Malaysia Berhad dari tahun 2008 sehingga tahun 2015 dan sebelum ini merupakan Ahli Panel Perundingan Pasaran Sekuriti Bursa Malaysia.

#### Kehadiran Di Mesyuarat Lembaga Pengarah:

17/17 100%



**TAN SRI DR REBECCA  
FATIMA STA MARIA**

Pengarah Kanan Bebas  
Bukan Eksekutif

  64

**Tarikh Pelantikan** 1 Ogos 2016

### Kelayakan

- Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Kesusasteraan Inggeris, Universiti Malaya
- Diploma dalam Pentadbiran Awam dari Institut Pentadbiran Awam Negara ("INTAN")
- Sarjana Sains dalam Kaunseling dari Universiti Pertanian Malaysia (kini dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia)
- Doktor Falsafah dari Universiti Georgia di Athens, Amerika Syarikat

### Jawatan Pengarah Lain

#### Entiti Tersenarai:

- Sunway Berhad
- Hartalega Holdings Berhad
- Eco World International Berhad

#### Organisasi Tidak Berasaskan Keuntungan:

- Institute for Democracy and Economic Affairs ("IDEAS")
- MyKasih Foundation (Pemegang Amanah)
- Hartalega Foundation (Pemegang Amanah)

### Kemahiran dan Pengalaman

Tan Sri Dr Rebecca Fatima Sta Maria sebelum ini merupakan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ("MITI"). Beliau memulakan kerjayanya dalam bidang Perkhidmatan Pentadbiran dan Diplomatik pada tahun 1981 dan berkhidmat dalam pelbagai kapasiti dalam Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Beliau terlibat dalam menangani isu berkaitan perdagangan Kementerian, termasuk mentadbir kepentingan Malaysia di bawah Perjanjian Dagangan Bebas ("FTAS") dua hala dan serantau, serta juga penglibatan Malaysia dalam pelbagai organisasi antarabangsa seperti ASEAN, APEC dan WTO. Setelah 35 tahun dalam perkhidmatan awam, berkhidmat dengan enam menteri perdagangan dan mengawasi 12 pakatan perdagangan, beliau bersara sebagai Ketua Setiausaha MITI pada Julai 2016. Kini, beliau adalah Pengarah Eksekutif Sekretariat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik ("APEC") yang beribu pejabat di Singapura.

#### Kehadiran Di Mesyuarat Lembaga Pengarah:

17/17 100%



**DATO' MOHAMAD  
NASIR AB LATIF**

Pengarah Bukan Bebas  
Bukan Eksekutif

  63

**Tarikh Pelantikan** 16 Mac 2020

### Kelayakan

- Sarjana Muda dalam Sains Sosial (Ekonomi), Universiti Sains Malaysia
- Diploma Bertauliah dalam Perakaunan dan Kewangan dari Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun
- Sarjana Sains dalam Analisis Pelaburan dari Universiti Stirling, United Kingdom

### Jawatan Pengarah Lain

#### Entiti Tersenarai:

- Malaysian Resources Corporation Berhad
- Yinson Holdings Berhad
- United Plantations Berhad

#### Syarikat Awam:

- RHB Islamic Bank Berhad (Pengerusi)
- PLUS Malaysia Berhad (Pengerusi)

### Kemahiran dan Pengalaman

Dato' Mohamad Nasir Ab Latif memulakan kerjayanya dengan Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada tahun 1982 dan menyandang beberapa jawatan termasuk sebagai Pegawai Penguatkuasa Negeri (1990 hingga 1995), Pegawai Penyelidik Kanan, Pengurus dan Pengurus Kanan dalam Jabatan Penyelidikan Pelaburan dan Ekonomi (1995 hingga 2003) dan Pengurus Besar Jabatan Pelaburan Ekuiti Antarabangsa (Julai 2009 hingga 2013). Beliau akhirnya dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan) pada tahun 2013 dan mengekalkan jawatan tersebut sehingga persaraan beliau pada Disember 2019.

Beliau kini adalah Pengerusi Panel Pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).

#### Kehadiran Di Mesyuarat Lembaga Pengarah:

17/17 100%



## PROFIL LEMBAGA PENGARAH DAN SETIAUSAHA SYARIKAT KUMPULAN KAMI

## PROFIL LEMBAGA PENGARAH DAN SETIAUSAHA SYARIKAT KUMPULAN KAMI



**ONG AI LIN**  
Pegarah Bebas  
Bukan Eksekutif

  66  
BAC JRL

**Tarikh Pelantikan** 1 Julai 2017

**Kelayakan**

- Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Ekonomi, Universiti Leeds, United Kingdom
- Ahli Bersekutu Institut Akauntan Berkanun di England dan Wales
- Ahli Institut Akauntan Malaysia

**Jawatan Pengarah Lain****Entiti Tersenarai:**

- Tenaga Nasional Berhad
- IHH Healthcare Berhad

**Syarikat Awam:**

- RHB Islamic Bank Berhad
- FIDE Forum (Pemegang Amanah)

**Kemahiran dan Pengalaman**

Ong Ai Lin memulakan kerjayanya dengan Deloitte Haskins & Sells ("DH&S") di London pada tahun 1978, sebelum menyertai PricewaterhouseCoopers ("PwC") pada tahun 1991 sebagai Pengurus Kanan. Di PwC, beliau membina amalan audit IT, yang menjadi bahagian penting integral perkhidmatan audit kewangan firma tersebut. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Rakan Kongsi/Pegarah Eksekutif Kanan PwC pada tahun 1993 dan menjadi Ketua Amalan Pengurusan Kesenambungan Perniagaan dan Keselamatan Maklumat untuk PwC Malaysia. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Presiden Persatuan Audit dan Kawalan Sistem Maklumat ("ISACA") – Bahagian Malaysia.

Beliau mempunyai lebih dari 30 tahun pengalaman dalam penyediaan perkhidmatan pengurusan kesinambungan perniagaan, tadbir urus risiko dan pematuhan, keselamatan maklumat, keselamatan siber, risiko dan tadbir urus teknologi dan kerahsiaan data di United Kingdom, Singapura, Indonesia, Thailand, Vietnam, Filipina, Sri Lanka, Kemboja dan Malaysia.

Pengalaman beliau yang meluas termasuk kolaborasi dengan pihak kawal selia, agensi-agensi pelbagai kementerian kerajaan dan organisasi dalam pelbagai sektor yang meliputi perkhidmatan kewangan, telekomunikasi dan multimedia, tenaga, pasaran modal, pengangkutan, penerbangan, pembuatan dan perdagangan, keselamatan siber, kumpulan wang simpanan dan dana berdaulat serta organisasi bukan kerajaan.

Pengetahuan dan pengalaman beliau yang meluas melayakkannya untuk menerima anugerah "Ahli Profesional Kesenambungan Perniagaan Bertauliah Terbaik di Malaysia", dari Institut Pemulihan Bencana Antarabangsa di majlis anugerah ulung pada tahun 2012. Beliau juga dianugerahkan dengan "Anugerah Pencapaian Seumur Hidup Keselamatan Siber" daripada Keselamatan Siber Malaysia pada tahun 2018.

**Kehadiran Di Mesyuarat Lembaga Pengarah:**

17/17 100%



**LIM CHENG TECK**  
Pegarah Bebas  
Bukan Eksekutif

  61  
JRL JKL

**Tarikh Pelantikan** 28 November 2018

**Kelayakan**

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Brunel, United Kingdom
- Sarjana Muda Sastera dari Universiti Kebangsaan Singapura

**Jawatan Pengarah Lain****Entiti Tersenarai:**

- Tiada

**Syarikat Awam:**

- Tiada

**Kemahiran dan Pengalaman**

Lim Cheng Teck merupakan mantan Ketua Pegawai Eksekutif Serantau ASEAN di Bank Standard Chartered. Beliau mula menyertai Standard Chartered Bank pada tahun 1988 dan menyandang pelbagai jawatan dalam Bahagian Perbankan Korporat dan Institusi sebelum dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi Standard Chartered Bank (China) Ltd pada 2005. Pada tahun 2006, beliau telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Standard Chartered Bank (Singapura) Ltd. Beliau kembali ke China pada tahun 2009 untuk menerima jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Naib Pengerusi Eksekutif Standard Bank Chartered Bank (China) Ltd.

Beliau telah berkhidmat di beberapa lembaga pengarah syarikat-syarikat subsidiari Standard Chartered Bank terutamanya sebagai Pengerusi Standard Chartered Bank (Mauritius) Ltd, Standard Chartered Bank (Thailand) Ltd, Standard Chartered Bank (Singapura) Ltd, dan sebagai Timbalan Pengerusi Standard Chartered Bank (Malaysia) Ltd dan Presiden Pesuruhjaya PT Bank Permata, Indonesia. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pegarah Bukan Eksekutif Standard Chartered Bank (Taiwan) Ltd. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pegarah di lembaga pengarah Clifford Capital Pte Ltd dan Dewan Perniagaan Antarabangsa Singapura, Gabenor bagi Yayasan Antarabangsa Singapura dan menjadi Ahli Majlis Institut Perbankan dan Kewangan Singapura dan Persekutuan Majikan Kebangsaan Singapura.

Di samping itu, beliau adalah Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Kewangan Luar Negara, Dewan Perniagaan China, Naib Pengerusi Persatuan Bank-bank di Singapura dan menjadi Ahli Jawatankuasa Lembaga Kewangan Pusat Pembangunan Kewangan Singapura. Setelah berkhidmat selama lebih dari 28 tahun dalam arena perbankan, beliau bersara daripada Standard Chartered Bank pada April 2016 dan terus memegang jawatan sebagai penasihat kanan bukan eksekutif sehingga April 2017.

Seterusnya, beliau telah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Pontiac Land Group dari Mac 2017 hingga Mei 2018 dan menamatkan tempoh 12 tahunnya bersama Lembaga Penasihat Institut Ekonomi Kewangan Sim Kee Boon, Universiti Pengurusan Singapura pada tahun 2021. Kini, beliau merupakan ahli Lembaga Pengarah di Minterest Holdings Pte Ltd dan Hospital Komuniti Bright Vision, Singapura. Beliau juga adalah Pegarah Bebas Majlis Kebangsaan Perkhidmatan Sosial, lembaga berkanun yang ditadbirkan oleh Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga, Kerajaan Singapura.

**Kehadiran Di Mesyuarat Lembaga Pengarah:**

17/17 100%



**SHARIFATU LAILA SYED ALI**  
Pegarah Bebas  
Bukan Eksekutif

  59  
JPIL

**Tarikh Pelantikan** 15 Mac 2019

**Kelayakan**

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Malaya, Malaysia
- Sarjana Muda Sains (Kepujian), Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
- Program Pengurusan Lanjutan, Harvard Business School, Amerika Syarikat

**Jawatan Pengarah Lain****Entiti Tersenarai:**

- Bursa Malaysia Berhad

**Syarikat Awam:**

- RHB Insurance Berhad
- Kumpulan Pemerhati Pemegang Saham Minoriti

**Kemahiran dan Pengalaman**

Sharifatu Laila Syed Ali ("Sharifa") mempunyai pengalaman luas dalam bidang pengurusan portfolio perniagaan dan pelaburan, setelah berkhidmat dengan pelbagai institusi terkemuka dan dana pelaburan berkaitan kerajaan dalam jangka masa melebihi 30 tahun. Beliau telah memainkan peranan utama dalam inisiatif kerajaan untuk menubuhkan Valuecap Sdn Bhd ("Valuecap"), di mana pemegang saham asasnya adalah Khazanah Nasional Berhad, Kumpulan Wang Amanah Pencen dan Permodalan Nasional Berhad ("PNB").

Sharifa memulakan kerjayanya di PNB dan kemudian memegang pelbagai jawatan kepimpinan kanan di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja termasuk sebagai Ketua Perbendaharaan dan Pasaran Ekuiti, yang membolehkannya mendapat pendedahan meluas dalam persekitaran pasaran modal domestik dan serantau sepanjang tempoh 15 tahun. Berikutan tempoh yang singkat sebagai Ketua Pelaburan di Tabung Haji, beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Valuecap pada Oktober 2002. Beliau menyandang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Valuecap pada tahun 2015.

Di bawah kepimpinannya, Kumpulan Valuecap telah menerajui langkah negara memasuki ruang baru dalam pasaran tempatan, termasuk pelancaran dana dagangan pertukaran Malaysia yang pertama (Ringgit & ASD) dan pelbagai jenis Dana Jenis Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG"). Setelah beralih dari Valuecap, beliau berkhidmat sebagai Penasihat kepada Lembaga Pengarah ValueCap, dan kemudian memegang beberapa jawatan dalam Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa yang lain. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Pelaburan Universiti Malaya.

**Kehadiran Di Mesyuarat Lembaga Pengarah:**

17/17 100%



**DONALD JOSHUA JAGANATHAN**  
Pegarah Bebas  
Bukan Eksekutif

  62  
JRL BAC

**Tarikh Pelantikan** 17 Ogos 2020

**Kelayakan**

- Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Malaya
- Akauntan Bertauliah, Institut Perakaunan Malaysia
- Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan daripada Cranfield School of Management, United Kingdom
- Felo Jurubank Berkanun di Institut Jurubank Berkanun Asia
- Program Pengurusan Lanjutan, Harvard Business School, Amerika Syarikat

**Jawatan Pengarah Lain****Entiti Tersenarai:**

- Tiada

**Syarikat Awam:**

- Asian Institute of Chartered Bankers
- RHB Insurance Berhad
- Zurich Life Insurance Malaysia Berhad

**Kemahiran dan Pengalaman**

Donald Joshua Jaganathan ("Donald") berkhidmat sebagai Ahli Majlis Institut Jurubank Berkanun Asia dan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan. Beliau juga adalah ahli Lembaga Pengarah Asian Banking School dan merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Bakat.

Donald telah mencapai kerjaya yang memuaskan bersama Bank Negara Malaysia ("BNM") selama 36 tahun, dinaikkan pangkat sebagai Penolong Gabenor, dengan tanggungjawab utama ke atas fungsi kestabilan kewangan termasuk pengawasan Laporan Kestabilan Kewangan BNM. Pengalaman kerja beliau termasuk kepimpinan dan pengawasan pengurusan terhadap penyeliaan dan pemantauan perundangan dalam institut perbankan dan insurans di Malaysia, aktiviti latihan dan pembangunan dengan institut perbankan dan insurans. Beliau turut berkhidmat sebagai wakil Malaysia dalam badan penyeliaan antarabangsa, termasuk Jawatankuasa Penyeliaan Bank ("BCBS") dan Persatuan Penyelia Insurans Antarabangsa ("IAIS").

Beberapa jawatan beliau sebelum ini termasuk sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Payments Network Malaysia Sdn Bhd ("PayNet"), Pengerusi Lembaga Pengarah Finance Accreditation Agency Berhad ("FAA"), Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah Institut Insurans Malaysia, Ahli Majlis Institut Akauntan Malaysia dan Ahli Yayasan Laporan Kewangan Malaysia.

**Kehadiran Di Mesyuarat Lembaga Pengarah:**

17/17 100%

## PROFIL LEMBAGA PENGARAH DAN SETIAUSAHA SYARIKAT KUMPULAN KAMI



**DATUK IAIN JOHN LO**  
Pengarah Bebas  
Bukan Eksekutif

**Tarikh Pelantikan** 15 September 2020

**Kelayakan**

- Sarjana Muda Sains dalam Kejuruteraan Awam, University of California, Los Angeles ("UCLA")
- Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Awam dari UCLA

**Jawatan Pengarah Lain****Entiti Tersenarai:**

- Sapura Energy Berhad
- Digi.com Berhad

**Syarikat Awam:**

- RHB Investment Bank Berhad

**Kemahiran dan Pengalaman**

Datuk Iain John Lo ("Datuk Iain") bersara sebagai Pengerusi Negara Shell Malaysia Limited pada 31 Mac 2021. Beliau merupakan pemimpin yang terbukti dengan pengalaman luas dan telah memainkan pelbagai peranan sepanjang 30 tahun lalu dalam penerokaan dan pengeluaran Shell, gas dan perniagaan hiliran sama di Malaysia dan juga luar negara. Datuk Iain merupakan Pengerusi Shell Refining Company Bhd sehingga syarikat tersebut dijual pada tahun 2016.

Beliau menyertai Sarawak Shell Berhad sebagai Juertera Lapangan pada tahun 1990 sebelum beralih untuk menjalankan pelbagai peranan kejuruteraan, pembangunan perniagaan dan korporat yang beribu pejabat di Malaysia, Singapura dan Belanda. Bidang tanggungjawab beliau termasuk tadbir urus usaha sama LNG dan bahan Kimia di Malaysia, Timur Tengah, China dan Rusia. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Ekonomi Singapura pada tahun 2009 dan berkhidmat sehingga tahun 2012 apabila beliau kembali ke Malaysia sebagai Pengerusi dan Pengarah Urusan Sarawak Shell Berhad dan Sabah Shell Petroleum. Pada tahun 2017, Datuk Iain telah dilantik sebagai Naib Presiden Asia Pasifik untuk perniagaan penerokaan, pengeluaran dan perniagaan gas Shell dengan akauntabiliti atas pemilikan serantau, kepelbagaian dan pembangunan perniagaan baru.

**Kehadiran di Mesyuarat Lembaga Pengarah:**

17/17 100%



**AZMAN SHAH MD YAMAN**  
Setiausaha Syarikat Kumpulan

**Tarikh Pelantikan** 23 Ogos 2004

**Kelayakan**

- LLB (Kepujian), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia ("IIUM")
- Peguam Bela dan Peguam Cara Berkelayakkan di Mahkamah Tinggi Malaya
- Setiausaha Syarikat Bertauliah (LS 0006901)
- Ahli Gabungan Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia
- Pegawai Integriti Bertauliah ("CeLO") yang diiktiraf oleh Akademi Anti Rasuah Malaysia ("MACA")

**Kemahiran dan Pengalaman**

Azman Shah Md Yaman ("Azman Shah") memimpin fungsi Perundangan, Urusetia dan Tadbir Urus Kumpulan. Beliau bertanggungjawab secara langsung kepada Lembaga Pengarah melalui Pengerusi, berhubung semua perkara berkaitan fungsi rasmi Lembaga Pengarah. Beliau memimpin dan bertindak sebagai penjaga polisi dan prinsip tadbir urus dan anti rasuah yang baik.

Beliau memikul tanggungjawab sebagai Setiausaha Syarikat Kumpulan, Penasihat Undang-undang Am dan juga Ketua Pegawai Integriti dan Tadbir Urus ("CIGO") dalam Kumpulan Perbankan RHB.

Sebelum berkhidmat bersama Kumpulan Perbankan RHB, Azman Shah bekerja di Pasaran Saham Kuala Lumpur (kini dikenali sebagai Bursa Malaysia Sekuriti Berhad) dengan memegang pelbagai jawatan melebihi 10 tahun, dengan jawatan terakhir sebagai Ketua, Setiausaha Korporat & Kepatuhan Kumpulan/Setiausaha Syarikat Kumpulan. Beliau juga merupakan Peguam Bela dan Peguam Cara sehingga tahun 1993, selepas diterima masuk oleh Badan Peguam Malaysia pada tahun 1991.

**Deklarasi:**

Selain daripada apa yang telah dinyatakan, para Pengarah mempunyai:


1. Tiada percanggahan kepentingan dengan Bank RHB dan/atau hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama kecuali bagi:
  - (a) Tan Sri Ong Leong Huat dan pasangannya, Puan Sri Khor Chai Moi, yang dianggap sebagai pemegang saham utama RHB Bank menurut Seksyen 8 (4) Akta Syarikat 2016, berdasarkan saham yang dipegang melalui OSK Holdings Berhad.
  - (b) Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir dan Dato' Mohamad Nasir Ab Latif yang merupakan penama-penama Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, yang merupakan pemegang saham utama Bank RHB.
2. Tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh lima tahun yang lalu atau telah dikenakan sebarang sekatan atau penalti awam oleh badan pengawalseliaan yang berkaitan semasa tahun kewangan dalam kajian.

## PROFIL PENERUSI SYARIKAT-SYARIKAT OPERASI UTAMA



**DATO' MOHAMAD NASIR AB LATIF**  
Pengerusi Bukan Bebas  
Bukan Eksekutif


**PENERUSI RHB ISLAMIC BANK BERHAD**

 Untuk butiran lanjut, sila rujuk muka surat 107.



**TAN SRI ONG LEONG HUAT @ WONG JOO HWA**  
Pengerusi Bukan Bebas  
Bukan Eksekutif

**PENERUSI RHB INVESTMENT BANK BERHAD**

 Untuk butiran lanjut, sila rujuk muka surat 106.



**YAP CHEE MENG**  
Pengerusi Bebas  
Bukan Eksekutif

**PENERUSI RHB ASSET MANAGEMENT SDN BHD**

**Tarikh Pelantikan** 24 April 2018

**Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah**

- Jawatankuasa Pelaburan RHB Asset Management Sdn Bhd (Pengerusi)
- Jawatankuasa Pelaburan RHB Islamic International Asset Management Berhad (Pengerusi)

**Kelayakan**

- Felo Institut Akauntan Berkanun di England dan Wales
- Felo Institut Akauntan Berkanun Singapura

**Jawatan Pengarah Lain****Entiti Tersenarai:**

- ARA Trust Management (Suntec) Limited - Suntec REIT (Singapura)

**Syarikat Tak Tersenarai:**

- RHB Investment Bank Berhad (Malaysia)
- AXA Insurance Pte Ltd (Singapura)

**Kumpulan Pengurusan Aset RHB:**

- RHB Asset Management Sdn Bhd (Malaysia)
- RHB Islamic International Asset Management Berhad (Malaysia)
- RHB Asset Management Pte Ltd (Singapura)
- RHB International Investments Pte Ltd (Singapura)

**Kemahiran dan Pengalaman**

Yap Chee Meng merupakan Ketua Pegawai Operasi KPMG Antarabangsa untuk Rantau Asia Pasifik dan Ahli Pasukan Eksekutif Global dari 1 Oktober 2010 hingga 30 September 2013.

Sebelum 1 Oktober 2010, beliau adalah Rakan Kongsi Kanan di KPMG Singapura dan menjadi sebahagian daripada pasukan pemimpin firma tersebut. Pelantikan utama Yap Chee Meng ketika itu (dalam KPMG di peringkat tempatan, serantau dan global) termasuk sebagai Ketua Perkhidmatan Kewangan Asia Pasifik, Ketua Perkhidmatan Kewangan Singapura dan Ketua Harta Tanah Singapura dan Kumpulan Khusus REITs, serta Ahli Jawatankuasa Pemandu Insurans Indemniti Profesional KPMG Antarabangsa dan Ahli Jawatankuasa Kepimpinan Perkhidmatan Kewangan KPMG Antarabangsa.

Sepanjang kerjayanya dengan pengalaman melebihi 38 tahun dalam sektor kewangan dan perakaunan, beliau juga telah berkhidmat dalam pelbagai jawatankuasa profesional/pengawalseliaan Pihak Berkuasa Pengawalan Perakaunan & Korporat Singapura dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Singapura.



**JAHANATH MUTHUSAMY**  
Pengerusi Bebas  
Bukan Eksekutif

**PENERUSI RHB INSURANCE BERHAD**

**Tarikh Pelantikan** 1 November 2016\*

**Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah**

- Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah RHB Insurance Berhad

**Kelayakan**

- Felo Institut Insurans Berkanun, United Kingdom
- Felo - Institut Insurans Malaysia

**Jawatan Pengarah Lain****Entiti Tersenarai:**

- Tiada

**Syarikat Awam:**

- Tiada

**Kemahiran dan Pengalaman**

Jahanath Muthusamy ("Jahanath") mempunyai lebih 40 tahun pengalaman, setelah menyertai industri insurans pada tahun 1975. Sepanjang tempoh ini, beliau terlibat secara aktif dalam pelbagai kapasiti di Institut Insurans dan Persatuan Insurans di kedua-dua Malaysia dan Indonesia. Pada tahun 2002, Jahanath dipinjamkan kepada PT Assuransi AXA sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO") dan ahli Lembaga Pengarah. Beliau kembali ke AXA Affin General Insurance Malaysia pada akhir tahun 2006 dan berperanan sebagai CEO dan ahli Lembaga Pengarah sehingga persaraannya pada Oktober 2012. Beliau kekal dalam Lembaga Pengarah PT Assuransi AXA sehingga tahun 2012. Dari tahun 2013 hingga tahun 2015, beliau dilantik sebagai Penasihat Kanan kepada Solution Providers Pte Ltd, iaitu penyedia/konsultan penyelesaian insurans Swiss yang berpangkalan di Singapura.

\* Kemudian dilantik sebagai Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif RHB Insurance Berhad pada 28 Mei 2020.

# PROFIL JAWATANKUASA SYARIAH

# PROFIL JAWATANKUASA SYARIAH

● Bilangan Mesyuarat yang Dihadiri ● Jantina ● Umur

● Bilangan Mesyuarat yang Dihadiri ● Jantina ● Umur



**DR. AHMAD  
BASRI IBRAHIM**  
Pengerusi

13/13

M 47

**Tarikh Pelantikan** 2 Februari 2018 / 1 Februari 2020

- Ijazah Sarjana dalam Ilmu Wahyu dan Warisan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur
- Doktor Falsafah dalam Undang-undang Islam, Universiti Birmingham, United Kingdom

#### Bidang Kepakaran:

- Undang-undang Islam bagi Transaksi
- Prinsip bagi Jurisprudence Islam (Usul al-Fiqh)
- Maksim Perundangan Islam
- Undang-undang Jenayah Islam

#### Pengalaman & Pencapaian:

- Kini menyandang jawatan Naib Presiden dan Ketua Pengurusan Syariah, Permodalan Nasional Berhad ("PNB").
- Beliau pernah menyandang jawatan Timbalan Dekan (Hal Ehwal Akademik) di Kulliyah Ilmu Pengetahuanyang Berteraskan Wahyu

#### Keahlian Kini bagi Jawatankuasa Syariah dalam Institusi Lain:

- Bank Pembangunan Malaysia Berhad ("BPMB")

#### Kelayakan

- Sarjana Muda (Kepujian) dalam Jurisprudens dan Perundangan Islam, Universiti Jordan, Amman, Jordan



**WAN ABDUL  
RAHIM KAMIL  
WAN  
MOHAMED ALI**

12/13

M 73

**Tarikh Pelantikan** 13 April 2013 / 1 April 2020

- Ijazah Siswazah dalam Perbankan & Ekonomi Islam, Institut Perbankan & Ekonomi Islam Antarabangsa, Turkish Cyprus (bersama dengan Universiti Al-Azhar, Kaherah)

#### Bidang Kepakaran:

- Perbankan & Kewangan Islam
- Pasaran Modal Islam
- Pasaran Modal Hutang
- Khidmat Nasihat Korporat

#### Pengalaman & Pencapaian:

- Perintis pembangunan Pasaran Modal Islam di Malaysia dan menginovasi pembangunan beberapa penanda aras sekuriti pasaran modal menerusi pensukuritan kontrak Islamik.
- Perunding, jurulatih tetap dan penceramah Pasaran Modal Islam di beberapa seminar dan bengkel latihan dalaman yang dianjurkan oleh Bank Dunia, BNM, Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti ("SIDC"), Institut Perbankan

#### Keahlian Kini bagi Jawatankuasa Syariah dalam Institusi Lain:

- Permodalan Nasional Berhad

#### Kelayakan

- Ahli Profesional, Institut Perangkaan, United Kingdom



**PROF.  
MADYA DR.  
KAMARUZAMAN  
NOORDIN**

13/13

M 46

**Tarikh Pelantikan** 1 April 2020

#### Kelayakan

- Penasihat Syariah Berdaftar bersama Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC")
- Ahli Persatuan Penasihat Syariah dalam Kewangan Islam ("ASAS")
- Sarjana Muda Syariah dan Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Malaya, Doktor Falsafah dalam Pengajian Islam dari Universiti Wales, United Kingdom

#### Bidang Kepakaran:

- Perbankan & Kewangan Islam
- Takaful

#### Pengalaman & Pencapaian:

- Kini menyandang jawatan Pengerusi Jawatankuasa Syariah Swiss Reinsurance Company Ltd. ("Swiss Re-Takaful") dan Kumpulan Syarikat LIMRA. Di samping itu,

#### Keahlian Kini bagi Jawatankuasa Syariah dalam Institusi Lain:

- Bank Simpanan Nasional
- Takaful Semula Swiss
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
- Aset Limra

dan Sains Kemanusiaan Islam, IIUM dan Ahli Lembaga Pengarah Institut Perbankan dan Kewangan Islam IIUM ("IIBF").

- Beliau sebelum ini pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Syariah di OSK Investment Bank Berhad dan Great Eastern Takaful Sdn. Bhd, dan sebagai Jawatankuasa Syariah Hong Leong Islamic Bank Berhad dan SME Bank.
- Memiliki pengalaman luas dalam mengajar dan telah menghasilkan beberapa penerbitan dalam bidang pengkhususan beliau.
- Mengendalikan kuliah mengenai Usul al-Fiqh dan Undang-undang Transaksi Islam di pelbagai agensi seperti Bank Negara Malaysia ("BNM"), PNB, SIRIM, Great Eastern Takaful Berhad, CIMB dan OCBC Al-Amin.
- Menerima beberapa geran dan anugerah untuk kerja-kerja penyelidikannya.

dan Kewangan Islam Malaysia ("IBFIM") dan penganjur acara lain, di peringkat tempatan dan antarabangsa.

- Penasihat Syariah Berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") dan Ahli Persatuan Penasihat Syariah dalam Kewangan Islam ("ASAS").
- Ahli Jawatankuasa Pelaburan, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara ("LPPKN"), Malaysia.
- Ahli Jawatankuasa Pelaburan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Memenangi Anugerah "Sumbangan Individu yang Paling Cemerlang kepada Kewangan Islam" di Forum Kewangan Islam Kuala Lumpur 2017.
- Memenangi Anugerah "Kepimpinan Cemerlang dalam Kewangan Islam" di London Sukuk 2011, dianjurkan oleh ICG Events dan Kementerian Perdagangan dan Industri UK, United Kingdom.

beliau adalah ahli Jawatankuasa Syariah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") Malaysia. Sebelum ini, beliau pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Syariah di Kenanga Investment Bank Berhad.

- Kini Pensyarah Kanan di Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya ("UM").
- Sebelum ini pernah menjadi Ketua Jabatan Pengurusan Syariah di UM, Timbalan Pengarah Institut Polisi Awam dan Pengurusan ("INPUMA"), serta Pengurus Unit Pengajian Awam di Akademi Pengajian Islam, UM.
- Beliau telah menerbitkan beberapa artikel jurnal, menyumbang dalam buku, serta mengendalikan pelbagai program latihan dan seminar mengenai Kewangan Islam dan Syariah.



**MOHD  
FADLY  
MD. YUSOFF**

13/13

M 51

**Tarikh Pelantikan** 13 April 2013 / 1 April 2020

#### Keahlian Kini bagi Jawatankuasa Syariah dalam Institusi Lain:

- Sun Life Malaysia Takaful Berhad
- Opus Asset Management Sdn Bhd
- Apex Investment Services Berhad)
- Bank Pembangunan Malaysia Berhad ("BPMB")



**SHABNAM  
MOHAMAD  
MOKHTAR**

13/13

F 44

**Tarikh Pelantikan** 1 Mei 2015 / 1 April 2020

#### Keahlian Kini bagi Jawatankuasa Syariah dalam Institusi Lain:

Tiada

#### Kelayakan

- Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Putra Malaysia
- Sarjana Perakaunan, Universiti Illinois, Urbana-Champaign, Amerika Syarikat

#### Kelayakan

- Sarjana Muda Syariah (Kepujian Kelas Pertama), Universiti Malaya
- Diploma Lيسان Ijazah dalam Pentadbiran Badan Kehakiman dan Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

#### Bidang Kepakaran:

- Perbankan & Kewangan Islam
- Pasaran Modal & Terbitan Islam

#### Pengalaman & Pencapaian:

- Jurulatih Bertauliah untuk Kelayakan Kewangan Islam ("IFQ") Institut Berkanun bagi Sekuriti dan Pelaburan ("CISI").
- Penasihat Syariah Berdaftar bersama Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Ahli Persatuan Penasihat Syariah dalam Kewangan Islam ("ASAS").
- Pernah menyandang jawatan Pengurus di Jabatan Pasaran Modal Islam Suruhanjaya

- Penasihat & Juruaudit Syariah Bertauliah ("CSAA"), Organisasi Perakaunan dan Audit untuk Institusi Kewangan Islam ("AAOIFI"), Bahrain

#### Bidang Kepakaran:

- Kewangan & Kewangan Islam
- Perakaunan & Perakaunan Islam
- Pasaran Modal & Terbitan Islam

#### Pengalaman & Pencapaian:

- Kini meyanggah jawatan sebagai Naib Presiden Eksekutif Kumpulan Perkhidmatan Pengetahuan SHAPE®, sebuah firma perunding kewangan Islam.
- Dilantik sebagai Felo Suruhanjaya Sekuriti – Pusat Pengajian Islam Oxford dalam Kewangan Islam bagi tahun 2021/2022.
- Menerajui aktiviti penyelidikan dan pembangunan termasuk analisis kewangan, penggubalan pelan strategik & perniagaan, reka bentuk dan pelaksanaan tinjauan, penyelidikan dan latihan untuk pelbagai pelanggan yang berlainan di SHAPE®.
- Ahli Persatuan Penasihat Syariah dalam Kewangan Islam ("ASAS").

Sekuriti Malaysia di mana beliau terlibat dalam penyediaan kepatuhan Syariah dari segi penyerahan untuk terbitan Sukuk, produk berstruktur, skim pelaburan kolektif dan Hartanah Islam.

- Melaksanakan penyelidikan mendalam untuk pembangunan instrumen Pasaran Modal Islam baru dan menyediakan input teknikal untuk penyediaan pelbagai garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
- Menyertai secara aktif dalam pelbagai inisiatif pembangunan industri seperti Pasukan Petugas Pertubuhan Suruhajaya Sekuriti Antarabangsa ("IOSCO") mengenai Pasaran Modal Islam dan Tadbir Urus Kumpulan Kerja Dana Pelaburan Islam Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam ("IFSB") dan sebagai ahli teknikal bagi penerbitan Resolusi Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti dan program pendidikan dan promosi Pasaran Modal Islam.

#### Kelayakan

- Sarjana Muda Syariah (Syariah & Ekonomi) dari Universiti Malaya
- Ijazah Sarjana dalam Fiqh dan Usul Fiqh dari Universiti Jordan
- Doktor Falsafah dalam Pengajian Islam dari Universiti Birmingham

#### Bidang Kepakaran:

- Urus Niaga Jurisprudens Islam (Muamalat)
- Jurisprudens Islam dan Asas Jurisprudens Islam (Fiqh and Usul Fiqh)
- Peraturan Jurisprudens Islam (Qawaid Fiqh)
- Objektif Undang Syariah (Maqasid Syariah)
- Pasaran Modal & Terbitan Islam

#### Pengalaman & Pencapaian:

- Pernah berkhidmat sebagai pensyarah di Fakulti Syariah, Universiti Malaya.



**DR. MD.  
NURDIN  
NGADIMON**

9/9

M 59

**Tarikh Pelantikan** 1 Mei 2021

#### Keahlian Kini bagi Jawatankuasa Syariah dalam Institusi Lain:

Tiada

# PENGURUSAN KANAN KUMPULAN

# PENGURUSAN KANAN KUMPULAN

## KEPIMPINAN BERKESAN, BERDEDIKASI DAN **PROFESIONAL**



**MOHD RASHID MOHAMAD**  
Pegawai Bertanggungjawab /Pegawai Utama Kumpulan dan Pengarah Urusan, Perbankan Borong Kumpulan



**NIK RIZAL KAMIL TAN SRI NIK IBRAHIM KAMIL**  
Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan



**JEFFREY NG**  
Pengarah Urusan, Perbankan Komuniti Kumpulan



**ROHAN KRISHNALINGAM**  
Ketua Pegawai Digital & Teknologi Kumpulan



**DR CHONG HAN HWEE**  
Ketua Pegawai Risiko Kumpulan



**DR SIEW CHAN CHEONG**  
Ketua Pegawai Strategi Kumpulan



**DATO' ADISSADIKIN ALI**  
Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif, RHB Islamic Bank/Ketua, Perniagaan Syariah Kumpulan



**SYED AHMAD TAUFIK ALBAR**  
Pengarah Urusan, Perniagaan Antarabangsa Kumpulan



**OLIVER TAN**  
Pengarah Urusan, RHB Insurance




**DAVID CHONG**  
Ketua Pegawai Operasi Kumpulan



**JAMALUDDIN BAKRI**  
Penasihat Sumber Manusia Kumpulan



**GANESH SABARATNAM**  
Ketua Pegawai Eksekutif /Pengarah Urusan, Perbankan Pelaburan Kumpulan RHB



**WENDY TING**  
Ketua, Perbankan Korporat Kumpulan



**FAZLINA MOHAMED GHAZALLI**  
Ketua Pegawai Kepatuhan Kumpulan



**NORAZZAH SULAIMAN**  
Ketua Pegawai Komunikasi Kumpulan / Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan RHB

# PROFIL PENGURUSAN KANAN KUMPULAN

# PROFIL PENGURUSAN KANAN KUMPULAN



## MOHD RASHID MOHAMAD

Pegawai Bertanggungjawab/Pegawai Utama dan  
Pengarah Urusan, Perbankan Borong Kumpulan

**Tarikh Pelantikan** Pegawai Bertanggungjawab/Pegawai Utama: 24 Januari 2022  
Pengarah Urusan, Perbankan Borong Kumpulan: 1 Julai 2021

### Tanggungjawab:

- Memimpin Kumpulan dalam pengurusan perniagaan dan operasi di kedua-dua Malaysia serta operasi Kumpulan di luar negara untuk mencapai sasaran dan memaksimumkan pulangan Kumpulan kepada pemegang saham.
- Memimpin formulasi dan pelaksanaan strategi perniagaan untuk GWB yang meliputi Perbankan Pelaburan Kumpulan, Pasaran Global & Perbendaharaan Kumpulan, Perbankan Korporat Kumpulan, Pengurusan Aset Kumpan, Perbankan Transaksi Kumpulan, Perbankan Komersial dan Ekonomi Kumpulan.
- Memacu prestasi GWB dengan memupuk kolaborasi yang lebih baik di kalangan pelbagai perniagaan, memperbaiki penawaran produk dan kecemerlangan operasi.

### Pengalaman:

- Beliau memulakan kerjayanya di Jabatan Peperiksaan/Pengawasan di Bank Negara Malaysia pada tahun 1988, dan setelah itu beralih ke Jabatan Operasi Pelaburan & Perbendaharaan pada tahun 1994 di mana beliau menghabiskan lebih dari lima tahun di seksyen Pelaksanaan Polisi Kewangan.
- Lebih 20 tahun pengalaman dalam bidang perbendaraan serantau dengan jawatan kanan dalam beberapa institusi kewangan di Singapura & Malaysia seperti ABN Amro, the Royal Bank of Scotland dan Kumpulan AmBank

### Kelayakan:

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan dengan Cemerlang dari Universiti Wales, Cardiff, United Kingdom
- Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Teknologi Mara ("UiTM"), Shah Alam, Selangor

### Keahlian Luar:

- Naib Presiden, Persatuan Pasaran Kewangan ("FMA")
- Ahli Institut Akauntan Malaysia ("MIA")
- Ahli Majlis Penasihat Industri, PayNet
- Ahli Jawatankuasa Pasaran Kewangan ("FMC"), BNM



## NIK RIZAL KAMIL TAN SRI NIK IBRAHIM KAMIL

Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

**Tarikh Pelantikan** 2 Februari 2021

### Tanggungjawab:

- Memimpin Kewangan Kumpulan dan memastikan keberkesanan pelbagai fungsi kewangan di seluruh Kumpulan, termasuk pengurusan belanjawan, pelaporan, pengurusan modal dan penyata imbalan, pencukaian dan perolehan

### Pengalaman:

- 25 tahun pengalaman bekerja dalam bidang perakaunan dan kewangan serta pelaburan strategik di peringkat domestik dan global
- Sebelum pelantikan ini, beliau merupakan Pengarah Eksekutif Pelaburan di Khazanah Nasional Berhad ("Khazanah") dan beliau bertanggungjawab bagi pelaburan Khazanah dalam Telecommunications, Media & Technology ("TMT")
- Beliau juga pernah menyandang jawatan Ketua Pasaran Persendirian bagi Amerika Utara EMEA dan Asia Selatan, memimpin projek pelaburan dan pelupusan Khazanah, aktiviti penciptaan nilai dan pelaksanaan keseluruhan strategi kelas aset Ekuiti Persendirian, ketika mengetuai pejabat antarabangsa di San Francisco, Istanbul dan Mumbai
- Nik Rizal turut menyandang jawatan sebagai Calon Pengarah Khazanah dalam beberapa lembaga pengarah syarikat tersenarai awam dan di kedua-dua peringkat, domestik dan antarabangsa
- Menyandang beberapa jawatan yang melibatkan pengawasan kewangan, strategi, dan perancangan dalam Royal Dutch Shell Plc. kumpulan syarikat-syarikat, ketika berpangkalan di United Kingdom, Singapura, dan Malaysia

### Kelayakan:

- Sarjana Sains Kewangan, London Business School, United Kingdom
- Sarjana Muda Sains (Kepujian) Ekonomi & Perakaunan, Universiti Bristol, United Kingdom
- Felo Akauntan Berkanun ("FCA") dan Profesional Perniagaan Kewangan ("BFP") dengan Institut Akauntan Berkanun di England and Wales ("ICAEW")

### Keahlian Luar:

- Ahli Institut Akauntan Berkanun di England and Wales ("ICAEW")
- Ahli Jawatankuasa Kewangan bagi Persatuan Bank di Malaysia ("ABM")



## JEFFREY NG

Pengarah Urusan,  
Perbankan Komuniti Kumpulan

**Tarikh Pelantikan** 1 Julai 2021

### Tanggungjawab:

- Memimpin dan memacu pertumbuhan Perbankan Komuniti Kumpulan bagi memastikan ia selaras dengan aspirasi strategik Kumpulan, merentasi kehadiran serantau Kumpulan, yang sebahagian besarnya meliputi Malaysia, Singapura dan Kemboja.
- Aspirasi untuk menjadi bank komuniti terbaik dengan menerusi penyampaian perkhidmatan pada tahap tertinggi dengan pengalaman yang lancar untuk para pelanggan individu dan PKS.
- Bertanggungjawab untuk memastikan Bank kekal di barisan hadapan dari segi pertumbuhan kunci kira-kira, keuntungan dan penguasaan pasaran dengan memanfaatkan kekuatan saluran perbankan komuniti dan pendigitalan perjalanan pelanggan.

### Pengalaman:

- Pengalaman melebihi 20 tahun dalam bidang perbankan meliputi pelbagai peranan pengurusan dalam industri.
- Sebelum pelantikan jawatan di Perbankan Komuniti Kumpulan, beliau telah memimpin Perbankan Perniagaan Kumpulan dan Perbankan Transaksi.
- Sebelum menyertai RHB, beliau berkhidmat selama 8 tahun dengan Standard Chartered Malaysia di mana beliau memimpin segmen Perniagaan PKS dalam jawatan terakhirnya.
- Memulakan kerjayanya sebagai akauntan bertauliah dengan PricewaterhouseCoopers dalam bidang jaminan.

### Kelayakan:

- Akauntan Berkanun - Institut Perakaunan Malaysia (MIA)
- Akauntan Berkanun Bertauliah - Persatuan Akauntan Berkanun Bertauliah United Kingdom (ACCA)
- Jurubank Berkanun - Institut Jurubank Berkanun Asia (AICB)
- Diploma Lanjutan dalam Kewangan - Kolej Tunku Abdul Rahman

### Keahlian Luar:

- Ahli Institut Akauntan Malaysia
- Ahli Persatuan Akauntan Bertauliah United Kingdom
- Ahli Institut Jurubank Berkanun Asia



## DATO' ADISSADIKIN ALI

Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif,  
RHB Islamic Bank/Ketua,  
Perniagaan Syariah Kumpulan

**Tarikh Pelantikan** 1 Ogos 2016

### Tanggungjawab:

- Memimpin, mengurus dan mengembangkan Perbankan Islam dan Perniagaan Syariah dalam Kumpulan RHB

### Pengalaman:

- Lebih 20 tahun pengalaman dalam industri perkhidmatan kewangan
- Pernah memegang jawatan kanan dalam Bank Islam Malaysia dan Aikhair International Islamic Bank Berhad
- Sebelum menyertai RHB, beliau merupakan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Operasi di Export- Import Bank Malaysia Berhad

### Kelayakan:

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan), Universiti Malaya
- Sarjana Muda Perniagaan (Perbankan dan Kewangan), Universiti Monash, Australia
- Diploma Analisis Pelaburan, Universiti Teknologi MARA ("UiTM"), Malaysia
- Program Pengurusan Lanjutan ("AMP"), Harvard Business School, Boston, Amerika Syarikat
- Jurubank Berkanun, Institut Jurubank Berkanun Asia ("AICB")
- Jurubank Berkanun, Institut Jurubank Berkanun, United Kingdom
- Profesional Berkanun dalam Kewangan Islam, Institut Profesional Kewangan Islamik Berkanun, Malaysia

### Keahlian Luar:

- Presiden dan Ahli Majlis, Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia ("AIBIM")
- Ahli Lembaga Pengarah Institut Perbankan & Kewangan Islam Malaysia (IBFIM)

## PROFIL PENGURUSAN KANAN KUMPULAN

## PROFIL PENGURUSAN KANAN KUMPULAN

**SYED AHMAD TAUFIK ALBAR**

Pengarah Urusan,  
Perniagaan Antarabangsa Kumpulan

**Tarikh Pelantikan**

2 Februari 2021

**Tanggungjawab:**

- Memimpin dan memacu pertumbuhan dan prestasi perniagaan antarabangsa Kumpulan yang meliputi perbankan komersial, perbankan pelaburan dan pengurusan aset, serta pengawasan Pemulihan Pinjaman bukan Runcit dengan fokus terhadap memperkukuhkan usaha pemulihan

**Pengalaman:**

- Pengalaman melebihi 20 tahun sebagai profesional kewangan dan berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan selama lebih 4 tahun sehingga 1 Februari 2021
- Memulakan kerjaya dalam bidang kewangan bersama Shell dan telah bekerja di beberapa pejabat Shell di Malaysia, Australia dan Belanda.
- Menggalas beberapa jawatan Kewangan dalam Kumpulan Axiata termasuk sebagai Ketua Pegawai Kewangan Smart Axiata di Kemboja
- Sebelum menyertai RHB, beliau adalah Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan UEM Berhad.

**Kelayakan:**

- Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Sarjana Ekonomi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

**Keahlian Luar:**

- Felo Institut Pengurusan Akauntan Berkanun ("CIMA"), United Kingdom
- Ahli Institut Akauntan Malaysia ("MIA")

**OLIVER TAN**

Pengarah Urusan,  
RHB Insurance

**Tarikh Pelantikan**

21 Februari 2022

**Tanggungjawab:**

- Memimpin, mengurus & mengembangkan perniagaan insurans untuk memastikan ia diselaraskan dengan aspirasi strategik Kumpulan.

**Pengalaman:**

- 22 tahun berpengalaman dalam industri insurans tempatan dan serantau
- Menggalas beberapa jawatan kanan, termasuk sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di MPI General Insurans Berhad, Swiss Reinsurance Company Limited di Kuala Lumpur dan menjadi Ketua cawangan Kuala Lumpur, menguruskan operasi perniagaan di Malaysia, Vietnam, Kemboja, Laos, Brunei dan Myanmar
- Menggalas beberapa jawatan kanan dalam AIU Insurance Company Limited di Shanghai dan AXA General Insurance Hong Kong Limited

**Kelayakan:**

- Sarjana Muda Undang-undang, Staffordshire Polytechnic di United Kingdom dan memiliki Sijil Amalan Undang-undang (CLP) dari Universiti Malaya di Malaysia.
- Felo Institut Insurans Malaysia sejak 2017

**ROHAN KRISHNALINGAM**

Ketua Pegawai Digital & Teknologi Kumpulan

**Tarikh Pelantikan**

1 Ogos 2019

**Tanggungjawab:**

- Bertanggungjawab bagi menyediakan perkhidmatan Teknologi dan Digital yang tepat dan menepati masa untuk unit-unit perniagaan/fungsian yang relevan
- Membangunkan Strategi IT dan Digital ke arah memacu pelaksanaan transformasi Digital dan IT
- Memimpin usaha ke arah pendigitalan Kumpulan Perbankan RHB
- Memacu penggunaan Agile@ Scale sebagai sebahagian daripada fokus strategi Kumpulan untuk mewujudkan model operasi yang terbaik

**Pengalaman:**

- Mula dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi Kumpulan di Kumpulan Perbankan RHB pada Januari 2014, untuk memacu fungsi digital, teknologi dan operasi Kumpulan
- Pernah menyandang jawatan sebagai Rakan Kongsi Kanan dengan firma perundingan teknologi dan pengurusan
- Pengalaman melebihi 25 tahun dengan organisasi perkhidmatan kewangan untuk mereka bentuk dan melaksanakan program transformasi yang berskala besar, terutamanya dalam bidang teknologi dan operasi
- Bekerja dalam pelbagai industri di Malaysia dan rantau ASEAN.
- Memiliki kemahiran yang tinggi dalam penyampaian teknologi dan pengurusan program yang kukuh, terutamanya pelaksanaan teknologi berskala besar dan perancangan strategik IT
- Memimpin projek-projek perkhidmatan perbankan dan kewangan utama termasuk pelaksanaan sistem perbankan teras, perancangan sumber perusahaan ("ERP") dan sistem pengurusan hubungan pelanggan ("CRM"), program transformasi IT, program gabungan integrasi IT dan sistem pembayaran seluruh industri

**Kelayakan:**

- Sarjana muda Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (Kepujian), Universiti of New South Wales, Australia

**DR CHONG HAN HWEE**

Ketua Pegawai Risiko Kumpulan

**Tarikh Pelantikan**

28 September 2020

**Tanggungjawab:**

- Melaksanakan Pengurusan Kredit dan Risiko di seluruh Kumpulan yang selaras dengan Keupayaan Kumpulan Menanggung Risiko
- Pemantauan penambahbaikan yang berterusan dalam pengurusan risiko
- Memacu ketepatan waktu dalam menangani pengurusan kemunculan risiko
- Mengtransformasikan pengurusan risiko bagi memenuhi keperluan pengawasan dalam era digital dari segi Strategik, Prestasi, Analitik dan Bakat

**Pengalaman:**

- Lebih 20 tahun pengalaman dalam menasihati dan menguruskan risiko dalam sektor kewangan
- Membantu institusi kewangan di seluruh Australia, ASEAN dan Timur Tengah
- Sebelum menyertai RHB, Dr Chong merupakan Rakan Kongsi di EY Malaysia di mana beliau membina Amalan Pengurusan Risiko Perkhidmatan Kewangan sejak 2012

**Kelayakan:**

- Sarjana Muda Perdagangan dalam Ekonomi dan Kewangan (Kepujian Kelas Pertama), Universiti Teknologi Curtin, Australia
- Doktor Falsafah dalam Ekonomi, Universiti Teknologi Curtin, Australia

## PROFIL PENGURUSAN KANAN KUMPULAN

## PROFIL PENGURUSAN KANAN KUMPULAN

**DR SIEW CHAN CHEONG**

Ketua Pegawai Strategi Kumpulan

**Tarikh Pelantikan**

2 Mei 2019

**Tanggungjawab:**

- Memacu keutamaan strategik Kumpulan
- Menyokong pasukan strategi dalam setiap unit perniagaan dalam pembangunan strategi khususnya unit perniagaan dan memacu penambahbaikan dalam hasil kewangan dan strategik
- Membangunkan dan memperhalusi portfolio pengurusan berasaskan nilai Kumpulan
- Memacu inisiatif perubahan dari atas ke bawah merentasi Kumpulan
- Memacu perancangan perniagaan tahunan Kumpulan dan menggerakkan kemajuan ke arah pelaksanaan strategi FIT22

**Pengalaman:**

- 20 tahun pengalaman dalam perancangan strategi, reka bentuk dan melaksanakan program transformasi berskala besar, terutamanya bagi penyedia perkhidmatan kewangan merentasi Eropah dan Asia
- Membangunkan dan melaksanakan strategi untuk bank dan firma insurans besar global/serantau meliputi pertumbuhan perniagaan, penambahbaikan operasi, strategi bakat dan teknologi
- Sebelum pelantikan ini, beliau merupakan Pengarah Kanan Perkhidmatan Kewangan dengan Strategy (sebelum ini dikenali sebagai Booz & Company), yang merupakan sebahagian daripada rangkaian PwC, yang menyediakan perkhidmatan kewangan untuk para pelanggan di Asia Tenggara.

**Kelayakan:**

- Doktor Falsafah Kejuruteraan, Universiti Southampton, United Kingdom
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari London Business School, United Kingdom
- Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian Kelas Pertama), Universiti Southampton, United Kingdom

**DAVID CHONG**

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan

**Tarikh Pelantikan**

2 Februari 2021

**Tanggungjawab:**

- Memantau keseluruhan operasi Kumpulan Perbankan RHB di Malaysia dan ASEAN untuk mencapai kecemerlangan, penambahbaikan berterusan dan pengoptimuman merentasi fungsi operasi termasuk operasi kredit, operasi perbendaharaan, operasi perbankan dan pembayaran, operasi perbankan pelaburan dan pengurusan aset, serta pusat panggilan dan perkhidmatan hartanah.
- Menyediakan kepimpinan dalam memacu program pengalaman pelanggan dan strategi kecemerlangan operasi di seluruh Kumpulan, yang termasuk inisiatif mengenai proses automasi robotik.

**Pengalaman:**

- Pengalaman melebihi 25 tahun dalam pelbagai organisasi rundingan global dan institusi perkhidmatan kewangan Malaysia
- Menyandang pelbagai peranan dalam transformasi operasi, pengurusan program, perancangan strategik, analitik dan CRM, serta peranan kepimpinan dalam bidang perniagaan dan pemasaran
- Sebelum pelantikan terkini, beliau merupakan Ketua Pegawai Digital bagi Kumpulan RHB

**Kelayakan:**

- Akauntan Bertauliah, United Kingdom
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Strathclyd, United Kingdom

**Pelantikan:**

- Pengarah, Financial Park Labuan Sdn Bhd

**JAMALUDDIN BAKRI**

Penasihat Sumber Manusia Kumpulan

**Tarikh Pelantikan**

12 April 2021

**Tanggungjawab:**

- Membangun dan melaksanakan strategi jangka panjang Sumber Manusia ("HR")
- Membina keupayaan HR untuk menyokong matlamat strategik jangka panjang Kumpulan
- Menguruskan pelbagai aspek fungsi HR termasuk perancangan strategik dan pembangunan organisasi, pembangunan modal insan, perancangan penggantian, ganjaran dan pengurusan prestasi

**Pengalaman:**

- Rekod prestasi yang kukuh melebihi 20 tahun dalam melaksanakan fungsi HR, dengan 15 tahun berkhidmat di luar negara. Beliau mempunyai pengalaman bekerja dengan pelbagai bangsa, budaya dan gaya kerja yang berbeza
- Bekerjasama dengan pemimpin perniagaan dari pelbagai bangsa dan organisasi tempatan dalam memacu pelbagai strategi HR di peringkat global dan tempatan

**Kelayakan:**

- Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan (Sumber Manusia), Universiti Hull, United Kingdom

**GANESH SABARATNAM**Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan,  
Perbankan Pelaburan Kumpulan RHB**Tarikh Pelantikan**

1 Julai 2021

**Tanggungjawab:**

- Memimpin, membina dan memacu pertumbuhan keseluruhan dan keuntungan Perbankan Pelaburan Kumpulan (GIB) di Malaysia dan Asia Tenggara (SEA) selaras dengan aspirasi strategik Kumpulan untuk mengembangkan francais ASEAN
- Untuk menjadikan Perbankan Pelaburan RHB sebagai Bank Pelaburan peneraju dan pilihan utama di Malaysia

**Pengalaman:**

- Lebih 25 tahun pengalaman meliputi perbankan pelaburan, pasaran global dan ekuiti persendirian
- Sebelum pelantikannya, beliau adalah rakan kongsi di Grant Thornton Specialist Advisory Services Singapore dan Rakan Kongsi Kanan di Oxley Capital Partners, Singapore, sebuah firma ekuiti persendirian
- Memegang beberapa jawatan kanan di bank pelaburan bulge bracket, termasuk sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurus Negara Barclays Corporate and Investment Bank Malaysia, dan Pengarah Urusan Barclays IB South East Asia (SEA); Ketua Malaysia dan Thailand, Credit Suisse IB; Ketua Asset Liability Management SEA Global Markets, Bank Rabo Singapura; dan Ketua Pasaran Wang Kadar Faedah Jangka Pendek Perdagangan Pasaran Global, Deutsche Bank Malaysia
- Menyandang beberapa peranan dalam perdagangan, produk berstruktur, penyelesaian risiko dan perbendaharaan di Pasaran Global Bank of Amerika (BofA) London, dan dihantar berkhidmat ke BofA Hong Kong, Tokyo, San Francisco dan Malaysia
- Memulakan dan menstrukturkan pelbagai transaksi yang termasuk transformasi pergabungan dan pemilikan merentasi sempadan bernilai berbilion dollar di Asia Tenggara, Australia, Eropah, Timur Tengah dan Amerika Syarikat. Di samping itu, beliau mengendalikan Tawaran Awam Awal untuk syarikat Asia Tenggara, Bon AS dan terbitan bon boleh tukar, pinjaman berstruktur, memanfaatkan pembelian, ekuiti persendirian, binaan platform, usahasama, penyusunan semula korporat, hutang tertekan, produk berstruktur serta perdagangan kredit, swap/derivative serta penyelesaian lindung nilai risiko untuk pelanggan komoditi, kadar dan matawang.

**Kelayakan:**

- Sarjana Sains Kewangan dalam Ekonomi Kewangan dan Pasaran Modal, Universiti London, United Kingdom
- Sarjana Muda Sains Kepujian Bersama dalam Kejuruteraan Pengeluaran dan Ekonomi, Universiti Birmingham, United Kingdom

**Keahlian Luar:**

- Ahli Majlis Persatuan Perbankan Pelaburan Malaysia ("MIBA")

## PROFIL PENGURUSAN KANAN KUMPULAN

## PROFIL PENGURUSAN KANAN KUMPULAN

**WENDY TING**

Ketua, Perbankan Korporat Kumpulan

**Tarikh Pelantikan**

1 Oktober 2013

**Tanggungjawab:**

- Memimpin dan memacu pertumbuhan keseluruhan dan keuntungan Perbankan Korporat Kumpulan di Malaysia, Singapura dan serantau di mana terdapat jejak RHB

**Pengalaman:**

- Lebih 20 tahun pengalaman dalam bidang perdagangan kewangan, pasaran modal, perkhidmatan kewangan dan perbankan pelaburan, serta peluang untuk bertukar di kalangan kumpulan perniagaan yang berlainan dalam Maybank sebagai pemegang biasasiswa mereka
- Sebelum menyertai RHB, beliau berkhidmat selama 15 tahun dalam Kumpulan Maybank dengan jawatannya yang terakhir sebagai Pengarah, Perlindungan Pelanggan (Sektor Swasta)

**Kelayakan:**

- Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Graduan, Program Pembangunan Eksekutif, Chicago Booth, Pendidikan Eksekutif
- Program Pembangunan Kepimpinan Kanan, INSEAD

**Pelantikan:**

- Pengarah, RHB Bank (L) Ltd

**Keahlian Luar:**

- Ahli Persatuan Bank-bank di Malaysia
- Ahli Institut Jurubank Berkanun Asia
- Ahli Persatuan Pasaran Pinjaman Asia Pasifik

**FAZLINA MOHAMED GHAZALI**

Ketua Pegawai Kepatuhan Kumpulan

**Tarikh Pelantikan**

1 Jun 2018

**Tanggungjawab:**

- Memimpin dan melaksanakan perancangan kepatuhan strategik di seluruh Kumpulan bagi membolehkan Kumpulan Perbankan RHB untuk mematuhi keperluan kawal selia
- Tanggungjawab utama termasuk penubuhan polisi kepatuhan yang komprehensif dan rangka kerja, pemantauan keseluruhan kepatuhan risiko Kumpulan dan memastikan risiko baru/risiko pematuhan yang muncul dikenal pasti dan dilaporkan

**Pengalaman:**

- Pengalaman melebihi 20 tahun dalam sektor perbankan
- Sebelum menyertai RHB, beliau merupakan rakan sekutu kanan sebuah firma undang-undang terkemuka, yang mengkhusus dalam perkhidmatan hartanah dan kawangan dan kemudian, berkhidmat selama lima tahun sebagai Ketua Undang-undang sebuah bank pembangunan
- Beliau memulakan kerjayanya di RHB sebagai Pegawai Undang-undang Kanan pada tahun 2005 dan kemudiannya dilantik sebagai Ketua Undang-undang Kumpulan pada tahun 2008. Beliau menyandang sebagai Ketua Kepatuhan Kumpulan pada tahun 2016 dan meneruskan jawatan ini sebagai Ketua Pegawai Kepatuhan Kumpulan pada tahun 2018.

**Kelayakan:**

- Sarjana Undang-undang, Universiti East Anglia, United Kingdom
- Profesional Bertauliah dalam Anti Pengubahan Wang Haram/ Memerangi Pembiayaan Keganasan ("AML/CFT")
- Jurubank Berkanun, Institut Jurubank Berkanun Asia

**Pelantikan:**

- Pengarah, RHB Corporate Services Sdn Bhd

**Keahlian Luar:**

- Ahli, Institut Jurubank Berkanun Asia

**NORAZZAH SULAIMAN**Ketua Pegawai Komunikasi Kumpulan/  
Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan RHB**Tarikh Pelantikan**

27 Julai 2017

**Tanggungjawab:**

- Memimpin dan menguruskan fungsi komunikasi strategik Kumpulan yang melibatkan pembinaan jenama yang relevan dan memupuk kepercayaan, serta menguruskan reputasi korporat menerusi komunikasi krisis yang berkesan dan pengurusan pihak berkepentingan
- Menggalakkan pendedahan yang lebih besar dan ketelusan menerusi pelbagai platform, yang termasuk pendedahan korporat menerusi Laporan Bersepadu dan Laporan Kelestarian
- Memimpin dan memacu agenda Kelestarian Kumpulan serta mengintegrasikan pertimbangan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG") ke dalam perniagaan Kumpulan dan proses pembuatan keputusan
- Memacu transformasi budaya kelestarian di seluruh Kumpulan
- Memimpin Yayasan RHB untuk merealisasikan visi dan objektif-objektifnya, menerusi program keterlibatan komuniti dan inisiatif berimpak yang memberikan manfaat kepada segmen kurang bernasib baik dalam komuniti

**Pengalaman:**

- Lebih 25 tahun berpengalaman dalam beberapa jawatan pengurusan dalam sektor perkhidmatan kewangan, yang sebahagian besarnya meliputi khidmat nasihat undang-undang, pengurusan sumber manusia, perkhidmatan korporat, komunikasi strategik dan memacu keterlibatan komuniti

**Kelayakan:**

- Sarjana Muda Undang-undang ("LLB") dengan Kepujian, Universiti Warwick, United Kingdom
- Program Pembangunan Kepimpinan Kanan, INSEAD

**Pelantikan:**

- Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan RHB
- Lembaga Pemegang Amanah, RHB - Tabung Wakaf UKM
- Ahli Jawatankuasa ESG, Persatuan Bank di Malaysia

**Deklarasi:**

Selain apa yang dinyatakan, Pengurusan Kanan Kumpulan:

1. Tiada hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama.
2. Tiada percanggahan kepentingan dengan RHB Bank dan tidak pernah disabitkan kesalahan dalam jangka masa lima tahun atau menghadapi sekatan awam atau dikenakan penalti terhadap mereka oleh badan pengawalseliaan yang relevan semasa tahun kewangan yang ditinjau.

Dato' Khairussaleh Ramli telah meletakkan jawatan sebagai Pengarah Urusan Kumpulan / Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perbankan RHB, berkuatkuasa 25 Mac 2022.



# TADBIR URUS BAGI PERNIAGAAN LESTARI



# TADBIR URUS BAGI PERNIAGAAN LESTARI

## KOMITMEN KAMI - MENCIPTA NILAI MENERUSI TADBIR URUS YANG BAIK

Pihak Lembaga Pengarah menyokong sepenuhnya proses penciptaan nilai jangka panjang Kumpulan menerusi amalan tingkah laku perniagaan Beretika, menerapkan pertimbangan Kelestarian dalam keputusan perniagaan dan menguruskannya dengan tadbir urus yang baik. Pendekatan secara bersepadu dan seterusnya proses mengintegrasikannya dipacu dari peringkat atas ke bawah. Ia menjadi amalan konsisten di seluruh Kumpulan kami mengikut bimbingan sempurna dan sokongan strategik yang diberikan kepada pasukan pengurusan kami.

Penyata Gambaran Keseluruhan Tadbir Urus Korporat RHB ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Laporan Tadbir Urus Korporat yang boleh dimuat turun daripada laman sesawang korporat Kumpulan di [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com) atau laman sesawang pengumuman Bursa Malaysia.



**TAN SRI AHMAD BADRI MOHD ZAHIR**  
Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Asas-asas tadbir urus perusahaan yang kukuh dalam Kumpulan Perbankan RHB telah memastikan kami kekal berdaya tahan walaupun dalam keadaan mencabar, sebagaimana yang boleh dilihat sepanjang pandemik COVID-19. Dalam mengemudi peralihan daripada pandemik ke endemik, kami kekal dinamik, tangkas dan berfikiran ke hadapan bagi memastikan Kumpulan terus berada dalam kedudukan yang kukuh dan kurang terdedah kepada persekitaran perniagaan yang tidak menentu.

Satu lagi pencapaian penting bagi menunjukkan teras tadbir urus korporat yang kukuh adalah peralihan kepimpinan yang lancar di peringkat tertinggi apabila Pengarah Urusan Kumpulan yang keluar digantikan dengan Pegawai Bertugas Sementara atau Pegawai Utama pada 24 Januari 2022, yang bertanggungjawab menguruskan Kumpulan sehingga Pengarah Urusan Kumpulan yang baharu dilantik.

Proses menilai dan melantik calon baharu telah dilaksana dengan segera oleh pihak Lembaga Pengarah, di mana kedua-dua calon dalaman dan luaran dipertimbangkan untuk jawatan tersebut. Calon yang berpotensi termasuk dua pengganti dalaman yang telah dikenal pasti, disokong oleh rancangan penggantian yang berjaya dipacu oleh rangka kerja modal insan Kumpulan. Tindakan cepat pihak Lembaga Pengarah terhadap perubahan tersebut berjaya membendung sebarang gangguan walaupun berlaku pergerakan secara tiba-tiba di peringkat tertinggi tahap 'C-suite' yang memastikan kesinambungan perniagaan dan pelaksanaan strategi yang lancar.

Pada penghujung tahun, pihak Lembaga Pengarah juga menyaksikan peningkatan dalam integrasi perniagaan Kumpulan dengan rumusan pelan strategik baharu lima tahun Kumpulan. Peralihan daripada pelan strategik sebelumnya, iaitu FIT22 adalah terutamanya untuk mengemudi perniagaan-perniagaan Kumpulan ke hadapan dalam merebut pelbagai peluang perbankan digital dalam memastikan keterangkuman kewangan yang lebih besar dan pada masa yang sama, menerapkan perkara berkaitan kelestarian dalam operasi perniagaan dan aktiviti-aktiviti yang paling penting kepada pihak berkepentingan.

Tindakan ini adalah selaras dengan rangka kerja tadbir urus kelestarian yang baharu diluluskan melalui penubuhan Jawatankuasa Kelestarian Kumpulan, yang dipengerusikan oleh Pengarah Urusan Kumpulan dan disokong oleh empat jawatankuasa kelestarian peringkat pekerja di seluruh Kumpulan. Langkah diambil oleh Lembaga Pengarah ini sejajar dengan amalan tadbir urus baik baharu diperkenalkan mengikut Kod Malaysia mengenai Tadbir Urus Korporat yang terkini dan dikemaskinikan pada April 2021. Ia memastikan perkara berkaitan dengan kelestarian tidak lagi terpinggir dan kami berada dalam kedudukan yang baik untuk memberi impak positif terhadap kehidupan pihak berkepentingan kami bersama.


### PENILAIAN TAHUNAN LEMBAGA PENGARAH DAN PRESTASI INDIVIDU PENGARAH

Sebagaimana yang dinyatakan dalam Piagam Lembaga Pengarah, kami terus menilai ahli Lembaga Pengarah setiap tahun untuk memastikan gabungan set kemahiran dan kepakaran lembaga pengarah terkini adalah seimbang dan boleh mengemudi perjalanan kelestarian Kumpulan dan agenda Syarikat.

Sejajar dengan keperluan Polisi Tadbir Urus Korporat Bank Negara Malaysia dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, yang memerlukan pelantikan pihak luar secara berkala untuk melakukan penilaian lembaga pengarah yang objektif dan bebas, kami melantik Ernst & Young Consulting Sdn Bhd ("EY") untuk memudahkan Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah ("BEE") untuk tahun 2020.

EY telah melakukan penilaian komprehensif terhadap Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pengarah Individu. Soal selidik untuk setiap barisan ahli Lembaga Pengarah disesuaikan berdasarkan perwakilan Individu dalam setiap entiti Lembaga Pengarah dan/atau Jawatankuasa Lembaga Pengarah pada tahun 2020. Penilaian ini juga merangkumi sesi temuramah dengan Pengarah yang terpilih dan pegawai Pengurusan Kanan dalam Kumpulan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam untuk penilaian yang lebih menyeluruh.

### SKOP PENILAIAN LEMBAGA PENGARAH








	Pengarah <sup>^</sup>	Pengurusan Kanan
Soal Selidik	24 Pengarah selesai • Soal selidik Lembaga Pengarah & Jawatankuasa Lembaga Pengarah • Soal selidik Pengarah Individu (sendiri & rakan)	10 Pengurusan Kanan selesai • Soal selidik untuk pengurusan
Temuramah	13 Pengarah	7 Ahli GMC

Note: <sup>^</sup> termasuk Pengarah biasa yang juga berkhidmat dalam lembaga pengarah anak syarikat.

### KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH

Barisan Ahli Lembaga Pengarah memahami dan mengakui kepentingan mempunyai pasukan yang seimbang, berkepelbagaian, berpengalaman dan padu untuk memacu kelestarian dalam kejayaan jangka panjang Kumpulan menerusi kepimpinan beretika, bertanggungjawab dan berpengalaman. Sepanjang tahun, terdapat enam Pengarah Bebas Bukan Eksekutif ("INED"), tiga Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif ("NINED") dan satu Pengarah Eksekutif ("ED") iaitu Pengarah Urusan/ Ketua Pegawai Eksekutif yang berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Bank RHB Berhad.

Komposisi Lembaga Pengarah menyumbang dari segi pengalaman yang luas dan relevan dalam perniagaan yang diperlukan untuk menyelia kecekapan dan kelestarian aktiviti-aktiviti dalam operasi Kumpulan di mana para Pengarah, secara individu membawa kepelbagaian dalam kemahiran, pengetahuan dan pengalaman (termasuk kewangan & bukan kewangan, industri dan pengalaman tempatan serta antarabangsa), yang diperlukan untuk menyediakan tadbir urus yang berkesan dan keupayaan dalam mengawasi Kumpulan. Dalam kes kami, kepelbagaian barisan ahli lembaga Pengarah telah menambah nilai dalam perbincangan dan musyawarah kami mengenai operasi perniagaan Kumpulan dengan pandangan yang kukuh serta cabaran daripada pandangan bebas dan bukan bebas.



Category	Percentage
Kepimpinan dan Pengurusan	100%
Perbankan	56%
Kewangan	67%
Modal Perbendaharaan & Pasaran Sekuriti	67%
Tadbir Urus, Risiko dan Ketaatn	23%
Perdagangan Antarabangsa	12%
MIS & Teknologi	12%
Keselamatan Siber & Privasi Data	12%

TADBIR URUS BAGI PERNIAGAAN LESTARI

Soal selidik Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah ("BEE") telah direka berdasarkan prinsip dan amalan tadbir urus yang ditetapkan dalam standard dan keperluan pengawalseliaan tempatan, serta amalan baik peringkat antarabangsa, yang meliputi bidang penting seperti berikut:



Berdasarkan penilaian perunding luaran, Lembaga Pengarah yang terkini mempunyai **budaya positif dan dinamik** bagi membolehkan perbincangan secara terbuka, penyertaan aktif dan komitmen yang kuat daripada para ahlinya. Ia mempunyai **kepelbagaian yang baik** dengan campuran pengalaman dan kepakaran yang bersesuaian bagi menyumbang kepada keberkesanan lembaga pengarah, **kekuatan pengawasan** dalam bidang tadbir urus, kepatuhan, pengurusan risiko dan laporan kewangan. Dari segi penambahbaikan, ia memerlukan fokus strategik yang lebih baik, termasuk penggabungan perkara-perkara berkaitan **ESG dan keterlibatan yang lebih kukuh** dengan pengurusan kanan berkenaan perkara-perkara berkaitan strategi.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai BEE untuk TK2020, sila rujuk kepada Amalan 6.1 Laporan Tadbir Urus Korporat RHB Bank Berhad 2021.

TADBIR URUS BAGI PERNIAGAAN LESTARI

KEHADIRAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH DAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH PADA TAHUN 2021

Sejajar dengan usaha Kumpulan untuk melindungi barisan ahli lembaga pengarah dan para pekerja kami semasa pandemik COVID-19, sebahagian besar mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dikendalikan secara maya. Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah mengadakan mesyuarat dari semasa ke semasa untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing serta sukacita kami maklumkan bahawa semua barisan ahli lembaga pengarah dapat menghadiri, menyertai dan menyumbang kepada semua mesyuarat yang dijalankan sepanjang tahun dengan **tiada ketidakhadiran** dicatat untuk **mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah RHB Bank Berhad**.

KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH DAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH



Untuk maklumat lebih lanjut mengenai Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, sila rujuk kepada Laporan Tadbir Urus Korporat RHB Bank Berhad 2021.

TADBIR URUS BAGI PERNIAGAAN LESTARI

TADBIR URUS BAGI PERNIAGAAN LESTARI

AKTIVITI & FOKUS LEMBAGA PENGARAH SEPANJANG TAHUN

Tahun 2021 merupakan tahun keempat strategi FIT22 RHB dilaksanakan dan Kumpulan mula bersiap sedia dari segi strategi untuk menyegarkan semula pelan strategiknya. Kumpulan akan memperkukuhkan lagi janji jenama *Bersama Kita Maju* secara organik dan lancar untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada komuniti kami.

Ini disokong oleh kenyataan matlamat Kumpulan yang diperbaharui, *Memacu Kemajuan untuk Semua* yang menyaksikan Kumpulan Perbankan RHB memberikan nafas baru kepada identiti korporatnya ke arah pencapaian matlamat dan aspirasi kami. Pihak Lembaga Pengarah terus menyelia pengurusan dengan rapi untuk memastikan perniagaan Kumpulan diuruskan dengan baik dan dikawal oleh tadbir urus korporat yang baik dan memberikan pertimbangan kepada perkara-perkara berkaitan ESG dalam menyokong agenda Lembaga Pengarah untuk membawa perniagaan Kumpulan ke hadapan.

PAPAN PEMUKA TADBIR

URUS LEMBAGA PENGARAH

Prestasi dan Strategi

- Mengkaji semula dan meluluskan pelan perniagaan strategik Kumpulan bagi tahun kewangan
- Memantau kemajuan pelan strategik FIT22
- Mengkaji semula dan meluluskan pelan strategik yang baharu
- Menerima maklumat yang dikemaskini dari pelbagai unit perniagaan tempatan dan luar negara berkenaan keadaan pasaran dan prestasi perniagaan
- Membincangkan cabaran-cabaran dan peluang-peluang yang dihadapi oleh Kumpulan (semasa sesi luar kawasan Lembaga Pengarah).
- Menerima maklumat yang dikemaskini mengenai kemajuan cara bekerja Agile@Scale
- Mengkaji semula tindak balas RHB terhadap COVID-19 dan menilai impak COVID-19 ke atas operasi perniagaan Kumpulan dan prestasi kewangan
- Menerima maklumat yang dikemaskini mengenai kemajuan inisiatif perbankan digital Kumpulan dan transformasi IT

Tadbir Urus, Kelestarian, Risiko & Kepatuhan

- Meluluskan Polisi Anti-Sogokan & Rasuah dan Polisi Pemberi Maklumat Kumpulan yang telah dikemaskini
- Mengkaji semula laporan risiko, pematuhan dan audit Kumpulan
- Menerima pelbagai taklimat/latihan untuk melengkapkan diri masing-masing dengan perkembangan terkini dalam industri dan juga pengawalseliaan
- Mengkaji semula pendedahan berkanun Tadbir Urus Korporat Tahunan Kumpulan
- Membincangkan mengenai penemuan dan pertimbangan penambahbaikan yang dihasilkan daripada penilaian tahunan BEE yang dikendalikan oleh perunding bebas (pihak luaran)
- Menerima maklumat yang dikemaskini mengenai ESG/perkara berkaitan kelestarian dan Pengurusan Risiko Iklim
- Menerima maklumat yang dikemaskini dari semasa ke semasa daripada pelbagai Jawatankuasa sokongan Lembaga Pengarah
- Mengkaji semula laporan setengah tahun kepada Suruhanjaya Anti Rasuah Malaysia ("MACC")
- Menerima maklumat yang dikemaskini mengenai perkara berkaitan integriti, tadbir urus, pemberi maklumat dan anti-rasuah
- Meluluskan pembentukan Jawatankuasa Kelestarian Kumpulan dan jawatankuasa-jawatankuasa sokongan.
- Meluluskan Strategi dan Hala Tuju Kelestarian 5 Tahun Kumpulan Perbankan RHB (2022 - 2026)
- Menerima maklumat yang dikemaskini mengenai Program Peningkatan Keupayaan RHB AML/CFT (RACE)

Kewangan

- Meluluskan bajet operasi tahunan
- Meluluskan kandungan Laporan Bersepadu bagi TK2020
- Meluluskan pembayaran dividen bagi TK2020/2021
- Mengkaji semula impak moratorium kepada strategi kewangan Kumpulan
- Membincangkan pelbagai perkara berkaitan moratorium kepada pihak berkepentingan
- Menerima maklumat yang dikemaskini berkaitan ekonomi dan pasaran kewangan global
- Membincangkan pelan pengurusan modal & sasaran dalaman, dengan maklumat yang dikemaskini mengenai rangka kerja modal antarabangsa & pengawalseliaan
- Menerima maklumat yang dikemaskini mengenai perkara berkaitan Cukai

Budaya & Kakitangan

- Membincangkan mengenai pengurusan bakat dan pelan penggantian
- Meluluskan pelantikan anggota pengurusan kanan
- Menerima maklumat yang dikemaskini mengenai keterlibatan pekerja dan tinjauan kepuasan pelanggan dalaman
- Menerima laporan mengenai impak COVID-19 terhadap kesejahteraan dan prestasi pekerja
- Mengkaji semula dan meluluskan penyemakan semula imbuhan pekerja dan tawaran nilai, termasuk Pelan Insentif Jangka Panjang ("LTIP") untuk Kumpulan

TADBIR URUS KORPORAT ("CG") - KEMAJUAN DAN PENCAPAIAN PENTING

TAHUN 2021

REFLEKSI PADA BIDANG FOKUS UTAMA CG LEMBAGA PENGARAH

- Meluluskan hala tuju strategik terbaharu 5 Tahun Kumpulan Perbankan RHB (2022-2026)
- Meluluskan Strategi dan Hala Tuju Kelestarian 5 tahun Kumpulan Perbankan RHB (2022-2026)
- Terus memantau dan memberikan perlindungan yang diperlukan terhadap Modal Insan kami sepanjang pandemik COVID-19
- Terus mengakses strategi berkaitan pembangunan dan pengekalan Modal Insan Kumpulan
- Penilaian Tahunan Keberkesanan Lembaga Pengarah untuk TK2020
- Meluluskan Polisi Anti-Sogokan & Rasuah dan Polisi Pemberi Maklumat Kumpulan yang telah dikemaskini untuk mempertingkatkan kawalan dalaman kami yang sedia ada
- Mengawasi Perancangan Penggantian Strategik dan Penilaian Prestasi bagi setiap anggota pengurusan kanan utama
- Mengkaji semula Imbuhan barisan Ahli Lembaga Pengarah

TAHUN 2022

BIDANG FOKUS LEMBAGA PENGARAH

- Mengkaji semula Piagam Lembaga Pengarah
- Melaksanakan Penilaian Tahunan Keberkesanan Lembaga Pengarah bagi TK2021
- Melaksanakan Polisi Kumpulan dan Garis Panduan anak-anak syarikat serantau yang dikemaskini
- Pengawasan terhadap penerbitan Pelan Organisasi Anti Rasuah ("OACP") bagi Kumpulan Perbankan RHB
- Imbuhan berdasarkan prestasi yang berkaitan dengan matriks ESG
- Perancangan Pemulihan & Resolusi

TAHUN 2023

BIDANG FOKUS LEMBAGA PENGARAH

- Rancangan penggantian untuk INEDs
- Pengurusan risiko iklim
- Rancangan Pemulihan & Resolusi
- Perancangan Senario
- Ikrar Integriti Korporat
- Melaksanakan Penilaian Tahunan Keberkesanan Lembaga Pengarah bagi TK2022
- Mengkaji semula pelaksanaan pelan tindakan yang ditetapkan bawah OACP

TAHUN 2024

BIDANG FOKUS LEMBAGA PENGARAH

- Mengkaji semula Polisi Anti-Sogokan & Rasuah Kumpulan
- Mengkaji semula Polisi Pemberi Maklumat Kumpulan
- Menjalankan Penilaian Tahunan Keberkesanan Lembaga Pengarah bagi TK2023
- Mengkaji semula kemajuan pencapaian utama yang ditetapkan dalam OACP yang diluluskan

TAHUN 2025/2026

BIDANG FOKUS LEMBAGA PENGARAH

- Mengkaji semula OACP
- Melaksanakan BEE yang dikendalikan oleh pihak luar
- Jaminan Kualiti Integriti Perniagaan

TADBIR URUS BAGI PERNIAGAAN LESTARI


**Kepimpinan Beretika & Mantap**

Peranan Lembaga Pengarah adalah untuk memastikan kejayaan jangka panjang yang lestari bagi Kumpulan, terutama sekali dalam menjana nilai untuk semua pihak berkepentingannya, termasuk para pemegang saham, pekerja, pelanggan, pembekal, dan komuniti di mana Kumpulan beroperasi, disamping melaksanakan pertimbangan perniagaan yang baik dalam membangunkan strategi, menyampaikan objektif dan menguruskan risiko yang dihadapi oleh Kumpulan. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab untuk memupuk budaya yang betul dan bersesuaian, nilai dan tingkah laku baik di seluruh organisasi.

Lembaga Pengarah memandang kepimpinan beretika sebagai salah satu daripada tanggungjawab terasnya. Budaya etika Kumpulan adalah berpandukan dan dipimpin oleh mereka yang di atas. Prinsip dan nilai etika dipacu oleh Lembaga Pengarah menerusi pasukan kepimpinan RHB dan diterapkan di seluruh Kumpulan. Bagi memastikan mesej kami ini konsisten, Kumpulan telah menyediakan kod etika perniagaan dan tingkah laku untuk Lembaga Pengarah dan para pekerja. Kod-kod ini menetapkan keperluan minimum yang perlu dipenuhi oleh kakitangan kami dalam melaksanakan perniagaan mengikut Cara RHB.

**Memacu Nilai Teras Kami**


Nilai Teras Kumpulan ini kekal tidak berubah kerana semuanya adalah berasaskan usaha kami dalam mencipta nilai untuk para pelanggan dan rakan perniagaan. Nilai pegangan kami mencerminkan siapa diri kami dan di RHB, Lembaga Pengarah berasa bangga (P.R.I.D.E.) terhadap siapa kami dan apa yang kami lakukan. Usaha untuk memastikan pegangan nilai yang konsisten dan norma budaya yang disokong oleh panduan di peringkat tertinggi, lembaga pengarah dan pengurusan kanan, yang menetapkan, menyemak semula dan memacu penerapannya dalam seluruh organisasi.




**Profesional**  
Kami berkomited untuk mengekalkan tahap kemahiran, keupayaan dan kebolehpercayaan yang tinggi dalam apa yang kami lakukan.



**Hormat**  
Kami berbudi bahasa, merendah diri dan menunjukkan empati kepada semua menerusi tindakan dan interaksi kami.



**Integriti**  
Kami jujur, beretika dan menegakkan standard tadbir urus yang tinggi.



**Dinamik**  
Kami proaktif, responsif dan pemikiran ke hadapan.



**Cemerlang**  
Kami akan terus berusaha mencapai standard prestasi yang tinggi dan penyampaian perkhidmatan.

**Budaya DNA Kami - Menerap & Memupuk:**

Di RHB, kami menghargai nilai dalam menerap dan memupuk budaya korporat yang inklusif, berorientasikan pelanggan dan dipacu oleh produktiviti. Budaya korporat yang kukuh menyumbang kepada identiti dan nilai organisasi kami serta menyokong usaha kami untuk menarik dan mengekalkan bakat yang sesuai, membezakan diri kami daripada yang lain dan memperlihatkan kelebihan daya saing korporat dan identiti jenama kami.

**Satu RHB**  
Menunjukkan kesediaan untuk mengutamakan keperluan organisasi berbanding pencapaian peribadi dengan cara memupuk kerja berpasukan, pemerkasaan dan perkongsian pengetahuan.

**Berorientasikan Hasil**  
Menunjukkan komitmen dan dorongan dalam menyampaikan hasil kerja berkualiti, dan menangani semua perkara yang memerlukan perhatian segera.

**Mendahulukan Pelanggan**  
Menunjukkan kesungguhan yang tidak berbelah lagi untuk bermesra dan berinteraksi dengan para pelanggan bagi memenuhi keperluan mereka, dan mencipta pengalaman hebat.

Komponen budaya sememangnya wujud dalam kehidupan kerja seharian kami dan dalam interaksi bersama rakan sekerja, pelanggan dan semua pihak berkepentingan. Personaliti unik Kumpulan yang digandingkan dengan kad skor pengurusan prestasi yang komprehensif akan mewujudkan suasana tempat kerja yang lebih dinamik dan mengujakan, serta memperkukuhkan komitmen kami ke arah pencapaian aspirasi perniagaan kami.

TADBIR URUS BAGI PERNIAGAAN LESTARI

**PENERAPAN AMALAN YANG DIDUKUNG OLEH MCCG**

RHB Bank Berhad telah menerima pakai dan menerapkan semua Amalan yang disyorkan oleh Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia kecuali **Amalan 8.3 – Peningkatan** yang memerlukan *pendedahan imbuhan terperinci bagi setiap pengurusan kanan yang menggunakan nama mereka*. Pendedahan terperinci mengenai amalan tadbir urus boleh didapati dalam Laporan Tadbir Urus Korporat.


**ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN**



## Model Tadbir Urus

Kumpulan Perbankan RHB beroperasi mengikut model tadbir urus jelas yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Model ini menyediakan Kumpulan dengan struktur tadbir urus yang jelas sebagai panduan amalan tadbir urus dan kuasa membuat keputusan dalam Kumpulan.

Penugasan kuasa telah dinyatakan jelas dalam Terma Rujukan ("ToR") Jawatankuasa Lembaga Pengarah. ToR dikaji semula secara berkala oleh Lembaga Pengarah dan jawatankuasa masing-masing bagi memastikan mandat mereka dilaksanakan selaras dengan amalan yang terbaik dan memenuhi keperluan pengawalseliaan. Komposisi Jawatankuasa Lembaga Pengarah dikaji semula secara berkala oleh pihak Lembaga Pengarah dan apabila perlu, diperbaiki dengan sokongan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan Lembaga Pengarah.



### Imbuan Lembaga Pengarah & Pengurusan Kanan

Lembaga Pengarah memastikan bahawa pakej imbuan telah mendorong pencapaian objektif strategik dalam persekitaran komponen budaya RHB, keupayaan menanggung risiko dan kepatuhan pengawalseliaan. Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan Lembaga Pengarah ("BNRC") telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan strategi imbuan sebagaimana yang digariskan dalam Terma Rujukan, yang boleh dirujuk dalam laman sesawang korporat RHB. Maklumat terperinci mengenai amalan imbuan boleh didapati dalam pendedahan Seksyen B di Laporan Tadbir Urus Korporat 2021.

#### Membuat Keputusan

Lembaga Pengarah mempunyai jadual rasmi perkara yang memerlukan keputusannya sebagaimana yang dinyatakan dan tanggungjawab perwakilan kepada Pengurusan berkenaan operasi dari hari ke hari. Keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah semasa perbincangan hanya diluluskan apabila terdapat sokongan sebulat suara.

#### Perkara yang Diperuntukkan untuk Lembaga Pengarah

- |   |  |
|---|--|
| i. Strategi perniagaan dan operasi                                  | vi. Penstrukturan semula korporat/organisasi |
| ii. Pelan perniagaan baharu atau perubahan pada rancangan sedia ada | vii. Penubuhan anak syarikat baharu          |
| iii. Pelaburan/pelupusan baharu                                     | viii. Usaha sama                             |
| iv. Penggabungan dan Perolehan                                      | ix. Perkongsian atau pakatan strategik       |
| v. Pengembangan/kemasukan ke pasaran baharu/wilayah geografi        | x. Perolehan/pelupusan aset utama            |
|   | xi. Kemajuan Strategi Perniagaan             |
|   | xii. Pelantikan Pegawai Kanan                |

### Anti-Sogokan & Rasuah ("ABC")

Lembaga Pengarah terus memainkan peranan untuk memantau budaya dan tingkah laku para pekerjaannya. Sebagai penyedia perkhidmatan kewangan, kami berpegang kepada standard moral yang tinggi sebagai penjaga amanah awam dalam sistem kewangan.

Kumpulan Perbankan RHB beroperasi berdasarkan pendekatan toleransi sifar terhadap kejadian penyelewengan dalaman, termasuk sogokan dan rasuah. Semua para pekerja, pelanggan dan sesiapa sahaja yang dikaitkan dengan Kumpulan dikehendaki melaksanakan urusan perniagaan dengan integriti tanpa kompromi sejajar dengan Polisi Anti-Sogokan & Rasuah Kumpulan. Sebarang salah laku atau amalan rasuah boleh dilaporkan kepada pelbagai saluran pemberi maklumat Kumpulan, termasuk melalui [speakup@rhbgroup.com](mailto:speakup@rhbgroup.com)

Lembaga Pengarah telah menyelia penubuhan bahagian Integriti dan Tadbir Urus Kumpulan untuk memacu usaha anti-sogokan dan rasuah Kumpulan dengan memupuk etika perniagaan yang baik dan mendorong integriti di tempat kerja. Untuk maklumat terperinci mengenai usaha memperkukuhkan integriti, sila rujuk kepada seksyen Integriti Korporat & Tingkah Laku Perniagaan Beretika dalam Laporan Bersepadu ini.

# Tadbir Urus Korporat

## Pembangunan Profesional Berterusan

Pihak Lembaga Pengarah melaksanakan pelbagai program latihan untuk memastikan ahli-ahlinya dilengkapi dengan maklumat mencukupi mengenai perkembangan industri dan pengawalseliaan. Maklumat terperinci mengenai program latihan yang dihadiri oleh barisan Ahli Lembaga Pengarah individu disediakan di bawah Seksyen B Laporan Tadbir Urus Korporat kami.



## Polisi Kepelbagaian Lembaga Pengarah

Barisan Ahli Lembaga Pengarah RHB Bank Berhad dan anak syarikat subsidiarinya komited ke arah mengekalkan komposisi Lembaga Pengarah yang mencerminkan kepelbagaian. Kumpulan menyedari nilai dalam sebuah Lembaga Pengarah yang pelbagai kerana ia merupakan komponen penting yang berupaya untuk mempengaruhi fungsi Lembaga Pengarah dan dinamik antara ahli. Kini, RHB Bank Berhad mempunyai 30% pengarah wanita yang berkhidmat di kalangan barisan ahli Lembaga Pengarahnya. Selain daripada kepelbagaian jantina, Polisi Kepelbagaian Lembaga Pengarah turut mengiktiraf dan menekankan kepelbagaian secara lebih meluas, termasuk etnik, pemikiran, pegangan, umur, pengalaman, kemahiran, kemahiran geografi, pendidikan dan latar belakang profesional.



*Nota: Berkaitan dengan kepelbagaian jantina untuk pengurusan kanan, sila rujuk Laporan Kelestarian 2021*

## Polisi Dividen Syarikat

Sejak tahun 2020, Syarikat juga mengguna pakai polisi dividen di mana nisbah pembayaran dividen adalah 30% daripada keuntungan bersihnya pada kadar minimum, memberikan pulangan yang berterusan kepada para pemegang saham sebagai komitmennya untuk bergerak ke hadapan.

# Sorotan Tahun 2021

## Kebebasan dan Ujian Kesesuaian & Ketepatan

- Pengerusi Lembaga Pengarah adalah bukan ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa Pencalonan & Imbuan Lembaga Pengarah.
- Semua Pengarah Bebas Bukan Eksekutif ("INEDs") telah memenuhi keperluan Sesuai & Tepat serta mengemukakan deklarasi mengenai sebarang kemungkinan berlaku percanggahan kepentingan.

## Buku Panduan Tadbir Urus Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah telah menyediakan Buku Panduan Tadbir Urus Lembaga Pengarah ("BGH") sebagai rujukan yang cepat dan bimbingan yang mudah, serta turut mengandungi kod etika dan tingkah laku perniagaan, polisi kepelbagaian, imbuan dan sebagainya. Sila rujuk Laporan Kelestarian RHB Bank Berhad untuk mendapatkan maklumat tambahan mengenai BGH.



*Sila rujuk Laporan Kelestarian RHB Bank Berhad untuk mendapatkan maklumat tambahan mengenai BGH.*

## Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mesyuarat Lembaga Pengarah bagi kalendar tahun 2022 telah dirancang lebih awal, sebelum bermulanya tahun kalender yang baharu bagi memastikan pengurusan mesyuarat dan jadual yang betul untuk Lembaga Pengarah. Agenda bagi setiap mesyuarat Lembaga Pengarah juga ditetapkan dan dimaklumkan kepada kesemua ahli tepat pada masa dan secara cekap sebelum mesyuarat yang telah ditetapkan bagi membolehkan para pengarah membuat persediaan lebih awal.

## PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

### Pengerusi

- Memimpin Lembaga Pengarah dalam perbincangannya
- Mempengerusikan Mesyuarat Agung
- Memastikan komunikasi yang efektif antara barisan Ahli Lembaga Pengarah dan pihak berkepentingan
- Berkomunikasi dari semasa ke semasa dengan Pengarah Urusan Kumpulan dan pegawai Pengurusan Kanan mengenai hal ehwal Kumpulan

### Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif

- Bertindak sebagai ahli saluran pendapat kepada Pengerusi dan menjadi saluran penghubung antara ahli bebas dan bukan bebas Lembaga Pengarah
- Memimpin Pengarah Bebas dalam menjalankan sesi eksekutif bersama Pengurusan Kanan

### Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

- Memantau dan mencabar prestasi pengurusan
- Membuat pertimbangan bebas dalam perkara perbincangan dan pengkajian semula perkara yang dikemukakan kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

### Pengarah Urusan Kumpulan

- Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif memikul tanggungjawab untuk melaksanakan strategi keseluruhan Kumpulan



### Setiausaha Syarikat & Ketua Pegawai Integriti & Tadbir Urus

Azman Shah Md Yaman memimpin fungsi Perundangan, Kesetiausahaan & Tadbir Urus Kumpulan. Beliau bertanggungjawab secara langsung kepada Lembaga Pengarah, melalui Pengerusi, mengenai semua perkara yang berkaitan dengan fungsi rasmi Lembaga Pengarah. Beliau memimpin dan bertindak sebagai penjaga polisi dan prinsip tadbir urus yang baik. Azman merupakan seorang Peguam Bela & Peguam Cara Bertauliah di Mahkamah

Tinggi Malaya dengan kelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) ("LLB") dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia ("IIUM"), Lesen Setiausaha Syarikat (LS 0006901) dan merupakan ahli bersekutu Institut Setiausaha & Pentadbir Berkanun Malaysia. Azman turut memikul tanggungjawab sebagai Ketua Pegawai Integriti dan Tadbir Urus Kumpulan ("CIGO") dalam Kumpulan Perbankan RHB. Beliau merupakan Pegawai Integriti Bertauliah ("CeIO") yang diiktiraf oleh Akademi Anti Rasuah Malaysia ("MACA").

# AKAUNTABILITI

## PEMATUHAN KUMPULAN

### PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah bertanggungjawab bagi sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan yang direka untuk membolehkan operasi menjadi lebih berkesan dan cekap demi memastikan kualiti pelaporan dalaman dan luaran selaras dengan kepatuhan kepada undang-undang dan peraturan yang terpakai. Para Pengarah dan Pengurusan Kanan komited untuk mengekalkan rangka kerja kawalan yang kukuh sebagai asas kepada penyampaian pengurusan risiko yang berkesan. Para Pengarah mengakui tanggungjawab mereka berkaitan dengan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan, termasuk mengkaji semula keberkesannya.

Dalam menetapkan dan mengkaji semula sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman, para Pengarah telah melaksanakan penilaian secara mendalam bagi risiko utama yang dihadapi oleh Kumpulan, termasuk risiko yang akan mengancam model perniagaannya, prestasi masa depan, kesolvenan dan kecairan kemungkinan berlaku kejadian risiko dan kos kawalan. Proses untuk pengenalan, penilaian dan pengurusan risiko utama yang dihadapi oleh Kumpulan diintegrasikan ke dalam keseluruhan rangka kerja tadbir urus risiko Kumpulan. Kumpulan akan berpandangan jauh dalam proses pengenalpastian risikonya bagi memastikan risiko yang muncul dapat dikenal pasti. Proses pengenalpastian, penilaian dan pengurusan risiko utama juga turut dikenal pasti sama ada kawalan yang telah ditetapkan menghasilkan tahap risiko yang boleh diterima.

Pada peringkat Kumpulan, laporan risiko yang digabungkan dan papan pemuka keupayaan menanggung risiko dikaji semula dan dibahaskan dengan kerap oleh eksekutif Jawatankuasa Modal dan Risiko Kumpulan, Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah untuk memastikan mereka berpuas hati dengan keseluruhan profil risiko, akauntabiliti risiko dan tindakan mitigasi. Laporan dan papan pemuka


menyediakan paparan bulanan keseluruhan profil risiko Kumpulan, risiko utama dan tindakan pengurusan, berserta dengan prestasi terhadap selera risiko dan penilaian risiko muncul yang boleh menjejaskan prestasi Kumpulan sepanjang pelan pengoperasiannya. Maklumat berkaitan dengan ciri-ciri utama sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko berkaitan dengan proses pelaporan kewangan disediakan dalam kenyataan mengenai pengurusan risiko dan kawalan dalaman pada muka surat 154 hingga 163. Lembaga Pengarah merumuskan bahawa pengaturan pengurusan Kumpulan yang tersedia adalah mencukupi untuk memberi jaminan bahawa sistem pengurusan risiko yang ditetapkan adalah bersesuaian dengan profil dan strategi Kumpulan.

4. *Saham Keutamaan: Ekuiti atau Instrumen Hutang* oleh Dr. Md. Nurdin Ngadimon yang diadakan pada 21 September 2021

Tambahan lagi, salah seorang ahli Jawatankuasa Syariah turut menyertai kursus atas talian seperti berikut:

1. Program Pelaburan Impak Oxford, 19 April sehingga 28 Mei 2021.

Ahli Jawatankuasa Syariah juga turut mendaftar diri dalam program Penasihat Syariah Bertauliah ("CSA") dan Pengamal Syariah Bertauliah ("CSP") yang dianjurkan oleh Persatuan Penasihat Syariah Kewangan Islam ("ASAS").

**PENILAIAN KEBERKESANAN JAWATANKUASA SYARIAH**

Selaras pematuan dengan Dokumen Dasar Tadbir Urus Syariah BNM, Jawatankuasa Syariah telah menjalani proses menilai keberkesanan ahli individu dan Jawatankuasa keseluruhannya pada setiap tahun. Urusan penilaian tahunan Jawatankuasa Syariah adalah berdasarkan soal selidik yang diedarkan kepada ahli Jawatankuasa masing-masing dan jemputan tetap ke mesyuarat Jawatankuasa Syariah. Kajian soal selidik tersebut merangkumi pertimbangan mengenai keberkesanan Jawatankuasa dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya, dan tahap kemahiran serta kecekapan setiap ahli individu dalam bidang kepakaran yang dijangka daripada ahli Jawatankuasa Syariah.

Keputusan penilaian turut dibentangkan kepada Lembaga Pengarah RHB Islamic untuk mendapatkan kelulusan.

# PENDEDAHAN MAKLUMAT PEMATUHAN TAMBAHAN

## PENDEDAHAN MAKLUMAT PEMATUHAN TAMBAHAN

### LAPORAN INTEGRITI

Pendedahan mengenai urusan korporat

#### 1. Cadangan Pelupusan oleh PT RHB Sekuritas Indonesia ('RSI') dengan keseluruhan Kepentingan Ekuiti 99.62% dalam PT RHB Asset Management Indonesia ('RAMI') ('Cadangan Pelupusan').

Pada 26 Julai 2021, RHB Bank mengumumkan bahawa RSI, 99% syarikat subsidiari milik RHB Investment Bank pada 23 Julai 2021, telah menyertai Perjanjian Pembelian Saham Bersyarat ('CSPA') bersama Allianz Global Investors Asia Pacific Limited ('AllianzGI') dan PT Asuransi Allianz Life Indonesia ('Allianz Life Indonesia') berkenaan Cadangan Pelupusan.

RAMI, sebuah syarikat yang diperbadankan di Indonesia, ialah 99.62% syarikat subsidiari milik RSI. Baki kepentingan ekuiti 0.38% ialah dipegang oleh Daniel Budiman. Urusan utama RAMI adalah penyediaan perkhidmatan pengurusan pelaburan di Indonesia.

Cadangan Pelupusan tersebut akan melibatkan pelupusan oleh RSI dengan keseluruhan kepentingan ekuiti 98.62% dan kepentingan ekuiti 1.00% dalam RAMI kepada AllianzGI dan Allianz Life Indonesia, masing-masingnya.

Cadangan Pelupusan tersebut tertakluk kepada antara lainnya kelulusan oleh Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Indonesia atau Otoritas Jasa Keuangan untuk menjalani ujian bersesuaian dan tepat untuk AllianzGI sebagai pemegang saham pengawal yang baharu bagi RAMI dan menjadi calon ahli Pesuruhjaya Lembaga Pengarah RAMI yang baharu sebagaimana yang dicadangkan oleh AllianzGI. Tarikh terakhir untuk memenuhi semua syarat terdahulu terhadap Cadangan Pelupusan adalah 8 bulan dari tarikh CSPA yang boleh dipanjangkan lagi atas persetujuan kedua-dua belah pihak.

Langkah ini adalah sebahagian daripada pelan strategik Kumpulan Perbankan RHB untuk mengutamakan semula perniagaan di luar negara terutama sekali untuk fokus terhadap pasaran niche, dengan memanfaatkan kekuatan utama pasukan perbankan pelaburan bagi memenuhi keperluan para pelanggan. Sewajarnya, RHB Bank telah membuat keputusan untuk menarik diri daripada perniagaan pengurusan aset dan fokus terhadap pembrokeran saham dan perniagaan perbankan pelaburan di Indonesia.

Pada 31 Januari 2022, RHB Bank telah mengumumkan bahawa RSI telah selesai melaksanakan Cadangan Pelupusan. Dengan penyelesaian Cadangan Pelupusan tersebut, RAMI tidak lagi menjadi syarikat subsidiari tidak langsung kepada RHB Bank.

#### 2. Cadangan Penamatan Perniagaan RHB Hong Kong Limited dan syarikat subsidiarinya.

Pada 4 Disember 2019, RHB Hong Kong Limited ('RHBHK') dan syarikat subsidiarinya iaitu RHB Securities Hong Kong Limited, RHB Futures Hong Kong Limited, RHB Finance Hong Kong Limited, RHB Capital Hong Kong Limited, RHB Asset Management Limited, RHB Fundamental Capital Hong Kong Limited, RHB Wealth Management Hong Kong Limited dan RHB (China) Investment Advisory Co Ltd telah membuat keputusan untuk menamatkan operasi perniagaan mereka ('Penamatan').

Berikutan penamatan tersebut, RHBHK dan syarikat subsidiarinya telah menghentikan penawaran perkhidmatan kewangan kepada para pelanggan sedia ada dan yang berpotensi.

Setakat 15 Februari 2022, aktiviti berikut telah/akan dilaksanakan oleh syarikat subsidiari RHBHK:

Bil.	Aktiviti	Anak Syarikat Subsidiari RHBHK
1	Dalam proses penggulungan	RHB Securities Hong Kong Limited RHB Futures Hong Kong Limited
2	Dibubarkan setelah pembatalan pendaftaran sebagai entiti dari segi undang-undang	<u>18 Apr 2019</u> RHB Fundamental Capital Hong Kong Limited  <u>Pada 17 Jun 2020</u> RHB (China) Investment Advisory Co Ltd  <u>Pada 17 Mac 2021</u> RHB Finance Hong Kong Limited  <u>Pada 15 Oktober 2021</u> RHB Asset Management Hong Kong Limited RHB Capital Hong Kong Limited
3	Dalam proses penggulungan	RHB Wealth Management Hong Kong Limited pada 4 Januari 2022.

#### 3. Pelupusan RHB International Trust (L) Ltd ("RHBIT")

Pada 12 Mac 2021, RHB Bank mengumumkan bahawa RHB Bank (L) ("RHBBL") Ltd, syarikat subsidiari milik penuh RHB Bank, telah menyelesaikan pelupusan keseluruhan kepentingannya dalam syarikat subsidiari milik penuhnya pada 11 Mac 2021, RHBIT kepada Pacific Trustees Berhad untuk pembayaran tunai yang beranggaran ASD173,490. Berikutan penyelesaian pelupusan tersebut, RHBIT tidak lagi menjadi syarikat subsidiari milik penuh RHBBL.

## PENYATA MENGENAI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

## PENYATA MENGENAI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Penyata mengenai Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ("Penyata") ini disediakan selaras dengan Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Malaysia").

Penyediaan Penyata ini adalah selaras dengan garis panduan yang ditetapkan dalam "Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman: Garis Panduan untuk Pengarah Penerbit Terserai" yang disahkan oleh Bursa Malaysia.

Penyata ini menggariskan ciri-ciri utama sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan Perbankan RHB ("Kumpulan") sepanjang tahun tinjauan.

### TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah berkomited terhadap keseluruhan tanggungjawabnya dalam menubuhkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang kukuh dalam Kumpulan. Tanggungjawab Lembaga Pengarah termasuk mengkaji semula kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman dalam melindungi kepentingan pemegang saham dan aset Kumpulan. Walaupun penyingkiran semua risiko tidak mungkin dilaksanakan, sistem ini telah dibentuk untuk menguruskan keupayaan menanggung risiko Kumpulan dalam penubuhan toleransi risiko yang ditetapkan oleh Pengurusan dan Lembaga Pengarah untuk menyokong pencapaian objektif perniagaan Kumpulan. Oleh itu, sistem ini hanya boleh menyediakan jaminan wajar dan bukan secara keseluruhan terhadap sebarang kemungkinan berlakunya salah pernyataan, kerugian atau penyelewengan material.

Dalam mengakui kepentingan untuk memiliki sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang berwibawa, Lembaga Pengarah telah menubuhkan struktur tadbir urus yang memastikan pengawasan risiko dan kawalan dalaman yang berkesan pada semua peringkat dalam Kumpulan. Ke arah matlamat ini, Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah ("BRC") dan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah ("BAC") yang telah ditugaskan dengan tanggungjawab pengawasan utama terhadap sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan. Lembaga Pengarah tetap bertanggungjawab terhadap tadbir urus risiko dan bagi semua tindakan Jawatankuasa Lembaga Pengarah berhubung pelaksanaan tanggungjawab pengawasan yang ditugaskan.

Lembaga Pengarah juga telah mendapat jaminan daripada Pegawai bertugas/Pegawai Utama dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan beroperasi dengan secukupnya dan berkesan.

### TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN


Pihak Pengurusan bertanggungjawab terhadap keseluruhan pelaksanaan polisi dan proses Kumpulan untuk mengenal pasti, menilai, mengukur, memantau dan membuat laporan mengenai risiko serta keberkesanan sistem kawalan dalaman, mengambil tindakan pemulihan yang sewajarnya dan tepat pada masanya berdasarkan keperluan. Peranannya adalah termasuk:

- Mengetahui dan menilai risiko yang berkaitan dengan perniagaan Kumpulan dan pencapaian objektif dan strategi perniagaannya;
- Membentuk dan melaksanakan rangka kerja pengurusan risiko selaras dengan strategi dan keupayaan menanggung risiko Kumpulan, dan memantau keberkesannya; dan
- Melaporkan kepada Lembaga Pengarah tepat pada masanya mengenai sebarang perubahan terhadap risiko atau kemunculan risiko baharu dan mengambil tindakan sewajarnya.

Sehubungan itu, pihak Pengurusan telah memberikan jaminan kepada Lembaga Pengarah bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan beroperasi dengan secukupnya dan berkesan dengan proses-proses yang perlu telah dilaksanakan.

### RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Kumpulan telah menetapkan rangka kerja pengurusan risiko yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk mengenal pasti, menilai dan mengukur, mengawal, memantau dan melaporkan risiko ketara yang dihadapi oleh Kumpulan dalam pencapaian objektif dan strategi perniagaan Kumpulan. Rangka kerja pengurusan risiko Kumpulan memastikan bahawa terdapat proses berkesan secara berterusan untuk mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko merentasi Kumpulan dan ianya diwakili dalam rajah berikut:



#### Tadbir Urus dan Pengawasan Risiko

Lembaga Pengarah menduduki kedudukan teratas struktur tadbir urus risiko dan mempunyai tanggungjawab muktamad terhadap strategi pengurusan risiko, keupayaan, rangka kerja dan pengawasan aktiviti pengurusan risiko Kumpulan/entiti masing-masing.

Bagi tujuan menguruskan perniagaan dan risiko meliputi semua syarikat subsidiari secara bersepadu, jawatankuasa peringkat Kumpulan telah ditubuhkan untuk memastikan amalan ini dipraktikkan secara konsisten. Walaubagaimanapun, Kumpulan mengekalkan jawatankuasa khusus entiti untuk membolehkan fleksibiliti yang lebih besar dan tangkas dalam menguruskan keperluan pengawalseliaan dan perniagaan yang lebih khusus. Setiap Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah yang melapor secara langsung kepada Lembaga Pengarah berkenaan untuk menyediakan pengawasan dan membantu Lembaga Pengarah berkenaan untuk mengkaji semula falsafah pengurusan risiko keseluruhan Kumpulan, rangka kerja, polisi dan model, dan isu risiko yang berkaitan serta unik kepada perniagaannya.

Tanggungjawab penyeliaan pengurusan harian perkara-perkara risiko perusahaan dan modal ditugaskan kepada Jawatankuasa Modal dan Risiko Kumpulan yang terdiri daripada pengurusan kanan Kumpulan dan yang melapor kepada jawatankuasa lembaga pengarah yang berkaitan dan Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Bank Pelaburan bertanggungjawab terhadap pengawasan perkara pengurusan risiko yang berkaitan dengan perniagaan Kumpulan RHB Investment Bank manakala Jawatankuasa Aset dan Liabiliti Kumpulan ("Kumpulan ALCO") mengawasi pengurusan risiko pasaran, risiko kecairan dan penyataimbangan.



## PENYATA MENGENAI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

**Keupayaan Menanggung Risiko**

Keupayaan menanggung risiko oleh Kumpulan ditakrifkan sebagai jumlah dan jenis risiko yang sanggup diterima oleh Kumpulan dalam mencapai objektif strategik dan perniagaannya. Sebaliknya, toleransi risiko adalah tahap variasi yang boleh diterima berbanding dengan pencapaian objektif strategik dan perniagaan Kumpulan. Ia diukur dalam unit yang sama seperti objektif berkaitan. Ia menterjemahkan keupayaan menanggung risiko menjadi metrik operasi dan boleh ditakrifkan di mana-mana peringkat Kumpulan.

Penakrifan keupayaan menanggung risiko dan toleransi risiko dikaji semula secara berkala oleh Pengurusan dan Lembaga Pengarah sejajar dengan strategi perniagaan dan persekitaran operasi Kumpulan. Kajian semula seperti ini termasuklah mengenal pasti dan menetapkan metrik keupayaan menanggung risiko yang baharu untuk entiti perniagaan atau penyingkiran metrik keupayaan menanggung risiko yang tidak lagi sesuai serta pengemaskinian maklumat had menanggung risiko agar ianya selaras dengan strategi perniagaan dan kedudukan risiko Kumpulan.

Risiko semulajadi perniagaan dan operasi utama yang telah dipertimbangkan dalam kajian semula keupayaan menanggung risiko termasuk risiko pematuhan pengawalseliaan, risiko kredit dan risiko kecairan, risiko teknologi dan siber, serta risiko ketidakpatuhan Syariah.

**Budaya Risiko**

Pengurusan risiko adalah penting dalam semua aspek perniagaan dan operasi Kumpulan serta menjadi tanggungjawab semua kakitangan di seluruh Kumpulan. Selaras dengan keperluan pengawalseliaan dan amalan terbaik industri, Kumpulan berpegang kepada prinsip bahawa "Risiko dan Pematuhan adalah Tanggungjawab Semua" dan justeru, pengurusan risiko adalah tanggungjawab teras bagi unit perniagaan dan operasi masing-masing. Ini telah dinyatakan dengan jelas dan didokumentasikan dalam Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kumpulan.

Dipandu oleh prinsip tersebut, Kumpulan telah melaksanakan program Budaya Risiko dan Kesedaran berterusan yang merangkumi latihan dan kempen kesedaran di seluruh Kumpulan (termasuk cawangan luar negara dan syarikat subsidiari) untuk menggalakkan budaya risiko yang sihat. Budaya risiko yang kukuh lama-kelamaan akan beransur meminimumkan pendedahan Kumpulan kepada risiko kewangan dan bukan kewangan termasuk impak terhadap reputasi dari semasa ke semasa.

Di samping itu, Kumpulan telah melaksanakan program Pegawai Risiko Perniagaan & Pematuhan ("BRCO") yang bertujuan untuk memupuk pengurusan risiko dan pematuhan yang proaktif serta mewujudkan budaya risiko yang mantap. Program BRCO melibatkan pelantikan BRCO di unit perniagaan dan fungsian masing-masing, yang bertindak sebagai penghubung utama bagi semua perkara berkaitan risiko dan pematuhan.

Pelaksanaan program BRCO adalah selaras dengan model "Pertahanan Tiga Barisan" yang diamalkan pada peringkat global. Terdapat tanggungjawab yang jelas mengenai pemilikan risiko merentasi Kumpulan. Model ini digambarkan dalam rajah di bawah:



## PENYATA MENGENAI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

**Proses Pengurusan Risiko**

Proses pengurusan risiko melibatkan mengenalpasti, menilai dan mengukur, mengawal, memantau dan melapor/analisis risiko. Ini memastikan bahawa pendedahan risiko diuruskan dengan secukupnya dan pulangan yang dijangka mencukupi untuk menampung risiko yang diambil.



Di samping itu, pengurusan risiko berusaha untuk memastikan bahawa keputusan risiko adalah konsisten dengan objektif strategik perniagaan dan berada dalam keupayaan untuk menanggung risiko.

**Dokumentasi Risiko**

Kumpulan mengakui bahawa pelaksanaan sistem pengurusan risiko dan proses yang berkesan perlu disokong oleh dokumentasi dan infrastruktur yang kukuh. Ke arah matlamat ini, Kumpulan telah mewujudkan rangka kerja, polisi dan dokumen kawalan lain yang berkaitan bagi memastikan amalan dan proses ditentukan dengan jelas dapat dilaksanakan secara konsisten di seluruh Kumpulan.

**Infrastruktur Risiko**

Kumpulan telah mengatur sumber tenaga dan bakat ke dalam fungsi pengurusan risiko yang khusus, dan melabur dalam bidang teknologi termasuk pengurusan data untuk menyokong aktiviti-aktiviti pengurusan risiko Kumpulan.


## PENYATA MENGENAI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

## PENYATA MENGENAI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

**Penilaian Risiko**

Kumpulan telah mewujudkan dan mempunyai proses pengenalan risiko yang mantap dan menyeluruh di setiap peringkat aktiviti pengambilan risiko, iaitu transaksi, produk dan juga di peringkat entiti dan Kumpulan masing-masing. Risiko juga dikenal pasti menerusi laporan Peristiwa Kerugian Risiko Operasi dan analisis tematik Portfolio. Sebagai sebahagian daripada penilaian risiko material berkala Kumpulan, Kumpulan mengkaji semula jenis dan komponen risiko material, menentukan kuantum material dan memperhalusi proses dengan mengambil kira maklum balas yang diterima, termasuk ulasan bebas.

Penilaian risiko material diukur dari dimensi kebarangkalian ianya berlaku dan keseriusan impak. Di samping itu, penilaian risiko turut mempertimbangkan antara lainnya, keberkesanan kawalan, impak kepada penunjuk kewangan dan bukan kewangan seperti risiko reputasi. Ini kemudiannya diterjemahkan ke dalam matrik peta haba untuk mendapatkan kematangan risiko seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.



Kuadran	Penerangan yang Disemak
<span style="color: red;">■</span> Material	Ini merupakan kejadian risiko yang berkemungkinan tinggi berlaku, dan jika berlaku, ia mempunyai <b>kesan serius</b> terhadap bank atau tidak akan memberikan impak kepada Bank dengan segera. Ini boleh <b>dikenal pasti dan diuruskan sebagai operasi perniagaan harian</b> .
<span style="color: orange;">■</span> Ketara	Ini merupakan <b>kejadian risiko dengan kesan ekoran</b> - kebarangkalian berlaku rendah tetapi dengan <b>kesan impak tinggi/berkelajuan tinggi</b> atau <b>berfrekuensi tinggi</b> tetapi dengan <b>kesan impak rendah/berkelajuan rendah</b> .
<span style="color: yellow;">■</span> Sederhana	Ini adalah <b>kejadian risiko biasa</b> yang tidak kerap berlaku, dan jika berlaku, ia tidak mempunyai impak serius terhadap bank atau tidak akan memberikan impak kepada Bank dengan segera. Ini boleh <b>dikenal pasti dan diuruskan sebagai operasi perniagaan harian</b> .
<span style="color: green;">■</span> Tidak penting dan Tidak Material	Ini merupakan kejadian risiko yang <b>jarang berlaku, tidak</b> mempunyai <b>kesan serius</b> terhadap bank dan hanya akan mempunyai kesan terhadap bank selepas setahun (atau sebulan untuk kejadian risiko berkaitan teknologi). Ini boleh <b>dikenali dan diuruskan sebagai operasi perniagaan harian</b> .

Penggunaan matrik di atas adalah mekanisme mudah untuk meningkatkan kebolehlihatan risiko dan membantu dalam membuat keputusan. Kumpulan menganggap risiko residual yang jatuh dalam zon merah adalah 'Material', serta boleh memberi impak serius kepada kewangan Kumpulan dan/atau bukan kewangan. Usaha yang ketara akan terus diambil untuk mengurus dan mengurangkan berlakunya risiko ini.

**PROSES KAWALAN DALAMAN UTAMA**

Sistem kawalan dalaman Kumpulan telah dibentuk untuk mengurus dan mengurangkan risiko yang boleh menghalang Kumpulan daripada mencapai matlamat dan objektifnya. Ia merangkumi polisi, prosedur, proses, struktur organisasi dan aspek kawalan lain yang dilaksanakan untuk menjamin pencapaian objektif Kumpulan dalam aspek kecekapan dan keberkesanan operasi, dan laporan kewangan yang boleh dipercayai dan pematuhan kepada undang-undang, peraturan dan polisi dalaman.

Proses utama yang diwujudkan oleh Lembaga Pengarah yang menyediakan tadbir urus dan pengawasan yang berkesan terhadap sistem kawalan dalaman termasuk:

**Kawalan Persekitaran dan Kawalan Aktiviti****Struktur Organisasi**

Kumpulan mempunyai struktur organisasi rasmi dengan garis penentuan akauntabiliti dan tanggungjawab yang jelas, had kuasa dan pelaporan. Struktur organisasi ini menyediakan rangka kerja asas dalam memastikan bahawa perniagaan dan operasi Kumpulan berjalan lancar serta menggambarkan jangka masa kawalan dalam memastikan penyeliaan tatalaku perniagaan harian yang berkesan dan akauntabiliti.


**Pengurusan Kelestarian**

Lembaga Pengarah mengawasi amalan kelestarian Kumpulan ke arah memastikan faktor Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus ("ESG") yang sewajarnya terkandung dalam strategi perniagaan Kumpulan, operasi serta proses pengurusan risiko. Dalam menjalankan tanggungjawabnya, Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab bagi memastikan amalan kelestarian turut diselarasakan dengan hala tuju strategik jangka panjang Kumpulan.

Rangka Kerja Kelestarian Kumpulan telah menetapkan pendekatannya dalam menguruskan perkara-perkara material, mengurangkan kesan negatif dan menyumbang terhadap pembangunan yang lestari. Rangka Kerja ini mengandungi 3 tema teras kelestarian iaitu Perkhidmatan Kewangan Lestari & Bertanggungjawab, Menerapkan amalan yang baik dan Memperkayakan & Memperkasakan Komuniti. Dalam setiap teras, Kumpulan telah mengenal pasti bidang fokus utama yang penting kepada perniagaan dan operasi serta pihak berkepentingan.

Pada bulan Julai 2021, Jawatankuasa Kelestarian Kumpulan ("GSC") telah ditubuhkan pada peringkat pengurusan kanan. GSC dipimpin oleh Pengarah Urusan Kumpulan / Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan yang bertanggungjawab untuk memacu strategi kelestarian Kumpulan dan agenda iklim, serta melapor kepada Lembaga Pengarah.

Bagi menyokong GSC, empat Majlis kelestarian telah ditubuhkan yang merangkumi pemimpin kanan utama daripada Kumpulan Strategik Perniagaan dan Kumpulan Strategik Fungsian ke arah memastikan kejayaan pelaksanaan perkara-perkara berkaitan kelestarian dan iklim Kumpulan. Empat Majlis kelestarian tersebut adalah Majlis Perbankan lestari, Pasaran Modal ESG dan Majlis Penasihat, Majlis Insurans Lestari dan Majlis Amalan Bertanggungjawab dan Lestari. Dalam memacu bidang-bidang fokus utama Kumpulan, satu rangkaian Penaja dan Juara kelestarian yang terdiri daripada para pemimpin kanan juga telah dikenal pasti untuk memimpin dan memupuk amalan kelestarian dalam bidang perniagaan dan fungsian masing-masing.

 Sila rujuk kepada Laporan Kelestarian 2021 untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai Rangka Kerja Kelestarian Kumpulan, tadbir urus kelestarian dan inisiatif.

**Dasar dan Garis Panduan**

Dasar, garis panduan dan proses-proses yang mentadbir perniagaan dan operasi Kumpulan telah didokumen dan disebarkan ke seluruh Kumpulan untuk diakses oleh kakitangan menerusi portal intranet Kumpulan bagi memudahkan rujukan dan pematuhan. Dasar, garis panduan dan proses ini telah dikaji semula dan dikemaskini oleh unit-unit perniagaan dan fungsian melalui proses kajian semula dan kelulusan berstruktur untuk memenuhi perubahan undang-undang dan peraturan serta perubahan terhadap persekitaran perniagaan dan operasi.

**Had Kuasa**

Lembaga Pengarah telah meluluskan Manual Had Kuasa Kumpulan ("MOA") yang mentakrifkan pihak berkuasa untuk meluluskan dengan had melulus ditetapkan mengikut pelbagai tahap Pengurusan dalam Kumpulan. Oleh yang demikian, Pengurusan diberi kuasa untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dan bertanggungjawab ke atas keputusan dan tindakan mereka. MOA Kumpulan ini akan dikaji semula secara berkala dan dikemaskini selaras dengan perubahan dalam struktur organisasi, persekitaran perniagaan atau keperluan operasi.

**Keselamatan Teknologi Maklumat ("IT")**

Kumpulan menganggap keselamatan IT sebagai keutamaan yang amat tinggi dalam memastikan kerahsiaan, integriti dan ketersediaan aset maklumat dan infrastruktur IT Kumpulan.

Keselamatan IT dalam Kumpulan dapat dicapai menerusi pelaksanaan pendekatan kawalan berasaskan risiko yang meliputi insan, proses dan teknologi. Dasar, piawaian, garis panduan dan prosedur keselamatan IT dibangunkan dan disokong oleh struktur organisasi yang betul beserta sumber yang cekap. Pertahanan mendalam dalam strategi digunakan di mana pelbagai lapisan kawalan Keselamatan IT dikuatkuasakan di seluruh infrastruktur dan sistem IT. Namun kepentingan yang sama kepada kawalan teknologi dan proses adalah program berterusan untuk meningkatkan tahap kesedaran keselamatan kakitangan di semua peringkat, termasuk ahli Lembaga Pengarah serta penyedia perkhidmatan teknologi pihak ketiga.

Dengan peningkatan jumlah ancaman siber di peringkat global dan juga tempatan, Kumpulan telah mewujudkan Garis Panduan Tindak Balas Kejadian Siber bagi memastikan terdapatnya proses berstruktur terhadap pemantauan segera dan tindak balas tepat pada masanya untuk ancaman dan insiden siber.

Bagi memperkukuhkan dan meningkatkan tahap pengurusan keselamatan maklumat, Kumpulan telah memperoleh pensijilan ISO/ IEC 27001:2013 - Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat dan ISO/ IEC 20000:2011 - Pengurusan Perkhidmatan Teknologi Maklumat, di samping mematuhi pelbagai keperluan pengawalseliaan dalam mengurus risiko teknologi maklumat secara holistik.

## PENYATA MENGENAI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

## Kawalan Persekitaran dan Kawalan Aktiviti

Penerapan pendigitalan yang pesat telah mendorong kepada peningkatan risiko kepada sistem pengkomputeran tradisional di premis. Bagi menangani kehadiran risiko ini, Kumpulan telah melaksanakan pendekatan pelbagai serampang:

- Penyebaran penyelesaian digital secara beransur-ansur dengan meningkatkan pelaburan dalam infrastruktur keselamatan dan pengambilan kakitangan sokongan berkemahiran yang meliputi penyelewengan digital dan keselamatan awan.
- Mewujudkan tadbir urus yang betul dalam pengurusan pengedaran digital termasuk kajian semula keselamatan bebas dari pihak ketiga dan memperkenalkan dasar untuk memperkukuhkan kawalan keselamatan meliputi inisiatif pendigitalan secara keseluruhan.
- Penilaian kedudukan keselamatan siber Pihak Ketiga yang berterusan dan langganan perkhidmatan ancaman kepintaran untuk kebolehlihatan yang lebih baik terhadap lanskap siber semasa.
- Penguatkuasaan amalan pengekodan selamat yang menggunakan pertimbangan keselamatan kepada perisian diberikan kod dan disulitkan sebagai perlindungan terbaik daripada ancaman siber atau sebarang kelemahan.

## Proses Belanjawan

Proses belanjawan yang mantap telah diwujudkan yang memerlukan semua entiti operasi utama dalam Kumpulan menyediakan belanjawan dan pelan perniagaan tahunan untuk mendapatkan kelulusan oleh Lembaga Pengarah yang berkenaan. Belanjawan Kumpulan dan pelan perniagaan serta inisiatif strategik, mengambil kira keupayaan menanggung risiko yang ditetapkan, melalui sesi percanggahan bersama Pengurusan sebelum perbincangan pada peringkat Lembaga Pengarah di mana belanjawan Kumpulan dibentangkan.

## Pengurusan Modal Insan

Salah satu komponen utama dalam mana-mana sistem kawalan dalaman adalah tenaga kerjanya serta sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman kami yang banyak bergantung kepada tanggungjawab, integriti dan pertimbangan wajar yang diguna oleh kakitangan dalam menjalankan tugas mereka. Sehubungan dengan itu, Kumpulan mempunyai dasar dan prosedur yang mentadbir urus pengambilan, pelantikan, pengurusan prestasi dan ganjaran serta semua perkara berkaitan disiplin, penamatan dan pemecatan.

Bagi kelestarian pertumbuhan, Kumpulan memberikan penekanan terhadap pembangunan modal insan, pengurusan bakat dan perancangan penggantian. Untuk meningkatkan kecekapan kakitangan, latihan berstruktur dan teknikal serta bengkel pengurusan dan kepimpinan disediakan kepada kakitangan berdasarkan keperluan mereka yang telah dikenal pasti semasa sesi penilaian prestasi tahunan. Bagi pengurusan bakat, inisiatif seperti Program Pembangunan Kepimpinan, Pelan Pembangunan Individu dan tunjuk ajar dilaksanakan untuk membangunkan bakat yang dikenal pasti dalam Kumpulan bagi memudahkan bekalan berterusan bagi individu berpotensi tinggi dan pengganti yang sesuai bagi mengambil alih peranan kepimpinan pada masa hadapan.

## Kod Etika dan Tingkah Laku Kumpulan

Kod Etika dan Tingkah Laku Kumpulan ("Kod") telah ditubuhkan untuk memastikan piawaian etika dan tingkah laku profesional yang tinggi menjadi pegangan semua kakitangan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka. Kod ini adalah keperluan yang perlu difahami dan dipatuhi oleh semua kakitangan Kumpulan. Kakitangan baharu turut diberi taklimat mengenai Kod ini dan diminta menandatangani Borang Deklarasi Pematuhan Kakitangan apabila menyertai Kumpulan.

Kumpulan juga telah menetapkan Garis Panduan Hadiah dan Hospitaliti untuk menggalakkan integriti dan ketelusan dalam pemberian dan penerimaan hadiah. Garis Panduan ini adalah pelengkap kepada Kod dan ia dibentuk untuk membantu Kumpulan dan kakitangannya memahami kewajipan pihak masing-masing dalam menegakkan integriti korporat dan ketelusan dalam pemberian.

## Dasar Anti-Sogokan dan Rasuah Kumpulan

Kumpulan mengamalkan toleransi sifar terhadap sogokan dan rasuah selaras dengan perkongsian nilai teras dan Kod Etika dan Tingkah Laku Kumpulan untuk kakitangan. Kumpulan komited untuk menjalankan perniagaannya selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkaitan, dan Akta 2009 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Dasar Anti-Sogokan dan Rasuah Kumpulan menetapkan prinsip sebagai panduan untuk menyokong operasi perniagaan Kumpulan dan membantu pekerja dalam menegakkan integriti korporat dan reputasi Kumpulan.

## Dasar Anti Pengubahan Wang dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan Kumpulan

Dasar Anti Pengubahan Wang dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan Kumpulan ("AML/CFT") ("Group AML/CFT Policy") telah dirangka selaras dengan Akta 2001 Anti Pengubahan Wang, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram dan piawaian Bank Negara Malaysia mengenai AML/CFT. Ia telah menetapkan piawaian pada tahap tinggi ke arah membina rejim pematuhan AML/CFT yang lebih kukuh dan mantap dalam Kumpulan, memudahkan konsistensi dalam menguruskan risiko pematuhan AML/CFT merentasi entiti tempatan dan serantau dalam Kumpulan serta menetapkan penyata dasar Kumpulan berhubung dengan prinsip umum dan langkah-langkah utama yang perlu dipatuhi oleh Kumpulan.

Selaras dengan dasar AML/CFT Kumpulan, entiti dan/atau kakitangan dalam Kumpulan dikehendaki mengamalkan Pendekatan Berdasarkan Risiko ("RBA") terhadap penerimaan pelanggan dan melaksanakan rangka kerja Program Pematuhan AML/CFT. Ini termasuk keperluan ketekunan wajar pelanggan ("CDD"), pemantauan aktiviti/transaksi pelanggan, melaporkan transaksi yang mencurigakan, penyimpanan rekod, latihan AML/CFT, perlindungan maklumat pelanggan dan tindakan penguatkuasaan untuk ketidakpatuhan terhadap keperluan.

## Kawalan Persekitaran dan Kawalan Aktiviti

Dasar AML/CFY Kumpulan turut menggariskan peranan dan tanggungjawab serta mewujudkan akauntabiliti Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan dan semua kakitangan dalam Kumpulan yang jelas.

Lembaga Pengarah mempunyai pengawasan tanggungjawab dalam menubuhkan dasar/garis panduan AML/CFT dan piawaian minimum manakala Pengurusan Kanan bertanggungjawab bagi pelaksanaan dan pengurusan program pematuhan AML/CFT yang selaras dengan dasar dan garis panduan yang diluluskan oleh pihak Lembaga Pengarah.

## Pengurusan Kesenambungan Perniagaan

Kumpulan mengakui dan komited sepenuhnya terhadap keperluan untuk menyediakan perkhidmatan kritikal tanpa gangguan kepada para pelanggan, memastikan keselamatan kakitangannya, melindungi aset termasuk data dan menjaga kepentingan pihak berkepentingan utama yang secara kolektifnya dapat menjamin organisasi terus berdaya maju. Sehubungan dengan itu, Kumpulan menyedari betapa pentingnya Rangka Kerja dan Program Pengurusan Kesenambungan Perniagaan ("BCM") untuk membina ketahanan organisasi dan tindak balas berkesan serta mekanisma pemulihan bagi melindungi kepentingan pihak berkepentingan utama, reputasi dan jenama. Program BCM Kumpulan ini adalah berdasarkan amalan kesinambungan perniagaan yang baik, BNM dan garis panduan pengawalseliaan serta piawaian antarabangsa yang lain.

Lembaga Pengarah mempunyai fungsi pengawasan terhadap ketersediaan BCM Kumpulan menerusi BRC dan GCRC. Jawatankuasa Kesenambungan Perniagaan Kumpulan adalah jawatankuasa pengurusan yang ditubuhkan untuk mengawasi rangka kerja, dasar, belanjawan dan perancangan kesinambungan perniagaan Kumpulan, dan melapor kepada GCRC.

Program BCM yang teguh telah dilaksanakan dalam Kumpulan bagi memastikan fungsi perniagaan yang kritikal dipulihkan tepat pada masanya jika berlaku sebarang gangguan. Kajian semula, penilaian, pengemaskinian dan pengujian rancangan BCM dilakukan secara berkala untuk memastikan kecukupan, keberkesanan dan kesediaan pemulihan perniagaan. Latihan simulasi dan latih tubi dilakukan untuk membiasakan dan melengkapkan kakitangan dengan kemahiran dan

## PENYATA MENGENAI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

## Dasar Pengurusan Risiko Penyelewengan Kumpulan

Dasar Pengurusan Risiko Penyelewengan Kumpulan telah dibentuk untuk menggalakkan tingkah laku organisasi yang konsisten menerusi pembangunan, pelaksanaan dan kajian semula tetap terhadap strategi pencegahan, pengesanan dan tindak balas penyelewengan. Dasar ini mengtakrifkan prinsip tadbir urus teras bagi pengurusan risiko penyelewengan dalam Kumpulan termasuk kepimpinan dan budaya beretika, kesedaran dan pencegahan penyelewengan, pengawasan dan pengesanan penyelewengan, melaporkan dan peningkatan penyelewengan serta tindak balas bersama tindakan pembetulan yang sewajarnya. Dasar ini turut menggariskan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan dan pihak berkepentingan yang berkenaan dalam Kumpulan mengenai pengurusan risiko penyelewengan.

proses yang diperlukan untuk memastikan bahawa sekiranya berlaku gangguan, supaya proses perniagaan yang kritikal dapat diteruskan atau dipulihkan tepat pada masanya.

Tahun 2021 terbukti merupakan satu lagi tahun yang sangat mencabar disebabkan oleh penularan pandemik COVID-19. Pihak Pengurusan telah mengambil langkah proaktif dan berjaga-jaga untuk mengurangkan dan menguruskan wabak dan risiko jangkitan sambil memastikan penyediaan perkhidmatan kritikal yang berterusan. Kumpulan telah mengaktifkan strategi pandemik Pelan Kesenambungan Perniagaan ("BCP") untuk semua fungsi perniagaan merentasi Kumpulan, termasuk operasi berasingan dan susunan Kerja-Dari-Rumah, penggunaan semua platform digital untuk mana-mana mesyuarat dan menyediakan khidmat nasihat dan maklumat yang dikemaskini mengenai Prosedur Operasi Standard ("SOP") untuk semua kakitangan RHB.

Bergerak seiring dengan penyelarasan COVID-19 adalah beberapa inisiatif baharu untuk meningkatkan program BCM. Kumpulan telah meningkatkan proses pengurusan krisis dengan tujuan untuk mempercepatkan tindak balas ketika krisis dan meminimumkan impak serta memastikan daya tahan operasi kami. Kumpulan telah memperluaskan skop BCP/Pelan Pemulihan Bencana ("DRP") dan menguji aktiviti-aktiviti Kumpulan Perbankan RHB dalam menghadapi semua senario. Kumpulan juga melaksanakan penilaian dalam menguruskan dan bertindak balas terhadap wabak COVID-19 dan memasukkan juga pengalaman yang dilalui untuk meningkatkan langkah-langkah kawalan yang muncul daripada norma baharu dan daya tahan operasi dalam Kumpulan.

## PENYATA MENGENAI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

## PENYATA MENGENAI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

## Maklumat dan Komunikasi

## Penilaian Prestasi

Maklumat yang kerap dan komprehensif disediakan oleh Pengurusan untuk memantau prestasi terhadap pelan perniagaan strategik dan belanjawan tahunan yang diluluskan oleh pihak Lembaga Pengarah. Maklumat ini meliputi semua penunjuk utama kewangan dan operasi serta inisiatif strategik utama yang dilaksanakan oleh Kumpulan sepanjang tahun.

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan ("GMC") menerima dan mengkaji semula laporan kewangan serta membandingkan prestasi kewangan bulanan dan suku tahunan Kumpulan dengan sasaran yang diluluskan dan sebab-sebab jika terdapat kelainan ketara serta langkah-langkah yang diambil untuk memenuhi sasaran tersebut.

Ketua-ketua perniagaan teras dan fungsian dalam Kumpulan mewakili pengurusan masing-masing melaporkan kepada GMC pada mesyuarat bulanan, yang meliputi bidang-bidang seperti prestasi kewangan, keputusan aktiviti utama serta cadangan perniagaan baharu atau proses untuk maklumat dan pertimbangan oleh GMC.

## Dasar Pemberi Maklumat Kumpulan

Dasar Pemberi Maklumat Kumpulan ("GWBP") telah diwujudkan oleh Kumpulan pada tahun 2007 dan akhir dikemaskinikan pada tahun 2001. GWBP menyediakan mekanisma yang betul dan menetapkan piawaian minimum untuk dipatuhi oleh Kumpulan dalam menangani pendedahan tindakan yang diragui atau salah laku oleh kakitangan dalam Kumpulan. GWBP yang telah dikemaskini merupakan saluran pemberi maklumat khusus, iaitu [speakup@rhbgroup.com](mailto:speakup@rhbgroup.com) sebagai tambahan kepada Pengarah Bebas Kanan Bukan Eksekutif yang sedia ada. Maklumat terprinci mengenai GWBP terdapat di bawah Praktis 3.2 Laporan Tadbir Urus Korporat RHB Bank Berhad ("CG"), yang terdapat di [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com)

## Pelaporan Kejadian Pengurusan

Bagi melengkapkan pemantauan kawalan dalaman Kumpulan, garis panduan komprehensif pelaporan kejadian pengurusan telah dilaksanakan untuk memastikan ia dikemukakan ke peringkat selanjutnya secara betul dan diuruskan mengikut tahap keseriusan. Proses pelaporan kejadian pengurusan yang dibentuk bagi memastikan bahawa semua kejadian dengan risiko dan kerugian material dikemukakan dengan segera dalam garis masa kepada Pengurusan Kanan dan Lembaga Pengarah dengan langkah-langkah yang wajar diambil untuk mengurangkan kemungkinan timbulnya risiko. Pemantauan dan pengemaskinian maklumat secara berkala mengenai perkembangan kejadian sehingga penyelesaiannya bagi membolehkan para pembuat keputusan membuat keputusan yang tepat dan sentiasa dikemas kini dalam setiap keadaan menguruskan risiko dengan berkesan.

## Pemantauan

## Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah telah menyediakan Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang ditubuhkan dengan tujuan untuk menyokong Lembaga Pengarah dalam fungsi pengawasannya. Jawatankuasa Lembaga Pengarah termasuk BRC, BAC, Jawatankuasa Pencalonan & Imbuan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Kredit Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah Bank Pelaburan ("IBBRC"), Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah Islamik ("BRC-i) dan Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah Insurans ("Insurance BRC"). Kesemua Jawatankuasa Lembaga Pengarah ini telah diberikan tugas khusus untuk mengkaji semula dan mempertimbangkan semua perkara dalam skop tanggungjawab seperti yang digariskan dalam Terma Rujukan ("ToR") masing-masing. Butiran tanggungjawab Jawatankuasa Lembaga Pengarah secara terperinci boleh didapati di bawah Laporan CG RHB Bank Berhad, Piagam Lembaga Pengarah dan ToR masing-masing yang terdapat di [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com)

## Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan

GMC merangkumi Pengarah Urusan Kumpulan sebagai Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan bagi syarikat subsidiari operasi utama yang berkaitan dan Pengurusan Kanan utama Kumpulan. GMC menyediakan kepimpinan dan hala tuju dalam pelaksanaan strategi dan dasar yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan bertemu setiap bulan untuk membincangkan dan berbahas mengenai perkara-perkara strategik yang memberi impak kepada operasi Kumpulan.

## Jawatankuasa Audit Pengurusan

Jawatankuasa Audit Pengurusan ("MACs") ditubuhkan pada entiti operasi utama dalam Kumpulan untuk memastikan tindakan pembetulan tepat pada masanya bagi sebarang penemuan audit dan punca asas yang diketengahkan oleh juruaudit dalaman dan luaran, serta pihak pengawal selia. Status tindakan pembetulan terhadap semua penemuan audit dan pelan tindakan mitigasi dilaksanakan oleh Pengurusan untuk mengatasi secukupnya punca asas, dan dipantau dengan rapi oleh MAC dalam setiap mesyuarat.

MAC yang dianggotai oleh wakil pengurusan kanan daripada kumpulan perniagaan/fungsian yang berbeza telah dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan/Pengarah Urusan entiti yang berkenaan. MAC bertemu setiap bulan/dua kali sebulan dan minit mesyuarat serta laporan audit yang berkaitan kemudiannya dikemukakan kepada BAC sebagai maklumat, pertimbangan dan mendapatkan hala tuju untuk tindakan selanjutnya jika diperlukan.

## Pematuhan Kumpulan

Pematuhan adalah tanggungjawab bersama Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan dan setiap kakitangan dalam Kumpulan. Fungsi pematuhan merupakan bahagian penting dalam pengurusan risiko Kumpulan dan rangka kerja kawalan dalaman. Memandangkan budaya pematuhan yang mantap mencerminkan budaya korporat berintegriti dan beretika tinggi, setiap kakitangan dijangkakan agar dapat menggalakkan peraturan-kendiri dan bertanggungjawab bagi aktiviti sendiri sambil berpegang kepada prinsip dan tingkah laku beretika.

## Pemantauan

Sebagai tambahan kepada pemantauan harian, komitmen Pematuhan Kumpulan terhadap usaha memupuk budaya pematuhan yang kukuh di seluruh Kumpulan dapat dilihat menerusi rangka kerja pemantauan pematuhan yang teguh termasuk, pelaksanaan dasar pematuhan yang komprehensif, kekerapan kajian semula pematuhan, sesi penglibatan secara tetap dengan unit-unit perniagaan/fungsian dan cawangan, penilaian tahunan risiko pematuhan untuk mengenal pasti bidang berisiko tinggi dan menjalankan latihan/sesi kesedaran secara tetap di seluruh Kumpulan agar semua kakitangan dimaklumkan secukupnya mengenai keperluan dan jangkaan pengawalseliaan terkini.

Selanjutnya, Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan juga dimaklumkan mengenai keadaan pematuhan Kumpulan menerusi penyerahan laporan Pematuhan Kumpulan secara berkala.

## AUDIT DALAMAN

Audit Dalaman Kumpulan ("GIA") telah ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah untuk melaksanakan penilaian bebas ke atas kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko Kumpulan, kawalan dalaman dan proses tadbir urus yang dikendalikan oleh Pengurusan.

Audit dalaman merangkumi semua aktiviti utama Kumpulan, termasuk cawangan, semua perniagaan dan fungsi sokongan, operasi luar negara, syarikat subsidiari serta aktiviti penyumberan luar. GIA mengamalkan pendekatan berasaskan risiko dalam menentukan unit yang boleh diaudit dan kekerapan audit selaras dengan risiko utama Kumpulan, strategi dan bidang fokus, yang dikenal pasti berdasarkan metodologi penilaian risiko GIA.

Pelan audit dalaman berasaskan risiko diluluskan oleh BAC setiap tahun. Laporan audit yang mengandungi butiran penemuan audit, punca dan impak, ulasan dan cadangan GIA, serta maklum balas Pengurusan telah dibentangkan kepada MAC dan BAC secara bulanan. Di samping itu, laporan Audit Syariah juga turut dibentangkan kepada Jawatankuasa Syariah untuk makluman dan perbincangan.

GIA diketuai oleh Ketua Juruaudit Dalaman Kumpulan yang melapor kepada BAC secara fungsian dan pentadbiran kepada Pengarah Urusan Kumpulan bagi memastikan pendirian bebas GIA daripada Pengurusan.

Maklumat lanjut mengenai fungsi GIA telah disediakan dalam Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah di Laporan Bersepadu ini.

## Pematuhan Syariah

Selaras dengan Dokumen Dasar Tadbir Urus Syariah yang dikeluarkan oleh BNM, Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah yang komprehensif telah disediakan oleh Kumpulan, di mana ia merangkumi keseluruhan struktur tadbir urus Syariah Kumpulan, prinsip-prinsip utama tadbir urus Syariah dan fungsi-fungsi kawalan, struktur laporan serta peranan dan tanggungjawabnya.

Pelbagai aktiviti dan inisiatif melibatkan kajian semula, penilaian, latihan dan taklimat Syariah serta kajian semula penemuan implikasi ketidakpatuhan kakitangan yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pematuhan budaya dan pematuhan Syariah Bank serta program pembelajaran yang berterusan, telah dilaksanakan sepanjang tahun untuk mendidik kakitangan mengenai kepentingan keperluan Syariah dan pengawasan pematuhan.

## KESIMPULAN

Lembaga Pengarah menerusi BAC, BRC, IBBRC, BRC-i dan Insurans BRC mengesahkan bahawa mereka telah mengkaji semula kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan.

Berdasarkan kepada maklumat yang dikemas kini pada setiap bulan daripada Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan menerima jaminan daripada pihak Pengurusan, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan beroperasi dengan secukupnya dan berkesan untuk tahun kewangan dalam tinjauan dan sehingga tarikh Penyata ini diluluskan.

## KAJIAN KENYATAAN OLEH JURUAUDIT LUARAN

Seperti yang dinyatakan dalam perenggan 15.23 Keperluan Penyenaarian Pasaran Utama Bursa Malaysia, para juruaudit luaran telah menyemak semula Penyata mengenai Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman. Jaminan kajian semula mereka yang terhad telah dilaksanakan selaras dengan Panduan Amalan Audit dan Jaminan ("AAPG") 3 yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia.

AAPG 3 tidak memerlukan juruaudit luaran untuk membentuk pandangan mengenai kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan.

## ANALISIS PEMEGANG SAHAM

Setakat 15 Februari 2022

Bilangan Saham Diterbit	: 4,142,918,508 saham biasa
Kelas Saham	: Saham biasa
Hak Mengundi	: Setiap pemegang saham hadir sendiri atau melalui proksi pada mana-mana Mesyuarat Pemegang Saham akan mempunyai satu undi bagi setiap saham biasa yang dipegang
Bilangan Pemegang Saham	: 20,972

Kategori	Bil. Pemegang Saham	% Pemegang Saham	Bil. Pegangan Saham	% Pemegangan Saham
Kurang daripada 100 saham	2,074	9.89	47,747	0.00
